

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan

NEGERI SARAWAK

Tahun 2011

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SARAWAK
Tahun 2011

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I : AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Jabatan Perbendaharaan Negeri	3
Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri	
Pengurusan Bayaran Emolumen	
Jabatan Ketua Menteri	13
Pengurusan Pusat Latihan Pembangunan Belia Santubong	
Unit Perancang Negeri, Jabatan Ketua Menteri	33
Pelaksanaan Projek Infrastruktur Jalan Di Bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion	
Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	55
Jabatan Kerja Raya	
Projek Naik Taraf Jalan Akses Ke Mukah Dari Persimpangan Sibu/Bintulu Ke Persimpangan Matadeng, Bahagian Mukah, Sarawak	
Jabatan Hutan Sarawak	67
Pengurusan Hutan Paya Bakau Dan Kepentingannya Terhadap Alam Sekitar	
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak	79
Jabatan Pengairan Dan Saliran	
Projek Pengawalan Hakisan Pantai	
Jabatan Muzium Sarawak	99
Pengurusan Koleksi Muzium	
Jabatan Kebajikan Masyarakat	109
Pengurusan Skim Bantuan Am	
Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	120
Pengurusan Kawasan Perindustrian Perkapalan Tanjung Manis	
Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak	128
Pengurusan Pembangunan Hartanah	
Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti	140
Jabatan Pertanian Sarawak	
Pengurusan Projek Ternakan Khinzir Berpusat	
Majlis Perbandaran Sibu	149
Pengurusan Penyenggaraan Jalan Dan Perparitan	

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN II : PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	165
Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.	165
Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	179
Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak Hillog Sdn. Bhd.	191
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd.	202
Yayasan Sarawak Sanjung Etika Sdn Bhd.	213
BAHAGIAN III : PERKARA AM	
Pendahuluan	227
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri	227
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri	236
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	237
Penutup	245



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mengarahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2011 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti yang dilaksanakan di 11 Kementerian/Jabatan, 3 Agensi dan 5 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

Bahagian I : **Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri**
Bahagian II : **Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**
Bahagian III : **Perkara Am**

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapat terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak pada tahun 2011 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kelemahan dalam kawalan aplikasi, pengurusan penyelenggaraan, kelewatan pelaksanaan projek, kerja tidak berkualiti, kesan kepada alam sekitar, garis panduan dan prosedur kurang jelas serta objektif program tidak mencapai sasaran. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 73 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan "**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**" bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

22 Jun 2012



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

1. JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI

UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, JABATAN KETUA MENTERI

- Pengurusan Bayaran Emolumen

1.1. Pembayaran emolumen untuk kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri diuruskan oleh Unit Gaji, Jabatan Perbendaharaan Negeri (JPN) melalui Sistem Gaji Berkomputer iaitu *State Payroll System* (SPS). Pada tahun 2011, sejumlah RM485.11 juta telah diperuntukkan untuk pembayaran emolumen dan RM470.11 juta atau 96.9% telah dibelanjakan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 mendapati pengurusan pembayaran emolumen bagi anggota perkhidmatan awam pada keseluruhannya memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti berikut:

1.2.1. Perbezaan bilangan rekod antara SPS dan sistem IMPIAN.

1.2.2. Kelemahan dalam kawalan aplikasi iaitu rekod dalam SPS tidak dikemas kini.

1.2.3. Kesilapan kod akaun dan perbezaan amaun kod SODO antara SPS dan *State Consolidated Accounting System* (SCAS).

1.2.4. Kelemahan kawalan input telah mengakibatkan berlakunya potongan gaji bulanan pegawai melebihi 60% daripada emolumen.

1.2.5. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) masih dibayar kepada skim perkhidmatan yang telah digugurkan daripada senarai perkhidmatan kritikal.

1.2.6. Emolumen terlebih serta terkurang bayar.

1.3. Sebagai langkah bagi memastikan pengurusan emolumen dapat dilaksanakan dengan teratur dan tepat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa serta kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang, adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

1.3.1. Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Unit Pengurusan Sumber Manusia hendaklah memastikan *State Payroll System* dan sistem IMPIAN diintegrasikan dan dikemas kini bagi memastikan integriti maklumat pegawai dan kesahihan data.

1.3.2. Jabatan Perbendaharaan Negeri hendaklah memastikan kawalan input, kawalan proses dan kawalan output bagi *State Payroll System* dimantapkan untuk menjamin integriti

data serta maklumat *State Payroll System* adalah utuh. Ketua Jabatan dan Unit Pengurusan Sumber Manusia hendaklah memastikan kawalan input dan kawalan output ditambah baik dan dipatuhi bagi memastikan data adalah tepat, sahih dan lengkap.

1.3.3. Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan pemantauan terhadap kebenaran pemotongan gaji penjawat awam bagi mengelakkan berlakunya pemotongan melalui slip gaji melebihi 60% daripada jumlah emolumen bulanan pegawai.

1.3.4. Latihan kepada pegawai yang melaksanakan tugas berkaitan pengurusan bayaran emolumen diberikan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan terhadap peraturan yang sedang berkuat kuasa.

2. JABATAN KETUA MENTERI

- Pengurusan Pusat Latihan Pembangunan Belia Santubong

2.1. Pusat Latihan Pembangunan Belia (PLPB) adalah institusi latihan kemahiran vokasional di bawah Jabatan Ketua Menteri (JKM). PLPB ditubuhkan pada 16 Julai 1973 dan beroperasi di Jalan Pending, Kuching sehingga Disember 2005. PLPB Santubong dibina dengan kos RM25.19 juta terdiri daripada blok pentadbiran, 2 blok asrama, 4 blok bengkel dan dewan makan dan beroperasi pada bulan Januari 2006. Pada Januari 2006, PLPB telah berpindah ke Jalan Sultan Tengah, Santubong. Matlamat PLPB adalah untuk memberi latihan kepada belia bagi menceburi bidang kemahiran serta melahirkan pekerja mahir dan separuh mahir yang menyumbang kepada pembangunan negara. PLPB menawarkan program latihan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap I dan II dalam 7 jurusan latihan iaitu Pembuat Perabot, Jurubina Bangunan, Jurukerja Paip, Juruteknik Elektronik, Jurukimpal Arka, Juruteknik Instrumen dan Pembuat Pakaian Wanita. PLPB mendapat pentaulahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Malaysia (JPK) untuk kursus yang ditawarkan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada Januari hingga Mac 2012 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan PLPB adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang didapati adalah:

2.2.1. Program latihan belum mencapai kapasiti sebenar.

2.2.2. Tiada program lanjutan latihan dan pembangunan kerjaya.

2.2.3. PLPB Santubong belum memperoleh Sijil Menduduki.

2.2.4. Pengurusan sistem keselamatan dan pencegah kebakaran tidak memuaskan seperti sistem penggera kebakaran dan gelung hos Bomba tidak disenggarakan serta sistem *ducting* di bengkel kimpalan yang tidak sesuai.

2.2.5. Pengurusan penyenggaraan bangunan PLPB yang tidak memuaskan.

- 2.2.6.** Sistem kumbahan yang tidak berfungsi.
- 2.2.7.** Perkhidmatan mencuci dan membersih yang tidak memuaskan.
- 2.2.8.** Stok bahan latihan tidak disimpan dengan teratur.
- 2.2.9.** Peralatan usang tidak dilupuskan.
- 2.2.10.** PLPB digunakan untuk menyimpan kenderaan usang, barang dan dokumen lama milik JKM dan Jabatan lain yang belum dilupuskan.
- 2.3.** Bagi meningkatkan prestasi pengurusan Pusat Latihan Pembangunan Belia dan Jabatan Ketua Menteri, adalah disyorkan mengambil langkah seperti berikut:
- 2.3.1.** Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji semula hala tuju penubuhan Pusat Latihan Pembangunan Belia memandangkan institusi kemahiran kerajaan yang diuruskan oleh agensi lain telah berkembang dan turut menawarkan program yang sama sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Kerajaan Negeri perlu mempertimbangkan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan institusi kemahiran kerajaan yang lain dari segi tenaga kerja, kemudahan latihan dan modul kursus untuk mengoptimumkan kapasiti PLPB serta menjimatkan kos.
- 2.3.2.** Pusat Latihan Pembangunan Belia perlu memastikan keselamatan keseluruhan bangunan dengan menambah baik peralatan keselamatan serta pematuhan kepada syarat keselamatan agar Sijil Menduduki boleh dikeluarkan oleh pihak berwajib.
- 2.3.3.** Pusat Latihan Pembangunan Belia hendaklah mengenal pasti kerosakan pada bangunan, kemudahan, peralatan, sistem keselamatan, kebakaran dan elektrik serta persekitaran dan seterusnya mengambil tindakan segera untuk memastikan penyenggaraan dilakukan dan kerosakan dibaiki. Kerja penyenggaraan dan pembersihan perlu dipantau dengan lebih ketat supaya tahap kebersihan Pusat Latihan Pembangunan Belia bertambah baik.
- 2.3.4.** Pusat Latihan Pembangunan Belia perlu menambah baik kemudahan, persekitaran dan bengkel supaya mematuhi standard dari segi keselamatan dan reka bentuk.
- 2.3.5.** Pusat Latihan Pembangunan Belia perlu mengambil tindakan pelupusan serta meminta pihak Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan lain memindahkan barang usang keluar daripada premisnya agar ruang serta kemudahan di Pusat Latihan Pembangunan Belia boleh dimanfaatkan sepenuhnya.

3. UNIT PERANCANG NEGERI, JABATAN KETUA MENTERI

- **Pelaksanaan Projek Infrastruktur Jalan Di Bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion**

3.1. Peruntukan Khas RM1 Bilion diluluskan secara *one-off* oleh Kerajaan Persekutuan pada bulan Jun 2008 untuk projek RMKe-9. Projek pembangunan yang dilaksanakan di bawah Peruntukan Khas ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 2 tahun dari tahun 2009 hingga 2010. Antara kriteria pemilihan projek adalah projek hendaklah *people centric* serta sedia untuk dilaksanakan, tapak projek telah dikenal pasti serta diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri, reka bentuk telah disediakan dan proses tender boleh diteruskan. Daripada peruntukan ini, sejumlah RM585.05 juta atau 58.5% telah diluluskan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Perbadanan Kemajuan Perkayuan Sarawak (PUSAKA) untuk pelaksanaan 31 projek infrastruktur jalan.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara September hingga Disember 2011 terhadap Pelaksanaan Projek Infrastruktur Jalan Di Bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion mendapati prestasi keseluruhan projek adalah kurang memuaskan. Beberapa kelemahan yang diperhatikan adalah:

3.2.1. Prestasi pelaksanaan projek kurang memuaskan kerana hanya 14 atau 45.2% daripada 31 projek dapat disiapkan dan hanya RM271.07 juta atau 46.3% daripada peruntukan dibelanjakan setakat 31 Disember 2010.

3.2.2. Kelemahan dalam perancangan projek iaitu proses pemilihan projek 8 hingga 10 bulan, pelaksanaan projek melangkaui tempoh ditetapkan, masalah tapak, pelantikan kontraktor tidak memenuhi syarat penilaian ditetapkan, proses pengurusan tender terlalu lama dan projek digugur setelah perbelanjaan dilakukan.

3.2.3. Projek tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan masalah komponen projek yang belum dilaksanakan.

3.2.4. Kualiti kerja kurang memuaskan kerana tidak mematuhi spesifikasi kontrak.

3.3. Selepas teguran Audit, pihak JKR memaklumkan telah menamatkan kontrak untuk 2 projek sakit dan siasatan sedang dijalankan untuk menentu sebab berlakunya kerosakan jalan bagi Projek Naik Taraf Jalan Betong/Kampung Balingan/Kampung Tanjung Assam, Betong (Pakej 1 dan 2).

3.4. Bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan projek yang lain, adalah disyorkan Unit Perancang Negeri, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Perbendaharaan Malaysia Sarawak, Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Kemajuan Perkayuan Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

3.4.1. Unit Perancang Negeri dan Unit Pemantauan Pelaksanaan hendaklah memastikan projek disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan supaya dapat dimanfaatkan oleh rakyat dengan segera.

3.4.2. Unit Perancang Negeri hendaklah memastikan pemilihan projek di peringkat awal menepati kriteria yang ditetapkan supaya tiada kelewatan dalam pelaksanaan projek.

3.4.3. Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Kemajuan Perkayuan Sarawak hendaklah memastikan masalah semasa pelaksanaan projek diselesaikan segera supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

3.4.4. Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak hendaklah memastikan penender yang dipilih memenuhi syarat penilaian yang ditetapkan dari segi keupayaan kewangan dan teknikal serta mengambil kira prestasi lampau penender.

3.4.5. JKR hendaklah memastikan kerja pemberaan dilakukan sebelum berakhirnya tempoh tanggungan kecacatan bagi mengelak Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi. Selain itu, projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi dan mutu kerja yang ditetapkan supaya memenuhi kehendak pelanggan.

4. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PERHUBUNGAN

JABATAN KERJA RAYA

- **Projek Naik Taraf Jalan Akses Ke Mukah Dari Persimpangan Sibu/Bintulu Ke Persimpangan Matadeng, Bahagian Mukah, Sarawak**

4.1. Pada bulan Januari 2004, Kerajaan Negeri telah meluluskan projek menaik taraf jalan akses ke Mukah dari Persimpangan Sibu/Bintulu ke Persimpangan Matadeng sepanjang 52.4 kilometer dengan kos keseluruhan berjumlah RM202.38 juta. Jalan ini asalnya adalah *Oil Palm Scheme Road* dibina pada tahun 1970-an oleh Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak bagi tujuan pengangkutan dan perhubungan industri kelapa sawit. Pada pertengahan tahun 1980, Jabatan Kerja Raya telah membina jalan tersebut sehingga ke jalan pantai Mukah-Balingian di Persimpangan Matadeng. Projek menaik taraf jalan ini bertujuan mengadakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik, membolehkan penduduk luar bandar membuka tanah bagi tujuan pembangunan pertanian dan menyediakan infrastruktur jalan raya yang lebih baik.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan projek ini adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dari aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan seperti berikut:

4.2.1. Projek lewat disiapkan.

4.2.2. Peningkatan kos berjumlah RM14.38 juta.

4.2.3. Skop kerja kontraktor tidak mematuhi standard JKR dan spesifikasi REAM.

4.2.4. Kerosakan jalan.

4.2.5. Pembinaan Stesen Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak mengikut keperluan JPJ dan belum diambil alih.

4.3. Bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan projek ini serta projek-projek pembangunan lain pada masa hadapan, adalah disyorkan langkah seperti berikut diambil:

4.3.1. Jabatan Kerja Raya perlu mempertingkatkan pemantauan ke atas projek yang dilaksanakan secara reka dan bina supaya spesifikasi, kualiti kerja dan kualiti bahan yang digunakan adalah memenuhi standard yang ditetapkan. Ini adalah bagi mengelakkan kos penyenggaraan yang tinggi selepas projek diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya.

4.3.2. Jabatan Kerja Raya hendaklah memastikan kajian trafik dilaksanakan sebelum projek pembinaan jalan dimulakan dan kontrak ditandatangani bagi membolehkan maklumat tersebut diambil kira dalam penyediaan reka bentuk projek.

4.3.3. Komunikasi dan koordinasi perlu dipertingkatkan antara pihak berwajib seperti Jabatan Kerja Raya, Pejabat Residen Mukah, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, syarikat arang batu, kelapa sawit dan balak bagi mengatasi masalah kenderaan melebihi had muatan.

4.3.4. Pihak berwajib yang bertanggungjawab ke atas penguatkuasaan undang-undang penggunaan jalan raya hendaklah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan kenderaan yang melalui jalan tersebut tidak membawa barang-barang melebihi muatan yang dibenarkan.

4.3.5. Jabatan Kerja Raya perlu memastikan pihak kontraktor mengambil tindakan memperbaiki semua kerosakan sebelum tamat tempoh kecacatan.

5. JABATAN HUTAN SARAWAK

- **Pengurusan Hutan Paya Bakau Dan Kepentingannya Terhadap Alam Sekitar**

5.1. Jabatan Hutan Sarawak bertanggungjawab dalam mengurus dan memelihara sumber, mewartakan kawasan untuk tujuan pengeluaran hasil dan pemuliharaan hutan. Jabatan juga berperanan melindungi alam sekitar dan mengawal penggunaan sumber hutan secara mapan. Taburan Hutan Paya Bakau (HPB) di Sarawak adalah 127,736 hektar atau 1.2% daripada 10.31 juta hektar jumlah keluasan hutan Negeri Sarawak. Seluas 102,189 hektar atau 80% kawasan HPB terletak di pesisiran pantai di Bahagian Kuching dan Mukah manakala selebihnya terletak di pesisiran pantai Bahagian Limbang, Sri Aman, Sibu, Sarakei

dan Miri. Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM4.53 juta daripada peruntukan berjumlah RM4.67 juta yang diterima daripada Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Malaysia yang disalurkan melalui Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dari tahun 2006 hingga 2011.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati prestasi keseluruhan pengurusan HPB adalah memuaskan kecuali kelemahan seperti berikut:

5.2.1. Prestasi program penanaman pokok bakau kurang memuaskan kerana hanya 11 projek atau 40.8% daripada 27 projek penanaman dikategorikan sebagai berjaya.

5.2.2. Rancangan Pengurusan HPB Bersepadu belum disediakan.

5.2.3. Pewartaan HPB sebagai Kawasan Terlindung Sepenuhnya mengambil masa yang lama.

5.2.4. Kesan terhadap alam sekitar di mana berlaku kemusnahan HPB yang diwartakan dan gangguan ekosistem HPB di Tapak RAMSAR.

5.3. Selepas teguran Audit, pihak Jabatan Hutan Sarawak telah meminta bantuan Jawatankuasa Teknikal R&D Bakau (JTR&D) bagi menjalankan kajian kesesuaian tanah sebelum projek penanaman secara besar-besaran dijalankan di Tapak RAMSAR. Selain itu, cadangan bagi mewartakan Pulau Tun Ahmad Zaidi, Daro sebagai Hutan Terlindung Sepenuhnya telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Disember 2011 dengan keluasan lebih kurang 657 hektar.

5.4. Bagi mempertingkatkan Pengurusan HPB Dan Kepentingannya Terhadap Alam Sekitar dan untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek pembangunan yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

5.4.1. Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar, Jabatan Hutan, Jabatan Tanah Dan Survei dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar perlu menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Bakau secara bersepadu bagi memastikan kelestarian Hutan Paya Bakau.

5.4.2. Jawatankuasa Bersama antara Agensi Kerajaan yang terlibat perlu diwujudkan bagi meningkatkan usaha pemeliharaan dan perlindungan Hutan Paya Bakau.

5.4.3. Jabatan Hutan hendaklah menjalankan penyelidikan secara intensif sebelum projek penanaman dimulakan dan mengkaji semula teknik penanaman bagi memastikan prestasi program penanaman pokok bakau dapat ditingkatkan.

5.4.4. Kerajaan Negeri hendaklah mewartakan kawasan Hutan Paya Bakau yang sesuai di kawasan tanah Negeri sebagai Hutan Simpan Kekal.

5.4.5. Jabatan Hutan hendaklah mengambil tindakan untuk menanam semula pokok bakau yang telah musnah semasa pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir.

**6. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SARAWAK
JABATAN PENGAIERAN DAN SALIRAN**
- **Projek Pengawalan Hakisan Pantai**

6.1. Kerajaan Persekutuan telah menukuhan Bahagian Kejuruteraan Pantai di bawah Jabatan Pengairan Dan Saliran pada tahun 1987 selepas menjalankan kajian *National Coastal Erosion Study 1986* untuk melaksanakan Program Kawalan Hakisan Pantai di seluruh Negara. Program ini melibatkan strategi jangka pendek dan strategi jangka panjang. Strategi jangka pendek meliputi pembinaan struktur pengawalan hakisan pantai di kawasan kritis bertujuan mengelak kehilangan lebih banyak kemudahan, harta benda dan tanah. Strategi jangka panjang memberi tumpuan kepada aspek pengurusan bagi menghindar sebarang keperluan kerja perlindungan pantai di masa hadapan akibat pembangunan projek baru di kawasan zon pantai. Berdasarkan *National Coastal Erosion Study 1986*, sepanjang 44.5 kilometer atau 4.3% garis pantai Negeri Sarawak didapati mengalami hakisan.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek pengawalan hakisan pantai telah dapat menyediakan struktur pengawalan hakisan pantai dengan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek seperti berikut:

6.2.1. Prestasi pelaksanaan projek tidak tercapai sepenuhnya.

6.2.2. Tiga projek pengawalan hakisan pantai berjumlah RM4.90 juta telah gagal dan ditamatkan kontrak secara *Mutual Termination* tanpa merujuk kepada Pejabat Peguam Besar Negeri.

6.2.3. Kajian kemungkinan secara menyeluruh tidak dijalankan.

6.2.4. Koordinasi antara Jabatan dengan Agensi/stakeholders lemah.

6.2.5. Penyediaan Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP) belum menyeluruh.

6.3. Selepas teguran Audit, pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran melaporkan bahawa Jabatan sedang dalam proses menilai dan mengkaji semula proses kerja yang sedia ada dalam penyediaan pengurusan projek pengawalan hakisan pantai di Sarawak.

6.4. Bagi memastikan projek pengawalan hakisan pantai di Negeri Sarawak dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan kelemahan yang dibangkit tidak berulang, Jabatan Pengairan Dan Saliran sebagai Agensi pelaksana utama adalah disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

6.4.1. Menjalankan kajian kemungkinan secara menyeluruh terlebih dahulu sebelum menerima pakai reka bentuk yang sesuai dengan lokasi projek pengawalan hakisan dilaksanakan supaya tiada kos tambahan yang terlibat akibat kegagalan reka bentuk.

6.4.2. Memastikan pengurusan kontrak adalah teratur supaya kontrak yang dilaksanakan dapat memberi impak positif serta tidak merugikan rakyat dan Kerajaan.

6.4.3. Meningkatkan komunikasi dan koordinasi dengan agensi lain yang terlibat dengan projek pembangunan di kawasan pesisir pantai serta mewujudkan mekanisme pemantauan hakisan pantai yang jelas dan berkesan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Pembangunan Negeri, Jabatan Hutan serta Jabatan Tanah dan Survei.

6.4.4. Menyediakan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu yang menyeluruh bagi seluruh kawasan pesisiran pantai di Negeri Sarawak supaya ianya boleh diguna pakai sebagai panduan kepada projek pembangunan di pesisir pantai.

7. JABATAN MUZIUM SARAWAK

- Pengurusan Koleksi Muzium

7.1. Jabatan Muzium Sarawak (Jabatan) adalah di bawah Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak (Kementerian). Fungsi dan tanggungjawab utama Jabatan adalah tertakluk kepada Ordinan Warisan Budaya Sarawak Tahun 1993 dan Jabatan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguatkuasakan Ordinan tersebut. Antara fungsi dan tanggungjawab Jabatan adalah mengurus koleksi artifik. Koleksi bahan pameran yang terdapat di Muzium Sarawak terbahagi kepada 4 kategori utama iaitu arkeologi, zoologi, etnologi dan arkib. Terdapat 11 muzium di seluruh Negeri Sarawak iaitu Muzium Sarawak Bangunan Lama, Muzium Tun Abdul Razak, Muzium Islam, Muzium Sejarah Cina, Muzium Tekstil, Muzium Seni, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Petroleum, Muzium Wilayah Limbang, Muzium Wilayah Baram dan Muzium Arkeologi Niah untuk tujuan menyimpan dan mempamerkan koleksi muzium. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM1.41 juta daripada RM1.47 juta peruntukan untuk mengurus koleksi muzium.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 mendapati prestasi keseluruhan pengurusan Koleksi adalah tidak memuaskan kerana kelemahan seperti berikut:

7.2.1. Tiada garis panduan bertulis bagi pengendalian koleksi muzium.

7.2.2. Pendaftaran koleksi tidak lengkap.

- 7.2.3.** Ruang penyimpanan/penstoran koleksi muzium tidak mencukupi dan kurang sesuai.
- 7.2.4.** Pusat penyimpanan koleksi masih belum dibina.
- 7.2.5.** Tiada daftar induk untuk merekodkan pinjaman dalam Negeri.
- 7.2.6.** Kawalan fizikal dan sistem keselamatan di muzium kurang memuaskan.
- 7.2.7.** Pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi muzium berjadual tidak dijalankan.

7.3. Bagi mempertingkatkan Pengurusan Koleksi Muzium dan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 7.3.1.** Jabatan Muzium Sarawak hendaklah memanfaatkan sepenuhnya Sistem Angkasa bagi pendaftaran koleksi serta menyediakan ruang penyimpanan/penstoran yang sesuai dan mencukupi untuk memelihara koleksi muzium.
- 7.3.2.** Jabatan Muzium Sarawak hendaklah mempercepatkan penyenggaraan sistem keselamatan dan memastikan alat pemadam api sentiasa berada dalam keadaan tidak tamat jangka hayatnya.
- 7.3.3.** Kerajaan Negeri hendaklah mempercepatkan pembinaan Pusat Penyimpan Koleksi agar koleksi terpilihara dan masalah kekurangan ruang penyimpanan koleksi dapat diatasi.
- 7.3.4.** Jabatan Muzium Sarawak hendaklah menyediakan daftar induk untuk merekodkan pergerakan koleksi bagi tujuan pemantauan.
- 7.3.5.** Jabatan Muzium Sarawak hendaklah mengadakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan secara terancang dan mengikut jadual bagi memelihara koleksi.

8. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

- Pengurusan Skim Bantuan Am

8.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi (Kementerian) dan mulai September 2011 di bawah Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga Sarawak telah diberi tanggungjawab untuk memberi perlindungan dan pemulihan kepada golongan sasar yang memerlukan bantuan dan membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari. Bantuan kewangan yang diberi di bawah Skim BA adalah pada kadar antara RM60 hingga RM250 sebulan dan ditetapkan setelah penilaian dibuat serta diluluskan oleh JKM. Selain itu, penerima juga diberi wang tambahan sebanyak 33.3% daripada kadar yang diberi melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sehingga akhir

tahun 2011, terdapat 10,472 penerima Skim BA di seluruh Negeri Sarawak dan sejumlah RM50.06 juta telah diagihkan bagi tempoh 2009 hingga 2011.

8.2. Pengauditan yang telah dijalankan pada November 2011 hingga Januari 2012 mendapati objektif JKM untuk menyampaikan bantuan kepada penerima telah dijalankan dengan jayanya. Bagaimanapun, secara keseluruhannya pengurusan Skim BA kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

8.2.1. JKM tidak boleh mengenal pasti bilangan sebenar penduduk miskin disebabkan tiada data yang kemas kini.

8.2.2. Penilaian terhadap keberkesanan Skim BA tidak dibuat.

8.2.3. Kajian semula kes bantuan lewat dijalankan.

8.2.4. Penyelenggaraan pangkalan data penerima bantuan tidak lengkap dan tidak kemas kini.

8.3. JKM memaklumkan telah mewujudkan *Satellite Office* untuk meningkatkan perkhidmatan dan mengadakan Bengkel Pengendalian Dan Pengurusan Bantuan untuk membuat cadangan penambahbaikan pengurusan BA. Perbincangan dengan pihak vendor juga telah dijalankan untuk meningkatkan sistem *State Welfare Assistance Management*. JKM juga sedang menyediakan kertas kerja menyemak semula kadar bayaran bantuan dan kertas kerja penstrukturkan semula perjawatan untuk kelulusan Kerajaan Negeri.

8.4. Bagi meningkatkan pengurusan Skim BA, Kerajaan Negeri dan JKM disyorkan untuk mengambil langkah berikut:

8.4.1. Kerajaan Negeri menyelenggarakan data induk bersepadu mengenai penduduk miskin di Negeri Sarawak serta mewujudkan satu sistem berintegrasi dan maklumat boleh diakses oleh pihak berkepentingan.

8.4.2. Kerajaan Negeri mengkaji semula kadar bantuan memandangkan kos sara hidup telah meningkat sejak 10 tahun yang lalu.

8.4.3. Kerajaan Negeri mengambil langkah mengisi kekosongan jawatan dan menyediakan pengangkutan yang bersesuaian bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada golongan yang memerlukan.

9. PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK
- Pengurusan Kawasan Perindustrian Perkapalan Tanjung Manis

9.1. Kawasan Perindustrian Perkapalan Tanjung Manis (KPPTM) dibangunkan bertujuan menyediakan infrastruktur asas bagi aktiviti pembinaan kapal berkapasiti melebihi 10,000 tan. Tujuannya adalah untuk menampung kemudahan sedia ada di Kawasan Perindustrian Rantau Panjang, Sibu yang terhad kepada kapal berkapasiti di bawah 10,000 tan di samping kedudukan Jambatan Igan di Sibu yang rendah dan tidak membolehkan kapal melebihi 10,000 tan melaluinya untuk keluar dan masuk ke Laut China Selatan. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) bertanggungjawab membangun kawasan ini dengan menyediakan lot industri dan kemudahan asas yang bersesuaian bagi membolehkan pengusaha menjalankan aktiviti perkapalan berskala besar dengan lebih sistematik.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 di PUSAKA, Jabatan Tanah Dan Survei (JTS), Kementerian Pembangunan Industri dan Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar mendapati prestasi pengurusan KPPTM adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan yang ditemui, iaitu:

9.2.1. Kerja pembangunan lewat disiapkan disebabkan perubahan dan penambahan skop kerja, kelewatan untuk mendapatkan kelulusan pelan pembangunan daripada Majlis Perancang Negeri dan masalah cuaca.

9.2.2. Prestasi jualan lot industri yang perlahan menyebabkan 47 daripada 72 lot industri belum dijual.

9.2.3. Kajian kemungkinan tidak dijalankan bagi pembangunan kawasan tersebut sebagai kawasan industri perkapalan.

9.2.4. Serahan tapak bagi pembangunan Lot 659 dibuat sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada pihak kontraktor.

9.2.5. Bangunan telah dibina sebelum Surat Hak Milik Tanah dikeluarkan oleh JTS.

9.2.6. Tempoh sah Jaminan Bank dan perlindungan insurans bagi pembangunan projek di Lot 657 dan Lot 659 tidak dilanjutkan selaras dengan perubahan tamat tempoh tanggungan kecacatan projek.

9.3. Selepas teguran Audit, pihak PUSAKA memaklumkan bahawa kontraktor telah melanjutkan tempoh Jaminan Bank dan perlindungan insurans bagi pembangunan projek di Lot 657 dan Lot 659.

9.4. Bagi memastikan pengurusan KPPTM dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya, PUSAKA disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

9.4.1. Mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran untuk memastikan semua lot industri yang dibangunkan dapat dijual sepenuhnya dengan segera.

9.4.2. Mengambil tindakan susulan untuk memastikan Surat Hak Milik Tanah dikeluarkan oleh Jabatan Tanah Dan Survei dengan segera.

10. LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH SARAWAK

- Pengurusan Pembangunan Hartanah

10.1. Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA) ditubuhkan pada bulan Jun 1981 sebagai sebuah Badan Berkanun Negeri di bawah Ordinan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah, 1981.

10.2. Antara fungsi PELITA adalah untuk melaksanakan pembangunan, bertindak sebagai orang tengah yang menjadi penghubung dan menyertai pembangunan di kawasan pembangunan dengan syarikat, orang perseorangan atau pertubuhan dan menyediakan pinjaman dan pendahuluan bagi maksud pembangunan tanah dalam kawasan Tanah Adat Bumiputera dan kawasan lain.

10.3. Dalam tempoh tahun 2007 hingga 2011, PELITA telah menyiapkan 20 projek bernilai RM213.45 juta manakala 10 projek bernilai RM245.96 juta sedang dilaksanakan.

10.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2011 hingga Februari 2012 di Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak mendapati prestasi keseluruhan pengurusan hartanahnya adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

10.4.1. Kajian Kemungkinan tidak dijalankan.

10.4.2. Promosi dan pemasaran lewat dijalankan.

10.4.3. Projek lewat jadual dan tidak dapat disiapkan/terbengkalai.

10.4.4. Pengurusan sewaan harta tanah PELITA yang tidak memuaskan.

10.5. Adalah disyorkan supaya PELITA menimbang mengambil langkah berikut untuk penambahbaikan:

10.5.1. Kajian Kemungkinan disediakan bagi setiap projek yang hendak dibangunkan.

10.5.2. Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah perlu menyediakan strategi promosi dan pemasaran yang lebih inovatif dan penggunaan ejen hartanah harus dipertimbangkan.

10.5.3. Pemilihan dan pelantikan rakan usahasama perlu dikaji semula untuk mendapat kontraktor/syarikat usahasama yang berwibawa agar pulangan pelaburan pembangunan hartanah lebih menguntungkan.

11. KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

JABATAN PERTANIAN SARAWAK

- Pengurusan Projek Ternakan Khinzir Berpusat

11.1. Pembangunan Kawasan Ternakan Khinzir Berpusat diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada November 1997 dengan objektif menstrukturkan semula dan memodenkan industri khinzir, mengawal pencemaran daripada pembuangan sisa khinzir melalui sistem rawatan sisa pembuangan berpusat dan menempat semula penternak khinzir yang sedia ada, mempraktikkan amalan kawalan penyakit dan memberi perlindungan terhadap kesihatan awam dan mencapai Imbalan Perdagangan yang lebih menarik dalam sektor penternakan melalui eksport. Setakat Disember 2011, sejumlah RM136.25 juta atau 86.1% telah dibelanjakan daripada RM158.25 juta yang telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek. Projek ini telah dimulakan pada bulan November 2005 dan dijangka siap pada bulan Julai 2013 dengan nilai kontrak keseluruhan RM183.69 juta.

11.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 terhadap Pengurusan Projek Ternakan Khinzir Berpusat di pejabat Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Jabatan Pertanian Sarawak mendapati prestasi pengurusan projek secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Beberapa kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

11.2.1. Sembilan kerja kontrak yang lewat disiapkan telah diluluskan sejumlah 26 lanjutan masa berjumlah 1,514 hari.

11.2.2. Peningkatan kos keseluruhan sejumlah RM5.16 juta bagi 10 kontrak kerja apabila projek siap.

11.2.3. Kelewatan perpindahan dan penempatan penternak ke tapak ternakan khinzir berpusat.

11.2.4. Peningkatan kos kontrak disebabkan kelewatan dalam pengurusan perolehan.

11.2.5. Rawatan sisa air dan buangan khinzir secara semula jadi disebabkan sistem loji biogas sedang dibina mungkin memberi impak kepada alam sekitar.

11.3. Selepas teguran Audit, pihak Jabatan Pertanian Sarawak melaporkan bahawa tindakan akan diambil untuk menambah baik pengurusan projek dengan menyiapkan projek loji biogas dan mempercepatkan perpindahan dan penempatan penternak.

11.4. Sebagai langkah memantapkan lagi prestasi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan yang akan datang dan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang, adalah disyorkan:

11.4.1. Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan pembangunan dan pelaksanaan Kawasan Penternakan Khinzir mengikut perancangan dan sasaran yang ditetapkan dengan penempatan semula penternak individu ke Kawasan Penternakan Khinzir.

11.4.2. Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memberi keutamaan kepada komponen penting dalam pembangunan Kawasan Penternakan Khinzir seperti sistem biogas agar pencemaran kawasan persekitaran dan sungai oleh sisa buangan khinzir dielakkan.

11.4.3. Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah menggiatkan usaha promosi dan kesedaran bagi menggalakkan penternak individu berpindah ke Kawasan Penternakan Khinzir dipertingkatkan agar dasar mengenai Kawasan Penternakan Khinzir tercapai.

12. MAJLIS PERBANDARAN SIBU

- Pengurusan Penyenggaraan Jalan Dan Perparitan

12.1. Majlis Perbandaran Sibu (Majlis) bertanggungjawab menyediakan kemudahan infrastruktur seperti mengurus pembinaan, menaiktaraf serta menyenggara jalan dan perparitan. Ini juga melibatkan pembinaan dan penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput di tepi jalan dan kerja melebar serta membersihkan parit. Peruntukan untuk kos pengurusan penyenggaraan jalan dan perparitan disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti (Kementerian). Bagi tempoh 2009 hingga 2011, Majlis telah diperuntukkan sejumlah RM62.17 juta dan sejumlah RM49.03 juta telah dibelanjakan untuk tujuan kerja penyenggaraan jalan dan perparitan.

12.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September 2011 mendapati prestasi pengurusan penyenggaraan jalan dan perparitan oleh Majlis berdasarkan sampel Audit adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

12.2.1. Prestasi perancangan kerja penyenggaraan jalan dan parit kurang memuaskan.

12.2.2. Kualiti kerja penyenggaraan kurang memuaskan.

12.2.3. Pengurusan perolehan kerja dan bekalan bahan kurang memuaskan serta perlu dikaji semula untuk meningkatkan prestasi kerja.

12.3. Selepas teguran Audit, Majlis memaklumkan telah menyediakan rancangan kerja jangka panjang dan tahunan, membangunkan *Assets Management System* untuk merekodkan kerja penyenggaraan dan mengambil langkah kerja penyenggaraan dikontrakkan secara menyeluruh. Majlis telah mengambil tindakan membaik pulih terhadap beberapa kerja penyenggaraan. Majlis juga telah mengeluarkan garis panduan supaya permohonan untuk projek pembangunan di kawasan tanah gambut disertakan dengan cadangan pengukuhan struktur tanah.

12.4. Bagi meningkatkan pengurusan penyenggaraan jalan dan perparitan adalah disyorkan langkah berikut diambil:

12.4.1. Majlis Perbandaran Sibu mewujudkan satu sistem pangkalan induk maklumat jalan dan perparitan serta rekod penyenggaraan dan kos yang lengkap dan kemas kini untuk tujuan perancangan.

12.4.2. Rancangan Tahunan dan Program Kerja Rutin disediakan oleh Majlis Perbandaran Sibu berdasarkan pengumpulan maklumat hasil pemeriksaan di tapak, aduan orang awam serta permintaan pihak yang berkepentingan. Keutamaan kerja penyenggaraan boleh dibuat berpandukan faktor tersebut.

12.4.3. Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti menetapkan garis panduan untuk rujukan dalam pengurusan jalan raya dan perparitan bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan. Kaedah serta mekanisme untuk tujuan penyeliaan, pemantauan dan kawalan terhadap semua aspek pengurusan jalan dan perparitan yang lebih berkesan adalah berdasarkan garis panduan tersebut.

12.4.4. Majlis Perbandaran Sibu mengkaji kaedah perolehan perkhidmatan dan bekalan bahan untuk aktiviti penyenggaraan jalan dan perparitan yang berkesan dari segi kos dan pelaksanaan.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

13. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

- **Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.**

13.1. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. (SCR) merupakan syarikat yang mencari gali, melombong dan menjual arang batu. Modal berbayar SCR berjumlah RM47 juta dan sejumlah RM32.90 juta atau 70% daripadanya dimiliki oleh Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan dan RM14.10 juta atau 30% dimiliki oleh Syarikat Sarawak Energy Bhd.

Pada tahun 2010, SCR mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM3.53 juta dan kerugian terkumpul berjumlah RM28.73 juta.

13.2. Pengauditan yang dilaksanakan dari bulan Mei hingga Julai 2011 secara keseluruhannya mendapati prestasi pengurusan SCR adalah kurang memuaskan. Hasil pengauditan terhadap SCR berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

13.2.1. Nisbah kewangan SCR masih perlu dipertingkatkan lagi terutamanya nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti.

13.2.2. Pengurusan aktiviti SCR boleh ditambah baik dari segi pengurusan kontrak dan program membaik pulih bekas tapak lombong.

13.2.3. Tadbir urus korporat SCR boleh dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat, menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam, menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

13.3. Pihak Audit bersetuju dengan syor Audit dan langkah sedang diambil bagi memantapkan tadbir urus dan pengurusan kewangan syarikat.

13.4. Bagi menambahbaik pengurusan syarikat, adalah disyorkan:

13.4.1. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. perlu menyediakan perancangan strategik jangka panjang dan jangka pendek berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat serta boleh berdaya saing.

13.4.2. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan dokumen kontrak bagi semua projek dengan segera bagi mengelakkan sebarang pertikaian. Selain itu, SCR hendaklah memastikan syarat kontrak yang menjaga kepentingan syarikat dengan mewujudkan klausa bagi mengkaji semula harga arang batu secara berkala dalam tempoh kontrak serta kontrak ditandatangani untuk jangka masa pendek.

13.4.3. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. perlu memastikan kerja membaik pulih tapak bekas lombong dibuat mengikut keperluan *Environmental Impact Assessment* yang diluluskan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar.

13.4.4. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. perlu menubuhkan Jawatankuasa Audit untuk meningkatkan kawalan pengurusan syarikat. Selain itu, SCR hendaklah menubuhkan Unit Audit Dalam atau mendapatkan khidmat daripada Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri untuk melaksanakan pengauditan dan menilai kawalan dalaman syarikat.

13.4.5. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan teratur serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya. Dari segi perolehan atau perkhidmatan perunding, tender terbuka hendaklah diamalkan untuk mendapat harga yang kompetitif.

14. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

- Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.

14.1. Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd. (SMC) merupakan syarikat yang mengendalikan hospital swasta iaitu Normah Medical Specialist Centre (NMSC) di Kuching, Sarawak bagi tujuan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Modal berbayar SMC berjumlah RM36 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan. Pada tahun 2010, SMC mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.56 juta dan mempunyai kerugian terkumpul berjumlah RM18.83 juta.

14.2. Pengauditan yang dilaksanakan dari bulan Ogos hingga November 2011 secara keseluruhannya mendapati prestasi pengurusan SMC adalah memuaskan. Hasil pengauditan terhadap SMC berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

14.2.1. Dari segi prestasi kewangan, nisbah kewangan SMC masih perlu dipertingkatkan lagi terutamanya nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti.

14.2.2. Prestasi aktiviti SMC kurang memuaskan berhubung pelantikan dan pembayaran kepada wakil pusat perubatan yang memperkenalkan pesakit serta meningkatkan kawalan terhadap penghutang. Begitu juga pengurusan kutipan hutang bayaran perkhidmatan kesihatan juga kurang berkesan.

14.2.3. Tadbir urus korporat SMC boleh dipertingkatkan dengan menubuhkan Jawatankuasa Audit, menambah fungsi Unit Audit Dalam, menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

14.3. Pihak Audit bersetuju dengan syor Audit dan langkah sedang diambil bagi memantapkan tadbir urus dan pengurusan kewangan syarikat.

14.4. Bagi menambahbaik pengurusan syarikat supaya lebih berdaya saing, SMC disyorkan:

14.4.1. Menyediakan peraturan yang jelas berhubung dengan pelantikan dan bayaran kepada wakil pusat perubatan yang memperkenalkan pesakit kepada NMSC.

14.4.2. Menubuhkan Jawatankuasa Audit untuk mengukuhkan kawalan pengurusan syarikat. Selain itu, menambah fungsi Unit Audit Dalam atau mendapatkan khidmat Unit

Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri untuk melaksanakan pengauditan dan menilai kawalan dalaman syarikat.

14.4.3. Memastikan penghutang menjelaskan hutang dengan segera bagi meningkatkan tahap kecairan syarikat.

14.4.4. Menambah baik aspek pengurusan kewangan dengan menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

14.4.5. Membuat bayaran balik bagi pinjaman dari Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri.

14.4.6. Memastikan sistem perakaunan berkomputer yang mantap digunakan bagi mempertingkatkan pengurusan kewangan seperti pungutan deposit, tunggakan dan lain-lain.

15. PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

- **Hillog Sdn. Bhd.**

15.1. Hillog Sdn. Bhd. (Hillog) merupakan syarikat yang mengeluarkan *finger joint strip* dan produk berkaitan *finger joint strip* serta membuat dan menjual perabot. Modal berbayar Hillog berjumlah RM0.1 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA). Pada tahun 2010, Hillog mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM5,267 dan keuntungan terkumpul berjumlah RM0.32 juta.

15.2. Pengauditan yang dilaksanakan dari bulan Januari hingga Mac 2012 secara keseluruhannya mendapati prestasi pengurusan Hillog adalah memuaskan. Hasil pengauditan terhadap Hillog berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

15.2.1. Dari segi prestasi kewangan, nisbah kewangan Hillog masih perlu dipertingkatkan lagi terutamanya nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti.

15.2.2. Pengurusan aktiviti Hillog boleh ditambahbaik dengan meningkatkan prestasi pengeluaran *finger joint strip* dan pengurusan jualan perabot.

15.2.3. Tadbir urus korporat Hillog boleh dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat, menubuhkan Jawatankuasa Audit dan mendapatkan khidmat Unit Audit Dalam PUSAKA untuk melaksanakan pengauditan dengan lebih kerap, menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

15.3. Pihak Audit bersetuju dengan syor Audit dan langkah sedang diambil bagi memantapkan tadbir urus dan pengurusan kewangan syarikat.

15.4. Bagi menambahbaik pengurusan syarikat supaya lebih berdaya saing, adalah disyorkan:

15.4.1. Hillog Sdn. Bhd. perlu menyediakan rancangan korporat berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

15.4.2. Hillog Sdn. Bhd. hendaklah menujuhkan Jawatankuasa Audit untuk mengukuhkan kawalan dalam terhadap pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat dan mencadangkan Unit Audit Dalam PUSAKA untuk melaksanakan pagaudit dengan lebih kerap.

15.4.3. Hillog Sdn. Bhd. perlu meningkatkan pengeluaran *finger joint strip* dengan menggunakan mesin yang lebih efisien, menambah bilangan pekerja di kilang, meningkatkan keupayaan bekalan arus elektrik di kilang serta memastikan bekalan bahan mentah yang mencukupi dan berkualiti.

15.4.4. Hillog Sdn. Bhd. perlu mempromosikan produk syarikat dengan lebih aktif bagi meningkatkan jualan.

15.4.5. PUSAKA perlu mengkaji semula model perniagaan Hillog Sdn. Bhd. supaya boleh beroperasi sebagai entiti komersial yang boleh berdaya saing dengan pengusaha lain.

15.4.6. Hillog Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

16. PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

- **PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd.**

16.1. PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd. (PPES Aqua) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 26 Mac 1986. PPES Aqua merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) dan mula beroperasi pada tahun 1993 dengan modal yang dibenarkan RM10 juta dan modal berbayar RM3.80 juta. Aktiviti utama PPES Aqua adalah pembiakan ikan laut dan udang.

16.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan PPES Aqua adalah kurang memuaskan. Hasil pengauditan terhadap PPES Aqua berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

16.3. Dari segi prestasi kewangan, nisbah kewangan PPES masih perlu dipertingkatkan lagi terutamanya nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti.

16.4. PPES Aqua tidak lagi menjalankan aktiviti berkaitan pembiakan ikan dan udang secara langsung sebaliknya menyewakan kolam serta ladang kepada syarikat swasta. Perjanjian penyewaan tidak dipatuhi.

16.5. Terdapat kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pekeliling berkaitan syarikat kerajaan tidak dipatuhi

16.6. Pihak Audit bersetuju dengan syor Audit dan bagi menambah baik pengurusan syarikat, PPES Aqua disyorkan:

16.6.1. Menyediakan perancangan strategik dan mengkaji semula objektif penubuhan serta hala tuju syarikat dan sekiranya objektif tidak tercapai adalah dicadangkan syarikat dibubarkan dan tanggungjawab penyewaan dan kutipan komisen diambil alih oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.

16.6.2. Meningkatkan prestasi syarikat dan memastikan PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd. memainkan peranan aktif dalam perkongsian pintar atau kepakaran teknikal dengan agensi Kerajaan atau syarikat swasta dalam perusahaan ini supaya objektifnya boleh tercapai.

16.6.3. Memastikan perjanjian yang disediakan menjaga kepentingan PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd. khususnya dan Kerajaan amnya serta mematuhi sepenuhnya perjanjian yang disediakan.

16.6.4. Menambah baik tadbir urus korporat dengan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan.

17. YAYASAN SARAWAK

- **Sanjung Etika Sdn. Bhd.**

17.1. Sanjung Etika Sdn. Bhd. (SESB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 31 Mac 1997. SESB merupakan syarikat milik penuh Lembaga Amanah Yayasan Sarawak (YS) dan mula beroperasi pada tahun 1997 dengan modal yang dibenarkan RM10 juta dan modal berbayar RM5.80 juta. Aktiviti utama SESB adalah pembalakan, perkhidmatan pengurusan hartanah dan kemudahan milik YS. Perkhidmatan pengurusan hartanah mula dijalankan pada tahun 2008 manakala perkhidmatan pengurusan fasiliti pada tahun 2009.

17.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan SESB adalah memuaskan. Hasil pengauditan terhadap SESB berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

17.3. Dari segi prestasi kewangan, nisbah kewangan SESB masih perlu dipertingkatkan lagi terutamanya nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti.

17.4. Prestasi aktiviti utama SESB perlu ditambahbaik kerana kegagalan mematuhi syarat perjanjian telah menyebabkan SESB kehilangan hasil. Selain itu SESB juga perlu mempertingkatkan usaha untuk mencari penyewa bagi semua premis yang kosong.

17.5. Tadbir urus korporat SESB boleh dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat dan menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini.

17.6. Bagi menambah baik pengurusan syarikat, Sanjung Etika Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

17.6.1. Sanjung Etika Sdn. Bhd. menyediakan perancangan strategik jangka panjang dan jangka pendek bagi mencapai objektif dan penetapan hala tuju.

17.6.2. Sanjung Etika Sdn. Bhd. perlu berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan baki 58 unit premis di seluruh Sarawak disewakan bagi menjana pendapatan.

17.6.3. Sanjung Etika Sdn. Bhd. mematuhi perjanjian kontrak pembalakan supaya menjaga kepentingan Syarikat khasnya dan Kerajaan amnya.

17.6.4. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Sanjung Etika Sdn. Bhd. dan Lembaga Amanah Yayasan Sarawak.



BAHAGIAN I

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI NEGERI

BAHAGIAN I

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri untuk menentukan sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah memilih 12 aktiviti untuk dikaji iaitu Pengurusan Bayaran Emolumen, Pengurusan Pusat Latihan Pembangunan Belia, Projek Infrastruktur Jalan Di Bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion, Pelaksanaan Projek Naik Taraf Jalan Akses Ke Mukah Dari Persimpangan Sibu/Bintulu Ke Persimpangan Matadeng, Bahagian Mukah Sarawak, Pengurusan Hutan Paya Bakau Dan Pentingnya Terhadap Alam Sekitar, Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Sarawak, Pengurusan Koleksi Muzium, Pengurusan Skim Bantuan Am, Pengurusan Kawasan Perindustrian Perkapalan Tanjung Manis, Pembangunan Hartanah, Pengurusan Projek Ternakan Khinzir Berpusat dan Pengurusan Penyenggaraan Jalan Dan Perparitan. Pemerhatian Audit daripada kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agenzi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini**

JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, JABATAN KETUA MENTERI

2. PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pembayaran emolumen untuk kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri diuruskan oleh Unit Gaji, Jabatan Perbendaharaan Negeri (JPN) melalui Sistem Gaji Berkomputer iaitu *State Payroll System (SPS)*. Pada tahun 2011, sejumlah RM485.11 juta telah diperuntukkan untuk pembayaran emolumen manakala RM470.11 juta atau 96.9% telah dibelanjakan. Kedudukan keseluruhan perjawatan yang diluluskan setakat 31 Disember 2011 adalah berjumlah 21,407 jawatan dan 14,295 atau 66.7% perjawatan diisi. Bilangan jawatan yang diluluskan dan diisi di Negeri Sarawak adalah seperti **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1

**Bilangan Jawatan Yang Diluluskan Dan Diisi
Di Perkhidmatan Awam Negeri Setakat 31 Disember 2011**

Kumpulan Perjawatan	Diluluskan	Diisi	Kosong	Pengisian (%)
Pengurusan Tertinggi	77	45	32	58.4
Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	1,901	1,248	653	65.6
Sokongan I (Gred 17 hingga 40)	7,897	5,764	2,133	72.9
Sokongan II (Gred 1 hingga 16)	11,532	7,238	4,294	62.7
Jumlah	21,407	14,295	7,112	66.7

Sumber: Unit Pengurusan Sumber Manusia

2.1.2. Setiap pembayaran dan perubahan gaji yang diproses oleh SPS adalah mengikut maklumat dalam borang input dan dokumen sokongan yang lengkap yang dikemukakan oleh pusat pembayar. Borang input yang telah diterima direkodkan dalam daftar, disemak oleh pegawai bertanggungjawab dan disahkan oleh pegawai penyelia sebelum diproses. Pegawai yang bertanggungjawab akan memasukkan maklumat borang input ke pangkalan data sistem gaji dan disahkan oleh pegawai penyelia. Operator Mesin Pemprosesan Data (OMPD) akan mencetak Senarai Edit untuk disahkan oleh Akauntan atau Penolong Akauntan dan difailkan bersama borang input yang telah diproses.

2.1.3. Data sistem gaji akan dikemas kini setiap bulan dengan mencetak Imbangan Duga, Senarai Bayaran Tunai dan Senarai Bayaran Bank yang disemak dan disahkan oleh Penolong Akauntan. Kemudian OMPD akan mengemaskinkan slip gaji dan mencetak Laporan Gaji untuk disemak oleh pegawai bertanggungjawab. Laporan Gaji tersebut akan diasingkan mengikut stesen dan bank; dan diserah kepada Unit Dana bagi menguruskan bayaran gaji melalui bank dan secara baucar bayaran tunai.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembayaran emolumen telah diuruskan dengan teratur dan tepat selaras dengan peraturan, pekeliling dan arahan yang berkuatkuasa.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi semakan terhadap data gaji, elaun, imbuhan dan potongan gaji bagi perjawatan tetap dan kontrak, dokumen sokongan serta data perjawatan bagi tahun 2011. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri, Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) di Jabatan Ketua Menteri (JKM), Ibu Pejabat Jabatan Tanah dan Survei, Ibu Pejabat Jabatan Hutan dan Ibu Pejabat Jabatan Pertanian dengan menyemak dokumen berkaitan serta melalui perbincangan dengan pegawai yang terlibat dalam pembayaran emolumen dan data emolumen SPS bagi tahun 2011. Analisis telah dilakukan untuk memastikan integriti data dari aspek kesahihan, kesempurnaan dan ketepatan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 mendapati pengurusan pembayaran emolumen bagi anggota perkhidmatan awam pada keseluruhannya adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Perbezaan bilangan rekod antara SPS dan sistem IMPIAN.
- Kelemahan dalam kawalan aplikasi iaitu rekod dalam SPS tidak dikemas kini.
- Kesilapan kod akaun dan perbezaan amaun kod SODO antara SPS dan *State Consolidated Accounting System (SCAS)*.
- Kelemahan kawalan input telah mengakibatkan berlakunya potongan gaji bulanan pegawai melebihi 60% daripada emolumen.
- Emolumen terlebih serta terkurang bayar.

2.4.1. Perbezaan Bilangan Rekod Antara SPS Dan Sistem IMPIAN

2.4.1.1. *State Payroll System (SPS)* merupakan satu sistem pengurusan gaji di Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri. Objektif pembangunan SPS adalah untuk memastikan penyelenggaraan maklumat emolumen pegawai, keupayaan memproses bayaran gaji bulanan pegawai, penjanaan slip gaji pegawai dan penjanaan penyata pendapatan tahunan.

2.4.1.2. *Integrated Management Personal Information Application (IMPIAN)* merupakan satu sistem pengurusan sumber manusia di Agensi Negeri. Objektif pembangunan sistem IMPIAN adalah untuk memastikan penyelenggaraan maklumat peribadi pegawai, keupayaan menghantar kertas cadangan mewujudkan jawatan oleh Agensi secara elektronik, pemantauan mewujudkan jawatan di Agensi, pengurusan kekosongan jawatan dan penjanaan buku anggaran perjawatan. Dengan demikian, hanya rekod jawatan yang sah di sistem IMPIAN akan diwujudkan dalam SPS.

2.4.1.3. Analisis Audit mendapati SPS mempunyai 170 rekod jawatan lebih daripada sistem IMPIAN. Selain itu, medan nombor gaji dalam sistem IMPIAN tidak diisi sebanyak 4,671 manakala medan nombor kad pengenalan tidak diisi sebanyak 1,987 dalam SPS. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.2.** Analisis Audit seterusnya mendapati *Primary Unique Key* yang diguna pakai dalam kedua-dua sistem adalah berbeza di mana SPS menggunakan nombor gaji manakala sistem IMPIAN menggunakan *Employee ID*. Ini menyebabkan perbandingan data tidak dapat dilakukan bagi menentukan integriti dan kesahihan data.

Jadual 2.2
Perbezaan Data Dalam SPS Dan Sistem IMPIAN

Bil.	Sistem	Primary Unique Key Field	Medan Nombor Gaji Tidak Diisi	Medan Nombor Kad Pengenalan Tidak Diisi	Jumlah Row Data
1.	SPS	Nombor Gaji	Tiada	1,987	14,990
2.	IMPIAN	Employee ID	4,671	Tiada	14,820

Sumber: Data SPS Dan IMPIAN

2.4.1.4. Analisis Audit seterusnya terhadap perbandingan rekod antara SPS dan sistem IMPIAN mendapat 6,537 medan yang berbeza dari segi nama, nombor gaji dan nombor kad pengenalan. Perbandingan bagi rekod di SPS dan IMPIAN yang mempunyai medan nama pegawai dan nombor gaji yang sama mendapat sebanyak 632 kes mempunyai nombor kad pengenalan berbeza. Bagi rekod yang mempunyai nama dan nombor kad pengenalan yang sama didapat sebanyak 2,596 kes mempunyai nombor gaji berbeza. Manakala bagi rekod yang mempunyai nombor gaji dan nombor kad pengenalan yang sama pula mendapat sebanyak 2,378 kes mempunyai nama berbeza. Perbandingan seterusnya ke atas rekod di SPS dan IMPIAN yang mempunyai nombor gaji yang sama untuk kedua-dua sistem mendapat sebanyak 734 kes mempunyai nama dan nombor kad pengenalan berbeza, bagi rekod yang mempunyai nombor kad pengenalan yang sama pula didapat sebanyak 1,576 kes mempunyai nama dan nombor gaji berbeza manakala bagi rekod yang mempunyai nama yang sama mendapat 492 rekod mempunyai nombor gaji dan nombor kad pengenalan berbeza. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Perbezaan Data SPS Dan Sistem IMPIAN

Bil.	Medan Yang Sama	Medan Yang Berbeza	Bilangan
1.	Nama dan Nombor Gaji	Nombor Kad Pengenalan	632
2.	Nama dan Nombor Kad Pengenalan	Nombor Gaji	2,596
3.	Nombor Gaji dan Nombor Kad Pengenalan	Nama	2,378
4.	Nombor Gaji	Nama dan Nombor Kad Pengenalan	734
5.	Nombor Kad Pengenalan	Nama dan Nombor Gaji	1,576
6.	Nama	Nombor Gaji dan Nombor Kad Pengenalan	492
7.	Tiada yang sama	Nama, Nombor Gaji dan Nombor Kad Pengenalan	6,537

Sumber: Data SPS Dan IMPIAN

2.4.1.5. Analisis Audit seterusnya terhadap medan tarikh lahir dalam SPS bagi menentukan sama ada medan tersebut telah diisi dengan sempurna dan tepat mendapat 136 rekod di mana maklumat tahun kelahiran berbeza antara medan tarikh lahir berbanding tahun kelahiran seperti di medan nombor kad pengenalan.

2.4.1.6. **Maklum balas daripada JPN bertarikh 26 April 2012 dan 13 Jun 2012,** perbezaan data dalam sistem SPS sedang disemak untuk dikemas kini setelah mendapat pengesahan daripada Kementerian/Jabatan berkaitan. Sebagai langkah lanjut, senarai semak terhadap penyemakan borang input akan dikemas kini mengenai perkara ini. **Menurut maklum balas daripada UPSM bertarikh 27 April 2012, pengintegrasian antara IMPIAN dan SPS adalah dalam proses pembangunan.**

Pada pendapat Audit, integrasi sistem SPS dan IMPIAN bagi memastikan rekod pada kedua-dua sistem sama penting agar tiada keraguan terhadap integriti data sistem SPS bagi pembayaran emolumen.

2.4.2. Kelemahan Dalam Kawalan Aplikasi

Kawalan aplikasi adalah terdiri daripada kawalan input, proses dan output. Kawalan aplikasi yang berkesan adalah penting untuk memastikan semua data lengkap, tepat dan sah semasa dimasukkan, diproses, dijana, disimpan dan diagihkan. Ia juga bagi memastikan transaksi tersebut tidak tercicir, ditokok tambah dan berlaku duplikasi. Semakan Audit terhadap 130 borang input T.156A(8/98) yang terdiri daripada bayaran tertinggi bagi elau memangku, menanggung kerja, tunggakan emolumen, pelantikan baru dan pegawai yang berumur lebih 58 tahun serta 189 borang input T.156A(8/98) bagi Ibu Pejabat Jabatan Pertanian, 90 borang input T.156A(8/98) bagi Ibu Pejabat Jabatan Hutan dan 69 borang input T.156A(8/98) Ibu Pejabat Jabatan Tanah dan Survei Negeri Sarawak bagi tahun 2011 mendapati kelemahan seperti berikut:

2.4.2.1. Rekod Dalam SPS Tidak Dikemas Kini

- a. Analisis Audit terhadap data gaji mendapati 12 medan tidak diisi dengan lengkap iaitu medan tarikh pelantikan, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, agama, bangsa, gred, kumpulan perkhidmatan, bulan kenaikan gaji, nombor akaun, pilihan sistem saraan, pilihan pencen dan status cukai seperti **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4
Bilangan Medan Kosong Dalam Data Gaji**

Bil.	Medan	Bilangan Kosong
1.	Tarikh Pelantikan	14,986
2.	Tarikh Lahir	84
3.	Nombor Kad Pengenalan	1,987
4.	Agama	113
5.	Bangsa	2,993
6.	Gred	3
7.	Kumpulan Perkhidmatan	11,273
8.	Bulan Kenaikan Gaji	46
9.	Nombor Akaun	50
10.	Pilihan Sistem Saraan	52
11.	Pilihan Pencen	20
12.	Status Cukai	823

Sumber: Data Gaji Perpendaharaan Negeri

- b. **Menurut maklum balas daripada JPN bertarikh 26 April 2012 dan 13 Jun 2012, 12 medan yang tidak diisi dengan lengkap tersebut bukan merupakan medan yang wajib diisi dalam sistem gaji kerana medan tersebut tidak menjelaskan proses pembayaran gaji pegawai. Bagaimanapun butiran tersebut sedang disemak dan tindakan pengemaskinian sedang dibuat sewajarnya.**

2.4.2.2. Kesilapan Kod Akaun

- a. Semakan Audit mendapati terdapat kesilapan kod akaun terhadap 4 borang input di mana kesilapan yang dikenal pasti seperti tunggakan Bayaran Insentif Tugas Kewangan tahun semasa (kod 108) dibayar di bawah Bayaran Insentif Tugas Kewangan (kod 08), tunggakan Bayaran Insentif Tugas Kewangan tahun sebelum (kod 208) dibayar di bawah Bayaran Insentif Tugas Kewangan (kod 08) dan Bayaran Insentif Elaun Kritikal (kod 06) dibayar di bawah Insentif Keraian (kod 13). Keterangan lanjut adalah seperti **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5

Kesilapan Kod Akaun

Bil.	Nombor Borang Input	Kementerian/ Jabatan	Bulan Proses (2011)	Kod Salah	Kod Sebenar
1.	01116	Jabatan Pertanian	Januari	08	108
2.	00762	Jabatan Kerja Raya	Januari	08	208
3.	01415	Jabatan Pengairan dan Saliran	Mei	08	208
4.	01464	Kementerian Pemodenan Pertanian	Mei	13	06

Sumber: Borang Input Unit Gaji Perbendaharaan

- b. Analisis Audit terhadap rekod penerima Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) pula mendapati 11 kes tersalah caj di bawah Imbuhan Tetap Perumahan dan Imbuhan Tetap seperti **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6

Kesilapan Kod Akaun Bagi Data ITKA

Bil.	Nombor Gaji	Gred	Bulan Dibayar		Kod Salah	Kod Sebenar
			Dari (2011)	Hingga (2012)		
1.	055214	N1	Januari	Januari	19	26
2.	060641	R1	Januari	Januari	19	26
3.	060648	R1	Januari	Januari	19	26
4.	060779	R1	Januari	Januari	19	26
5.	062647	N11	Januari	Januari	19	26
6.	021768	W17	September	Januari	19	26
7.	055293	N41	Januari	Januari	19	26
8.	060212	N41	Januari	Januari	19	26
9.	061288	N41	Januari	Januari	19	26
10.	040368	S48	Januari	Januari	26	13
11.	041100	J48	Mei	Januari	26	13

Sumber: Data Gaji Perbendaharaan Negeri

- c. **Maklum balas daripada JPN bertarikh 26 April 2012 memaklumkan tindakan bagi membetulkan kod yang tersalah caj tersebut telah pun dilaksanakan mulai dari pembayaran gaji bulan Januari tahun 2012.**

2.4.2.3. Perbezaan Amaun Kod SODO Antara SPS Dan SCAS

- a. Analisis Audit seterusnya terhadap data SPS dan data SCAS tahun 2011 mendapati terdapat perbezaan amaun bagi 29 jenis kod SODO di antara kedua-dua sistem tersebut sejumlah RM29.8 juta bagi bulan Januari hingga Disember 2011 seperti **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7

Perbezaan Amaun Kod SODO Antara SPS Dan Data SCAS

Bulan	Jumlah Kod SODO Berbeza	Jumlah Mengikut Data SPS (RM Juta)	Jumlah Mengikut SCAS (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
Januari	22	16.05	14.80	-1.25
Februari	21	16.04	14.77	-1.27
Mac	24	15.89	14.56	-1.33
April	24	16.17	14.84	-1.33
Mei	2	-11.25	-12.63	-1.38
Jun	1	-11.24	-12.59	-1.35
Julai	2	-11.35	-12.71	-1.36
Ogos	1	-11.80	-13.68	-1.88
September	1	-11.34	-12.68	-1.34
Okttober	1	-11.40	-12.79	-1.39
November	2	-11.36	-25.43	-14.07
Disember	1	-11.82	-13.67	-1.85
Jumlah	102	-27.41	-57.21	-29.80

Sumber: Data SPS dan Penyata Kewangan 2011 Negeri

- b. **Maklum balas daripada JPN bertarikh 26 April 2012 dan 13 Jun 2012** menyatakan perbezaan ini berlaku disebabkan oleh terdapat pembayaran dan pelarasian yang dibuat terus melalui SIFBAS tanpa melalui SPS seperti pembayaran kerja lebih masa dan lain-lain.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam kawalan aplikasi menjelas integriti pangkalan data SPS. Kaedah mengeksport data SPS ke SCAS sepatutnya dilakukan secara automatik di antara sistem untuk menjaga integriti data serta mengurangkan risiko data terdedah untuk dimanipulasikan oleh pihak ketiga.

2.4.3. Bayaran Emolumen Melalui SPS Yang Tidak Teratur

2.4.3.1. Potongan Bulanan Melebihi 60% Daripada Emolumen

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 1993 menetapkan semua potongan bulanan melalui slip gaji penjawat awam tidak melebihi 60% daripada emolumen bulanannya. Bagaimanapun analisis Audit terhadap data gaji pada bulan November mendapati 566 pegawai yang mempunyai potongan bulanan melalui slip gaji melebihi 60% daripada emolumen mereka.
- b. **Maklum balas daripada JPN bertarikh 26 April 2012 dan 13 Jun 2012** memaklumkan melalui Surat Pekeliling Pek. Bil. 2 Tahun 2008 bertarikh 23 Januari 2008 yang dikeluarkan oleh JKM, pihak Jabatan diarah memastikan kelulusan terhadap potongan hendaklah tidak melebihi daripada 60% emolumen bulanan. Walaupun demikian kadang-kadang berlakunya baki pendapatan kurang daripada 40% daripada emolumen untuk bulan berikutnya adalah disebabkan berlakunya pengurangan pendapatan dalam bulan berikutnya seperti pemberhentian bayaran Imbuhan Tetap Perumahan dan potongan luar daripada kawalan iaitu pinjaman bertindih.

2.4.3.2. Emolumen Terlebih Dan Terkurang Bayar

a. Insentif Tetap Khidmat Awam (ITKA) Terkurang dan Terlebih Bayar

- i. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2006 telah menetapkan kadar baru ITKA bagi pegawai dalam Kumpulan Sokongan manakala Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2005 pula menyatakan Kerajaan bersetuju ITKA bagi Gred 41 dan 42 serta Gred 45 dibayar atas satu kadar sahaja iaitu RM300 dan telah membatalkan kadar ITKA yang ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002. Kadar baru ITKA bagi pegawai dalam Kumpulan Sokongan adalah seperti **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Kadar ITKA Bagi Pegawai Dalam Kumpulan Sokongan

Gred	Kadar Sebulan	
	Semasa (RM)	Baru (RM)
35 – 40	170	220
27 – 34	115	160
25 – 26	100	140
17 – 24	80	115
1 – 16	65	95

Sumber: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2006

- ii. Analisis Audit terhadap data SPS mendapati ITKA telah terkurang bayar kepada 21 penjawat awam pelbagai gred sejumlah RM15,270 di mana kadar ITKA yang dibayar tidak mengikut gred seperti yang telah ditetapkan dalam pekeliling. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
ITKA Terkurang Bayar

Bil.	No. Gaji	Gred	Jumlah Bulan Dibayar (a)	Amaun Yang Dibayar (RM) (b)	Amaun Yang Sepatutnya (RM) (c)	Jumlah Perbezaan (RM) (d) = (c - b) x (a)
1.	060783	R1	13	85	95	130
2.	041044	J17	13	95	115	260
3.	032267	N17	13	95	115	260
4.	062059	S17	13	95	115	260
5.	030418	W17	11	15	115	1,100
6.	034385	R22	13	95	115	260
7.	041192	R22	13	95	115	260
8.	031015	J26	13	115	140	325
9.	042161	G27	13	115	160	585
10.	050828	LS27	13	115	160	585
11.	032583	J29	13	115	160	585
12.	033154	J29	13	115	160	585
13.	050686	J29	13	115	160	585
14.	037925	J36	13	160	220	780
15.	038733	J36	13	160	220	780
16.	041131	N36	13	160	220	780
17.	037114	G41	13	220	300	1,040
18.	038816	G41	13	170	300	1,690
19.	053616	J41	13	220	300	1,040

Bil.	No. Gaji	Gred	Jumlah Bulan Dibayar (a)	Amaun Yang Dibayar (RM) (b)	Amaun Yang Sepatutnya (RM) (c)	Jumlah Perbezaan (RM) (d) = (c - b) x (a)
20.	053572	J41	13	170	300	1,690
21.	037209	W41	13	170	300	1,690
Jumlah				35,005	50,275	15,270

Sumber: Data Gaji Perbendaharaan Negeri

- iii. Analisis Audit seterusnya mendapati ITKA berjumlah RM17,900 terlebih dibayar kepada 6 penjawat awam pelbagai gred seperti **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
ITKA Terlebih Bayar

Bil.	No. Gaji	Gred	Jumlah Bulan Dibayar (a)	Amaun Yang Dibayar (RM) (b)	Amaun Yang Sepatutnya (RM) (c)	Jumlah Perbezaan (RM) (d) = (b - c) x (a)
1.	050702	N11	13	115	95	260
2.	063546	R11	13	180	95	1,105
3.	051254	J17	13	160	115	585
4.	054785	S48	13	550	0	7,150
5.	040368	S48	13	400	0	5,200
6.	041100	J48	9	400	0	3,600
Jumlah				1,805	305	17,900

Sumber: Data Gaji Perbendaharaan Negeri

- iv. **Menurut maklum balas daripada JPN bertarikh 26 April 2012, kes ini telah dirujuk kepada pihak Kementerian/ Jabatan untuk tindakan sewajarnya.**

Pada pendapat Audit, bayaran emolumen terlebih dan terkurang dibayar tidak akan berlaku sekiranya wujud kawalan dalaman dan kawalan aplikasi yang berkesan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan emolumen dapat dilaksanakan dengan teratur dan tepat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa, berikut adalah syor Audit untuk diambil tindakan:

2.5.1. Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Unit Pengurusan Sumber Manusia hendaklah memastikan *State Payroll System* dan sistem IMPIAN diintegrasikan dan dikemas kini bagi memastikan integriti maklumat pegawai dan kesahihan data.

2.5.2. Jabatan Perbendaharaan Negeri hendaklah memastikan kawalan input, kawalan proses dan kawalan output bagi *State Payroll System* dimantapkan untuk menjamin integriti data serta maklumat *State Payroll System* adalah utuh. Ketua Jabatan dan Unit Pengurusan Sumber Manusia hendaklah memastikan kawalan input dan kawalan output ditambah baik dan dipatuhi bagi memastikan data adalah tepat, sahih dan lengkap.

2.5.3. Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan pemantauan terhadap kebenaran pemotongan gaji penjawat awam bagi mengelakkan berlakunya pemotongan melalui slip gaji melebihi 60% daripada jumlah emolumen bulanan pegawai.

2.5.4. Latihan kepada pegawai yang melaksanakan tugas berkaitan pengurusan bayaran emolumen diberikan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan terhadap peraturan yang sedang berkuat kuasa.

JABATAN KETUA MENTERI

3. PENGURUSAN PUSAT LATIHAN PEMBANGUNAN BELIA SANTUBONG

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pusat Latihan Pembangunan Belia (PLPB) adalah institusi latihan kemahiran vokasional di bawah Jabatan Ketua Menteri (JKM). PLPB ditubuhkan pada 16 Julai 1973 dan beroperasi di Jalan Pending, Kuching sehingga Disember 2005. PLPB Santubong dibina dengan kos RM25.19 juta terdiri daripada blok pentadbiran, 2 blok asrama, 4 blok bengkel dan dewan makan dan beroperasi pada bulan Januari 2006. Pada Januari 2006, PLPB telah berpindah ke Jalan Sultan Tengah, Santubong. Matlamat PLPB adalah untuk memberi latihan kepada belia bagi menceburi bidang kemahiran serta melahirkan pekerja mahir dan separuh mahir yang menyumbang kepada pembangunan negara. PLPB menawarkan program latihan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap I dan II dalam 7 jurusan latihan iaitu Pembuat Perabot, Jurubina Bangunan, Jurukerja Paip, Juruteknik Elektronik, Jurukimpal Arka, Juruteknik Instrumen dan Pembuat Pakaian Wanita. PLPB mendapat pentaulahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Malaysia (JPK) untuk kursus yang ditawarkan.

3.1.2. Kelayakan masuk minimum bagi mengikuti latihan Juruteknik Elektronik, Jurukimpal Arka dan Juruteknik Instrumen adalah Sijil Pelajaran Malaysia dan untuk jurusan yang lain, kelayakan minimum adalah Sijil Penilaian Menengah Rendah. Pengambilan pelatih dijalankan 2 kali setahun iaitu sesi Januari dan Julai manakala tempoh latihan bagi setiap sesi adalah 6 bulan. Semua kemudahan seperti penginapan, makan minum, pakaian bengkel dan bahan latihan adalah disediakan secara percuma oleh PLPB. Pelatih juga diberi elauan RM50 sebulan dan bayaran dimasukkan terus ke akaun bank pelatih. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, PLPB telah melatih seramai 2,918 pelatih dan 2,528 daripadanya telah memperoleh SKM.

3.1.3. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, PLPB telah menerima sejumlah RM25 juta peruntukan mengurus di mana RM0.17 juta telah dibelanjakan untuk penyenggaraan bangunan.

3.1.4. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011, pelatih PLPB telah mengambil bahagian dalam pertandingan kemahiran di Peringkat Kebangsaan dan mewakili Malaysia di Peringkat ASEAN dan Dunia. Selain itu, pada tahun 2009 hingga 2011, tenaga pengajar PLPB juga telah dilantik menjadi jurulatih dan pakar negara untuk pertandingan kemahiran di peringkat ASEAN dan Dunia.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada PLPB telah diurus dengan baik dari segi penyediaan fasiliti, pengurusan latihan dan mencapai objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di PLPB dan merangkumi aspek pengurusan fasiliti dan latihan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan, pemerhatian serta temu bual dengan pegawai PLPB. Soal selidik juga diedarkan kepada pelatih untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kemudahan yang disediakan dan keselamatan di PLPB.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada Januari hingga Mac 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan PLPB adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Program latihan belum mencapai kapasiti sebenar PLPB.
- Tiada program lanjutan latihan/pembangunan kerjaya.
- PLPB Santubong belum memperoleh Sijil Menduduki.
- Pengurusan sistem keselamatan dan pencegah kebakaran tidak memuaskan seperti sistem penggera kebakaran dan gelung hos Bomba tidak disenggara serta sistem *ducting* di bengkel kimpalan yang tidak sesuai.
- Pengurusan penyenggaraan bangunan PLPB yang tidak memuaskan.
- Sistem kumbahan yang tidak berfungsi.
- Perkhidmatan mencuci dan membersih yang tidak memuaskan.
- Stok bahan latihan tidak disimpan dengan teratur
- Peralatan usang tidak dilupuskan.
- PLPB digunakan untuk menyimpan kenderaan usang, barang dan dokumen lama milik JKM dan Jabatan lain yang belum dilupuskan.

3.4.1. Pengurusan Latihan

Mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), tempoh latihan minimum yang ditetapkan bagi setiap tahap adalah 600 jam. Bagi memastikan syarat pentauliahian dipatuhi, kehadiran pelatih direkodkan setiap hari dan dikemukakan kepada pihak JPK. Semakan Audit mendapati pelatih yang memenuhi kriteria di atas dan tamat latihan serta

mendapat sijil JPK bagi tahun 2007 hingga tahun 2011 adalah antara 78.6% hingga 91.1% seperti **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Pencapaian Pensijilan PLPB Setakat Disember 2011

Tahun	Tahap	Bilangan Pelatih Semasa	Bilangan Pelatih Tamat Latihan (Graduan)	Peratusan Graduan (%)
2007	I	367	278	75.8
	II	329	269	81.8
Jumlah		696	547	78.6
2008	I	323	262	81.1
	II	264	243	92.0
Jumlah		587	505	86.0
2009	I	282	242	85.8
	II	256	245	95.7
Jumlah		538	487	90.5
2010	I	317	267	84.2
	II	260	248	95.4
	Pengimpalan Struktur	16	15	93.8
Jumlah		593	530	89.4
2011	I	240	200	83.3
	II	249	244	98.0
	Pengimpalan Struktur	15	15	100
Jumlah		504	459	91.1

Sumber: Pusat Latihan Pembangunan Belia

3.4.1.1. Program Latihan Belum Mencapai Kapasiti Sebenar

PLPB menawarkan 7 jurusan latihan dan mensasarkan 1060 pelatih menyertai program ini setiap tahun. Semakan Audit mendapati PLPB ada menawarkan 7 jurusan latihan namun kapasiti pengambilan pelatih tidak tercapai. Analisis Audit seterusnya mendapati bilangan pelatih yang menyertai PLPB pada keseluruhannya adalah kurang daripada kapasiti PLPB dan menunjukkan trend yang menurun bagi tahun 2007 hingga 2011 seperti **Jadual 3.2** dan **Carta 3.1**.


Jadual 3.2
Kapasiti Bidang Latihan Berbanding Bilangan Pelatih Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Bidang Latihan	Kapasiti Pelatih	Tahun				
			2007	2008	2009	2010	2011
1.	Tukang Perabot	50	26	11	19	40	9
	Tukang Perabot Kanan	50	7	4	6	14	10
2.	Jurubina Bangunan Tahap I	50	22	12	14	29	13
	Jurubina Bangunan Tahap II	50	16	9	11	6	16
3.	Jurukerja Paip Tahap I	50	41	41	42	44	32
	Jurukerja Paip Tahap II	50	22	22	28	36	24
4.	Juruteknik Elektronik Industri Tahap I	100	67	53	38	31	56
	Juruteknik Elektronik Industri Tahap II	100	60	37	33	29	31

Bil.	Bidang Latihan	Kapasiti Pelatih	Tahun				
			2007	2008	2009	2010	2011
5.	Jurukimpal Arka (SMAW) Tahap I	100	101	105	76	72	77
	Jurukimpal Arka (SMAW) Tahap II	100	86	82	77	59	60
	Jurukimpal Arka (GTAW) Tahap II	60	45	56	42	39	42
	Pengimpalan Struktur (Kolaborasi PETRONAS) (Bermula pada Tahun 2010)	20	-	-	-	16	15
6.	Juruteknik Instrumen Tahap I (sehingga tahun 2010)	50	34	32	32	35	-
	Juruteknik Instrumen Tahap II	50	35	26	26	31	37
7.	Pembuat Pakaian Wanita Tahap I	100	76	69	61	66	53
	Pembuat Pakaian Wanita Tahap II	100	58	28	33	46	29
Jumlah		1,080 *	696	587	538	593	504

Sumber: Pusat Latihan Pembangunan Belia

Nota: * Termasuk 20 pelatih Pengimpalan Struktur (kolaborasi PETRONAS)



Sumber: Pusat Latihan Pembangunan Belia

3.4.1.2. Tiada Program Lanjutan Latihan/Pembangunan Kerjaya

Semakan Audit mendapati semua latihan yang ditawarkan oleh PLPB sehingga tahap II sahaja. PLPB tidak mempunyai program atau kolaborasi dengan institusi kemahiran lain bagi membolehkan pelatih melanjutkan latihan ke tahap yang lebih tinggi. Adalah diperhatikan tiada program disediakan bagi membantu pelatih yang telah tamat latihan untuk ditawarkan kepada pasaran tenaga kerja untuk peluang pekerjaan. Selain itu, PLPB tidak mempunyai maklumat lepasan pelatih untuk mengesan permintaan tenaga kerja mengikut bidang terhadap lulusan PLPB serta bidang yang diceburi oleh pelatih selepas tamat pengajian. **Maklum balas daripada PLPB bertarikh 15 Mei 2012 memaklumkan telah berhubung dengan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Sarawak Corridor of Renewal Energy (SCORE) seperti Press Metal dan Tokuyama pada Januari 2012 untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan dan peluang pekerjaan atau tempat latihan untuk pelatih-pelatih PLPB. Selain itu, pada Mac 2012, PLPB juga**

ada menjemput syarikat-syarikat yang berkaitan untuk mengadakan temu duga pada majlis konvokesyen.

Pada pendapat Audit, PLPB telah berjaya menyediakan program latihan bagi melatih belia dalam bidang kemahiran. Bagaimanapun, bilangan pelatih yang menyertai program ini adalah rendah berbanding kapasiti yang ada. PLPB juga tidak mempunyai program yang menawarkan latihan ke tahap yang lebih tinggi. Oleh itu, PLPB patut mengadakan kolaborasi dengan institusi kemahiran yang lain untuk memberi peluang kepada pelatih meningkatkan lagi kemahiran/pengetahuan mereka.

3.4.2. Pengurusan Keselamatan

Lawatan dan pemeriksaan Audit yang dijalankan di PLPB pada awal Februari 2012 mendapati beberapa kelemahan dari aspek pengurusan keselamatan seperti berikut:

3.4.2.1. PLPB Santubong Belum Memperoleh Sijil Menduduki

Semakan Audit mendapati setakat tarikh pengauditan, Sijil Menduduki PLPB masih belum diperolehi. PLPB tidak membuat susulan dengan Dewan Bandaraya Kuching Utara terhadap perkara ini sejak PLPB diserahkan pada tahun 2006. Satu mesyuarat telah diadakan oleh pihak PLPB bersama Jabatan Kerja Raya, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan perunding pada 23 Ogos 2011 untuk membincangkan status perolehan Sijil Menduduki yang belum diluluskan. Bagaimanapun, Jabatan Bomba Dan Penyelamat tidak dijemput bersama dalam mesyuarat ini.

3.4.2.2. Sistem Pencegah Kebakaran Dan Keselamatan

Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam sistem pencegah kebakaran seperti berikut:

a. Gelung Hos Bomba Tidak Disenggara

Pemeriksaan Audit mendapati alat pemadam api dan gelung hos bomba ada dipasang di tempat tertentu. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap gelung hos bomba di Blok Pentadbiran, Asrama Lelaki, Asrama Wanita serta Dewan Makan mendapati ia tidak disenggara dengan memuaskan seperti berikut:

- i. Pintu bagi beberapa tempat menyimpan gelung hos bomba didapati rosak dan tidak dibaiki. Diperhatikan juga barang lain seperti penyapu, mop dan tin disimpan bersama gelung hos bomba seperti **Gambar 3.1**.



Gambar 3.1
Barang Lain Juga Disimpan Tempat
Menyimpan Gelung Hos Bomba

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 13 Februari 2012

- ii. Semasa pemeriksaan Audit dijalankan, didapati tekanan air adalah rendah dan pili air berkarat, tidak berfungsi serta hilang. Selain itu, *wet riser* juga dalam keadaan yang tidak memuaskan seperti **Gambar 3.2** hingga **Gambar 3.5**.

Gambar 3.2
Tekanan Air Rendah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 13 Februari 2012

Gambar 3.3
Pili Air Tidak Dapat Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 13 Februari 2012

Gambar 3.4
Pili Air Telah Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 15 Februari 2012

Gambar 3.5
Wet Riser Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 13 Februari 2012

b. Sistem Penggera Kebakaran Tidak Disenggara

Pemeriksaan Audit mendapati sistem penggera kebakaran tidak disenggara di beberapa lokasi seperti loceng penggera kebakaran telah hilang dan kebanyakan *break glass* pecah dan tidak berfungsi seperti **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

c. Sistem Ducting Di Bengkel Kimpalan Yang Tidak Sesuai

Pemeriksaan Audit mendapati reka bentuk 2 bengkel kimpalan di PLPB adalah tidak sesuai kerana ditempatkan dalam ruang tertutup dan sistem *ducting* yang kurang sesuai kerana dipenuhi asap kimpalan semasa latihan amali dijalankan. Bagaimanapun, bengkel kimpalan yang ditaja oleh Petronas di PLPB telah diubahsuai dengan lebih baik kerana setiap *welding bay* telah dipasang dengan sistem *ducting* sendiri. Keadaan sistem *ducting* di Bengkel Kimpalan PLPB dan Bengkel Kimpalan tajaan Petronas adalah seperti **Gambar 3.8** dan **Gambar 3.9**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Februari 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Februari 2012

Pada pendapat Audit, Sijil Menduduki sepatutnya diperoleh sebelum bangunan tersebut diduduki bagi menjamin keselamatan semua pihak dan semua sistem keselamatan diperiksa serta diuji. Sistem pencegah kebakaran perlu dipasang dan disenggara supaya mematuhi standard dari segi keselamatan. Selain itu, PLPB hendaklah mengambil kira keselamatan pelatih dan menambah baik sistem *ducting* di bengkel kimpalan.

3.4.3. Pengurusan Penyenggaraan Bangunan

3.4.3.1. Penyenggaraan Blok Asrama Lelaki Dan Wanita Tidak Memuaskan

- a. Lawatan Audit ke asrama mendapati *gutter* telah rosak dan tidak disenggara, siling bocor di merata tempat, tandas kotor, kipas angin rosak, pendawaian yang merbahaya dan soket elektrik yang rosak tidak diganti. Selain itu, bangunan asrama didapati kotor dan penyenggaraan tidak dilakukan. Keadaan ini telah menjelaskan persekitaran yang kondusif bagi pelatih dan boleh juga menimbulkan risiko keselamatan. Contoh keadaan adalah seperti **Gambar 3.10** hingga **Gambar 3.13**.

Gambar 3.10
Gutter Tidak Disenggara




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 8 Mac 2012

Gambar 3.11
Siling Bocor Di Asrama Lelaki




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.12
Siling Bocor Di Asrama Lelaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.13
Keadaan Pendawaian Yang Berbahaya Di Asrama Lelaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

- b. Lawatan Audit ke bilik asrama mendapati bilik disediakan dengan katil 2 tingkat, loker, kipas angin siling dan lampu. Bagaimanapun, tiada meja, kerusi dan soket elektrik disediakan dalam bilik. Oleh sebab soket elektrik tidak disediakan dalam bilik untuk menggunakan peralatan seperti radio, komputer dan telefon bimbit, pelatih telah menyambung wayar elektrik terus dari lampu atau menggunakan soket elektrik dari luar bilik seperti **Gambar 3.14** hingga **Gambar 3.17**. Selepas teguran Audit, **PLPB melalui maklum balas bertarikh 15 Mei 2012, memaklumkan beberapa tindakan telah diambil seperti dinding asrama lelaki telah dicat dan kelengkapan elektrik seperti kipas serta soket elektrik telah dipasang di semua bilik asrama lelaki.**

Gambar 3.14
Wayar Disambung Dari Lampu Ke Bilik




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 3.15
Wayar Disambung Dari Lampu Ke Bilik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 19 Jun 2012

Gambar 3.16
Soket Elektrik Luar Bilik Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2011

Gambar 3.17
Soket Elektrik Luar Bilik Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 19 Jun 2012

- c. Semakan Audit terhadap Laporan Kelengkapan Bilik Dan Perabot Asrama yang disediakan oleh PLPB pada Disember 2011, mendapati 84 bilik sesuai digunakan dan 84 bilik lagi tidak sesuai digunakan. Pemeriksaan Audit mendapati bilik tidak sesuai digunakan kerana terdapat kerosakan pada pintu dan tingkap manakala peralatan/kemudahan lain seperti tilam, bantal, suis dan kipas angin siling telah rosak atau hilang dan tidak diperbaiki atau diganti. Selepas teguran Audit, tindakan pembetulan bagi beberapa perkara telah diambil oleh pihak PLPB. Contoh peralatan/kemudahan yang rosak adalah seperti **Gambar 3.18** hingga **Gambar 3.25**.

Gambar 3.18
Keadaan Bilik Pelatih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.19
Pintu Bilik Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.20
Loker Bilik Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.21
Katil Dan Tilam Rosak Disimpan Di Bilik Asrama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.22
Suis Kipas Angin Rosak Dan Merbahaya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.23
Suis Kipas Angin Telah Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 19 Jun 2012

Gambar 3.24
Kipas Angin Telah Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.25
Kipas Angin Telah Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 19 Jun 2012

3.4.3.2. Penyenggaraan Dewan Makan

- a. PLPB tidak ada melantik kontraktor bagi menjalankan perkhidmatan penyenggaraan di PLPB. Perolehan perkhidmatan penyenggaraan hanya dipanggil oleh PLPB sekiranya ada keperluan. Pemeriksaan Audit di Dewan Makan mendapati kebocoran yang teruk dan *railing* di bahagian belakang Dewan Makan didapati berkarat dan rosak seperti **Gambar 3.26** dan **Gambar 3.27**.

Gambar 3.26
Siling Bocor Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.27
Railing Telah Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

- b. Kebersihan di sekitar kawasan Dewan Makan dan dapur adalah tidak memuaskan. Adalah didapati sisa makanan dan minyak daripada dapur dibuang terus ke longkang kerana tiada perangkap minyak dan sisa makanan disediakan. Keadaan adalah seperti **Gambar 3.28** dan **Gambar 3.29**. Selepas teguran Audit, **pihak PLPB melalui maklum balas bertarikh 15 Mei 2012, telah menjalankan kerja membaik pulih sistem saluran air kotor di dapur dan telah memasang saluran paip dari singki ke grease interceptor**. Selain itu, PLPB juga telah menempatkan 2 orang pekerja untuk membantu memantau kerja pembersihan di Dewan Makan.

Gambar 3.28
Kawasan Sekitar Dapur Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.29
Longkang Penuh Dengan Minyak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Pada keseluruhannya, keadaan di asrama dan Dewan Makan PLPB adalah tidak memuaskan. Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan penyenggaraan dilakukan dan kerosakan dibaiki.

3.4.4. Sistem Kumbahan Yang Tidak Berfungsi

Pemeriksaan Audit pada awal Mac 2012 mendapati sistem kumbahan di PLPB tidak berfungsi dan tersumbat. Keadaan tangki kumbahan adalah seperti **Gambar 3.30** dan **Gambar 3.31**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 8 Mac 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 8 Mac 2012

Pada pendapat Audit, PLPB perlu mengambil tindakan dengan segera bagi membaiki tangki kumbahan yang tersumbat untuk mengelakkan sisa kumbahan melimpah keluar dan mencemar kawasan PLPB.

3.4.5. Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Yang Tidak Memuaskan

3.4.5.1. Pemeriksaan Audit mendapati PLPB telah melantik sebuah syarikat untuk melaksanakan perkhidmatan mencuci dan membersih PLPB. Semakan Audit mendapati dari tahun 2007 hingga 2011, sejumlah RM245,148 telah dibelanjakan untuk perkhidmatan ini. Antara perkhidmatan harian dan mingguan yang perlu dilakukan oleh kontraktor adalah seperti **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3

Jadual Mencuci Dan Membersih

Bil.	Tempat	Jadual	Perkara
1.	Asrama Lelaki	Harian	Membersih tandas termasuk mencuci, menggosok, mop dan <i>sanitizing</i> manguk tandas, lantai, tingkap, pintu, basin basuh dan cermin serta membuang sampah-sarap
2.	Asrama Perempuan	Harian	
3.	Dewan Makan/Dapur	Harian	
4.	Blok Pentadbiran	Harian	Mengelap jendela, pintu dan dinding kaca untuk tempat pada paras 6 kaki daripada paras bumi
5.	Dewan Makan	Harian	
6.	Blok Pentadbiran	Mingguan	Vakum Karpet Mengelap jendela, pintu dan dinding kaca untuk tempat melebihi 6 kaki daripada paras bumi
7.	Dewan Makan	Mingguan	Mencuci kipas angin di siling dan lampu Mengilap jendela, pintu dan dinding kaca untuk tempat melebihi 6 kaki daripada paras bumi

Sumber: Pusat Latihan Pembangunan Belia

3.4.5.2. Lawatan dan pemeriksaan Audit mendapati perkhidmatan yang diberi adalah tidak memuaskan. Tandas dan bilik mandi di asrama lelaki didapati kotor dan tidak dicuci. Dinding kaca, jendela dan kipas angin juga diperhatikan tidak dibersihkan. Keadaan adalah seperti **Gambar 3.32** hingga **Gambar 3.36**. Selepas teguran Audit, **PLPB melalui maklum balas bertarikh 15 Mei 2012, telah memperketat pemantauan terhadap perkhidmatan mencuci dan membersih dengan penggunaan Borang Penilaian Prestasi Perkhidmatan.**

Gambar 3.32
Tandas Kotor Di Asrama Lelaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.33
Bilik Mandi Kotor Di Asrama Lelaki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.34
Kipas Angin Kotor Di Dewan Makan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Januari 2012

Gambar 3.35
Jendela Kotor Di Dewan Makan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 7 Mac 2012



Gambar 3.36
Dinding Kaca Kotor Di Bilik Pentadbiran

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 24 April 2012

Pada pendapat Audit, PLPB perlu memantau kerja mencuci dan membersih dengan rapi supaya kontraktor melakukan kerja seperti yang ditetapkan dalam kontrak dan pembayaran perkhidmatan hendaklah berdasarkan kesempurnaan kerja yang dilakukan.

3.4.6. Stok Bahan Latihan Tidak Disimpan Dengan Teratur

Semakan Audit mendapati rekod stok bahan latihan seperti elektrod, paip dan komponen elektronik tidak diseleggarakan dengan lengkap dan teratur manakala pemeriksaan fizikal mendapati stok tidak disimpan dengan teratur seperti **Gambar 3.37** hingga **Gambar 3.39**.

Gambar 3.37
Keadaan Bilik Menyimpan Elektrod



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: PLPB

Tarikh: 9 Februari 2012

Gambar 3.38
Keadaan Stok Elektronik



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: PLPB

Tarikh: 16 Februari 2012



Gambar 3.39
Keadaan Stor Plumbing

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: PLPB

Tarikh: 14 Februari 2012

Pada pendapat Audit, stok bahan latihan perlu disimpan di tempat yang sesuai dan dengan teratur. Rekod stok perlu diselenggarakan dan semua peraturan yang berkaitan perlu dipatuhi bagi memastikan semua pengeluaran stok adalah teratur.

3.4.7. Peralatan Usang Tidak Dilupuskan

Pemeriksaan Audit mendapati peralatan usang dan rosak sejak tahun 2006 seperti peralatan kimpalan, kerja paip, komputer, pencetak dan mesin fotostat disimpan di stor dan belum dilupuskan. Antara peralatan tersebut adalah seperti **Gambar 3.40** hingga **Gambar 3.43**.

Gambar 3.40
Peralatan Kimpalan Yang Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 16 Februari 2012

Gambar 3.41
Peralatan Plumbing Yang Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 16 Februari 2012

Gambar 3.42
Peralatan Usang Di Blok Pentadbiran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 16 Februari 2012

Gambar 3.43
Tilam Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Februari 2012

Pada pendapat Audit, PLPB perlu mengambil tindakan segera untuk pelupusan bagi mengelakkan PLPB kekurangan ruang untuk tujuan latihan dan persekitarannya tercemar.

3.4.8. PLPB Digunakan Untuk Menyimpan Kenderaan Usang, Barang Dan Dokumen Lama Milik JKM/Jabatan Lain Yang Belum Dilupuskan

Lawatan Audit pada awal Januari 2012 mendapati PLPB juga dijadikan tempat untuk menyimpan kenderaan usang, barang dan dokumen lama milik JKM dan Jabatan lain seperti berikut:

3.4.8.1. Kenderaan Usang

Adalah didapati 14 kenderaan yang rosak dan usang diparkir di perkarangan PLPB. Laporan Ketua Audit Negara, Sarawak Tahun 2009 ada melaporkan mengenai 6 kenderaan iaitu QSG301, SG2249AQ, SG9444AQ, QSG227, QSG1104 dan QSG1668

kepunyaan JKM telah diluluskan untuk pelupusan pada awal tahun 2010. Bagaimanapun, kenderaan tersebut tidak dilupuskan sebaliknya ia telah dipindah ke PLPB sebagai tempat transit sebelum dilupuskan. Semakan Audit seterusnya mendapati model dan nombor pendaftaran kenderaan adalah seperti **Jadual 3.4**. Keadaan kenderaan adalah seperti **Gambar 3.44** dan **Gambar 3.45**. **Maklum balas daripada JKM bertarikh 10 Mei 2012, memaklumkan pelupusan tidak dilaksanakan kerana 7 orang penender yang berjaya telah menolak tawaran tersebut.**

**Jadual 3.4
Kenderaan Usang**

Bil.	Jenis Kereta	No. Pendaftaran
1.	Mitsubishi Pajero	QSG301 *
2.	Mercedes S320	-
3.	Volvo 940 GL	-
4.	Proton Saga	SG2249AQ *
5.	Mercedes	SG9444AQ *
6.	Mercedes 200E	QSG227 *
7.	Mercedes 230E	-
8.	BMW	QSG1104 *
9.	Proton Perdana	QSG1668 *
10.	Coaster	SG2247AQ
11.	Proton Perdana	QSG2147
12.	Proton Perdana V6	QSG2581
13.	Proton Perdana	QSG2579
14.	Volvo 940GL	QSG1409

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * Telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Sarawak, Tahun 2009 Untuk Tujuan Pelupusan

**Gambar 3.44
Kenderaan Usang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 15 Februari 2012

**Gambar 3.45
Kenderaan Usang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 15 Februari 2012

3.4.8.2. Barang Dan Dokumen Lama

Pemeriksaan Audit juga mendapati 5 bilik di blok bengkel jahitan dipenuhi dengan barang usang milik JKM dan jabatan lain seperti dokumen lama, kerusi dan mesin pencetak rosak. Ini menyebabkan 5 bilik tersebut tidak dapat digunakan seperti **Gambar 3.46** hingga **Gambar 3.49**.

Gambar 3.46
Pencetak Rosak Dan Peti Sejuk Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Februari 2012

Gambar 3.47
Kerusi Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Februari 2012

Gambar 3.48
Dokumen Lama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Februari 2012

Gambar 3.49
Dokumen Lama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PLPB
Tarikh: 9 Februari 2012

Pada pendapat Audit, kemudahan serta ruang di PLPB hendaklah digunakan untuk mencapai objektif penubuhannya dan bukan sebagai tempat penyimpanan barang usang.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan Pusat Latihan Pembangunan Belia dan Jabatan Ketua Menteri adalah disyorkan mengambil langkah seperti berikut:

3.5.1. Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji semula hala tuju penubuhan Pusat Latihan Pembangunan Belia memandangkan institusi kemahiran kerajaan yang diuruskan oleh agensi lain telah berkembang dan turut menawarkan program yang sama sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Kerajaan Negeri perlu mempertimbangkan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan institusi kemahiran kerajaan yang lain dari segi tenaga kerja, kemudahan latihan dan modul kursus untuk mengoptimumkan kapasiti PLPB serta menjimatkan kos.

3.5.2. Pusat Latihan Pembangunan Belia perlu memastikan keselamatan keseluruhan bangunan dengan menambah baik peralatan keselamatan serta pematuhan kepada syarat keselamatan agar Sijil Menduduki boleh dikeluarkan oleh pihak berwajib.

3.5.3. Pusat Latihan Pembangunan Belia hendaklah mengenal pasti kerosakan pada bangunan, kemudahan, peralatan, sistem keselamatan, kebakaran dan elektrik serta persekitaran dan seterusnya mengambil tindakan segera untuk memastikan penyenggaraan dilakukan dan kerosakan dibaiki. Kerja penyenggaraan dan pembersihan perlu dipantau dengan lebih ketat supaya tahap kebersihan Pusat Latihan Pembangunan Belia bertambah baik.

3.5.4. Pusat Latihan Pembangunan Belia perlu membuat penilaian terhadap kemajuan kerjaya pelatih yang tamat latihan.

3.5.5. Pusat Latihan Pembangunan Belia perlu mengambil tindakan pelupusan dengan segera agar ruang serta kemudahan di Pusat Latihan Pembangunan Belia boleh dimanfaatkan sepenuhnya.

UNIT PERANCANG NEGERI, JABATAN KETUA MENTERI

4. PELAKSANAAN PROJEK INFRASTRUKTUR JALAN DI BAWAH PERUNTUKAN KHAS RM1 BILION

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Pada bulan Jun 2008, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Peruntukan Khas RM1 Bilion untuk Negeri Sarawak sebagai sebahagian daripada peruntukan tambahan setelah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dilakukan. Peruntukan Khas ini merupakan kelulusan secara *one-off* untuk projek RMKe-9 dan tiada projek sambungan diluluskan pada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek pembangunan yang dilaksanakan di bawah peruntukan ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tahun 2009 hingga 2010 supaya dapat dinikmati oleh rakyat dengan segera. Antara kriteria pemilihan adalah projek yang dilaksanakan hendaklah *people centric*, dapat meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar dengan menjana aktiviti ekonomi dan pertanian, memberi akses dan memperkasakan prasarana luar bandar serta mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar. Projek hendaklah sedia untuk dilaksanakan iaitu tapak telah dikenal pasti, diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri (MPN) serta reka bentuk projek telah disediakan dan proses tender boleh diteruskan.

4.1.2. Agensi Negeri yang terlibat dalam pelaksanaan, penyelaras dan pemantauan projek infrastruktur jalan di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion ini adalah seperti **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Agensi Kerajaan Terlibat Dalam Pengurusan Projek Di Bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion

Bil.	Agensi	Peranan
1.	Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP)	Penyelaras dan pemantau pelaksanaan projek di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion
2.	Unit Perancang Negeri (UPN)	Merancang dan menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Pemilihan Projek Peruntukan Khas RM1 Bilion
3.	Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU)	Memantau pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-9 termasuk pelaksanaan projek di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion
4.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	Agensi Pelaksana Negeri
5.	Perbadanan Kemajuan Perkayuan Sarawak (PUSAKA)	Agensi Pelaksana Negeri

Sumber: Unit Perancang Negeri

4.1.3. Peruntukan Khas RM1 Bilion ini disalurkan melalui Agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak (PPNS). Daripada peruntukan ini, sejumlah RM585.05 juta atau 58.5% diluluskan untuk 31 projek infrastruktur jalan, iaitu RM490.05 juta untuk pelaksanaan 30 projek infrastruktur jalan oleh JKR dan sejumlah RM95 juta untuk satu projek oleh PUSAKA. Baki sejumlah RM414.95 juta atau 41.5% adalah peruntukan khas

untuk wakil rakyat dan peruntukan untuk projek seperti projek infrastruktur sosial, kawalan hakisan tebing, tebatan banjir, naik taraf sekolah Majlis Islam Sarawak, pembinaan serta naik taraf tempat ibadah, bekalan air serta elektrik luar bandar, pembangunan komuniti dan pembaikan kecil.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek infrastruktur jalan di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion telah diurus dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi projek infrastruktur jalan di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pemeriksaan Audit dilaksanakan di UPN, JKR, PUSAKA, PPNS, SIMU, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan (Kementerian) dan Jabatan Tanah Dan Survei (JTS). Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat berdasarkan rekod kewangan, perjanjian kontrak, laporan kemajuan, minit mesyuarat, laporan pemantauan serta dokumen yang berkenaan. Lawatan Audit ke tapak projek di Bahagian Kuching, Sri Aman, Betong, Mukah dan Samaraham serta temu bual dengan pegawai penyelia juga dilakukan untuk mendapatkan pengesahan dan maklum balas.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara September hingga Disember 2011 dan berdasarkan sampel Audit mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek infrastruktur jalan adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi pelaksanaan projek kurang memuaskan kerana hanya 14 atau 45.2% daripada 31 projek dapat disiapkan dan hanya RM271.07 juta atau 46.3% daripada peruntukan dibelanjakan setakat 31 Disember 2010.
- Kelemahan dalam perancangan projek iaitu proses pemilihan projek 8 hingga 10 bulan, pelaksanaan projek melangkaui tempoh ditetapkan, masalah tapak, pelantikan kontraktor tidak memenuhi syarat penilaian ditetapkan, proses pengurusan tender terlalu lama dan projek digugur setelah perbelanjaan dilakukan.
- Projek tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan masalah komponen projek yang belum dilaksanakan.
- Kualiti kerja kurang memuaskan kerana tidak mematuhi spesifikasi kontrak.

4.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

Mesyuarat Penyelarasan Projek-projek Peruntukan Khas RM1 Bilion Negeri Sarawak Bil.2/2009 yang diadakan pada awal Januari 2009 memutuskan projek mestilah dilaksanakan serta disiapkan sepenuhnya pada akhir tahun 2010. Semakan Audit yang dijalankan mendapati:

4.4.1.1. Pada 31 Disember 2010, 14 daripada 31 projek telah disiapkan sepenuhnya manakala 17 projek tidak siap. Perbelanjaan setakat 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM271.07 juta atau 46.3% daripada peruntukan yang diluluskan. Analisis Audit mendapati daripada 31 projek infrastruktur jalan yang diluluskan pelaksanaannya, 13 daripada 18 projek menaiktaraf infrastruktur jalan yang sedia ada dan satu daripada 13 projek membina jalan baru dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir tahun 2010. Manakala pada 31 Disember 2011 didapati masih terdapat 9 projek yang belum disiapkan dengan kos sejumlah RM196.19 juta. Prestasi kewangan dan fizikal projek infrastruktur jalan pada 31 Disember 2010 dan 31 Disember 2011 adalah seperti **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Prestasi Kewangan Dan Fizikal Projek Infrastruktur
Jalan Pada 31 Disember 2010 Dan 31 Disember 2011

Agensi	Bil. Projek	Peruntukan (RM Juta)	Prestasi Kewangan		Prestasi Fizikal Projek			
			31.12.2010	31.12.2011	31.12.2010		31.12.2011	
			(RM Juta)	(RM Juta)	Siap	Tidak Siap	Siap	Tidak Siap
JKR	30	490.05	267.27	361.33	14	16	22	8
PUSAKA	1	95.00	3.80	35.86	0	1	0	1
Jumlah	31	585.05	271.07	397.19	14	17	22	9*

Sumber: Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Kemajuan Perkayuan Sarawak

Nota: * Jumlah perbelanjaan untuk 9 projek tidak siap setakat 31 Disember 2011 adalah sejumlah RM196.19 juta

4.4.1.2. Status projek yang masih belum disiapkan setakat 31 Disember 2011 adalah 4 projek sakit, 2 lewat jadual, satu ikut jadual dan 2 dahulu jadual. Antara sebab 4 projek sakit bernilai RM86 juta adalah kerana: prestasi kontraktor tidak memuaskan; keupayaan kewangan kontraktor yang rendah dan kontraktor menghadapi masalah kekurangan bahan binaan seperti pasir pada musim tengkujuh. Dua projek iaitu Pembinaan Jalan Isthmus, Kuching dan Cadangan Jalan Bermula Dari Simpang Serdeng Melalui Bandar Baru Tanjung Manis, Taman Halal dan Kampung Rajang, Mukah bernilai RM195 juta lewat jadual antara 11.2% hingga 22.9%. Antara punca kelewatan adalah masalah tapak; kekurangan bahan konkrit; masalah logistik menyukarkan pergerakan jentera; pengalihan tiang utiliti pada peringkat awal projek lewat dilakukan; dan kekurangan jentera serta tenaga pekerja. Status projek masih belum siap pada 31 Disember 2011 adalah seperti **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Status Projek Tidak Siap Pada 31 Disember 2011

Bil.	Projek	Kos Projek (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Tarikh Mula	Tarikh Siap/ (Dijangka Siap)	Prestasi Fizikal
1.	Pembinaan Jalan Opar RGC, Bau, Kuching	10.00	3.68	03.10.2011	(02.08.2012)	DJ (1.0)
2.	Pembinaan Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub/Jalan Matang Link Road, Kuching/Jalan Masuk Ke Kampung Bintawa Sewerage Plant, Kuching	10.00	2.31	14.02.2012	(13.11.2012)	DJ (0.1)
3.	Pembinaan Jalan Bau/ Semadang, Bengoh, Bau, Kuching	74.00	53.19	12.08.2009	(11.08.2012)	IJ (0.1%)
4.	Pembinaan Jalan Isthmus, Kuching Sumber Dana: i) RM100 juta – Peruntukan Khas RM1 Bilion ii) RM113 juta – Kerajaan Negeri	213.00	100.00	14.09.2009	(13.03.2012)	LJ (11.2%)
5.	Cadangan Jalan Bermula Dari Simpang Serdeng Melalui Bandar Baru Tanjung Manis, Taman Halal Dan Kampung Rajang, Bahagian Mukah	95.00	13.00	26.08.2010 Pakej A	(25.08.2012)	LJ (22.9%)
				26.08.2010 Pakej B	(05.02.2012)	LJ (17.6%)
6.	Naik taraf Jalan Biawak Lundu, Kuching	30.00	10.29	28.08.2009	(27.02.2011) Notis Penamatan Kontrak dikeluarkan pada 22.02.2012	S (58.7%)
7.	Membina Dan Menurap Jalan Tebedu-Darul Iman-Darul Insan Jaya-Temong-Darul Fa'lah-Darul Huda-Tepoi, Samarahan	15.00	6.43	10.03.2010	(09.03.2011) Notis Penamatan Kontrak dikeluarkan pada 22.02.2012. (Tempoh Tanggungan Kecacatan telah dikenakan sejumlah RM0.49 juta setakat 15.12.2011)	S (55.6%)
8.	Pembinaan Jalan Pasir Pandak/ Pasir Panjang,Santubong, Kuching	11.00	6.35	10.06.2010	(02.11.2011) (Tempoh Lanjutan Masa 146 hari iaitu sehingga April 2012)	S (26.4%)
9.	Pembinaan Jalan dari Lawas ke Long Sukang, Limbang	30.00	0.94	12.01.2011	(11.04.2012)	S (82.3%)
Jumlah		488.00	196.19			

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Nota: S - Sakit
LJ - Lewat Jadual DJ - Dahulu Jadual
IJ - Ikut Jadual

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan di mana hanya 14 daripada 31 projek siap dan hanya RM271.07 juta atau 46.3% peruntukan dibelanjakan pada 31 Disember 2010. Agensi Pelaksana hendaklah mempertingkatkan pemantauan serta penyelarasan masalah semasa pelaksanaan supaya semua projek dapat disiapkan dan faedahnya dapat dinikmati oleh rakyat dalam tempoh yang ditetapkan.

4.4.2. Kelemahan Dalam Perancangan Projek

Semakan Audit mendapati projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan kelemahan dalam perancangan projek seperti berikut:

4.4.2.1. Proses Pemilihan Projek 8 Hingga 10 Bulan

- a. Mesyuarat Penyelarasan Projek-projek Peruntukan Khas RM1 Bilion Negeri Sarawak Bil.3/2009 pada 23 Januari 2009 memutuskan UPN menyemak dan menyelaras semula senarai projek yang hendak dilaksanakan di bawah peruntukan khas ini supaya peruntukan mencukupi dan projek siap dalam tempoh 2 tahun. Senarai lengkap hendaklah dikemukakan ke UPP selewat-lewatnya pada 19 Januari 2009. Semakan Audit mendapati proses untuk dimuktamadkan senarai projek mengambil masa antara 8 hingga 10 bulan. Pada Julai 2008, JKR telah mengemukakan senarai 24 projek luar bandar RMKe-9 (Kajian Separuh Penggal) berjumlah RM756.50 juta kepada UPN. Semakan Audit seterusnya mendapati senarai projek hanya dimuktamadkan antara Mac hingga Mei 2009 disebabkan berlaku pertukaran projek mengikut keperluan dan permintaan daripada pelbagai pihak. Proses pemilihan ini mengambil masa dan telah menjaskan tempoh pelaksanaan projek.
- b. **Maklum balas daripada UPN bertarikh 16 Februari 2012 dan 15 Jun 2012,** memaklumkan bahawa pemilihan projek mengambil masa untuk dimuktamadkan kerana setiap projek yang hendak dipilih perlu memenuhi kriteria berikut: projek dapat disiapkan dalam tempoh 2 tahun (2009 – 2010); projek sedia untuk dilaksanakan iaitu dari segi reka bentuk serta tapak projek dan projek dapat memberi impak kepada pembangunan sosioekonomi. UPN juga perlu mengambil kira pandangan beberapa *stakeholder* seperti keperluan atau permohonan masyarakat tempatan, permohonan Ahli Dewan Undangan Negeri/Parlimen tempatan dan projek yang pernah dipersetujui atau diumumkan oleh Menteri berkenaan. Berdasarkan rekod UPN, sejumlah 16 projek jalan raya dan jambatan telah diluluskan pada 19 September 2008, iaitu dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan peruntukan oleh Jemaah Menteri Persekutuan. Kelulusan yang diberikan selepas tarikh di atas merupakan kelulusan untuk pindaan projek.

4.4.2.2. Pelaksanaan Projek Melangkaui Tempoh Ditetapkan

- a. Semakan Audit mendapati tempoh siap 5 projek yang diluluskan melangkaui tempoh pelaksanaan yang ditetapkan iaitu 4 projek pembinaan jalan baru dan satu projek menaiktaraf jalan. Berdasarkan tarikh dijangka siap, projek hanya dapat dimanfaatkan pada tahun 2011 dan 2012. **Maklum balas daripada UPN bertarikh 16 Februari 2012 dan 17 Julai 2012,** memaklumkan bahawa projek Jalan Bau/Semadang, Bengoh di Bau dipilih kerana kepentingan projek kepada masyarakat setempat manakala Jambatan Batang Strap di Sri Aman, naik taraf Jalan Biawak dan pembinaan jalan dari Lawas ke Long Sukang telah diluluskan kerana berdasarkan maklumat awal, projek tersebut boleh disiapkan dalam tempoh 2 tahun. Bagaimanapun, beberapa masalah komunikasi antara agensi pelaksana dengan penduduk tempatan telah menyebabkan tempoh pelaksanaan melangkaui tahun 2010. Projek yang melangkaui tempoh pelaksanaan ditetapkan adalah seperti Jadual 4.4.

Jadual 4.4
Projek Melangkaui Tempoh Pelaksanaan Ditetapkan

Bil.	Projek	Tempoh Kontrak (Bulan)	Tarikh		Status Projek Pada 31.12.2011
			Mula	Dijangka Siap	
1.	Pembinaan Jambatan Batang Strap, Pantu, Sri Aman	17	02.11.2009	01.04.2011	Siap
2.	Pembinaan Jalan Bau/ Semadang, Bengoh, Bau, Kuching	36	12.08.2009	11.08.2012	Ikut Jadual
3.	Pembinaan Jalan Isthmus, Kuching	30	14.09.2009	13.03.2012	Lewat Jadual
4.	Naik taraf Jalan Biawak, Lundu, Kuching	18	28.08.2009	27.02.2011	Sakit
5.	Pembinaan Jalan Dari Lawas Ke Long Sukang, Lawas, Limbang	15	12.01.2011	11.04.2012	Sakit

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

4.4.2.3. Masalah Tapak

- a. Kriteria pemilihan projek oleh UPN menetapkan projek yang dipilih mestilah berimpak tinggi dan sedia untuk dilaksanakan pada tahun 2009 iaitu tapak telah dikenal pasti serta diluluskan oleh MPN. Pada akhir tahun 2011, 17 daripada 31 projek infrastruktur jalan yang diluluskan melibatkan pengambilan balik tanah seluas 273.73 hektar dengan jumlah bayaran pampasan RM29.05 juta. Projek infrastruktur jalan yang melibatkan pengambilan balik tanah adalah seperti **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5

Projek Terlibat Dengan Pengambilan Balik Tanah

Bil.	Projek	Tarikh Tapak Projek Diluluskan	Keluasan (Hektar)	Jumlah Pampasan (RM Juta)	Tahun Pampasan Dibayar
1.	Membina Dan Menurap Jalan Matu-Daro-Badong Loop, Mukah	14.08.2002	6.86	0.14	2007
2.	Naik taraf Jalan Trusan-Briwan, Lawas	10.03.2005	12.65	0.33	2009
3.	Membina Jalan SMK Trusan/Skim Penempatan Baru Gelapas, Lawas, Limbang	10.03.2005	2.20	0.15	2010
4.	Naik taraf Jalan Biawak, Lundu	03.10.2005	66.45	1.50	2009
5.	Pembinaan Jalan Dari Lawas Ke Long Sukang, Limbang	08.11.2006	32.65	0.48	2010
6.	Pembinaan Jalan Isthmus, Kuching	23.04.2008	19.80	18.40	2009
7.	Pembinaan Jalan Bau/Semadang, Bengoh, Bau	24.06.2008	3.38	0.41	2009
8.	Naik taraf Jalan Betong/Kampung Balingan/Kampung Tanjung Assam, Betong	06.11.2008	8.13	0.32	2010
9.	Pembinaan Jambatan Batang Strap, Pantu, Sri Aman	06.11.2008	1.60	0.11	2010
10.	Pembinaan Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub/Jalan Matang Link Road, Kuching/Jalan Masuk Ke Kampung Bintawa Sewerage Plant, Kuching	23.02.2009	1.08	1.93	2010
11.	Pembinaan Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan Jaya/Temong/Darul Fa'lah/Darul Huda/Tepoi, Tebedu, Samarahan	05.04.2009	15.95	0.96	2010
12.	Pembinaan Jalan Ulu Pandan ke Sungai Tisei, Bintulu	14.05.2009	9.90	0.16	2010
13.	Pembinaan Jalan Meritam/Buangabai, Limbang	14.05.2009	6.58	0.30	2010
14.	Naik taraf Jalan Rumah Mawar, Tanjung Pedada, Mukah	14.05.2009	5.50	0.16	2010
15.	Pembinaan Jalan Pasir Pandak/ Pasir Panjang, Santubong, Kuching	21.08.2009	18.91	1.02	2010
16.	Pembinaan Jalan Opar RGC Bau, Kuching	31.03.2010	57.20	2.34	2010
17.	Pembalikan Jalan Simpang Sundar Aru, Limbang	28.04.2010	4.89	0.34	2011
Jumlah			273.73	29.05	

Sumber: Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak

- b. Semakan Audit mendapati 9 daripada 31 projek infrastruktur jalan bernilai RM329.06 juta menghadapi masalah memasuki tapak di mana 8 daripadanya merupakan projek pembinaan jalan baru dan satu merupakan projek menaiktaraf jalan yang sedia ada. Antara sebab projek gagal disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan adalah: masalah pemindahan tapak Kem Tentera di Pending; sekatan oleh pemilik tanah; pertukaran tapak; dan projek mendapat bantahan daripada penduduk setempat. Bagaimanapun, 3 projek tersebut telah berjaya disiapkan manakala 6 projek masih belum siap. Projek infrastruktur jalan yang menghadapi masalah tapak semasa pelaksanaan adalah seperti **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Projek Infrastruktur Jalan Menghadapi Masalah Tapak

Bil.	Projek	Kos (RM Juta)	Tarikh Asal Kontrak		Masalah Tapak
			Mula	Tarikh Dijadualkan Siap	
1.	Membina Jalan SMK Trusan/Skim Penempatan Baru Gelapas, Lawas, Limbang	3.14	15.09.2009	14.09.2010	Kelewatan memberi pampasan tanah dan tanaman menyebabkan halangan oleh penduduk setempat. Isu tanah diselesaikan pada bulan Disember 2009. Projek siap pada 14.01.2011
2.	Pembinaan dan Penyiapan Jalan Rumah Mawar, Tanjung Pedada, Mukah	2.79	20.01.2010	26.01.2011	Kelewatan 73 hari untuk pengambilan balik tanah. Projek siap pada 18.05.2011
3.	Pembinaan Jalan Meritam/Buangabai, Limbang	7.65	15.10.2009	14.10.2010	Masalah pengambilan balik tanah semasa peringkat awal pelaksanaan projek menyebabkan kelewatan 64 hari. Projek siap pada 30.11.2011
4.	Pembinaan Jalan Bau/Semadang, Bengoh, Bau, Kuching	73.50	12.08.2009	11.08.2012	Berlaku sekatan oleh pemilik tanah di jalan masuk utama menyebabkan pembinaan jambatan di Sungai Raden tidak dapat dimulakan sejak 12.11.2009. Masalah diselesaikan pada 30.11.2009. Kelewatan 18 hari. Prestasi fizikal pada 30.4.2012 adalah 98.0% berbanding dengan 98.3% dijadualkan.
5.	Pembinaan Jalan Isthmus, Kuching	213.00	14.09.2009	13.03.2012	Kelewatan 131 hari untuk memiliki tapak. Isu pemindahan Kem Tentera di Pending yang akan menjadi laluan jalan belum selesai. Prestasi fizikal pada 30.4.2012 adalah 91.0% berbanding dengan 94.8% dijadualkan.
6.	Pembinaan Jalan Pasir Pandak/Pasir Panjang, Santubong, Kuching	8.40	10.06.2010	09.06.2011	Kelewatan 65 hari kerana halangan memasuki tapak pada awal pelaksanaan. Prestasi fizikal pada 30.4.2012 adalah 78.8% berbanding dengan 100.0% dijadualkan.
7.	Membina Dan Menurap Jalan Tebedu-Darul-Iman-Darul Insan/Temong/Darul Fa'lah/Darul Huda/Tepoi, Tebedu, Samarahan	10.35	03.10.2010	09.03.2011	Kelewatan 48 hari disebabkan masalah pengambilan balik tanah. Prestasi fizikal pada 30.4.2012 adalah 14.7% berbanding dengan 15.0% dijadualkan.
8.	Pembinaan Jalan Opar RGC, Bau, Kuching	3.82	03.10.2011	02.08.2012	Pertukaran tapak dan skop kerja. Skop muktamad diluluskan pada 12.1.2011. Prestasi fizikal pada 30.4.2012 adalah 59.2% berbanding dengan 57.0% dijadualkan.

Bil.	Projek	Kos (RM Juta)	Tarikh Asal Kontrak		Masalah Tapak
			Mula	Tarikh Dijadualkan Siap	
9.	Pembinaan Jalan Tun Abdul Rahman Ya'akup/Jalan Matang Link Road, Kuching	6.41	14.02.2012	13.11.2012	Pertukaran tapak dan skop kerja. Skop muktamad hanya diluluskan pada 21.1.2011. Pada peringkat awal pelaksanaan, projek ini mendapat bantahan daripada penduduk setempat. Prestasi fizikal pada 30.4.2012 adalah 18.4% berbanding dengan 20.2% dijadualkan.
Jumlah		329.06			

Sumber: Jabatan Kerja Raya

i. Projek Jalan Isthmus, Kuching

- Projek ini bernilai RM213 juta merupakan akses baru bermula dari Jalan Datuk Marikan-Bulatan Perimat di Pending yang dihubungi oleh Jambatan Sungai Sarawak ke Isthmus. Semakan Audit mendapati objektif projek ini adalah untuk menyedia jalan perhubungan terus, cepat dan lancar aliran trafik antara Bandaraya Kuching dengan Isthmus. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 30 bulan iaitu dari 14 September 2009 hingga 13 Mac 2012. Kaedah pembiayaan projek adalah daripada 2 sumber iaitu sejumlah RM100 juta daripada Peruntukan Khas RM1 Bilion dan *payment in kind* dalam bentuk tanah Kerajaan Negeri bernilai RM113 juta. Projek ini melibatkan pengambilan balik 12 lot tanah milik Kerajaan Negeri, syarikat swasta dan Kerajaan Persekutuan serta Badan Berkanun Negeri pada tahun 2009 hingga 2011 dengan pampasan sejumlah RM18.40 juta.
- Setakat 31 Disember 2011, projek ini dikategorikan sebagai lewat jadual disebabkan JKR menghadapi masalah pemindahan tapak Kem Tentera di Pending yang diduduki oleh 71 Batalion Kor Ordnans Diraja. Kem Tentera di Pending yang akan menjadi laluan jalan adalah seperti **Gambar 4.1** dan Jalan Isthmus yang belum siap seperti **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Kem Tentera Di Pending
Akan Dijadikan Laluan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Isthmus, Kuching
Tarikh: 19 Disember 2011

Gambar 4.2
Jalan Isthmus Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Isthmus, Kuching
Tarikh: 19 Disember 2011

- Semakan Audit mendapati JKR telah memohon kelulusan Arahan Perubahan Kerja tambahan berjumlah RM2.29 juta bagi membina jalan lengcongan sementara di luar tapak Kem Tentera tersebut bagi mengelak kelewatan menyiapkan projek. Bagaimanapun, permohonan ini tidak diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Semakan Audit seterusnya mendapati surat tawaran pampasan pengambilan tanah bernilai RM6.03 juta telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan tetapi tawaran tersebut belum dipersetujui oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.
- **Menurut maklum balas daripada UPN bertarikh 16 Februari 2012, projek Jalan Isthmus, Kuching dipilih walaupun tempoh pelaksanaan adalah 30 bulan kerana kos untuk membiayai projek ini adalah daripada 2 sumber iaitu Peruntukan Khas RM1 Bilion sejumlah RM100 juta dan baki kos projek dibayar secara *payment in-kind* oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Peruntukan sejumlah RM100 juta yang diluluskan di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion dijangka dapat dibelanjakan dalam tempoh 2 tahun. Projek ini berimpak tinggi kerana dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan bandar Kuching.**

ii. Jalan Pasir Pandak/Pasir Panjang, Santubong di Kuching

Semakan Audit terhadap projek jalan sepanjang 2.7 kilometer bernilai RM8.40 juta ini mendapati tempoh asal kontrak ini adalah 12 bulan mulai 10 Jun 2010 hingga 9 Jun 2011. Empat tempoh lanjutan masa selama 146 hari sehingga April 2012 telah diluluskan untuk projek ini disebabkan halangan daripada pemilik tanah dan cuaca buruk. Adalah didapati tiada siasatan tapak dijalankan untuk projek ini menyebabkan berlaku keruntuhan cerun semasa kerja pengorekan di Pembetung C2 mengakibatkan cerucuk condong dengan teruk. Selain itu,

kontraktor mengalami kesukaran untuk melaksanakan projek ini kerana keadaan tanah lembut dan tapak tertakluk kepada keadaan pasang surut air sungai berdekatan. Kawasan pembinaan Pembetung C2 adalah seperti **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pasir Pandak, Santubong, Kuching
Tarikh: 17 November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pasir Pandak, Santubong, Kuching
Tarikh: 17 November 2011

iii. **Menurut maklum balas daripada JKR bertarikh 7 Mac 2012, projek ini masih lagi dalam peringkat pelaksanaan di mana kemajuan fizikal setakat 30 April 2012 adalah 78.8% berbanding dengan 100% dijadualkan. Sehingga Mac 2012, kos projek adalah RM8.54 juta termasuk semua arahan perubahan kerja dan arahan perubahan harga, iaitu peningkatan kos sejumlah RM142,982 atau 1.7%. Lanjutan masa sebanyak 146 hari telah diluluskan untuk projek ini setakat Mac 2012. Projek ini dijangka siap pada April 2012 iaitu 5 bulan mele过asi tarikh asal siap kontrak pada 2 November 2011. JKR juga memaklumkan oleh sebab cadangan perubahan untuk menukar Pembetung C2 dari *cast in-situ* kepada *precast* dikemukakan oleh kontraktor sendiri, tidak ada Arahan Perubahan Kerja untuk kos akan dibangkit.**

4.4.2.4. Pelantikan Kontraktor Tidak Memenuhi Syarat Penilaian Ditetapkan

- Penilaian tender bagi memilih penender perlu melalui 3 peringkat penilaian bagi pemilihan tender secara terbuka. Peringkat penilaian pertama dibuat bagi pemilihan penender berdasarkan harga *cut-off* untuk dinilai pada peringkat kedua. Penilaian peringkat kedua adalah untuk menilai penender dari segi keupayaan kewangan dan teknikal manakala penilaian peringkat ketiga adalah untuk menentukan tender yang paling menguntungkan Kerajaan. Semakan Audit mendapati NDC Dredging & Construction Sdn. Bhd. telah ditawarkan sebagai kontraktor untuk menjalankan 2 projek walaupun kontraktor tersebut gagal dalam penilaian pada peringkat kedua dari segi keupayaan kewangan bagi satu projek. Projek yang terlibat adalah seperti berikut:

i. Projek Menaik Taraf Jalan Biawak, Lundu, Kuching

- Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak (LPPS) pada Mesyuarat Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak Bil.9/2009 yang diadakan pada awal Ogos 2009 telah bersetuju menerima tawaran penender ini pada harga kontrak RM29.95 juta. Bagaimanapun, didapati kontraktor ini menghadapi masalah untuk membayar pasukan pembinaan sejak Oktober 2010 seperti dilaporkan dalam Utusan Borneo seperti di **Keratan Akhbar 4.1**. Selain itu, *The Sunday Post* pada 25 Disember 2011 melaporkan penduduk telah mengadakan demonstrasi terhadap projek yang tidak siap seperti di **Keratan Akhbar 4.2**.



Sumber: Utusan Borneo
Lokasi: Jalan Biawak, Lundu, Kuching
Tarikh: 25 Disember 2011



Sumber: The Sunday Post
Lokasi: Jalan Biawak, Lundu, Kuching
Tarikh: 25 Disember 2011

- Sehingga lawatan Audit pada 21 Disember 2011, projek ini belum siap dan dikategorikan sebagai projek sakit. Notis Penamatan Kontrak telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 22 Februari 2012. Keadaan jalan dan jambatan bagi Projek Naik taraf Jalan Biawak yang tidak siap adalah seperti **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**.

Gambar 4.5
Jalan Tidak Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Biawak, Lundu, Kuching
Tarikh: 21 Disember 2011

Gambar 4.6
Jambatan Tidak Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Biawak, Lundu, Kuching
Tarikh: 21 Disember 2011

ii. Projek Membina Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan Jaya/Temong/Darul Fa’lah/Darul Huda, Tepoi di Tebedu, Samarahan

- Mengikut Laporan Penilaian Tender terhadap Projek Membina Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan Jaya/Temong/Darul Fa’lah/Darul Huda, Tepoi di Tebedu, Samarahan, penender NDC Dredging & Construction Sdn. Bhd. telah lulus ketiga-tiga peringkat penilaian tender dan dicadangkan untuk diperakui oleh Jawatankuasa Penilaian Tender sebagai kontraktor untuk projek tersebut. Semakan Audit terhadap prestasi kontraktor berdasarkan laporan JKR mendapati kemajuan kerja sebenar kontraktor untuk projek Jalan Biawak pada 30 November 2009 adalah 1.82% berbanding dengan 2.85% yang dijadualkan iaitu 1.03% lewat. Bagaimanapun, Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak masih bersetuju menawarkan tender tersebut kepada NDC Dredging & Construction Sdn. Bhd pada harga kontrak RM10.35 juta. Sehingga lawatan Audit pada 21 Disember 2011 projek ini belum siap dan dikategorikan sebagai projek sakit.
- Mesyuarat Pemantauan Rapi telah diadakan oleh JKR dan konsultan setiap 2 minggu bermula 10 Mac 2011 dan 8 surat amaran telah dikeluarkan kepada kontraktor supaya mempercepatkan kemajuan kerja di tapak. Sijil Tidak Siap telah dikeluarkan pada bulan Mei 2011 dan ganti rugi yang tertentu dan ditetapkan sejumlah RM491,751 telah dikenakan terhadap kontraktor berkenaan. Notis Penamatan Kontrak telah dikeluarkan pada 22 Februari 2012 dengan kemajuan fizikal 44.5% dan sejumlah RM6.43 juta telah dibayar kepada kontraktor berkenaan. Keadaan Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan Jaya/Temong/Darul Fa’lah/Darul Huda, Tepoi, Tebedu, Samarahan yang tidak siap adalah seperti **Gambar 4.7** dan **Gambar 4.8**.

Gambar 4.7

Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan
Jaya/Temong/Darul Fa'lah/Darul Huda,
Tapoi, Tebedu, Samarahan Tidak Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan
Jaya/Temong/Darul Fa'lah/Darul Huda,
Tepoi, Tebedu Samarahan

Tarikh: 21 Disember 2011

Gambar 4.8

Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan
Jaya/Temong/Darul Fa'lah/Darul Huda,
Tapoi, Tebedu, Samarahan Tidak Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan
Jaya/Temong/Darul Fa'lah/Darul Huda,
Tepoi, Tebedu Samarahan

Tarikh: 21 Disember 2011

- **Menurut maklum balas daripada Perbendaharaan Malaysia Sarawak bertarikh 28 Februari 2012, LPPS yang bersidang pada 10 Ogos 2009 telah bersetuju untuk menawarkan tender projek menaik taraf Jalan Biawak, Lundu, Kuching kepada NDC Dredging & Construction Sdn. Bhd. kerana penender tersebut telah lulus penilaian peringkat satu. Pada keseluruhannya, penender ini adalah ketiga tertinggi. Oleh kerana tawaran penender ini kurang dari RM30 juta, maka keputusan adalah di peringkat LPPS bagi memudahkan pelaksanaan projek. Bagi projek membina Jalan Tebedu/Darul Iman/Darul Insan Jaya/ Temong/ Darul Fa'lah/Darul Huda, Tepoi di Tebedu, Samarahan pula, Perbendaharaan Malaysia Sarawak memaklumkan LPPS yang bersidang pada 28 Januari 2010 telah bersetuju menawarkan tender tersebut kepada NDC Dredging & Construction Sdn. Bhd. pada harga tawaran RM10.35 juta kerana penender ini telah lulus kesemua peringkat penilaian dan memenuhi syarat kelayakan penender yang disyorkan oleh JKR.**

4.4.2.5. Proses Pengurusan Tender Terlalu Lama

- a. Projek di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun dari tahun 2009 hingga 2010 dan tiada projek sambungan diluluskan dalam RMKe-10.
- b. Semakan Audit terhadap projek Jalan Lawas/Long Sukang/Long Lopeng/Long Semado/Ba'Kelalan/Bario, Limbang (Pakej 1: Lawas/Long Sukang) Fasa 1 mendapat proses pengurusan tender mengambil masa selama 18 bulan iaitu dari bulan Februari 2009 hingga Julai 2010. Pada awal tahun 2009, perunding kejuruteraan telah menyedia dan menyiapkan dokumen tender untuk diiklankan.

- c. Pada pertengahan Julai 2009, Kementerian Kewangan memutuskan supaya pelaksanaan projek ini dibuat secara tender terhad. Semakan Audit seterusnya mendapati projek telah ditawarkan kepada Golden Hill Resources Sdn. Bhd. pada 15 Mac 2010 tertakluk kepada rundingan harga yang dipersetujui. Bagaimanapun, kontraktor tersebut telah menolak tawaran kerana tidak mampu untuk melaksanakan seluruh kerja pada harga RM28.50 juta yang ditawarkan. Pada akhir Julai 2010, Kementerian Kewangan telah bersetuju dengan keputusan JKR untuk menender semula projek tersebut secara tender terbuka bagi mendapatkan harga tawaran yang lebih kompetitif. Projek ini telah ditender semula pada 14 Ogos 2010 dan kontrak baru bernilai RM32.52 juta telah ditandatangani pada 12 Januari 2011. Penyerahan tapak kepada kontraktor serta kerja pembinaan juga dibuat pada tarikh yang sama dan untuk disiapkan pada April 2012. Ini menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek kerana JKR memerlukan masa untuk mendapat kelulusan mengeluarkan tender baru, melantik perunding dan menunggu kontraktor baru mengemukakan cadangan teknikal dan kewangan.
- d. **Menurut maklum balas daripada JKR bertarikh 7 Mac 2012, projek ini ditender semula sebagai tender terbuka. Penilaian tender dibuat menggunakan kaedah cut-off kerana bilangan penender melebihi 10. Perbandingan dibuat di antara anggaran Jabatan RM33.06 juta dengan harga cut-off RM31.11 juta dan ditawarkan kepada penender Syarikat Ramijaya Sdn. Bhd. dengan harga tawaran RM32.52 juta kerana telah lulus semua tiga peringkat penilaian. Tender ini adalah yang ke 7 terendah dan 10.1% lebih rendah daripada harga minima kerja pembina RM36.15 juta.**

4.4.2.6. Projek Digugurkan Setelah Perbelanjaan Dilakukan

Semakan Audit mendapati 2 projek yang diluluskan kepada JKR pada bulan September 2008 telah digugurkan daripada senarai projek di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion. Adalah didapati kos sejumlah RM3.34 juta telah dibayar daripada Peruntukan Khas ini untuk tujuan pengambilan balik tanah. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Jambatan Batang Sadong, Samarahan

- i. Pada bulan September 2008, projek pembinaan dan penyiapan Jambatan Batang Sadong bernilai RM168 juta telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion. Projek ini bertujuan untuk mengganti perkhidmatan feri sedia ada serta menyediakan perhubungan terus antara Kota Samarahan dan Sebuyu melalui jalan pesisiran. Jalan dan jambatan yang dibina adalah sepanjang 2.5 kilometer.
- ii. Semakan Audit mendapati pada awal tahun 2009, projek ini telah digugurkan daripada senarai projek yang dilaksanakan di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion dengan alasan tempoh pelaksanaan terlalu lama iaitu 36 bulan.

Bagaimanapun, didapati reka bentuk projek telah siap pada tahun 2008 dan bayaran pampasan tanah sejumlah RM2.88 juta telah dibuat pada tahun 2009.

- iii. **Menurut maklum balas daripada UPN bertarikh 16 Februari 2012 projek Jambatan Batang Sadong digugurkan kerana tempoh pelaksanaan melebihi 24 bulan. Namun projek ini telah diluluskan dalam Rolling Plan Kedua RMKe-10 (2012-2013) dengan siling RM115 juta. Pada masa sekarang projek ini masih dalam proses penilaian tender.**

b. **Jambatan Batang Samarahan, Samarahan**

- i. Pada bulan September 2008, projek pembinaan Jambatan Batang Samarahan sepanjang 500 meter bernilai RM115 juta yang merupakan sebahagian daripada rangkaian jalan pesisiran negeri untuk menghubung bandar raya Kuching dan Kota Samarahan ke Asajaya telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion.
- ii. Semakan Audit mendapati projek ini telah digugurkan pada awal tahun 2009 kerana tempoh pelaksanaan terlalu lama iaitu 36 bulan. Bagaimanapun, pengambilan balik tanah telah diluluskan oleh MPN pada awal Februari 2009 dan bayaran pampasan tanah sejumlah RM0.46 juta telah dilakukan.
- iii. **Maklum balas daripada UPN bertarikh 16 Februari 2012 dan 17 Julai 2012 memaklumkan bahawa projek Jambatan Batang Samarahan telah digugurkan kerana tempoh pelaksanaan melebihi 24 bulan. Pihak UPN turut mengambil kira kemungkinan projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh tahun 2009 hingga 2010. UPN telah mencadangkan supaya jadual pembinaan serta perancangan bajet bagi kedua-dua jambatan ini diselaraskan serta dimasukkan dalam RMKe-10 kerana projek ini telah diluluskan dan pernah diumumkan kepada rakyat.**

Pada pendapat Audit, perancangan hendaklah dibuat dengan teliti dan projek dikenal pasti mengikut kriteria yang ditetapkan supaya tidak berlaku kelewatan pelaksanaan. Masalah tapak hendaklah diselesaikan segera supaya kemajuan kerja di tapak projek tidak terjejas.

4.4.3. Projek Jambatan Batang Strap, Pantu, Sri Aman Tidak Dapat Dimanfaatkan Sepenuhnya

4.4.3.1. Pada RMKe-9, JKR telah memohon peruntukan untuk projek Jambatan Batang Strap sepanjang 120 meter bernilai RM19.55 juta dan projek Jalan Pantu/Kampung Sapak/Kampung Semawa/Kampung Keranggas sepanjang 10 kilometer bernilai RM39.5 juta tetapi tidak diluluskan. Kedua-dua projek ini bertujuan untuk menghubung 23 rumah panjang dengan penduduk sekitar 3,000 orang dan 4 sekolah rendah di seberang Batang Strap dengan Pekan Pantu. Projek ini dijangka boleh membantu merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan.

4.4.3.2. Semakan Audit mendapati pada Ogos 2008, JKR hanya mencadangkan kepada UPN projek Jambatan Batang Strap sepanjang 182.4 meter untuk dilaksanakan di bawah Peruntukan Khas RM1 Bilion manakala projek jalan penghubung tidak dicadangkan. Lawatan Audit pada 17 Disember 2011 ke tapak projek di Pantu, Sri Aman mendapati projek jambatan konkrit bernilai RM20.43 juta ini tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan setelah disiapkan disebabkan jalan di seberang sungai sepanjang 10 kilometer untuk menghubung rumah panjang dan sekolah belum dibina. Projek jambatan ini telah siap sepenuhnya pada 31 Disember 2011. Bagaimanapun, objektif projek Jambatan Batang Strap tidak tercapai sepenuhnya selagi projek jalan tersebut tidak dilaksanakan. Jambatan Batang Strap dan lokasi penghujung jalan adalah seperti **Gambar 4.9** dan **Gambar 4.10**.

Gambar 4.9
Jambatan Batang Strap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batang Strap, Pantu, Sri Aman
Tarikh: 17 Disember 2011

Gambar 4.10
Penghujung Jalan Jambatan Batang Strap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batang Strap, Pantu, Sri Aman
Tarikh: 17 Disember 2011

4.4.3.3. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 7 Mac 2012** memaklumkan bahawa cadangan untuk membina jalan menuju ke kampung seberang jambatan telah dikemukakan sekali lagi di bawah *Rolling Plan* Kedua RMKe-10 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah tetapi tidak diluluskan. Projek Jalan Pantu/Kampung Sapak/Kampung Semawa/Kampung Keranggas yang melibatkan kos RM50 juta ini akan dikemukakan semula dalam *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10. Sebagai langkah jangka pendek, JKR mencadangkan untuk membina jalan tanah sepanjang 500 meter untuk menyambung jalan pembalakan ke Jambatan Batang Strap dengan anggaran kos RM0.5 juta. **Maklum balas daripada UPN bertarikh 15 Jun 2012** memaklumkan bahawa pihaknya akan memastikan cadangan Jalan Pantu/Kampung Sapak/Kampung Semawa/Kampung Keranggas yang melibatkan kos RM50 juta dikemukakan sebagai projek berkeutamaan tinggi dalam *Rolling Plan* Ketiga RMKe-10 (2013-2014).

Pada pendapat Audit, pembinaan jambatan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang awam dan hasrat Kerajaan untuk membangunkan aktiviti ekonomi penduduk setempat tidak tercapai selagi jalan penghubung dari Jambatan Batang Strap ke kampung di seberang Batang Strap tidak dibina.

4.4.4. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Infrastruktur jalan yang dibina hendaklah mengikut spesifikasi dan standard yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan pengguna dan mengelak Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi. Lawatan Audit ke 14 tapak projek di Bahagian Kuching, Sri Aman, Betong, Mukah dan Samarahan mendapati kualiti kerja bagi projek di Bahagian Betong dan Mukah adalah kurang memuaskan seperti berikut:

4.4.4.1. Projek Naik Taraf Jalan Betong/Kampung Balingan/Kampung Tanjung Assam, Betong - Pakej 1 dan 2

- a. Projek menaiktaraf jalan sepanjang 17 kilometer ini dilaksanakan melalui 2 pakej dengan nilai kontrak RM18.02 juta. Pakej 1 bernilai RM11.34 juta adalah untuk menaiktaraf jalan sepanjang 11 kilometer di Jalan Betong/Kampung Balingan/Kampung Tanjung Assam, Betong. Tempoh kontrak adalah 8 bulan bermula 17 September 2010 hingga 16 Mei 2011. Pakej ini telah siap pada 15 Mei 2011 dan tempoh tanggungan kecacatan adalah sehingga 14 Mei 2012. Lawatan Audit pada 18 November 2011 mendapati jalan dinaiktara rosak pada permukaan jalan dan berlaku pemendapan seperti **Gambar 4.11** dan **Gambar 4.12**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/
Kampung Balingan/Kampung
Tanjung Assam,Betong (Pakej 1)
Tarikh: 18 November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/
Kampung Balingan/Kampung Tanjung
Assam,Betong (Pakej 1)
Tarikh: 18 November 2011

- b. **Menurut maklum balas daripada JKR bertarikh 7 Mac 2012 kerja pembaikan terhadap kerosakan tersebut telah siap dilakukan oleh kontraktor pada 13 April 2012. Bagaimanapun, wang tahanan belum dibayar kerana JKR masih dalam proses menyiapkan laporan penyiasatan terperinci bagi menentukan punca kerosakan dan memastikan kontraktor membuat pembaikan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.**

- c. Pakej 2 bernilai RM6.68 juta adalah untuk menaiktaraf jalan sepanjang 6 kilometer. Tempoh kontrak adalah selama setahun bermula 21 Januari 2010 hingga 20 Januari 2011. Pakej ini telah siap pada 15 Januari 2011 dan tempoh tanggungan kecacatan adalah sehingga 14 Januari 2012. Lawatan Audit pada 18 November 2011 mendapati jalan yang dinaiktaraf rosak pada permukaan jalan seperti **Gambar 4.13** dan **Gambar 4.14**. Adalah didapati berlaku pembentukan 2 lubang berukuran 0.6 meter garis pusat dengan kedalaman 0.5 meter di bahagian jalan di KM1.2 dan di KM1.5 berukuran 1.0 meter garis pusat dengan kedalaman 0.5 meter seperti **Gambar 4.15** hingga **Gambar 4.18**. Pembentukan lubang berlaku disebabkan oleh pemendapan, hakisan tanah dan tiada pembinaan pembetung di bahagian bawah jalan di KM1.5. Sistem perparitan yang tidak sempurna menyebabkan air bertakung seperti **Gambar 4.19** dan **Gambar 4.20**.

Gambar 4.13
Kerosakan Pada Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/
Kampung Balingan/Kampung
Tanjung Assam, Betong (Pakej 2)
Tarikh: 18 November 2011

Gambar 4.14
Lubang Dan Keretakan Blok




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/
Kampung/Balingan/Kampung
Tanjung Assam, Betong (Pakej 2)
Tarikh: 18 November 2011

Gambar 4.15
Lubang Di KM1.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/Kampung
Balingan/Kampung Tanjung Assam,
Betong (Pakej 2)
Tarikh: 18 November 2011

Gambar 4.16
Lubang Di KM1.2




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/
Kampung Balingan/Kampung Tanjung
Assam, Betong Pakej 2
Tarikh: 18 November 2011

Gambar 4.17
Lubang Di KM1.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/Kampung Balingan/Kampung Tanjung Assam, Betong (Pakej 2)
Tarikh: 18 November 2011

Gambar 4.18
Lubang Di KM1.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/ Kampung Balingan/Kampung Tanjung Assam, Betong (Pakej 2)
Tarikh: 18 November 2011

Gambar 4.19
Sistem Perparitan Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/ Kampung Balingan/Kampung Tanjung Assam, Betong (Pakej 2)
Tarikh: 18 November 2011

Gambar 4.20
Sistem Perparitan Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Projek Naik taraf Jalan Betong/ Kampung Balingan/Kampung Tanjung Assam, Betong (Pakej 2)
Tarikh: 18 November 2011

- d. **Menurut maklum balas daripada JKR Bahagian Betong bertarikh 7 Mac 2012** mendapan adalah disebabkan oleh struktur tanah yang lembut tidak diperkuuhkan. Ini adalah kerana kerja siasatan tanah tidak dijalankan sebelum pembinaan dimulakan. Selain itu, lori muatan berat kerap menggunakan jalan ini juga merupakan antara faktor menyebabkan jalan rosak.
- e. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 7 Mac 2012** memaklumkan skop kerja projek ini adalah menaiktaraf jalan sedia ada daripada jalan batu kepada jalan premix. Oleh kerana skop kerja menaiktaraf adalah melibatkan penurapan jalan sahaja, maka tidak ada keperluan untuk melaksanakan siasatan tanah. Kerja pembaikan telah dilakukan oleh kontraktor sebelum ini dan JKR juga telah mengarahkan kontraktor untuk membaiki semula semua kerosakan sebelum Bon Jaminan dilepaskan. JKR memaklumkan satu penyiasatan terperinci akan dijalankan terhadap projek ini untuk menentukan sebab berlakunya kerosakan jalan.

4.4.4.2 Ketebalan Lapisan Tapak Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak

- a. Ujian ketebalan lapisan tapak di 11 tapak projek yang dipilih mendapati, 6 daripada 25 ujian ketebalan yang dijalankan tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan selepas mengambil kira 10% paras toleransi yang dibenarkan. Kurang pemantauan di tapak projek terhadap kerja penurapan yang dilakukan oleh kontraktor telah menjaskas kualiti kerja. Projek yang tidak menepati spesifikasi kontrak dari segi ketebalan lapisan tapak adalah seperti **Jadual 4.7** dan **Gambar 4.21** hingga **Gambar 4.26**.

Jadual 4.7

Projek Tidak Menepati Spesifikasi Kontrak Dari Segi Ketebalan Lapisan Tapak

Bil.	Nama Projek	Harga Kontrak (RM Juta)	Tarikh Siap	Lokasi	Ketebalan Lapisan Tapak Seperti		Perbezaan (mm)
					Lukisan Kontrak (mm)	Fizikal (mm)	
1.	Naik taraf Jalan Tanjung Manis/Serdeng, Mukah	23.33	14.11.2010	KM21	110 (Lapisan haus dan lapik)	95	15
2.	Penurapan Jalan Kampung Bungin/Kampung Serembang/Kampung Manggut, Betong	13.26	09.06.2010	KM6	60	45	15
3.	Naik taraf Jalan Kampung Pusa/Kampung Serabang/Kampung Tuie, Betong	10.82	10.06.2011	KM15 KM10	50 50	42 43	8 7
4.	Naik taraf Jalan Rumah Mawar, Tanjung Pedada, Mukah	2.79	18.05.11	KM2.3	50	42	8
5.	Naik taraf Jalan Tanjung Manis Serdeng/Rumah Wun, Mukah	1.78	15.06.2010	KM0.03	50	40	10

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Gambar 4.21
Ketebalan Lapisan Haus Dan Lapik Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tanjung Manis/Serdeng, Mukah
Tarikh: 15 Disember 2011

Gambar 4.22
Ketebalan Lapisan Haus Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Bungin/Kampung Serembang/Kampung Manggut, Bahagian Betong
Tarikh: 14 Disember 2011

Gambar 4.23
Ketebalan Lapisan Haus Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Pusa/Kampung Serabang/Kampung Tuie, Bahagian Betong di KM15
Tarikh: 14 Disember 2011

Gambar 4.24
Ketebalan Lapisan Haus Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Pusa/Kampung Serabang/Kampung Tuie, Bahagian Betong di KM10
Tarikh: 14 Disember 2011

Gambar 4.25
Ketebalan Lapisan Haus Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Rumah Mawar, Tanjung Pedada, Mukah
Tarikh: 16 Disember 2011

Gambar 4.26
Ketebalan Lapisan Haus Tidak Mencukupi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tanjung Manis Serdeng/Rumah Wun, Bahagian Mukah
Tarikh: 15 Disember 2011

- b. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 7 Mac 2012 memaklumkan penyiasatan terperinci akan dijalankan untuk menentukan sebab ketebalan lapisan premix tidak mengikut spesifikasi dan laporan penyiasatan akan dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.**

Pada pendapat Audit, mutu jalan yang dibina kurang memuaskan kerana kurang pemantauan oleh pihak JKR.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan projek yang lain, adalah disyorkan Unit Perancang Negeri, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Perbendaharaan Malaysia Sarawak, Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Kemajuan Perkayuan Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Unit Perancang Negeri dan Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri hendaklah memastikan projek disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan supaya dapat dimanfaatkan oleh rakyat dengan segera.

4.5.2. Unit Perancang Negeri hendaklah memastikan pemilihan projek di peringkat awal menepati kriteria yang ditetapkan supaya tiada kelewatan dalam pelaksanaan projek.

4.5.3. Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Kemajuan Perkayuan Sarawak hendaklah memastikan masalah semasa pelaksanaan projek diselesaikan segera supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

4.5.4. Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak hendaklah memastikan penender yang dipilih memenuhi syarat penilaian yang ditetapkan dari segi keupayaan kewangan dan teknikal serta mengambil kira prestasi lampau penender.

4.5.5. JKR hendaklah memastikan kerja pembaikan dilakukan sebelum berakhirnya tempoh tanggungan kecacatan bagi mengelak Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi. Selain itu, projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi dan mutu kerja yang ditetapkan supaya memenuhi kehendak pelanggan.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
INFRASTRUKTUR DAN PERHUBUNGAN
JABATAN KERJA RAYA**


5. PROJEK NAIK TARAF JALAN AKSES KE MUKAH DARI PERSIMPANGAN SIBU/BINTULU KE PERSIMPANGAN MATADENG, BAHAGIAN MUKAH, SARAWAK

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Pada bulan Januari 2004, Kerajaan Negeri telah meluluskan projek menaik taraf jalan akses ke Mukah dari Persimpangan Sibu/Bintulu ke Persimpangan Matadeng (Jalan Matadeng) sepanjang 52.4 kilometer (km). Jalan asal adalah *Oil Palm Scheme Road* (OPS) dibina pada tahun 1970-an oleh Lembaga Pembangunan Tanah Sarawak bagi tujuan pengangkutan dan perhubungan industri kelapa sawit. Pada pertengahan tahun 1980, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membina jalan tersebut sehingga ke jalan pantai Mukah-Balingian di Persimpangan Matadeng. Projek menaik taraf jalan ini bertujuan mengadakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik, membolehkan penduduk luar bandar membuka tanah bagi tujuan pembangunan pertanian dan menyediakan infrastruktur jalan raya yang lebih baik.

5.1.2. Kontrak pembinaan projek ini telah ditawarkan kepada Naim Cendera Sdn. Bhd. secara reka dan bina pada harga kontrak bernilai RM188 juta. Pembinaan jalan yang dinaik taraf hendaklah mengikut piawaian JKR R5 iaitu jalan raya utama dengan permukaan jalan seluas 8 meter dan bahu jalan yang seluas 3 meter. Lokasi projek adalah seperti di **Peta 5.1**.

Peta 5.1
Lokasi Jalan Akses Ke Mukah



Sumber: Laporan Kemajuan Projek November 2009

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pelaksanaan projek naik taraf jalan akses ke Mukah dari Persimpangan Sibu/Bintulu ke Persimpangan Matadeng, Bahagian Mukah, Sarawak telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan serta selaras dengan skop dan spesifikasi kontrak.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek naik taraf jalan akses ke Mukah dari Persimpangan Sibu/Bintulu ke Persimpangan Matadeng, Bahagian Mukah, Sarawak. Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan, JKR, Jabatan Kerja Raya Bahagian Mukah (JKR Mukah) dan Jabatan Tanah Dan Survei (JTS). Pengauditan dijalankan dengan menyemak kontrak yang ditandatangani, minit mesyuarat tapak, rekod bayaran dan dokumen lain yang berkaitan dengan projek ini bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Lawatan ke tapak juga telah dijalankan pada akhir bulan Oktober 2011.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan projek ini adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Projek lewat disiapkan.
- Peningkatan kos berjumlah RM14.38 juta.
- Skop kerja kontraktor tidak mematuhi standard JKR dan spesifikasi REAM.
- Kerosakan jalan.
- Pembinaan Stesen Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak mengikut keperluan JPJ dan belum diambil alih.

5.4.1. Prestasi Projek

5.4.1.1. Pelaksanaan projek ini dibahagikan kepada 6 seksyen dari Persimpangan Sibu/Bintulu ke Persimpangan Matadeng iaitu sepanjang 52.4 km seperti **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Pembahagian Seksyen Jalan

Bil.	Seksyen	Panjang (Km)
1.	Seksyen 1 : KM0 hingga KM8.8	8.8
2.	Seksyen 2 : KM8.8 hingga KM17	8.2
3.	Seksyen 3 : KM17 hingga KM28.2	11.2
4.	Seksyen 4 : KM28.2 hingga KM38.2	10.0
5.	Seksyen 5 : KM38.2 hingga KM47.6	9.4
6.	Seksyen 6 : KM47.6 hingga KM52.4	4.8
Jumlah		52.4

Sumber: Minit Mesyuarat Penyenggaraan Jalan Pada 12 Mac 2009

5.4.1.2. Projek ini dijadualkan siap pada 22 Julai 2010 tetapi hanya dapat disiapkan pada 21 April 2011 iaitu lewat selama 9 bulan. Sebanyak 4 lanjutan masa selama 273 hari telah diluluskan disebabkan masalah cuaca dan keperluan untuk memperkuuhkan struktur jalan daripada KM9 sehingga KM52.4. Projek ini telah diserahkan kepada JKR melalui 2 fasa. Seksyen 6 telah diserahkan kepada JKR pada 17 September 2009 dan Seksyen 1 hingga 5 diserahkan pada 6 April 2011. Tempoh kecacatan adalah selama 24 bulan iaitu masing-masing tamat pada 16 September 2011 dan 5 April 2013. Pihak kontraktor juga dikenakan jaminan korporat selama 7 tahun dari tarikh serahan projek.

5.4.1.3. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah RM202.38 juta iaitu kos asal berjumlah RM188 juta dan kontrak tambahan yang diluluskan pada bulan Februari 2010 untuk memperkuuhkan struktur jalan yang berjumlah RM14.38 juta. Pembayaran kontrak asal dibuat secara tunai dan pemberian tanah Negeri dengan nisbah 56:44 iaitu RM105.28 juta secara tunai dan RM82.72 juta atau 44% melalui tanah Negeri. Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberian tanah Negeri seluas 235.97 hektar di 3 kawasan iaitu 13.60 hektar di Kuching, 207.68 hektar di Samarahan dan 14.69 hektar di Bintulu sebagai sebahagian daripada pembayaran bagi projek ini. Sehingga akhir bulan Oktober 2011, sejumlah RM183.93 juta, termasuk kos tanah Negeri telah dibayar kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, walaupun projek ini lewat disiapkan namun objektif pelaksanaan projek untuk mengadakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik telah tercapai.

5.4.2. Peningkatan Kos

5.4.2.1. Kerajaan Negeri telah menyatakan keperluan dan spesifikasi kerja dalam *Needs Statement* yang dikeluarkan kepada kontraktor pada Februari 2004 di mana pihak kontraktor dikehendaki mengumpul dan menganalisis data, mengkaji reka bentuk dan keadaan struktur yang sedia ada, mengenal pasti semua kemudahan awam, bangunan dan perkara lain yang berada di kawasan projek. Selain itu, mengikut Seksyen 4.5, *Terms of Reference for Detailed Ground Survey And Engineering Design And Documentation For Sarawak Road Project (For Design And Construction Turnkey Arrangement)*, pihak kontraktor dikehendaki mengenal pasti aliran trafik semasa dan akan datang serta menyediakan Laporan Reka Bentuk Kejuruteraan yang lengkap.

5.4.2.2. Semakan Audit mendapati kontrak telah ditandatangani pada tahun 2007 berdasarkan kepada kajian trafik yang dijalankan JKR pada Oktober 1993. Kajian kemungkinan yang menyeluruh tidak dijalankan di mana unjuran *volume* trafik dan aktiviti seperti perlombongan arang batu, perladangan kelapa sawit dan pembalakan di sepanjang jalan ini tidak dibuat. Aktiviti tersebut menyebabkan jalan ini yang merupakan jalan utama, kerap dilalui oleh kenderaan berat melebih had muatan. Pada Julai 2008, kajian trafik telah dijalankan semula oleh JKR Mukah kerana reka bentuk struktur jalan seperti di kontrak yang dimeterai pada tahun 2007 tidak dapat menampung had muatan kenderaan berat yang membawa muatan arang batu, kelapa sawit dan kayu balak. Pada Februari 2010, Kerajaan Negeri telah meluluskan kontrak tambahan bagi memperkuatkkan struktur jalan daripada KM9 hingga KM52.4 daripada 5 juta *Equivalent Standard Axle Load* (ESAL) kepada 17.5 juta ESAL. Kontrak tambahan ini mengakibatkan kos keseluruhan projek meningkat sejumlah RM14.38 juta menjadi RM202.38 juta dan tempoh siap projek dilanjutkan selama 6½ bulan.

5.4.2.3. Maklum balas daripada Kementerian dan JKR bertarikh 18 Januari 2012 dan 22 Jun 2012 menyatakan pertambahan dalam bebanan trafik daripada aktiviti pengangkutan arang batu hanya berlaku selepas proses reka bentuk siap dan semasa kerja pembinaan sedang dijalankan pada tahun 2007/2008. Oleh sebab itu, reka bentuk dan struktur turapan telah diperkuatkkan untuk mengelakkan kegagalan pra-matang sebelum tempoh jangka hayat 10 tahun dicapai. Maklumat lanjut mengenai kerja tambahan adalah seperti **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2

Kerja Dan Kos Tambahan Akibat Daripada Perubahan Reka Bentuk Jalan

Lapisan Turapan	Ketebalan Turapan Mengikut Kontrak Asal (mm)	Ketebalan Turapan Mengikut Kontrak Tambahan (mm)	Ketebalan Ditambah (mm)	Kuantiti Tambahan (m ³)	Kos Tambahan (RM Juta)
ACW20 (<i>Wearing</i>)	50	60	10	489,463	3.03
ACB 28 (<i>Binder</i>)	50	65	15	397,818	3.70
<i>Crushed Aggregates (Road Base)</i>	250	300	50	545,458	4.80
<i>Crushed Aggregates (Sub-base)</i>	300	325	25	647,086	2.85
Jumlah				2,079,825	14.38

Sumber: Perjanjian Tambahan Kontrak No. PWD/HO/B038/2007

Pada pendapat Audit, sekiranya kajian trafik dijalankan oleh pihak kontraktor seperti ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sebelum kontrak ditandatangani di antara JKR dan kontraktor, keperluan semasa dan unjuran trafik boleh diambil kira dalam reka bentuk asal dan ini boleh menjimatkan kos dan tempoh pelaksanaan keseluruhan projek.


5.4.3. Skop Kerja Kontraktor Yang Tidak Mematuhi Standard JKR Dan Spesifikasi REAM

Lawatan Audit ke tapak projek bersama jurutera dari Ibu Pejabat Audit dan wakil JKR Bahagian Mukah pada akhir bulan Oktober 2011 mendapati ada kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mematuhi piawaian JKR sepenuhnya seperti berikut:

5.4.3.1. Cerun Tidak Dilindungi Dengan Betul

- a. Mengikut *Standard Specification For Road Works (1988)*, pihak kontraktor bertanggungjawab membina segala bentuk perlindungan cerun khususnya daripada kesan kerosakan atau hakisan. Lawatan Audit mendapati tiada perlindungan cerun dibuat dan telah berlaku hakisan tanah dan mendapan ke dalam longkang di tepi jalan yang mengakibatkan longkang tersumbat dengan tanah. Keadaan cerun yang tidak dilindungi dan saliran yang tersumbat adalah seperti **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.4**.

Gambar 5.1
Cerun Tidak Dilindungi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 1.5 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.2
Cerun Tidak Dilindungi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 11 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.3
Hakisan Cerun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 14.8 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.4
Hakisan Cerun Dan Mendapan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 14.8 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

- b. **Maklum balas daripada Kementerian dan JKR bertarikh 18 Januari 2012 dan 22 Jun 2012** menyatakan, pihak kontraktor telah menanam tumbuhan menjalar pada permukaan cerun sebagai langkah pencegahan kegagalan cerun. Namun, hanya sebahagian sahaja tumbuhan tersebut hidup disebabkan keadaan tanah yang tidak sesuai serta keras. **JKR juga memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 22 Jun 2012** bahawa pihak kontraktor dalam proses menanam semula tumbuhan menjalar sebelum tamat tempoh kecacatan.

5.4.3.2. Pemasangan *Guardrails* Tidak Mengikut Spesifikasi REAM

Jarak antara *guardrails* penting untuk menentukan struktur *guardrails* adalah kukuh bagi mengurangkan risiko kenderaan terbabas ke luar jalan sekiranya berlaku kemalangan. Semakan Audit terhadap Laporan *Road Safety Audit* mendapati *guardrails* yang dipasang tidak mematuhi piawaian *Road Engineering Association of Malaysia (REAM)*. Lawatan Audit ke tapak juga mendapati jarak antara tiang bagi semua *guardrails* tersebut adalah 4 meter berbanding piawaian yang ditetapkan 2 meter. Menurut Kementerian, penyesuaian jarak tersebut akan dipertimbangkan bagi memenuhi piawaian terkini REAM. **Menurut maklum balas daripada JKR bertarikh 22 Jun 2012, standard JKR REAM hanya dikuatkuasakan pada tahun 2009 dan kontrak telah ditandatangani pada tahun 2007.** Keadaan *guardrails* yang dipasang adalah seperti **Gambar 5.5**.



**Gambar 5.5
Jarak Tiang *Guardrails*
Tidak Mematuhi Piawaian REAM**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

5.4.3.3. Batu Penunjuk Jarak Tidak Dipasang

Semakan Audit terhadap kontrak mendapati pemasangan batu penunjuk jarak tidak dimasukkan dalam skop kerja dan lawatan Audit juga mengesahkan batu penunjuk jarak tidak dipasang di sepanjang jalan. Memandangkan panjang jalan ini adalah 52.4 km dan merupakan jalan akses utama ke Bahagian Mukah, batu penunjuk jarak perlu dipasang sebagai panduan kepada pengguna jalan raya.

Pada pendapat Audit, pihak JKR perlulah memastikan standard JKR dan spesifikasi REAM dipatuhi dan dijadikan syarat utama yang perlu dipatuhi oleh kontraktor. JKR perlu memastikan pihak kontraktor mengambil tindakan segera untuk melindungi

cerun dari berlakunya hakisan cerun dan tanah runtuh bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

5.4.4. Kerosakan Jalan

5.4.4.1. Lekukan Dan Rekahan

- a. Lawatan Audit ke beberapa lokasi jalan raya mendapati berlaku kerosakan jalan seperti lekukan dan rekahan (*rutting* dan *crocodile cracks*) pada permukaan jalan. Selain itu termoplastik yang digunakan untuk membuat garisan jalan juga telah mula tertanggal. Contoh kerosakan tersebut adalah seperti **Gambar 5.6** hingga **Gambar 5.13**.

**Gambar 5.6
Rutting**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM19.8 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

**Gambar 5.7
Rutting**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM19.8 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

**Gambar 5.8
Rekahan Telah Berlaku**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

**Gambar 5.9
Rekahan Telah Berlaku**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.10
Rekahan Telah Berlaku



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.11
Rekahan Telah Berlaku



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.12
Termoplastik Yang Digunakan
Untuk Garisan Jalan Telah Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.13
Termoplastik Yang Digunakan
Untuk Garisan Jalan Telah Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 0 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

- b. Menurut maklum balas daripada Kementerian dan JKR bertarikh 18 Jun 2012 dan 22 Jun 2012, rekahan tersebut berlaku disebabkan oleh ketidakupayaan struktur turapan menampung beban jalan yang melebihi muatan yang dibenarkan. Penggunaan jalan secara berterusan dan berulang oleh kenderaan yang membawa muatan melebihi had yang dibenarkan terlibat dengan aktiviti perlombongan arang batu, perladangan kelapa sawit dan pembalakan telah menyebabkan kerosakan jalan. Manakala kelupasan pada penanda termoplastik jalan disebabkan oleh kerja menanda garisan jalan dilakukan ketika permukaan bitumen jalan masih terlalu panas. Pihak Kementerian memaklumkan bahawa kontraktor telah diarahkan untuk membuat semula kerja penandaan garisan jalan. Kementerian juga menjelaskan bahawa JKR telah meminta nasihat teknikal daripada perunding berkaitan kerosakan pada permukaan tersebut. Sekiranya kerosakan tersebut berpunca daripada struktur turapan, kerja pembinaan semula lapisan bawah jalan perlu dilaksanakan.

- c. Semakan Audit terhadap laporan pemeriksaan JKR Mukah di tapak perlombongan arang batu dan di tempat simpanan stok Sarawak Coal Resources mendapati kenderaan membawa muatan yang melebihi antara 18% hingga 72% had muatan yang dibenarkan oleh JPJ. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5.3**. Semakan Audit seterusnya terhadap Laporan Kajian Aliran Trafik JKR di Jalan Matadeng-Selangau yang diadakan pada 7 Julai 2008 mendapati 1762 kenderaan menggunakan jalan ini pada hari tersebut seperti **Jadual 5.4**.

Jadual 5.3

Laporan Pemeriksaan JKR Mukah Mengenai Kenderaan Lebih Muatan Di Tempat Simpanan Stok Sarawak Coal Resources

Jenis Kenderaan	Berat Dengan Muatan			Lebih Muatan (%)
	Had Dibenarkan (Kg)	Dilaporkan Oleh Sarawak Coal Resources (Kg)	Pemeriksaan JKR (Kg)	
2 - axle	16,000	17,700	20,150	26
3 - axle	21,000	24,900	25,170	20
4 - axle	25,000	30,200	29,550	18
6 - axle	38,000	49,100	65,380	72

Sumber: Laporan Pemeriksaan Pada 1 Disember 2010, JKR Mukah

Jadual 5.4

Laporan Kajian Aliran Kenderaan Jalan Matadeng-Selangau JKR Pada 7 Julai 2008

Jenis Muatan	Kereta/4-Roda	Motosikal	Van/Pickup	Bas	Trak			Jumlah
					2-Axle	3-Axle	>3-Axle	
Arang Batu	-	-	-	-	62	73	-	135
Minyak Sawit	-	-	-	-	35	3	-	38
Kuari	-	-	-	-	1	22	-	23
Tangki	-	-	-	-	8	12	-	20
Kosong	-	-	-	-	126	97	-	223
Lain	777	175	202	31	66	20	52	1,323
Jumlah	777	175	202	31	298	227	52	1,762

Sumber: Jabatan Kerja Raya

5.4.4.2. Penyenggaraan Tidak Dilaksanakan

Lawatan Audit mendapati rumput dan tumbuhan liar tidak disenggara sehingga menutupi kawasan bahu jalan. Selain itu, pemeriksaan Audit juga mendapati tumbuhan liar menjalar ke saliran serta parit di beberapa tempat tersumbat dan dipenuhi lumpur. **Menurut maklum balas daripada Kementerian dan JKR bertarikh 18 Januari 2012 dan 22 Jun 2012, pihak kontraktor perlu melaksanakan kerja berkala bagi pemotongan rumput dan pembersihan parit dalam masa 2 tahun semasa tempoh tanggungan kecacatan.** Keadaan adalah seperti **Gambar 5.14** hingga **Gambar 5.19**.

Gambar 5.14
Bahu Jalan Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 1 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.15
Parit Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 1.5 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.16
Cerun Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 12.9 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.17
Cerun Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 12.9 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.18
Saliran Dipenuhi
Lumpur Dan Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 29.6 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.19
Saliran Dipenuhi
Lumpur Dan Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM 29.6 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, sekiranya isu berkaitan kenderaan membawa muatan melebihi had dibenarkan tidak dikawal, kualiti jalan tersebut akan terus terjejas walaupun kerja-kerja pembaikan dilakukan. Pihak JPJ hendaklah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan kenderaan yang melalui jalan tersebut tidak membawa barang-barang melebihi muatan yang dibenarkan. Pihak JKR pula perlulah memastikan tindakan diambil oleh pihak kontraktor untuk membaiki semua kerosakan sebelum tamat tempoh kecacatan dan memastikan kawasan bahu jalan dan perparitan disenggara dengan sempurna dalam tempoh tanggungan kecacatan.

5.4.5. Pembinaan Stesen Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan Yang Tidak Melibatkan Jabatan Pengguna

5.4.5.1. Pada Disember 2010, Kerajaan Negeri Sarawak telah memutuskan untuk membina satu Stesen Penguatkuasa JPJ. Semakan Audit mendapati Stesen Penguatkuasa JPJ telah dibina 4 km dari Persimpangan Matadeng dengan jalan pantai Mukah-Balingian pada kos RM3.13 juta. Kerja ini dilaksanakan melalui Arahan Perubahan Kerja yang dikeluarkan pada bulan Ogos 2011 tetapi setakat ini belum diluluskan kerana kerja tambahan belum disiapkan sepenuhnya. Semakan Audit seterusnya mendapati komponen Arahan Perubahan Kerja ini adalah reka bentuk, penyediaan tapak, kerja tanah, saliran, turapan dan bangunan Stesen Penguatkuasa tetapi tidak termasuk kemudahan air dan elektrik serta jambatan penimbang. Keadaan stesen adalah seperti **Gambar 5.20** dan **Gambar 5.21**.

Gambar 5.20
Stesen Penguatkuasa JPJ



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM48 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 5.21
Stesen Penguatkuasa JPJ



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KM48 Jalan Matadeng
Tarikh: 27 Oktober 2011

5.4.5.2. Mesyuarat Koordinasi Penyerahan Stesen Penguatkuasa JPJ, Bahagian Mukah telah diadakan pada 15 September 2011. JPJ Mukah memaklumkan pihaknya tidak dapat mengambil alih stesen tersebut kerana kemudahan seperti air, elektrik dan jambatan timbang belum disediakan. Selain itu, JPJ Mukah juga meminta kawasan stesen di pagar, pintu dan tingkap dipasang dengan jeriji, jalan keluar dan masuk dibesarkan dan tempat letak kereta tambahan disediakan bagi kenderaan panjang seperti lori dan treler. Semakan Audit seterusnya mendapati bahawa tiada permohonan awal dikemukakan

kepada pihak JPJ untuk tujuan mengendalikan serta mengambil alih stesen tersebut. Pada awal bulan Oktober 2011, JPJ Sarawak telah meminta pihak Kerajaan Negeri memohon secara rasmi kepada Ibu Pejabat JPJ Putrajaya untuk mengambil alih stesen ini. Lawatan Audit pada akhir bulan Oktober 2011 mendapati jambatan timbang dan kemudahan asas masih belum disediakan.

Pada pendapat Audit, keperluan dan spesifikasi JPJ perlu diambil kira sebelum pembinaan stesen ini dimulakan. Urusan penyerahan stesen ini kepada pihak JPJ perlu diselesaikan dengan segera bagi memastikan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang jalan raya.

5.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya prestasi pelaksanaan projek naik taraf jalan akses ke Mukah dari Persimpangan Sibu/Bintulu ke Persimpangan Matadeng, Bahagian Mukah, Sarawak menunjukkan berlakunya beberapa kelemahan. Bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan projek ini serta projek-projek pembangunan lain pada masa hadapan, adalah disyorkan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan, Pejabat Residen Mukah dan Polis Diraja Malaysia mengambil langkah-langkah berikut:

5.5.1. Jabatan Kerja Raya perlu mempertingkatkan pemantauan ke atas projek yang dilaksanakan secara reka dan bina supaya spesifikasi, kualiti kerja dan kualiti bahan yang digunakan adalah memenuhi standard yang ditetapkan. Ini adalah bagi mengelakkan kos penyenggaraan yang tinggi selepas projek diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya.

5.5.2. Jabatan Kerja Raya hendaklah memastikan kajian trafik dilaksanakan sebelum projek pembinaan jalan dimulakan dan kontrak ditandatangani bagi membolehkan maklumat tersebut diambil kira dalam penyediaan reka bentuk projek.

5.5.3. Komunikasi dan koordinasi perlu dipertingkatkan antara pihak berwajib seperti Jabatan Kerja Raya, Pejabat Residen Mukah, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, syarikat arang batu, kelapa sawit dan balak bagi mengatasi masalah kenderaan melebihi had muatan.

5.5.4. Pihak berwajib yang bertanggungjawab ke atas penguatkuasaan undang-undang penggunaan jalan raya hendaklah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan kenderaan yang melalui jalan tersebut tidak membawa barang-barang melebihi muatan yang dibenarkan.

5.5.5. Jabatan Kerja Raya perlu memastikan pihak kontraktor mengambil tindakan memperbaiki semua kerosakan sebelum tamat tempoh kecacatan.

JABATAN HUTAN SARAWAK

6. PENGURUSAN HUTAN PAYA BAKAU DAN KEPENTINGANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Hutan Paya Bakau (HPB) merupakan sejenis hutan di pesisiran laut atau pantai, pulau dan kuala sungai. HPB mempunyai ciri ekologi yang unik dengan tanah yang berlumpur dan tumbuhan dapat hidup dalam keadaan banjiran air masin pasang dan surut. Spesies pokok yang mendominasi habitat bakau di Sarawak ialah *Rhizophora apiculata* (Bakau Minyak), *Rhizophora mucronata* (Bakau Kurap), *Bruguiera parviflora* (Berus Lengadai) dan *Sonneratia spp.* (Pedada/Perepat). Taburan tumbuhan bakau ini selalunya berselang-seli dengan tumbuhan *Nyipa fruticans* (Pokok Nipah).

6.1.2. Jabatan Hutan Sarawak (Jabatan) bertanggungjawab dalam mengurus dan memelihara sumber, mewarta kawasan untuk tujuan pengeluaran hasil dan pemuliharaan hutan. Di samping itu, Jabatan juga berperanan melindungi alam sekitar dan mengawal penggunaan sumber hutan secara mapan. Pengurusan HPB adalah di bawah Bahagian Pengurusan Dan Perancangan Hutan, Jabatan Hutan Sarawak. Taburan HPB di Sarawak adalah 127,736 hektar atau 1.2% daripada 10.31 juta hektar jumlah keluasan hutan Negeri Sarawak. Seluas 102,189 hektar atau 80% kawasan HPB terletak di pesisiran pantai di Bahagian Kuching dan Mukah manakala selebihnya terletak di pesisiran pantai Bahagian Limbang, Sri Aman, Sibu, Sarakei dan Miri seperti di **Peta 6.1**.

Peta 6.1
Taburan HPB Di Negeri Sarawak



Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

6.1.3. Jabatan telah menerima peruntukan berjumlah RM4.67 juta daripada Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Malaysia yang disalurkan melalui Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dari tahun 2006 hingga 2011 untuk tujuan Projek Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies Yang Bersesuaian Di Pesisiran Pantai Negeri Sarawak. Keseluruhan peruntukan bagi projek ini adalah diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan dan tiada peruntukan diterima daripada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyediakan logistik dan perkhidmatan sokongan termasuk tenaga kerja dan kenderaan bagi pelaksanaan projek tersebut. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM4.53 juta telah dibelanjakan. Bagi tahun 2009 hingga 2011, sejumlah RM279,617 telah dikutip sebagai hasil royalti pokok bakau yang dijadikan kayu pancang, kayu cord, kayu arang dan kayu separa arang.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan HPB dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mengambil kira kepentingannya terhadap alam sekitar.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak, Pejabat Hutan Wilayah Kuching, Sibu dan Miri merangkumi aspek pengurusan, perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap HPB bagi tempoh 2006 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan pengurusan HPB dan temu bual dengan pegawai yang terlibat diadakan bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut mengenai pengurusan HPB serta borang soal selidik diedarkan kepada orang awam dan Badan Bukan Kerajaan. Lawatan ke lokasi HPB yang dipilih di Bahagian Kuching, Miri dan Mukah juga dijalankan. Pihak Audit juga mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak (JTS) serta Sarawak Forestry Corporation.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati prestasi keseluruhan pengurusan HPB adalah memuaskan dari segi pencapaian sasaran keluasan tanaman dan bilangan pokok yang telah ditanam. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi program penanaman pokok bakau kurang memuaskan kerana hanya 11 projek atau 40.8% daripada 27 projek penanaman dikategorikan sebagai berjaya.
- Rancangan Pengurusan HPB Bersepadu belum disediakan.
- Pewartaan HPB sebagai Kawasan Terlindung Sepenuhnya.

- Kemasuhan HPB yang diwartakan.
- Gangguan ekosistem HPB di Tapak RAMSAR.

6.4.1. Prestasi Program Penanaman Pokok Bakau Kurang Memuaskan

6.4.1.1. Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Objektif program adalah untuk memulihara dan memelihara pesisiran pantai negara, mewujudkan zon penanaman yang kukuh, memulih habitat pesisiran pantai serta meningkatkan kualiti alam sekitar. Secara keseluruhannya, pencapaian prestasi penanaman pokok bakau telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 241 hektar atau 116% berbanding sasaran 208 hektar seperti **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Prestasi Fizikal Penanaman Pokok Bakau

Tahun	Prestasi Fizikal		Peratus (%)
	Sasaran Penanaman (ha)	Pencapaian Sebenar (ha)	
2006	10.0	10.0	100
2007	25.0	24.4	98
2008	47.0	60.4	129
2009	65.0	68.1	105
2010	61.0	78.1	128
Jumlah	208	241	116

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

6.4.1.2. Semakan Audit mendapati 27 projek penanaman spesies pokok bakau dengan bilangan pokok ditanam sebanyak 517,198 batang pokok yang terdiri daripada spesies bakau kurap, bakau minyak, perepat, berus dan api-api telah dilaksanakan sepanjang tahun 2006 hingga 2010. Bilangan pokok yang ditanam itu melebihi 2.6% berbanding sasaran 504,000 batang pokok. Secara keseluruhannya prestasi program penanaman yang dijalankan adalah kurang memuaskan kerana hanya 11 atau 40.8% projek penanaman boleh dikategorikan sebagai berjaya di mana lebih daripada 80% pokok yang ditanam hidup. Selain itu, 4 atau 14.8% projek boleh dikategorikan sebagai gagal kerana semua pokok yang ditanam mati. Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah menetapkan tahap penilaian peratus hidup bagi pokok bakau dan spesies yang sesuai di pesisiran pantai serta syor bagi mengatasi masalah ini. Prestasi penanaman pokok bakau dan pencapaian peratus hidup adalah seperti **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Prestasi Penanaman Pokok Bakau

Bil.	Peratus Hidup	Kategori dan Syor Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	Bilangan Projek	Keluasan (ha)	Bilangan Pokok Ditanam	Peratus Projek (%)
1.	80 ke atas	Kawasan terpulih dan pemantauan pemuliharaan	11	120.5	222,378	40.8
2.	51 hingga 79	Rawatan susulan dan pemantauan berkala	3	37.1	92,750	11.1
3.	1 hingga 50	Kajian penyelidikan dan pembangunan serta rawatan susulan	6	55.4	132,060	22.2
4.	0	Kajian penyelidikan dan pembangunan diperlukan	4	8.9	22,260	14.8
5.	Tiada maklumat peratus hidup		3	19.1	47,750	11.1
Jumlah			27	241	517,198	100

Sumber: Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar Dan Jabatan Hutan Sarawak


6.4.1.3. Menurut Laporan Status Penilaian Dan Pemantauan Kawasan Di Lokasi Penanaman Bakau Dan Spesies Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara, faktor yang menyebabkan kematian pokok bakau adalah disebabkan oleh gangguan teritip, masalah ombak besar, hakisan, reba, air pasang terlalu lama dan tanaman terlindung daripada cahaya matahari. Selain itu, Jabatan tidak menjalankan kajian kesesuaian tanah. Jabatan hanya menggunakan teknik penanaman secara cuba uji. Contoh keadaan yang menyebabkan kematian pokok bakau adalah seperti **Gambar 6.1** hingga **Gambar 6.4**.

Gambar 6.1
Kawasan Terlindung
Daripada Cahaya Matahari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Litong, Mukah
Tarikh: 25 Oktober 2011

Gambar 6.2
Masalah Reba



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Litong, Mukah
Tarikh: 25 Oktober 2011

Gambar 6.3
Masalah Hakisan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Perepat, Sematan
Tarikh: 27 Oktober 2011

Gambar 6.4
Ganguan Teritip



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasir Putih, Kuching
Tarikh: 28 Oktober 2011

6.4.1.4. Kajian penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada akhir 2010 selepas kegagalan projek penanaman di Kampung Awat-Awat Lawas dan Kuala Lawas mendapati berlaku masalah penambakan pasir yang menyebabkan ia tidak sesuai untuk penanaman spesies bakau minyak dan bakau kurap seperti **Gambar 6.5**.



Gambar 6.5
Penambakan Pasir Yang Serius

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak
Lokasi: Kampung Awat-Awat, Lawas
Tarikh: 30 Mei 2011

6.4.1.5. **Maklum balas daripada Jabatan bertarikh 20 Januari 2012** memaklumkan bahawa program penanaman pokok bakau dan spesies lain yang bersesuaian di pesisiran pantai Negeri Sarawak mula diperkenalkan pada penghujung tahun 2006. Sehingga tahun 2007, garis panduan dan teknik penanaman yang sesuai belum diperkenalkan. Contohnya, bagi projek penanaman yang dijalankan di bekas tapak Projek UNDP/GEC-SGP Sematan, Jabatan telah mencuba teknik konvensional dan teknik inovasi. **Jabatan memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 5 Mac 2012** bahawa penanaman dilakukan dengan teknik terbaik yang diketahui pada masa itu dan dijadikan *Key Performance Index* Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar walaupun penyelidikan masih belum selesai. **Jabatan juga berpandangan melalui maklum balas bertarikh 14 Jun 2012** bahawa sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar adalah sangat tinggi dan amat sukar untuk dicapai memandangkan terdapat faktor di luar kawalan Jabatan seperti

kejadian ombak besar, reba, hakisan dan air pasang terlalu lama, namun Jabatan telah sedaya upaya melaksanakan program penanaman ini.

6.4.1.6. Jabatan memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 5 Mac 2012 bahawa dalam Rancangan Malaysia Ke-10 satu strategi baru iaitu Jawatankuasa Teknikal R&D Bakau (JTR&D) akan melaksanakan kajian terlebih dahulu sebelum sebarang penanaman dilakukan. Projek pemuliharaan Kuching Wetland National Park (KWNP) telah dijadikan perintis di mana pihak JTR&D telah mengadakan lawatan bagi mengkaji kesesuaian tanah dan sebagainya sebelum projek penanaman secara besar-besaran dilakukan. Kaedah inovasi yang disarankan oleh FRIM seperti teknik penanaman menggunakan kaedah *Compress Mattress* dan *Compress Pillow* belum diguna pakai di Sarawak kerana kosnya yang tinggi.

6.4.1.7. Menurut Jabatan melalui maklum balas bertarikh 20 Januari 2012, sepanjang pelaksanaan projek mulai tahun 2006 hingga 2010, aktiviti penyenggaraan tidak dilakukan disebabkan kekangan peruntukan. Aktiviti pemantauan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh pada tahun 2011 juga disebabkan oleh kekangan peruntukan. Program pemantauan di 17 lokasi penanaman di Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan, Negeri Sarawak telah dijalankan pada 18 hingga 21 Mei 2011 melibatkan kawasan seluas 147.9 hektar. Peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar melalui JPSM kepada Jabatan adalah lebih tertumpu kepada pelaksanaan aktiviti penanaman, program kesedaran, perolehan peralatan dan memperkasakan keupayaan kakitangan bagi mencapai sasaran fizikal yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, penyelidikan secara intensif hendaklah dibuat sebelum projek penanaman pokok bakau dimulakan. Selain itu, teknik penanaman perlu dikaji semula bagi memastikan prestasi penanaman pokok bakau dapat ditingkatkan.

6.4.2. Rancangan Pengurusan HPB Bersepadu Belum Disediakan

6.4.2.1. Rancangan Pengurusan HPB hendaklah disediakan secara bersepadu sebagai satu pelan induk pengurusan HPB memandangkan HPB merupakan ekosistem yang paling kompleks dan berbeza dengan pengurusan hutan darat. Jabatan perlu menyediakan Rancangan Pengurusan HPB supaya sumber hutan di kawasan tersebut dapat diuruskan secara mampan. Setakat tarikh pengauditan, Jabatan hanya mengemukakan kepada pihak Audit *The Lawas Mangrove Management Plan* 1973 dan Pelan Pengurusan *Kuching Wetland National Park* 2010 dan belum menyediakan Rancangan Pengurusan HPB Bersepadu kerana Jabatan hanya bertanggungjawab terhadap kawasan HPB yang berada dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Kawasan Terlindung Sepenuhnya (KTS). HSK dan KTS adalah tertakluk di bawah *Forest Ordinance* (Cap. 126) dan *National Parks And Nature Reserves Ordinance, 1998* (Cap. 27) bagi tujuan pewartaan, perlindungan dan pengeluaran hasil hutan.

6.4.2.2. Jabatan memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 14 Jun 2012 bahawa kawasan HPB dalam tanah Negeri adalah di luar bidang kuasa Jabatan Hutan Sarawak. Menurut maklum balas daripada Jabatan dan JTS bertarikh 5 Mac 2012, kedua-dua pihak bersetuju dengan cadangan bagi mewujudkan Rancangan Pengurusan HPB secara bersepadu selepas dibangkitkan oleh pihak Audit dan Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak akan melaksanakan koordinasi antara agensi bagi menangani isu yang melibatkan HPB pada masa akan datang. Ini memandangkan Jabatan, JTS dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar kini berada di bawah Kementerian yang sama.

Pada pendapat Audit, Jabatan bersama Agensi Kerajaan yang lain sepatutnya menyediakan Rancangan Pengurusan HPB secara bersepadu bagi memastikan kelestarian HPB.

6.4.3. Pewartaan HPB Sebagai Kawasan Terlindung Sepenuhnya

6.4.3.1. Kawasan HPB hendaklah dipulihara dan kesan pembangunan di HPB dalam kawasan tanah Negeri perlu diminimumkan. Adalah didapati setakat Disember 2011, Jabatan telah mewartakan seluas 16,661 hektar di 3 kawasan sebagai Taman Negara untuk tujuan melindungi HPB daripada aktiviti pencerobohan dan pembangunan. Butiran lanjut pewartaan kawasan HPB sebagai KTS adalah seperti **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3

Kawasan HPB Yang Diwartakan Sebagai Kawasan Terlindung Sepenuhnya

Bil.	Kawasan	Bahagian	Keluasan (ha)
1.	Rajang Mangrove National Park	Sibu	9,373
2.	Kuching Wetland National Park	Kuching	6,610
3.	Sibuti Bird Sanctuary	Miri	678
Jumlah			16,661

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

6.4.3.2. Semakan Audit mendapati pada Ogos 2003, Jabatan telah mencadangkan 2 kawasan seluas 26,290 hektar untuk diwartakan menjadi Taman Negara. Manakala pada November 2011, Jabatan telah mengemukakan cadangan pewartaan kawasan penanaman pokok bakau sebagai KTS untuk 3 kawasan seluas 94.6 hektar. Setakat tarikh laporan, kawasan tersebut belum lagi diwartakan seperti **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4

Cadangan Pewartaan Taman Negara HPB Dan Kawasan Penanaman Pokok Bakau Sebagai Kawasan Terlindung Sepenuhnya Di Sarawak

Bil.	Nama	Bahagian	Keluasan (ha)	Keluasan Tanaman (ha)
1.	<i>Batang Lassa National Park</i>	Sibu	22,000	-
2.	<i>Limbang Mangrove National Park</i>	Limbang	4,290	-
3.	Pesisir Pantai Kampung Pasir Putih, Selabat, Kuching	Kuching	-	44
4.	Pulau Perepat, Sematan	Kuching	-	7.6
5.	Pulau Tun Ahmad Zaidi, Daro	Mukah	-	43
Jumlah			26,290	94.6

Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

6.4.3.3. Jabatan memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 20 Januari 2012 bahawa usaha berterusan telah diambil bagi mewartakan kawasan HPB untuk dijadikan kawasan KTS namun proses pewartaan ini mengambil masa yang lama kerana perlu melalui prosedur dan keperluan undang-undang sedia ada.

6.4.3.4. Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 15 Mac 2012 bahawa Kerajaan Negeri memang menyedari kepentingan HPB kepada ekosistem dan telah mencadangkan HPB yang sesuai diwartakan sebagai KTS atau HSK. Antara kawasan yang dicadangkan sebagai KTS ialah Pulau Tun Ahmad Zaidi, Daro. Cadangan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 15 Disember 2011 bagi tujuan pewartaan sebagai KTS dengan keluasan lebih kurang 657 hektar. Kerajaan juga telah menukar beberapa status HPB daripada HSK kepada KTS. Antara kawasan berkenaan ialah *Rajang Mangrove National Park* yang sebelum ini merupakan *Rajang Mangrove Forest Reserve* berkeluasan lebih kurang 9,373 hektar telah diwartakan pada 3 Ogos 2000. Selain itu, KWNP yang berkeluasan 6,610 hektar yang sebelum ini merupakan *Sarawak Mangrove Forest* telah diwartakan pada 10 Oktober 2002. Pewartaan kawasan berkenaan sebagai KTS secara tidak langsung memberi pelindungan yang baik kepada kawasan berkenaan.

6.4.3.5. Pihak Jabatan memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 9 Julai 2012 terdapat beberapa faktor yang melambatkan proses pewartaan sesuatu kawasan sebagai KTS seperti masalah pertikaian tanah, tuntutan bertindih, masalah pampasan, penentuan Tanah Hak Adat Bumiputera, penentuan hak serta keistimewaan dan sebagainya.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah terus mewartakan kawasan HPB yang sesuai di kawasan tanah Negeri dan mewujudkan Jawatankuasa Bersama antara Agensi Kerajaan yang terlibat bagi meningkatkan usaha pemeliharaan dan perlindungan HPB.

6.4.4. Kesan Terhadap Alam Sekitar

6.4.4.1. Kemusnahan HPB Yang Diwartakan

KWNP berkeluasan 6,610 hektar telah diisytiharkan sebagai Tapak RAMSAR pada 8 November 2005. Konvensyen Tanah Bencah (RAMSAR, Iran 1971) bertujuan untuk memulihara tanah bencah yang merupakan tempat berehat dan mencari makan burung hijrah. Mengikut Bahagian IV, Seksyen 24.(3) *National Parks And Nature Reserves Ordinance, 1998 Chapter 27*, tiada pembangunan infrastruktur dibenarkan di kawasan Taman Negara kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada *Controller Of National Parks And Nature Reserves (Controller)*. Semakan Audit mendapati:

- Rancangan Tebatan Banjir Bandaraya Kuching Fasa 1, Peringkat 1 seluas 1,358 hektar yang bermula pada tahun 2008 berada dalam KWNP. Isu kemusnahan HPB di kawasan ini telah mendapat liputan akhbar disebabkan tindakan pemulihan belum diambil setakat Julai 2011 seperti **Gambar 6.6** dan **Gambar 6.7**.

Gambar 6.6
Gambar Udara Saluran Pintasan Banjir



Sumber: Chemsains Sdn. Bhd.
Lokasi: Tapak RAMSAR, Kuching
Tarikh: 30 Mei 2010

Gambar 6.7
Keratan Akhbar




Sumber: The Borneo Post
Lokasi: Batang Salak, Kuching
Tarikh: 22 Julai 2011

- Tapak RAMSAR yang mungkin terjejas adalah berkeluasan 1,358 hektar ataupun 20% daripada keluasan keseluruhan Tapak RAMSAR berkenaan yang meliputi tapak pembuangan sisa/kolam sedimentasi (1,214 hektar) dengan anggaran jumlah isipadu sisa bahan buang 2.92 juta m³ dan kawasan terusan (144 hektar).
- Kawasan pembuangan sisa/kolam sedimentasi di antara Sungai Lemidin Besar dan Sungai Mengkuang telah diluluskan oleh Majlis Perancang Negeri pada bulan September 2008.
- Controller* hanya memberi kelulusan kepada JPS pada bulan September 2009 untuk melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Bandaraya Kuching Fasa 1, Peringkat 1 dengan syarat seperti berikut:

- i. Zon penampan selebar 30 meter di sepanjang sungai yang terjejas hendaklah diadakan di mana penebangan sebarang tumbuhan adalah tidak dibenarkan.
- ii. Pembuangan sisa adalah dilarang di sepanjang Batang Mengkuang, Lobak Mengkuang, Lobak Matang dan di kawasan hulu Sungai Sibu yang kaya dengan pelbagai spesies hidupan liar. Ini adalah bagi mengurangkan kesan pengelodakan di KWNP, tapak konservasi penyu dan juga terumbu karang di *Talang Satang National Park* di hilir.
- e. **Pihak Jabatan memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 7 Februari 2012** bahawa setakat Disember 2011, pemantauan rapi telah dijalankan dan kontraktor telah mematuhi kedua-dua syarat yang ditetapkan dengan memindahkan sebahagian kawasan pembuangan sisa iaitu di Kawasan 'A' ke Kawasan 'B' seperti Pelan 6.1.

**Pelan 6.1
Kawasan Pembuangan Sisa Yang Telah Diubah Bagi Mematuhi Syarat Controller**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- f. **Pihak Jabatan juga memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 9 Julai 2012** bahawa kawasan yang telah diterokai untuk tujuan pembuangan sisa adalah berkeluasan 295 hektar. Ini berdasarkan pengiraan menggunakan imej satelit yang dicerap melalui sistem hiperspektral Jabatan setakat Julai 2012.

6.4.4.2. Gangguan Ekosistem HPB Di Tapak RAMSAR

- a. Kawasan yang terjejas perlu dipulihara dan kesan penebangan hutan perlu diminimumkan serta penanaman semula anak pokok bakau sebagai langkah mitigasi hendaklah dilakukan bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar. Lawatan Audit ke Tapak RAMSAR semasa Sambutan Hari Tanah Bencah Sedunia pada 25 Februari 2012 mendapat pihak Jabatan telah memulakan kerja penanaman anak

pokok bakau di kawasan yang terjejas bersempadan dengan Batang Mengkuang seperti **Gambar 6.8**.



Gambar 6.8
Kawasan Yang Telah Ditanam

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak RAMSAR, Kuching
Tarikh: 25 Februari 2012

- b. **Jabatan memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 20 Januari 2012 bahawa pihaknya mempunyai rancangan untuk memuliharkan semula kawasan yang terjejas. Bagaimanapun, pada masa ini tanah di kawasan berkenaan belum lagi stabil kerana memerlukan masa bagi proses pemendapan berlaku sepenuhnya.**

Pada pendapat Audit, tindakan segera pemuliharaan ekosistem HPB hendaklah diambil dengan menanam semula pokok bakau yang telah musnah semasa pelaksanaan projek.

6.4.5. Kempen Kesedaran

6.4.5.1. Kempen kesedaran mengenai kepentingan HPB adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang awam khususnya generasi muda tentang kepentingan ekosistem hutan pesisiran pantai dan menyemai rasa cinta terhadap alam semula jadi. Jabatan telah menjalankan 14 kempen kesedaran dengan tema *Treasure The Mangroves* pada tahun 2007 hingga 2011 melibatkan Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, pelajar dan masyarakat setempat. Kempen kesedaran dianjurkan dengan cara ceramah yang disampaikan oleh pegawai daripada Jabatan kepada peserta kempen di samping acara penanaman pokok bakau dan spesies lain di akhir kempen. Antara tempat dianjurkan kempen kesedaran oleh pihak Jabatan adalah di pesisir pantai Kampung Pasir Putih Selabat, Pesisir Pantai Sarawak Mangrove, KWNP, Kampung Sebuyau, Kampung Kuala Rejang, Kampung Kuala Petanak, Kampung Oya, Kuala Matu, Kuala Sibuti dan Kuala Baram.

6.4.5.2. Soal selidik telah diedarkan untuk menilai kesedaran dan pandangan masyarakat berkenaan Pengurusan HPB Dan Kepentingannya Terhadap Alam Sekitar. Hasil analisis maklum balas yang diterima daripada 100 responden mendapati secara purata, 90% responden mengetahui mengenai kepentingan HPB terhadap alam sekitar dan 91% responden menyedari kepentingan HPB sebagai zon penampungan daripada ombak dan ribut. Pada masa yang sama, mereka sedar bahawa Kerajaan telah

mengambil tindakan untuk memelihara dan memulihara HPB serta HPB yang tidak diurus dengan baik akan membawa kesan yang buruk kepada alam sekitar.

Pada pendapat Audit, program kesedaran yang dianjurkan oleh Jabatan adalah memuaskan kerana hasil daripada soal selidik Audit menunjukkan 90% masyarakat menyedari kepentingan hutan paya bakau.

6.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan HPB boleh dipertingkatkan dengan mengambil tindakan memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan projek yang akan datang adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

6.5.1. Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar, Jabatan Hutan, Jabatan Tanah Dan Survei dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar perlu menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Bakau secara bersepada bagi memastikan kelestarian Hutan Paya Bakau.

6.5.2. Jawatankuasa Bersama antara Agensi Kerajaan yang terlibat perlu diwujudkan bagi meningkatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Hutan Paya Bakau.

6.5.3. Jabatan Hutan hendaklah menjalankan penyelidikan secara intensif sebelum projek penanaman dimulakan dan mengkaji semula teknik penanaman bagi memastikan prestasi program penanaman pokok bakau dapat ditingkatkan.

6.5.4. Kerajaan Negeri hendaklah mewartakan kawasan Hutan Paya Bakau yang sesuai di kawasan tanah Negeri sebagai Hutan Simpan Kekal.

6.5.5. Jabatan Hutan hendaklah mengambil tindakan untuk menanam semula pokok bakau yang telah musnah semasa pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SARAWAK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

7. PROJEK PENGAWALAN HAKISAN PANTAI


7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Bahagian Kejuruteraan Pantai di bawah Jabatan Pengairan Dan Saliran pada tahun 1987 selepas menjalankan kajian *National Coastal Erosion Study 1986* untuk melaksanakan program kawalan hakisan pantai di seluruh Negara. Program ini melibatkan strategi jangka pendek dan jangka panjang. Strategi jangka pendek meliputi pembinaan struktur pengawalan hakisan pantai di kawasan kritis bertujuan mengelak kehilangan lebih banyak kemudahan, harta benda dan tanah. Strategi jangka panjang pula memberi tumpuan kepada aspek pengurusan bagi menghindar sebarang keperluan kerja perlindungan pantai di masa hadapan akibat pembangunan projek baru di kawasan zon pantai.

7.1.2. Berdasarkan *National Coastal Erosion Study 1986*, sepanjang 44.5 kilometer atau 4.3% garis pantai Negeri Sarawak mengalami hakisan dan diklasifikasikan kepada 3 kategori. Kategori 1 adalah kawasan hakisan pantai yang serius dan mengancam keselamatan harta benda awam. Kategori 2 adalah kawasan hakisan pantai yang mana harta benda awam akan terancam dalam jangka masa 5 hingga 10 tahun sekiranya tindakan pengawalan tidak dijalankan. Kategori 3 adalah kawasan hakisan pantai yang serius tetapi tidak mempunyai kepentingan ekonomi yang tinggi.

7.1.3. Negeri Sarawak mempunyai garis pantai sepanjang 1,035 kilometer merangkumi kawasan pantai berpasir di sebelah timur dan pantai berlumpur di sebelah barat. Berdasarkan maklumat Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) setakat 31 Disember 2010, sepanjang 74.71 kilometer pantai di seluruh Sarawak telah mengalami hakisan iaitu 35.81 kilometer di bawah kategori 1, 27.8 kilometer bagi kategori 2 dan 11.1 kilometer pula kategori 3. Kawasan yang menunjukkan kategori hakisan adalah seperti di **Peta 7.1**.

Peta 7.1
Kawasan Pantai Sarawak Yang Telah Mengalami Hakisan



7.1.4. Projek Pengawalan Hakisan Pantai dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui 3 sumber kewangan iaitu peruntukan khas RM1 Bilion daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), peruntukan Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua. Peruntukan disalurkan kepada JPS sebagai agensi pelaksana. Antara jenis struktur pengawalan hakisan pantai yang digunakan oleh JPS adalah Lapis Lindung Batu, Penimbunan Batu dan Blok Konkrit. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM37.20 juta dan RM34.28 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan 12 projek pengawalan hakisan pantai.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pengawalan hakisan pantai dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan untuk mencapai objektifnya.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi projek yang dilaksanakan bagi tahun 2009 hingga 2011 dan tertumpu kepada Projek Pengawalan Hakisan Pantai di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Peruntukan Khas RM1 Bilion. Kajian ini dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Kuching, Betong dan Limbang. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Selain itu, lawatan ke 8 tapak projek dan temu bual dengan pihak yang terlibat juga dilakukan.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek pengawalan hakisan pantai telah dapat

menyediakan struktur pengawalan hakisan pantai dengan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek pengawalan hakisan pantai iaitu:

- Prestasi pelaksanaan projek tidak tercapai sepenuhnya.
- Tiga projek pengawalan hakisan pantai berjumlah RM4.90 juta telah gagal dan ditamatkan kontrak secara *Mutual Termination* tanpa merujuk kepada Pejabat Peguam Besar Negeri.
- Kajian kemungkinan secara menyeluruh tidak dijalankan.
- Koordinasi antara Jabatan dengan Agensi/Stakeholders lemah.
- Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP) belum menyeluruh.

7.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

Setakat Disember 2011, sejumlah RM34.28 juta atau 92.2% daripada peruntukan RM37.2 juta telah dibelanjakan untuk 9 projek yang siap dilaksanakan dan 3 projek lagi telah ditamatkan kontrak. Prestasi kewangan dan fizikal projek bagi tempoh 2009 hingga Disember 2011 adalah seperti **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1

Prestasi Kewangan Dan Fizikal Projek Pengawalan Hakisan Pantai Bagi Tempoh 2009 Hingga Disember 2011

Bil.	Sumber Kewangan	Jumlah Projek		Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratusan (%)
		Siap	Ditamatkan			
1.	Unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM)	3	2	15.71	13.76	87.6
2.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	4	0	3.49	3.47	99.5
3.	Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2)	2	1	18.00	17.05	94.7
Jumlah		9	3	37.20	34.28	92.2

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

7.4.1.1. Projek Siap Dilaksanakan

Semakan Audit terhadap 5 projek yang siap dilaksanakan mendapati projek tersebut telah memberi manfaat seperti perlindungan daripada ombak besar, masalah banjir dan keselamatan harta benda kepada orang awam. Semakan Audit seterusnya mendapati 2 daripada projek yang siap telah melibatkan perubahan kerja berjumlah RM1 juta disebabkan oleh tambahan kerja *under layer of revetment* bagi struktur pengawalan Lapis Lindung Batu dan tambahan Lapis Lindung Batu. Butiran projek yang siap dilaksanakan adalah seperti **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Projek Pengawalan Hakisan Pantai Yang Siap Dilaksanakan

Bil.	Projek	Nilai Kontrak Asal (RM Juta)	Perubahan Kerja (RM Juta)	Bayaran Kerja Kontrak (RM Juta)	Gambar Contoh
1.	Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Buntal (Fasa 2), Kuching	5.59	0.73	6.32	Gambar 7.1
2.	Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Pasir Pandak (Fasa 2), Kuching	2.72	0.27	2.99	Gambar 7.2
3.	Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Pasir Panjang, Kuching	1.82	(0.05)	1.77	Gambar 7.3
4.	Menaiktaraf Struktur Blok Konkrit Di Kampung Santubong, Kuching	0.30	0	0.30	Gambar 7.4
5.	Pengawalan Hakisan Pantai Di Perkuburan Pulau Sari Damit & Kampung Noor Islam Laut, Lawas	0.20	0	0.20	Gambar 7.5 dan Gambar 7.6
Jumlah		10.63	0.95	11.58	


Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Gambar 7.1
Struktur Lapis Lindung Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Buntal, Daerah Kuching
Tarikh: 25 Oktober 2011

Gambar 7.2
Struktur Lapis Lindung Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Pandak, Daerah Kuching
Tarikh: 26 Oktober 2011

Gambar 7.3
Struktur Blok Konkrit
Terrafix Interlocking



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pasir Panjang, Daerah Kuching
Tarikh: 26 Oktober 2011

Gambar 7.4
Struktur Blok Konkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Santubong, Daerah Kuching
Tarikh: 25 Oktober 2011

Gambar 7.5
Struktur Penimbunan Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perkuburan Pulau Sari Damit,
Daerah Lawas
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.6
Struktur Tembok Penahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Noor Islam Laut, Daerah
Lawas
Tarikh: 17 November 2011

7.4.1.2. Projek Yang Gagal

Semakan Audit seterusnya mendapati 3 projek pula telah gagal dan kontrak ditamatkan secara *Mutual Termination* di mana semasa kontrak ditamatkan pembayaran telah dibuat bagi kerja kontrak berjumlah RM4.90 juta atau 80.8% daripada nilai kontrak. Butiran mengenai 3 kontrak yang ditamatkan adalah seperti **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3**Projek Pengawalan Hakisan Pantai Yang Ditamatkan Kontrak**

Bil.	Projek	Nilai Kontrak Asal (RM Juta)	Perubahan Kerja (RM Juta)	Bayaran Kerja Kontrak (RM Juta)	Peratusan Bayaran Kontrak (%)
1.	Pengawalan Hakisan Pantai Di Pantai Sg. Bangat, Lawas, Limbang	1.94	0	1.35	69.6
2.	Pengawalan Hakisan Pantai Di SK Alit, Kabong, Betong	3.02	0.30	3.17	95.5
3.	Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Awat-Awat, Lawas	0.80	0	0.38	47.5
Jumlah		5.76	0.30	4.90	80.9

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

7.4.1.3. Semakan Audit terhadap dokumen projek mendapati tidak ada bukti yang menunjukkan kajian kemungkinan secara menyeluruh ada dijalankan sebelum projek dilaksanakan. Berdasarkan lawatan Audit ke 3 tapak projek yang telah ditamatkan secara *Mutual Termination* mendapati pembinaan struktur pengawalan hakisan pantai tidak dapat diteruskan kerana struktur pengawalan hakisan yang dibina tidak sesuai dengan keadaan di kawasan tapak projek yang terdedah kepada ombak yang kuat. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah tiada kajian hidraulik, penyiasatan tapak dan data strata tanah (*borehole*) dijalankan dan oleh demikian reka bentuk yang digunakan tidak sesuai. Selain itu, struktur pengawalan yang digunakan tidak mengambil kira perubahan iklim, kekuatan ombak dan pasang surut tertinggi di kawasan projek. **JPS memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 25 Januari 2012 bahawa kajian kemungkinan tidak dijalankan kerana ketiga-tiga projek tersebut disasarkan untuk disiapkan menjelang penghujung tahun 2010. Peruntukan yang diluluskan juga adalah hanya bagi pelaksanaan fizikal projek dan tidak merangkumi peringkat kajian.**

7.4.1.4. Keterangan lanjut mengenai 3 projek yang gagal dan ditamatkan kontrak adalah seperti berikut:

a. Pengawalan Hakisan Pantai Di SK Alit Daerah Kabong, Betong

- i. Projek Pengawalan Hakisan Pantai di SK Alit Daerah Kabong, Betong dipelawa secara tender terbuka melalui Tender Persekutuan dan ditawarkan kepada syarikat tempatan dengan nilai kontrak berjumlah RM3.02 juta. Skop kerja adalah untuk membina struktur *Terrafix Interlocking Concrete Block System* sepanjang 750 meter di pantai SK Alit, Daerah Kabong. Mesyuarat tapak pertama dan tarikh serahan tapak adalah pada 7 Disember 2009. Tempoh kontrak adalah selama 40 minggu dan projek dijangka siap pada 12 September 2010.
- ii. Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak mendapati sejak tarikh serahan tapak sehingga 28 Februari 2010, tiada aktiviti kerja dijalankan di tapak projek. Pada 18 Februari 2010, Jurutera Bahagian Betong ada mengeluarkan surat

amaran kepada kontraktor supaya memulakan kerja pembinaan di tapak projek. Semakan Audit seterusnya mendapati struktur Blok Konkrit *Terrafix Interlocking* yang dibina sepanjang 40 meter pernah runtuh akibat ombak kuat yang berlaku pada 11 Ogos 2010. Bagaimanapun kerja pembinaan struktur pengawalan hakisan ini diteruskan setelah kerja membaiki struktur yang runtuh dibuat.

- iii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat khas bertarikh 5 Oktober 2010 juga mendapati projek yang dilaksanakan hanya siap 97% pada 12 September 2010 yang merupakan tarikh kontrak tamat. Adalah didapati tiada bukti menunjukkan perlanjutan tempoh kontrak dimohon dan diluluskan. Selain itu, tiada Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan sebaliknya kontrak telah ditamatkan secara *Mutual Termination* menyebabkan kontraktor tidak dikenakan *Liquidated and Ascertained Damages*.
- iv. Mesyuarat khas yang diadakan pada 27 Disember 2010 telah memutuskan tarikh kelulusan penamatan kontrak kerja bagi pembinaan struktur Blok Konkrit *Terrafix Interlocking* ini secara *Mutual Termination* dikebelakangkan tarikh kepada 11 Oktober 2010. Antara punca penamatan kerja pengawalan hakisan ini adalah disebabkan ombak kuat yang berlaku sekali lagi pada 7 Oktober 2010 hingga 10 Oktober 2010 yang mana struktur Blok Konkrit *Terrafix Interlocking* ini telah runtuh dan kerja pembaikan tidak dapat dijalankan semasa musim tengkujuh pada hujung tahun.
- v. Semakan Audit mendapati sejumlah RM3.17 juta telah dibayar kepada kontraktor untuk kerja yang telah dibuat dan bahan binaan yang dibekalkan. Adalah didapati tender bagi projek pengawalan hakisan pantai di kawasan yang sama telah dipelawa semula pada 19 Oktober 2011 dan tender ditutup pada 9 November 2011. Kronologi pelaksanaan projek pengawalan hakisan pantai di SK Alit Daerah Kabong, Betong adalah seperti **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4

Kronologi Pelaksanaan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di SK Alit Daerah Kabong

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	17.11.2009	Setuju terima kontrak	Kontrak dipelawa melalui tender Persekutuan dan ditawarkan kepada syarikat tempatan dengan nilai kontrak berjumlah RM3,018,668 Projek dijangka siap pada 12.09.2010 dalam tempoh selama 40 minggu Projek di bawah peruntukan khas RM1 bilion
2.	7.12.2009	Projek sepatutnya mula dilaksanakan	Mesyuarat tapak pertama dan tarikh serahan tapak
3.	27.12.2010	Kontrak ditamatkan secara <i>Mutual Termination</i>	Kontrak ditamatkan melalui keputusan mesyuarat khas Keputusan penamatan kontrak dikebelakangkan tarikh ke 11.10.2010 Sejumlah RM1,549,607 telah dibayar kepada kontraktor setakat tarikh ini

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
4.	30.12.2010	Perubahan Kerja Kontrak Pertama	Pertambahan sejumlah RM301,669 (<i>additional works for rock revetment</i>)
5.	30.12.2010	Perakuan Pelarasan Harga Kontrak No. 1	Potongan sejumlah RM72,884 (<i>deduction for APK No. 1</i>)
6.	30.12.2010	Perakuan Pelarasan Harga Kontrak No. 2	Potongan sejumlah RM78,180 (<i>omission of work for Bill No. 1 – General Items and Bill No. 2 – Rock Revetment</i>)
7.	7.01.2011	Baucar bayaran bagi bayaran muktamad disediakan	Sejumlah RM1,619,666 dibayar kepada kontraktor Amaun keseluruhan yang dibayar kepada kontraktor adalah sejumlah RM3,169,274
8.	19.10.2011	Tender bagi projek pengawalan hakisan pantai di kawasan yang sama telah dipelawa semula	2 surat khabar - tempatan dan nasional Tender ditutup pada 9.11.2011 Setakat awal Januari 2012, penilaian terhadap tender yang diterima telah dibuat tetapi kontrak belum ditawarkan
9.	14.05.2012	Telah memohon kelulusan peruntukan daripada JPSM dan Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	Pelawaan semula tender ini ditolak oleh Unit Perancang Negeri Sarawak Masih menunggu kelulusan peruntukan

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

vi. Semakan dan lawatan Audit juga mendapati bahan binaan yang telah dibekalkan ada disimpan di stor JPS, Daerah Saratok seperti **Gambar 7.7** dan **Gambar 7.8**. Disebabkan projek pembinaan struktur Blok Konkrit *Terrafix Interlocking* ini telah gagal maka perbelanjaan sejumlah RM3.17 juta yang telah dibayar kepada kontraktor merupakan satu pembaziran kerana struktur pengawalan hakisan ini telah gagal dan tidak dapat membendung masalah hakisan yang berlaku serta projek tidak dapat dimanfaatkan oleh orang awam seperti **Gambar 7.9** hingga **Gambar 7.12**. Selain itu, berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPSM), penggunaan struktur Blok Konkrit *Terrafix Interlocking* ini adalah tidak sesuai untuk menghalang ombak yang kuat dan tinggi.

Gambar 7.7
Blok Konkrit Terrafix
Interlocking Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPS Daerah Saratok, Betong
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 7.8
Atlantis Gravel Cell Yang Tidak
Digunakan Disimpan Di Stor Jabatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPS Daerah Saratok, Betong
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 7.9
Struktur Blok Konkrit
Telah Runtuh Dan Dilitupi Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Alit Daerah Kabong, Betong
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 7.10
Struktur Blok Konkrit
Telah Runtuh Dan Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Alit Daerah Kabong, Betong
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 7.11
Blok Konkrit *Terrafix*
Interlocking Bertaburan
Dan Kabel Stainless Steel Terputus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Alit Daerah Kabong, Betong
Tarikh: 23 November 2011

Gambar 7.12
Struktur Binaan Parapet
Wall Retak Akibat Keadaan
Tapak Yang Kurang Stabil



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: SK Alit Daerah Kabong, Betong
Tarikh: 23 November 2011

vii. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 25 Januari 2012 menyatakan bahawa prestasi fizikal sebenar projek pengawalan hakisan pantai ini sehingga 11 Oktober 2010 adalah 100% siap berdasarkan skop kontrak asal manakala kerja-kerja tambahan sedang dijalankan. Punca kerosakan struktur pengawalan hakisan pantai tersebut adalah disebabkan oleh peristiwa ombak besar yang tidak dijangka berlaku dan juga kelemahan Blok Konkrit *Terrafix Interlocking* tersebut dalam menahan pukulan ombak besar dan tinggi.**

viii. Berdasarkan maklumat daripada JPS setakat awal Januari 2012, penilaian terhadap tender yang diterima telah dibuat tetapi kontrak belum lagi ditawarkan. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 14 Mei 2012 menyatakan bahawa permohonan untuk peruntukan daripada JPSM dan Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah dibuat untuk melaksanakan semula projek ini.**

b. Pengawalan Hakisan Pantai Di Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas, Limbang

- i. Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas, Limbang dipelawa secara tender terbuka dan ditawarkan kepada syarikat tempatan pada Mac 2010 dengan kontrak berjumlah RM1.94 juta. Skop kerja adalah untuk membina struktur *Armorflex Articulating Concrete Block System* sepanjang 400 meter di Pantai Sg. Bangat, Daerah Lawas. Mesyuarat tapak pertama dan tarikh serahan tapak adalah pada 20 April 2010. Tempoh kontrak adalah selama 6 bulan dan projek dijangka siap pada 19 Oktober 2010.
- ii. Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak mendapati tiada aktiviti kerja berlaku di tapak projek sejak tarikh serahan tapak sehingga 6 Jun 2010. Adalah didapati tiada bukti menunjukkan perlanjutan tempoh kontrak dimohon oleh kontraktor dan diluluskan oleh JPS. Aktiviti kerja di tapak projek hanya bermula pada 7 Jun 2010 iaitu 2 bulan selepas tarikh serahan tapak. Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak juga mendapati struktur Blok Konkrit *Armorflex Articulating* yang dibina sepanjang 143 meter dengan peratusan kerja siap sebanyak 23.5% pernah runtuh akibat ombak besar yang berlaku pada 23 Julai 2010. Bagaimanapun, kerja pembinaan struktur pengawalan hakisan ini diteruskan setelah kerja pemberian dibuat.
- iii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat khas yang diadakan pada 17 Disember 2010 dan 24 Disember 2010 antara pegawai JPS dan kontraktor mendapati, kontrak kerja pembinaan struktur Blok Konkrit *Armorflex Articulating* ini telah ditamatkan secara *Mutual Termination* dan dikebelakangkan tarikh iaitu berkuatkuasa 19 Oktober 2010. Penamatan kontrak ini disebabkan struktur Blok Konkrit *Armorflex Articulating* yang sedang dibina telah runtuh sekali lagi akibat ombak besar yang melanda kawasan Pantai Sg. Bangat pada 7 Oktober 2010 hingga 10 Oktober 2010. Struktur Blok Konkrit *Armorflex Articulating* yang telah runtuh dan gagal disiapkan adalah seperti **Gambar 7.13** hingga **Gambar 7.16**.

Gambar 7.13
Struktur Blok Konkrit
Armorflex Articulating Yang
Telah Runtuhan Gagal Disiapkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.15
Sebahagian Blok Konkrit
Armorflex Articulating Yang
Runtuhan Dan Kabel Terputus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.14
Sebahagian Struktur Blok Konkrit
Armorflex Articulating Yang Runtuhan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.16
Struktur Blok Konkrit
Armorflex Articulating
Beralun Disebabkan Tapak Mendap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

- iv. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat No. 6 bertarikh 14 Oktober 2010 mendapati peratusan kerja siap bagi pembinaan struktur Blok Konkrit hanya mencapai lingkungan 39.8% berbanding 87.5% yang dijadualkan. Adalah didapati sejumlah RM1.35 juta atau 69.6% telah dibayar kepada kontraktor untuk kerja yang telah dilaksanakan dan juga bahan binaan di tapak projek.
- v. **JPS memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 14 Mei 2012 bahawa tender bagi projek yang sama telah dipelawa semula pada 25 April 2012 dan tender ditutup pada 16 Mei 2012.** Kronologi pelaksanaan projek pengawalan hakisan pantai di Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas, Limbang adalah seperti Jadual 7.5.

Jadual 7.5

Kronologi Pelaksanaan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas, Limbang

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	30.03.2010	Setuju terima kontrak	Kontrak dipelawa melalui tender Pusat Negeri dan ditawarkan kepada syarikat tempatan dengan nilai kontrak berjumlah RM1,938,610 Projek dijangka siap pada 19.10.2010 dalam tempoh selama 6 bulan
2.	20.04.2010	Projek sepatutnya mula dilaksanakan	Mesyuarat tapak pertama dan tarikh serahan tapak
3.	7.06..2010	Projek dimulakan	2 minggu selepas tarikh serahan tapak
4.	23.07.2010	Struktur blok konkrit runtuh	Peratusan kerja siap sebanyak 23.5%
5.	24.12.2010	Mesyuarat khas antara pegawai JPS dan Kontraktor diadakan Kontrak ditamatkan secara Mutual Termination	Kontrak ditamatkan melalui keputusan di mesyuarat khas Keputusan penamatan kontrak dikebelakangkan tarikh ke 19.10.2010
6.	Tiada Maklumat	Perubahan Kerja Kontrak Pertama	Pengurangan sejumlah RM50,000 (<i>provisional sum for contingencies</i>)
7.	Tiada Maklumat	Perubahan Kerja Kontrak Kedua	Pengabaian sejumlah RM1,350,682 (<i>Section A – Preliminaries & General, Section B – Articulating Block System</i>)
8.	2.02.2011	Baucar bayaran bagi bayaran No.1 dan Akhir disediakan	Sejumlah RM1,345,181 dibayar kepada kontraktor merangkumi RM537,928 bagi nilai kerja yang telah dilaksanakan dan RM807,252 untuk nilai bahan binaan yang dibekalkan
9.	14.05.2012	Tender dipelawa semula	Tender dibuka pada 25.04.12 dan ditutup pada 16.05.2012

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- vi. Semakan dan lawatan Audit mendapati bahan binaan seperti *kiaratex woven geotextile*, *preformed galvanized cable*, *geobag* dan *atlantis gravel cell* yang belum digunakan ada disimpan di stor JPS Limbang manakala Blok Konkrit *Armorflex Articulating* diletakkan di tapak projek seperti **Gambar 7.17** hingga **Gambar 7.20**.

Gambar 7.17
Blok Konkrit Armorflex
Articulating Dibiarkan Di Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.18
Blok Konkrit Armorflex
Articulating Dibiarkan Di Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.19
Bahan Binaan Seperti
Atlantis Gravel Cell, Geobag Dan
Geotextile Disimpan Di Stor Jabatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPS, Bahagian Limbang
Tarikh: 15 November 2011

Gambar 7.20
Bahan Binaan Seperti Geobag Dan
Geotextile Disimpan Di Stor Jabatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor JPS, Bahagian Limbang
Tarikh: 15 November 2011

- vii. Semakan Audit seterusnya terhadap rekod dan dokumen JPS mendapati ada berlaku kes kecurian. Berdasarkan salinan laporan polis yang dibuat pada 28 September 2011 dan surat daripada JPS Limbang pada 26 Oktober 2011, sebanyak 376 Blok Konkrit *Armorflex Articulating* telah hilang dengan anggaran kerugian sejumlah RM124,080. Kecurian ini berlaku disebabkan tiada pengawal ditugaskan untuk menjaga bahan binaan yang dibiarkan di tapak projek.
- viii. Disebabkan projek pembinaan struktur Blok Konkrit *Armorflex Articulating* tidak dapat diteruskan maka perbelanjaan sejumlah RM1.35 juta yang dibayar kepada kontraktor merupakan satu pembaziran kerana struktur pengawalan hakisan pantai ini telah runtuh, bahan binaan yang terbiar dan projek tidak dapat dimanfaatkan oleh orang awam.
- ix. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 25 Januari 2012 menyatakan bahawa punca kerosakan struktur pengawalan hakisan pantai tersebut adalah disebabkan kelemahan Blok Konkrit tersebut dalam menahan pukulan ombak besar dan tinggi serta kaedah pembinaan yang tidak sesuai. Pemilihan penggunaan Blok Konkrit *Armorflex Articulating* di Pantai Sg. Bangat lebih kepada estetik serta mesra pengguna berbanding dengan keupayaan Blok Konkrit untuk menahan ombak besar. Blok Konkrit yang digunakan tidak mampu menahan pukulan ombak yang melanda Sg. Bangat pada 7 Oktober 2010 hingga 10 Oktober 2010.**

c. Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Awat-Awat, Daerah Lawas, Limbang

- i. Semakan Audit mendapati Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Awat-Awat, Daerah Lawas dipelawa secara tender terbuka melalui Tender Persekutuan dan ditawarkan kepada syarikat tempatan dengan kontrak bernilai

RM0.80 juta. Skop kerja adalah untuk membina *Breakwater* sepanjang 70 meter di kawasan penempatan Kampung Awat-Awat. Mesyuarat tapak pertama dan tarikh serahan tapak adalah pada 10 Mei 2010. Tempoh kontrak adalah selama 16 minggu dan dijangka siap pada 29 Ogos 2010.

- ii. Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak seterusnya mendapati aktiviti kerja di tapak projek hanya bermula pada 21 September 2010 iaitu selepas tempoh kontrak tamat pada 29 Ogos 2010. JPS telah mengeluarkan surat amaran pertama kepada kontraktor pada 6 Ogos 2010 iaitu 87 hari atau 12 minggu selepas tarikh serahan tapak. Surat ini mengarahkan supaya kontraktor memulakan kerja dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat amaran tersebut. Pada 25 Ogos 2010, JPS telah mengeluarkan surat amaran kali kedua kepada kontraktor kerana masih tiada aktiviti kerja berlaku di tapak projek. Projek ini telah dikategorikan sebagai projek sakit dan laporan berkenaan masalah ini telah dilapor kepada Ketua Pengarah JPS Malaysia pada 20 Ogos 2010. Antara masalah kelewatan projek yang dibangkitkan adalah pengurusan kontraktor yang lemah, kontraktor tidak melakukan lawatan tapak sebelum mengemukakan tender dan kelewatan kontraktor mengemukakan pesanan bahan binaan kepada pembekal.
- iii. Adalah didapati Notis Kemungkiran Kontraktor dikeluarkan pada 24 September 2010 iaitu selepas tempoh kontrak tamat dan tiada bukti menunjukkan perlanjutan tempoh kontrak dimohon dan diluluskan. Berdasarkan Notis Kemungkiran Kontraktor, kontrak ini sepatutnya ditamatkan atas kemungkiran kontraktor sejajar dengan Klausu 51.1(c) Syarat-syarat Kontrak dan segala perbelanjaan berlebihan yang terlibat ditanggung oleh kontraktor tetapi sebaliknya kontrak ditamatkan secara *Mutual Termination* hanya selepas kontrak tamat tempoh dan segala perbelanjaan yang dilakukan oleh kontraktor selepas tempoh tersebut dibayar sepenuhnya oleh JPS.
- iv. Projek *Breakwater* ini telah ditamatkan secara *Mutual Termination* pada 12 Oktober 2010 dan sejumlah RM0.38 juta telah dibayar kepada kontraktor pada 4 Januari 2011 untuk kerja yang telah dilaksanakan dan juga bahan binaan yang telah dibekalkan. Semakan dan lawatan Audit juga mendapati bahan binaan yang belum digunakan ada disimpan di stor JPS, Bahagian Limbang. Adalah didapati tender bagi projek pengawalan hakisan pantai di kawasan yang sama telah dipelawa semula pada 19 Oktober 2011 dan tender ditutup pada 9 November 2011. Berdasarkan maklumat daripada JPS setakat awal Januari 2012, penilaian terhadap tender yang diterima telah dibuat tetapi kontrak belum lagi ditawarkan. Kronologi pelaksanaan projek pengawalan hakisan pantai di Kampung Awat-Awat, Daerah Lawas, Limbang adalah seperti **Jadual 7.6**.

Jadual 7.6

Kronologi Pelaksanaan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Di Kampung Awat-Awat, Daerah Lawas, Limbang

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	20.04.2010	Setuju terima kontrak	Kontrak dipelawa melalui Tender Persekutuan dan ditawarkan kepada syarikat tempatan dengan nilai kontrak berjumlah RM804,525 bagi tempoh kontrak selama 16 minggu dan dijangka siap pada 29 Ogos 2010 Projek di bawah peruntukan khas RM1 bilion
2.	10.05.2010	Projek sepatutnya mula dilaksanakan	Mesyuarat tapak pertama dan tarikh serahan tapak
3.	6.08.2010	Surat amaran pertama kegagalan melaksanakan kerja kontrak	Kerja kontrak gagal dimulakan selepas tempoh 2 minggu dari tarikh tapak diserahkan
4.	20.08.2010	Maklum Balas Projek Sakit	JPS mengemukakan Laporan Maklum Balas Projek Sakit kepada JPSM
5.	25.08.2010	Surat amaran kedua kegagalan melaksanakan kerja kontrak	Kerja kontrak gagal dimulakan selepas 2 minggu dari tarikh surat amaran pertama
6.	29.08.2010	Projek dijangka siap	Setakat tarikh ini masih belum ada aktiviti kerja kontrak dijalankan di tapak projek
7.	24.09.2010	Notis Kemungkiran Kontraktor dikeluarkan kepada kontraktor	Tindakan kontrak ditamatkan sekiranya masih gagal meneruskan kerja dalam tempoh 14 hari
8.	12.10.2010	Kontrak ditamatkan secara <i>Mutual Termination</i>	Surat Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dikeluarkan kepada kontraktor
9.	4.01.2011	Baucar bayaran bagi bayaran muktamad disediakan	Sejumlah RM383,265 dibayar kepada kontraktor
10.	19.10.2011	Tender bagi projek pengawalan hakisan pantai di kawasan yang sama telah dipelawa semula	2 surat khabar - tempatan dan nasional. Tender ditutup pada 9.11.2011 Setakat awal Januari 2012, penilaian terhadap tender yang diterima telah dibuat tetapi kontrak belum ditawarkan
11.	14.05.2012	Tender dipelawa semula	Tender dibuka pada 25.04.2012 dan ditutup pada 16.05.2012

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- v. Disebabkan projek pembinaan struktur *Breakwater* tidak dapat diteruskan maka perbelanjaan sejumlah RM0.38 juta yang dibayar kepada kontraktor adalah merupakan satu pembaziran kerana projek ini gagal dan tidak dapat dimanfaatkan oleh orang awam seperti **Gambar 7.21** dan **Gambar 7.22**.

Gambar 7.21
Geobag Yang Telah Diisi
Dengan Pasir Dibiar Di Tapak Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Awat-Awat, Daerah Lawas
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.22
Keadaan Tapak Projek
Breakwater Yang Gagal Disiapkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Awat-Awat, Daerah Lawas
Tarikh: 17 November 2011

- vi. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 14 Mei 2012 menyatakan bahawa pada Mei 2012 tender bagi projek yang sama dipelawa semula lagi pada 25 April 2012 dan tender ditutup pada 16 Mei 2012.**

Pada pendapat Audit, projek pengawalan hakisan pantai yang gagal dan ditamatkan secara *Mutual Termination* adalah satu pembaziran wang awam kerana ianya tidak dapat membendung masalah hakisan yang dihadapi dan tidak dapat dimanfaatkan oleh orang awam. Kelemahan dalam pengurusan projek oleh JPS dan tiada kajian kemungkinan secara menyeluruh dijalankan sebelum projek dimulakan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan projek ini.

7.4.2. Penamatan Kontrak Kerja Secara *Mutual Termination*

7.4.2.1. Adalah didapati 3 kontrak pengawalan hakisan pantai iaitu Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Sg. Bangat dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Awat-Awat, Daerah Lawas, Limbang serta Projek Pengawalan Hakisan Pantai di SK Alit, Daerah Kabong, Betong telah ditamatkan secara *Mutual Termination* melibat kerugian berjumlah RM4.90 juta. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat dan dokumen berkaitan dengan 3 projek pengawalan hakisan pantai di atas mendapati JPS menamatkan 3 kontrak tersebut secara *Mutual Termination* berlandaskan perkara berikut:

- a. JPS telah diminta untuk melaksanakan projek ini dalam tempoh yang singkat. Oleh itu, struktur blok konkrit yang digunakan merupakan kaedah yang paling sesuai pada masa itu untuk kawasan pantai kerana penggunaannya lebih mesra pengguna.
- b. Tempoh projek adalah terlalu singkat untuk kerja pembaikan dilaksana kerana dana bagi projek ini luput pada hujung tahun 2010.

- c. Semua kerja pembinaan telah siap dan bahan binaan projek dibayar sepenuhnya setelah pembayaran kontrak dimuktamadkan selaras dengan Klausu 54 dalam perjanjian kontrak.
- d. *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) dikecualikan oleh kerana tempoh masa telah berlalu.
- e. Tiada tuntutan lain akan dibuat oleh pihak kontraktor.
- f. Kontrak ini ditamatkan secara *Mutual Termination* dan atas permintaan kontraktor maka Jabatan bersetuju untuk mencadangkan kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) supaya syarikat kontraktor ini tidak di senarai hitam.

7.4.2.2. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya terhadap dokumen kontrak dan fail berkaitan dengan projek mendapat bahawa:

- a. Tiada klausu khusus dalam Syarat-syarat Kontrak yang menyatakan kontrak boleh ditamatkan secara *Mutual Termination* disebabkan kelemahan reka bentuk dan struktur pembinaan.
- b. Tiada sebarang bukti bahawa penamatan kontrak secara *Mutual Termination* dirujuk terlebih dahulu kepada Pejabat Peguam Besar Negeri untuk mendapat pandangan dan nasihat dari aspek perundangan supaya pembatalan kontrak tersebut menjaga kepentingan Kerajaan.
- c. Tiada surat rasmi dan perjanjian penamatan disediakan untuk menamatkan kontrak secara *Mutual Termination* bagi 3 Projek Pengawalan Hakisan Pantai tersebut.
- d. *Board of Inquiry* hanya diberi tempoh 2 minggu untuk menyiasat punca kegagalan projek pengawalan hakisan pantai ini dan lembaga penyiasat terdiri daripada pegawai JPS sendiri.
- e. **Pihak JPS mengakui melalui maklum balas bertarikh 25 Januari 2012 bahawa kegagalan 3 projek tersebut adalah disebabkan kelemahan dalam reka bentuk dan bahan binaan yang digunakan.**

7.4.2.3. Maklum balas daripada JPS bertarikh 25 Januari 2012 menyatakan bahawa keputusan menamatkan kontrak tidak dirujuk kepada Pejabat Peguam Besar Negeri untuk mendapatkan pandangan dan nasihat kerana berpendapat perkara berbangkit adalah di bawah bidang kuasa JPS dan tiada perbezaan pendapat timbul di antara JPS dan kontraktor. JPS telah menjalankan siasatan dalam menerusi *Board of Inquiry* pada 24 Disember 2010 ke atas kerosakan yang berlaku selepas kejadian ombak besar. Setelah siasatan yang dijalankan dalam

masa yang singkat, ahli jawatankuasa *Board of Inquiry* bersetuju bahawa terdapat kelemahan dalam reka bentuk struktur pengawalan hakisan tersebut. Berdasarkan kepada laporan *Board of Inquiry*, JPS telah memutus untuk menamatkan kontrak secara *Mutual Termination*.

Pada pendapat Audit, keputusan penamatan kerja kontrak hendaklah dirujuk kepada Pejabat Peguam Besar Negeri untuk mendapatkan pandangan dan nasihat supaya tidak merugikan Kerajaan selain menghindar berlakunya pembaziran wang awam.

7.4.3. Koordinasi Antara Jabatan Dengan Agensi/Stakeholders

Adalah didapati komunikasi dan koordinasi antara JPS dengan Jabatan atau Agensi lain yang terlibat kurang dititikberatkan. Ini kerana tidak ada kajian atau laporan mengenai ekosistem terhadap persekitaran dan keperluan di kawasan projek dirujuk sebelum projek dilaksanakan. Berdasarkan lawatan Audit ke tapak projek pengawalan hakisan di Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas mendapati anak pokok bakau boleh tumbuh di kawasan tapak projek seperti **Gambar 7.23** dan **Gambar 7.24** yang mana pokok bakau berfungsi secara semulajadi untuk menghalang hakisan daripada berlaku. Bagaimanapun adalah didapati pokok bakau telah ditebang seperti **Gambar 7.25** dan **Gambar 7.26** menyebabkan masalah hakisan semakin teruk seperti **Gambar 7.27** dan **Gambar 7.28**. Sekiranya program penanaman pokok bakau dijalankan secara terancang, berkemungkinan masalah hakisan pantai dapat diatasi dengan lebih efektif serta melibatkan kos yang rendah.

Gambar 7.23
Anak Pokok Bakau Tumbuh
Di Celah Struktur Blok Konkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.24
Anak Pokok Bakau Tumbuh
Di Celah Struktur Blok Konkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.25
Sebahagian Pokok Bakau
Yang Telah Ditebang Dan Reput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.26
Sebahagian Pokok Bakau
Yang Telah Ditebang Dan Reput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.27
Sebahagian Kawasan Pantai
Mengalami Hakisan Yang Kritisik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 7.28
Kawasan Pantai Yang Semakin Terhakis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Sg. Bangat Daerah Lawas,
Limbang
Tarikh: 17 November 2011

Pada pendapat Audit, komunikasi dan koordinasi antara JPS dengan agensi/stakeholders hendaklah dipertingkatkan supaya masalah hakisan pantai dapat diatasi dengan cara lebih efektif serta menjimatkan kos.

7.4.4. Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu Belum Menyeluruh

7.4.4.1. Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP) merupakan sebahagian dari sub program di bawah Program Pengurusan Zon Pantai. Kajian ISMP perlu dilaksanakan untuk mendapat gambaran awal keadaan tapak dan kesesuaian struktur rekahan hakisan pantai dan boleh digunakan sebagai asas untuk membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan di kawasan pantai. Antara komponen terlibat dengan ISMP adalah *Decision Support System* yang boleh membantu JPS bagi membuat ulasan dan keputusan berhubung pembangunan kawasan pantai.

7.4.4.2. Semakan Audit mendapati hanya ISMP bagi Bahagian Miri, Negeri Sarawak telah siap dijalankan pada Disember 2010. Berdasarkan maklumat daripada JPS, ISMP bagi Bahagian Mukah, Bintulu dan Limbang telah dicadang untuk dilaksanakan pada RMKe-10.

7.4.4.3. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 25 Januari 2012 menyatakan bahawa setelah melaksanakan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu bagi Bahagian Miri pada Disember 2010, pelan tersebut telah diguna pakai sebagai panduan kepada projek pembangunan di kawasan persisiran pantai. Bagi RMKe-9, hanya ISMP Miri sahaja diluluskan untuk pelaksanaan tetapi JPS akan melaksanakan ISMP bagi keseluruhan Negeri Sarawak secara berperingkat disebabkan garis pantai Negeri Sarawak yang sangat panjang dan kos kajian yang terhad.**

Pada pendapat Audit, ISMP secara menyeluruh bagi Negeri Sarawak hendaklah disediakan bagi mengenal pasti keadaan profil kawasan pantai supaya boleh membantu dalam perancangan kawalan pantai.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan projek pengawalan hakisan pantai di Negeri Sarawak dapat mencapai objektif yang ditetapkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang, Jabatan Pengairan Dan Saliran sebagai Agensi pelaksana utama adalah disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

7.5.1. Menjalankan kajian kemungkinan secara menyeluruh terlebih dahulu sebelum menerima pakai reka bentuk yang sesuai dengan lokasi projek pengawalan hakisan dilaksanakan supaya tiada kos tambahan yang terlibat akibat kegagalan reka bentuk.

7.5.2. Memastikan pengurusan kontrak adalah teratur supaya kontrak yang dilaksanakan memberi impak positif serta tidak merugikan rakyat dan Kerajaan.

7.5.3. Meningkatkan komunikasi dan koordinasi dengan agensi lain yang terlibat dengan projek pembangunan di kawasan pesisir pantai serta mewujudkan mekanisme pemantauan hakisan pantai yang jelas dan berkesan seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Pejabat Pembangunan Negeri, Jabatan Hutan dan Jabatan Tanah dan Survei.

7.5.4. Menyediakan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu yang menyeluruh bagi seluruh kawasan pesisir pantai di Negeri Sarawak supaya ianya boleh diguna pakai sebagai panduan kepada projek pembangunan di pesisir pantai.

JABATAN MUZIUM SARAWAK

8. PENGURUSAN KOLEKSI MUZIUM

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Jabatan Muzium Sarawak (Jabatan) adalah di bawah Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak (Kementerian). Terdapat 11 muzium di seluruh Negeri Sarawak iaitu Muzium Sarawak Bangunan Lama, Muzium Tun Abdul Razak, Muzium Islam, Muzium Sejarah Cina, Muzium Tekstil, Muzium Seni, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Petroleum, Muzium Wilayah Limbang, Muzium Wilayah Baram dan Muzium Arkeologi Niah untuk tujuan menyimpan dan memperkenan koleksi muzium. Fungsi dan tanggungjawab utama Jabatan adalah seperti termaktub dalam Ordinan Warisan Budaya Sarawak Tahun 1993. Antara fungsi dan tanggungjawab Jabatan adalah mengurus koleksi artifak.

8.1.2. Pengurusan koleksi muzium adalah di bawah tanggungjawab 4 seksyen iaitu Seksyen Arkeologi, Zoologi, Etnologi dan Arkib di mana setiap seksyen juga bertanggungjawab terhadap pendaftaran, penyimpanan dan pergerakan, pemuliharaan serta keselamatan koleksi muzium di bawah seliaan masing-masing. Fungsi setiap seksyen berkenaan adalah seperti **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Fungsi Seksyen Yang Menguruskan Koleksi Muzium

Bil.	Seksyen	Fungsi
1.	Arkeologi	Menyenarai, mendokumentasi dan mengklasifikasikan segala penemuan cari gali
2.	Zoologi	Bertanggungjawab ke atas koleksi alam semula jadi yang terdiri daripada koleksi kulit binatang, serangga, bahan skeletal dan 10,000 koleksi basah
3.	Etnologi	Memelihara warisan budaya suku kaum etnik di Kepulauan Borneo dan menyimpan rekod, maklumat penyelidikan, sosioekonomi, sosiobudaya serta kajian linguistik
4.	Arkib	Memindahkan rekod lama dari Jabatan ke Arkib Negeri dan menjalankan penyiasatan bagi memastikan kepentingan setiap rekod dipulihara serta mengumpul maklumat mengenai bahan penting untuk simpanan

Sumber: Jabatan Muzium Sarawak

8.1.3. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM1.41 juta daripada RM1.47 juta peruntukan bagi tujuan pemeliharaan, pemuliharaan dan pameran koleksi muzium. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM58,773 telah dikutip daripada bayaran lesen dan penjualan *Sarawak Museum Journal* (SMJ).

8.1.4. Satu kajian Audit terhadap pembangunan dan pelaksanaan aktiviti muzium pernah dijalankan di Jabatan pada tahun 2002. Antara isu yang dibangkitkan adalah cara penyimpanan koleksi tidak teratur, sistem pengkomputeran pengurusan artifak dan antikuiti belum digunakan sepenuhnya, stor penyimpanan artifak dan antikuiti kurang sesuai dan

selamat, pembinaan Pusat Penyimpanan Koleksi masih dalam peringkat perancangan reka bentuk, kawalan keselamatan kurang memuaskan dan sistem kamera keselamatan rosak.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan koleksi muzium diurus dengan cekap, teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Jabatan Muzium Sarawak Kuching, Muzium Islam Kuching, Muzium Sejarah Cina Kuching dan Muzium Etnologi, Muzium Seni dan stor penyimpanan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail, data dan dokumen koleksi muzium bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Lawatan Audit dijalankan bagi memeriksa kewujudan koleksi muzium. Temu bual dengan pegawai serta kakitangan juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan koleksi muzium adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya, antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti di bawah:

- Tiada garis panduan bertulis bagi pengendalian koleksi muzium.
- Pendaftaran koleksi tidak lengkap.
- Ruang penyimpanan/penstoran koleksi muzium tidak mencukupi dan kurang sesuai.
- Pusat penyimpanan koleksi masih belum dibina.
- Tiada daftar induk untuk merekodkan pinjaman dalam negeri.
- Kawalan fizikal dan sistem keselamatan di muzium kurang memuaskan.
- Pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi muzium berjadual tidak dijalankan.

8.4.1. Pengurusan Koleksi Muzium Tidak Memuaskan

8.4.1.1. Tiada Garis Panduan Bertulis Bagi Pengendalian Koleksi Muzium

Pengendalian yang sempurna dan teratur adalah penting dalam usaha memelihara dan memulihara koleksi. Nilai koleksi akan merosot sekiranya tidak dikendalikan dengan betul kerana koleksi sedia ada tidak ada gantinya atau sukar dicari ganti. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak mempunyai garis panduan bertulis dalam pengendalian koleksi.

Pada masa sekarang koleksi dikendalikan secara lisan kepada pegawai yang belum terlatih secara formal oleh pegawai yang berpengalaman.

8.4.1.2. Pendaftaran Koleksi Tidak Lengkap

Pendaftaran adalah penting bagi memastikan maklumat berkaitan sesuatu bahan atau koleksi disimpan dengan lengkap, teratur dan kemas kini serta untuk memudahkan rujukan dan mengetahui status koleksi pada satu-satu masa. Semakan Audit mendapati urusan pendaftaran koleksi muzium dilakukan secara manual dan melalui sistem pengurusan koleksi iaitu Sistem Angkasa yang telah dibangunkan sejak tahun 2001 oleh Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS) dengan kos RM382,908 manakala kos penyenggaraan tahunan sistem pula adalah sejumlah RM30,000 setahun. Sistem ini bertujuan untuk mengurus serta mengawal maklumat dan mengesan koleksi muzium. Bagaimanapun, didapati rekod yang diselenggara tidak lengkap dan tidak dikemas kini. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Pendaftaran Koleksi Muzium

Bil.	Seksyen	Rekod Secara Manual	Sistem Angkasa
1.	Arkeologi	Tiada rekod pendaftaran diselenggara. Kesahihan jumlah koleksi tidak dapat ditentukan. Pihak Jabatan menganggarkan terdapat sejumlah 150,000 koleksi walau bagaimanapun disebabkan rekod pendaftaran tidak diselenggara, jumlah sebenar koleksi tidak dapat ditentukan	Tiada maklumat dikunci masuk setakat tarikh pengauditan
2.	Zoologi	Rekod diselenggara dengan lengkap untuk 140,240 koleksi. Bagaimanapun, didapati pindaan terhadap nama spesimen tidak dikemas kini ke dalam daftar menyebabkan lokasi sebenar penempatan spesimen sukar dikesan	Hanya 87 daripada 140,240 rekod yang telah dikunci masuk ke dalam sistem
3.	Etnologi	Mempunyai Daftar Induk bagi 26,700 koleksi. Terdapat koleksi yang tiada nombor katalog tetapi tiada daftar khas dan tiada tindakan diambil untuk mendaftarkan koleksi sebegini	Hanya 15,603 daripada 26,700 rekod dikemas kini ke dalam sistem
4.	Arkib	Rekod bagi 12,000 koleksi Arkib diselenggara dengan lengkap dan kemas kini	Tiada maklumat dikunci masuk setakat tarikh pengauditan

Sumber: Jabatan Muzium Sarawak

8.4.1.3. Ruang Penyimpanan/Penstoran Koleksi Muzium Tidak Mencukupi Dan Kurang Sesuai

Penstoran merupakan salah satu aspek utama yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh Jabatan dalam pengurusan koleksi. Sebagai Jabatan yang bertanggungjawab untuk memelihara dan menyimpan koleksi dengan selamat, maka penstoran perlu lengkap dan kondusif kerana sensitiviti koleksi terhadap alam persekitarannya. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan tidak mempunyai stor yang sesuai dan mencukupi untuk menyimpan koleksi. Antara masalah utama yang dikenal pasti adalah ketiadaan ruang yang mencukupi, kakitangan tidak terlatih dan kekurangan kelengkapan yang menepati


piawaian pemuziuman contohnya seperti rak khas bagi penyimpanan bahan lukisan disebabkan kekurangan peruntukan. Lokasi penyimpanan koleksi adalah seperti **Jadual 8.3.**

Jadual 8.3
Lokasi Penyimpanan Koleksi

Bil.	Jenis Koleksi	Lokasi Penyimpanan	Catatan
1.	Etnografi	Stor Etnologi, Jalan Sekama	Koleksi diletakkan di atas lantai seperti Gambar 8.1. Koleksi barang perhiasan dibiarkan di atas lantai seperti Gambar 8.2
2.	Zoologi	Muzium Sejarah Semulajadi	Terdapat perbezaan nama koleksi pada label di almari penyimpanan, nama di katalog dan senarai daftar induk menyebabkan kesukaran mengesan dan menentukan lokasi spesimen disimpan. Selain itu, koleksi disimpan secara bertindih menyebabkan kesukaran mencari spesimen yang dikehendaki
3.	Arkeologi	Bangunan Abang Godam	Artifak disimpan tanpa dilabel dengan teratur. Selain itu, dokumen artifak tidak dikemas kini mengakibatkan kesulitan untuk mengesan koleksi. Koleksi disimpan seperti Gambar 8.3 dan Gambar 8.4
4.	Arkib	Bangunan Yayasan Sarawak	Bahan Arkib seperti dokumen sejarah, Sarawak <i>Gazette</i> , Sarawak <i>Government Gazette</i> sejak tahun 1860, peta, setem, wang kertas, duit syiling dan gambar lama disimpan di dalam almari berkunci dan tempat ini merupakan tempat larangan bagi orang luar. Bagaimanapun, disebabkan koleksi Arkib disimpan di Bangunan Yayasan Sarawak dan bukannya di bangunan Jabatan, maka sukar bagi pihak Jabatan untuk memastikan bahan Arkib ini berada dalam keadaan baik. Ini kerana sistem penyaman udara tidak berfungsi pada hujung minggu dan dikhawatir suhu yang tidak menentu akan mengakibatkan kerosakan kepada bahan Arkib ini. Keadaan tempat penyimpanan seperti Gambar 8.5 dan Gambar 8.6

Sumber: Jabatan Muzium Sarawak

Gambar 8.1
Koleksi Barang Tembaga Dan Meriam Diletakkan Di Atas Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Etnologi, Sekama
Tarikh: 22 Mac 2012

Gambar 8.2
Koleksi Barang Perhiasan Yang Dibiarkan Di Atas Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Etnologi, Sekama
Tarikh: 4 Mei 2012

Gambar 8.3
Koleksi Arkeologi Disimpan Di Koridor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Arkeologi, Abang Godam
Tarikh: 23 Mac 2012

Gambar 8.4
Tengkorak Disimpan Dalam Tong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Arkeologi, Abang Godam
Tarikh: 23 Mac 2012

Gambar 8.5
Koleksi Surat Khabar Sejak 1946



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Yayasan Sarawak
Tarikh: 9 Mac 2012

Gambar 8.6
Koleksi Lejar Vot Zaman Rajah Brooke



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Yayasan Sarawak
Tarikh: 9 Mac 2012

8.4.1.4. Pusat Penyimpanan Koleksi Masih Belum Dibina

Kerajaan Negeri telah meluluskan dalam RMKe-8 sejumlah RM26 juta untuk pembinaan Pusat Penyimpanan Koleksi di Blok 18, Daerah Tanah Salak, Jalan Stadium. Konsep serta reka bentuk bangunan juga telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Dan Rekabentuk Bangunan Kerajaan Negeri (JPRBK) pada tahun 2003. Pelan reka bentuk tersebut telah disediakan oleh Perunding Adesign Architects Sdn. Bhd. dengan kos sejumlah RM2.76 juta. Kerajaan Negeri pada September 2004 telah membuat keputusan untuk menangguhkan projek ini ke RMKe-9. Bagaimanapun, tiada peruntukan di bawah RMKe-9 diluluskan. Semakan Audit seterusnya mendapati Kerajaan Negeri telah meluluskan RM25 juta dalam RMKe-10 untuk meneruskan projek tersebut dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014. Pada masa kini pihak Jabatan sedang berbincang dengan perunding untuk mengubah semula reka bentuk bangunan supaya sesuai dengan kos dan keadaan semasa sebelum dikemukakan semula ke Majlis Perancang Negeri untuk kelulusan pindaan pelan. Penangguhan pembinaan Pusat Penyimpanan Koleksi ini memberi impak besar terhadap keberkesanan penyimpanan/penstoran koleksi

memandangkan ruang sedia ada yang tidak mencukupi dan kurang sesuai serta dikhuatiri akan merosak dan merosotkan nilai koleksi.

8.4.1.5. Pengurusan Pergerakan Dan Pemuliharaan Koleksi

- a. Mengikut Seksyen 19, Ordinan Warisan Budaya Sarawak 1993 barang artifak yang terdapat dalam simpanan Jabatan boleh dipinjamkan kepada agensi kerajaan, badan korporat dan muzium lain untuk tujuan pameran dan penyelidikan sama ada di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa dengan syarat peminjam bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kehilangan ataupun kerosakan barang yang dipinjam. Semakan Audit mendapati Jabatan ada meminjamkan koleksi kepada badan korporat dan muzium lain di dalam dan luar Negara. Semakan Audit terhadap rekod juga mendapati sebanyak 9 jenis koleksi dipinjam di dalam Negara yang terdiri daripada 8 jenis koleksi dipinjamkan ke Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur dan satu lagi dipinjamkan ke Muzium Telekomunikasi Negara, Kuala Lumpur. Adalah didapati pengurusan pinjaman koleksi bagi pinjaman ke luar Jabatan adalah baik dan teratur. Bagaimanapun, tiada daftar induk untuk merekod pinjaman dalam Negeri disediakan bagi memudahkan pemantauan terhadap pergerakan koleksi secara menyeluruh. Pemeriksaan Audit mendapati 4 daripada 18 koleksi muzium yang dipinjamkan kepada agensi luar di Negeri Sarawak dari 1989 hingga 2010 dianggarkan bernilai RM138,000 telah dikembalikan dalam keadaan retak seperti **Gambar 8.7**.



Gambar 8.7
Koleksi Muzium Yang
Dikembalikan Dalam Keadaan Retak

Sumber: Jabatan Muzium Sarawak
Lokasi: Jabatan Muzium Sarawak
Tarikh: 16 Disember 2010

- b. Selain daripada itu, didapati rekod tidak diselenggara, tidak teratur dan tidak kemas kini. Rekod pergerakan koleksi di galeri hendaklah teratur dan kemas kini bagi mengurangkan risiko kehilangan dan memudahkan pemantauan dilakukan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4**Rekod Pergerakan Koleksi Mengikut Seksyen**

Bil.	Seksyen	Rekod Pergerakan Koleksi	Catatan
1.	Arkeologi	Tiada rekod pergerakan koleksi diselenggarakan. Tiada rekod pergerakan bagi koleksi dipinjamkan ke galeri pameran atau disimpan di stor	Tiada rekod jumlah koleksi yang dipamerkan
2.	Zoologi	Tiada Daftar Induk Pergerakan Koleksi diselenggarakan	Tidak dapat dipastikan jumlah koleksi yang dipamerkan
3.	Etnologi	Tiada Daftar Induk Pergerakan Koleksi diselenggarakan. Terdapat daftar barang dipamer mengikut galeri diselenggara namun ia tidak dikemaskinikan	Terdapat koleksi di galeri yang tiada dalam senarai barang yang ditempatkan di galeri berkenaan. Hanya 8% dari jumlah keseluruhan koleksi dipamerkan

Sumber: Jabatan Muzium Sarawak

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah menyediakan Garis Panduan bagi pengendalian koleksi muzium dan memanfaatkan sepenuhnya Sistem Angkasa bagi pendaftaran koleksi serta menyediakan ruang penyimpanan/penstoran yang sesuai dan mencukupi untuk memelihara koleksi. Oleh itu, pembinaan Pusat Penyimpan Koleksi hendaklah dipercepatkan agar koleksi muzium terus terpelihara.

8.4.2. Kawalan Fizikal Dan Sistem Keselamatan Terhadap Koleksi, Bangunan Dan Persekutaran Muzium

Seksyen Keselamatan bertanggungjawab terhadap 11 bangunan muzium dan koleksi yang dipamerkan. Seksyen ini juga bertanggungjawab menyelaras kunjungan tetamu serta memastikan persekitaran bangunan muzium dan galeri sentiasa selamat, bersih dan kemas. Seksyen ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27 dan dibantu 39 orang pegawai yang terdiri daripada Pembantu Am Rendah Gred N1 dan Pekerja Rendah Awam Gred R1. Sepanjang tahun 2009 hingga 2011, jumlah pelawat yang mengunjungi 11 muzium di Sarawak adalah seramai 3.6 juta orang. Pemeriksaan Audit mendapati Pengawal Keselamatan bertugas terdiri daripada Pembantu Am Rendah yang juga bertindak sebagai Penyambut Tetamu di seluruh muzium. Semakan Audit seterusnya mendapati kawalan keselamatan di muzium adalah tidak ketat. Selain itu, didapati pegawai ini juga tidak mendapat latihan keselamatan yang sewajarnya bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pemeriksaan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

8.4.2.1. Sistem Kamera Keselamatan Kurang Memuaskan

Jabatan mempunyai 55 unit kamera keselamatan di Muzium Tekstil, Muzium Seni Sarawak, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Bangunan Lama, Muzium Warisan Islam, Dewan Tun Abdul Razak dan Bangunan Abang Godam. Bagaimanapun, didapati 51 kamera tidak berfungsi sejak 2002 manakala 4 kamera keselamatan yang masih berfungsi hanyalah untuk memantau keselamatan persekitaran luaran tempat meletak kenderaan rasmi dan stor koleksi Jabatan. Semakan Audit mendapati pihak Jabatan tidak pernah memohon peruntukan untuk tujuan penyenggaraan kamera keselamatan. Di samping kawalan keselamatan muzium yang tidak ketat dan ditambah pula dengan 51

kamera keselamatan yang tidak berfungsi, hal ini akan mendedahkan risiko kecurian koleksi muzium berlaku.

8.4.2.2. Sistem Pencegah Kebakaran Kurang Memuaskan

Jabatan ada menyediakan Pelan Tindakan Menghadapi Kebakaran pada 2012 tetapi masih di peringkat draf. Bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku, penyenggaraan sistem keselamatan kebakaran hendaklah dijalankan. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan Kerja Raya (JKR) ada melakukan pemeriksaan terhadap sistem keselamatan kebakaran bagi 6 bangunan pada tahun 2010 dan menganggarkan kos baik pulih adalah berjumlah RM132,900. Bagaimanapun, setakat tarikh pengauditan tiada tindakan untuk membaikpulih sistem keselamatan kebakaran diambil dan pemeriksaan oleh JKR tidak dibuat terhadap bangunan lain seperti Bangunan Abang Godam dan Stor Etnologi, Jalan Sekama. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5

Cadangan JKR Untuk Membaikpulih Sistem Keselamatan Kebakaran

Bil.	Lokasi	Masalah	Cadangan JKR	Anggaran Kos (RM)
1.	Dewan Tun Abdul Razak	Peti Penggera Kebakaran menghasilkan isyarat 'Kegagalan'. Sistem Pengesan Asap tidak berfungsi. Sistem Gelung Hos tidak berfungsi. Bateri untuk pam simpanan rosak. Sistem CO2 tidak berfungsi. Kebocoran saluran Sistem Gelung Hos	Menggantikan komponen elektrik dan bateri. Menyediakan perancah bagi pendawaian semula. Membaikpulih dan menguji Sistem Gelung Hos	35,000
2.	Muzium Islam	Peti Penggera Kebakaran menghasilkan isyarat 'Kegagalan'. Sistem Gelung Hos tidak berfungsi. Terdapat kebocoran pada gelung hos dan pemancit. Bateri untuk pam simpanan rosak	Menggantikan komponen elektrik. Membaikpulih dan menguji Sistem Gelung Hos	30,000
3.	Muzium Tekstil	Peti Penggera Kebakaran menghasilkan isyarat 'Kegagalan'. Sistem Gelung Hos tidak berfungsi. Tiada Lampu Kecemasan dipasang.	Menggantikan komponen elektrik. Menguji Sistem Pengesan Haba dan Asap. Membaikpulih dan menguji Sistem Gelung Hos. Menguji sistem talian sambungan ke Jabatan Bomba Dan Penyelamat	16,500
4.	Muzium Etnologi	Peti Penggera Kebakaran tidak berfungsi dan berkarat. Sistem Pengesan Asap, lampu tanda keluar kecemasan dan alat pecah kaca tidak berfungsi. Sistem Gelung Hos tidak berfungsi. Bateri untuk pam simpanan rosak. Kebocoran saluran Sistem Gelung Hos	Menggantikan Peti Penggera Kebakaran. Pendawaian semula dan mengganti Sistem Pengesan Asap lampu tanda keluar kecemasan dan alat pecah kaca. Membaikpulih dan menguji Sistem Gelung Hos	32,500
5.	Muzium Seni	Peti Penggera Kebakaran Sistem CO2 menghasilkan isyarat 'Kegagalan'. Bateri Peti Penggera Kebakaran Sistem CO2 tidak berfungsi. Sistem Gelung Hos tidak berfungsi. Sistem pendawaian pam dan kawalan perlu dibaiki. Bateri untuk pam simpanan rosak	Menggantikan bateri dan menguji Peti Penggera Kebakaran. Membaikpulih dan menguji Sistem Gelung Hos	9,450
6.	Muzium Sejarah Semulajadi	Sistem <i>Direct Link</i> ke Bomba menghasilkan isyarat 'Kegagalan'. Sistem Gelung Hos tidak berfungsi. Sistem pendawaian pam dan kawalan perlu dibaiki. Bateri untuk pam simpanan rosak	Menggantikan komponen elektrik, menguji Sistem <i>Direct Link</i> ke Bomba. Menganti pam dan menguji Sistem Gelung Hos	9,450
Jumlah				132,900

Sumber: Rekod Penyenggaraan Sistem Keselamatan, Jabatan Muzium Sarawak

8.4.2.3. Pemeriksaan Audit seterusnya ke atas 118 alat pemadam api yang dibekalkan oleh JKR mendapati ianya telah tamat tempoh sejak Mac 2011 dan setakat Mac 2012, ia belum lagi diganti. Pihak Kementerian memaklumkan bahawa Jabatan akan menukar kesemua alat pemadan api yang telah tamat tempoh sebelum akhir tahun ini.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah meningkatkan kawalan dan sistem keselamatan serta memastikan sistem pencegah kebakaran disenggarakan.

8.4.3. Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Koleksi Muzium Berjadual Tidak Dijalankan

Muzium berperanan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi yang tidak ternilai harganya. Pemuliharaan merupakan satu aktiviti memelihara dan juga memperbaiki koleksi daripada kerosakan bagi mengekalkan koleksi dalam keadaan yang asal. Proses pemeliharaan dan pemberaan ini dijalankan secara berkala melalui sistem pemeriksaan yang kerap dilakukan oleh pegawai yang bertugas. Semakan Audit mendapati walaupun Jabatan mempunyai Seksyen Pemuliharaan, perancangan pemuliharaan secara berkala tidak dilakukan dan aktiviti pemuliharaan hanya dijalankan mengikut keperluan. Keadaan ini menyebabkan koleksi muzium tidak berada dalam keadaan memuaskan. Contoh koleksi muzium yang tidak dijalankan pemuliharaan secara berkala dan telah rosak adalah seperti **Gambar 8.8.**



**Gambar 8.8
Koleksi Muzium Yang Telah Rosak**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stor Etnologi, Sekama
Tarikh: 22 Mac 2012

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah mengadakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan secara terancang mengikut jadual.

8.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan koleksi muzium boleh dipertingkatkan dengan memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

8.5.1. Jabatan Muzium Sarawak hendaklah memanfaatkan sepenuhnya Sistem Angkasa bagi pendaftaran koleksi serta menyediakan ruang penyimpanan/penstoran yang sesuai dan mencukupi untuk memelihara koleksi muzium.

8.5.2. Jabatan Muzium Sarawak hendaklah mempercepatkan penyenggaraan sistem keselamatan dan memastikan alat pemadam api sentiasa berada dalam keadaan tidak tamat jangka hayatnya.

8.5.3. Kerajaan Negeri hendaklah mempercepatkan pembinaan Pusat Penyimpan Koleksi agar koleksi terpilihara dan masalah kekurangan ruang penyimpanan koleksi dapat diatasi.

8.5.4. Jabatan Muzium Sarawak hendaklah menyediakan daftar induk untuk merekodkan pergerakan koleksi bagi tujuan pemantauan.

8.5.5. Jabatan Muzium Sarawak hendaklah mengadakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan secara terancang dan mengikut jadual bagi memelihara koleksi.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

9. PENGURUSAN SKIM BANTUAN AM

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Bancian penduduk tahun 2009 oleh Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak menganggarkan penduduk Negeri Sarawak adalah 2.5 juta. Unit Perancang Negeri (UPN) menganggarkan pada tahun 2009 terdapat 27,100 ketua isi rumah yang miskin di Negeri Sarawak.

9.1.2. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi (Kementerian) dan mulai September 2011 di bawah Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga Sarawak telah diberi tanggungjawab untuk memberi perlindungan dan pemulihian kepada golongan sasar yang memerlukan bantuan dan membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari.

9.1.3. Bagi memberi bantuan kepada golongan ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan 8 jenis skim bantuan bulanan di bawah Perkhidmatan Sosio Ekonomi Dan Bantuan di mana Skim Bantuan Am (Skim BA) adalah salah satu daripadanya. Skim BA bertujuan meringankan beban kewangan individu atau ketua isi rumah yang berpendapatan di bawah RM425 sebulan serta golongan yang memerlukan seperti pesakit, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal. Mengikut maklumat korporat JKM seperti disiarkan di portal yang telah dikemas kini pada 28 Mei 2012, bantuan ini adalah bersifat sementara dan saraan hidup bagi membantu individu/keluarga yang tidak berkemampuan dan berkeperluan, sehingga mereka dapat dipulihkan untuk hidup berdikari dan/atau meneruskan kehidupan yang lebih berkualiti. Bantuan kewangan yang diberi di bawah Skim BA adalah pada kadar antara RM60 hingga RM250 sebulan dan ditetapkan setelah penilaian dibuat serta diluluskan oleh JKM. Selain itu, penerima juga diberi wang tambahan sebanyak 33.3% daripada kadar yang diberi melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

9.1.4. Pengauditan terhadap Skim Bantuan Kewangan dan Kebajikan Warga Tua pernah dijalankan di JKM pada tahun 2006. Dalam laporan tersebut, Audit telah membangkitkan isu mengenai pengurusan pemilihan sasaran untuk diberi bantuan kewangan, tempoh diambil untuk memproses permohonan, pemantauan terhadap bantuan dan penyelenggaraan daftar yang kurang memuaskan.

9.1.5. Bagi tahun 2009 hingga 2011, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM57.14 juta untuk Skim BA. Sehingga akhir tahun 2011 terdapat 10,472 penerima Skim BA di seluruh

Negeri Sarawak dan sejumlah RM50.06 juta telah diagihkan bagi tempoh 2009 hingga 2011 seperti **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Bantuan Am Di Negeri Sarawak Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Bahagian	2009		2010		2011		Jumlah Dibayar (RM Juta)
		Bil. Penerima	(RM Juta)	Bil. Penerima	(RM Juta)	Bil. Penerima	(RM Juta)	
1.	Kuching	3,237	5.34	2,713	3.82	1,806	2.49	11.65
2.	Sri Aman	483	2.30	489	0.57	483	0.54	3.41
3.	Betong	1,157	1.21	1,881	1.83	1,459	2.28	5.32
4.	Sibu	1,532	1.54	1,603	2.14	1,773	2.72	6.40
5.	Kapit	616	2.22	935	1.54	766	1.39	5.15
6.	Sarikei	969	0.16	1,109	1.34	988	1.36	2.86
7.	Mukah	682	1.67	746	1.86	698	0.82	4.35
8.	Bintulu	610	1.31	640	0.85	786	0.89	3.05
9.	Miri	597	0.98	537	0.96	514	0.80	2.74
10.	Limbang	90	0.91	222	0.17	387	0.33	1.41
11.	Samarahan	1,187	0.56	1,090	1.64	812	1.52	3.72
Jumlah		11,160	18.20	11,965	16.72	10,472	15.14	50.06

Sumber: Rekod Ibu Pejabat JKM

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan dilaksanakan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Skim BA dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JKM dan di 2 Pejabat Bahagian iaitu di Pejabat Bahagian Kuching (PB Kuching) dan Pejabat Bahagian Samarahan (PB Samarahan) serta Pejabat Daerah di bawah kawalan Pejabat Bahagian JKM berkenaan. Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap setiap aspek pengurusan Skim BA bagi tempoh 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak manual prosedur serta peraturan kerja, rekod perakaunan, fail penerima, laporan, minit mesyuarat serta dokumen lain yang berkaitan. Lawatan Audit dan temu bual juga dijalankan untuk menilai keberkesanan Skim BA terhadap sosio ekonomi penerima bantuan. Temu bual dengan pegawai/kakitangan di 2 Pejabat Bahagian terlibat dijalankan untuk mendapat maklum balas, pandangan serta cadangan penambahbaikan terhadap skim tersebut.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan antara November 2011 hingga Januari 2012 mendapati objektif JKM untuk menyampaikan bantuan kepada penerima telah dijalankan dengan jayanya. Bagaimanapun, didapati pengurusan Skim BA adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- JKM tidak boleh mengenal pasti bilangan sebenar penduduk miskin disebabkan tiada data yang kemas kini.
- Penilaian terhadap keberkesanan Skim BA tidak dibuat.
- Kajian semula kes bantuan lewat dijalankan.
- Penyelenggaraan pangkalan data penerima bantuan tidak lengkap dan tidak kemas kini.

9.4.1. Data Penduduk Miskin Tidak Kemas Kini

9.4.1.1. Kriteria yang jelas serta pangkalan data yang lengkap dan kemas kini adalah penting bagi memastikan data adalah tepat. Selain itu, mekanisme pengumpulan data yang jelas perlu wujud bagi memastikan integriti data.

9.4.1.2. Semakan Audit mendapati tiada sebarang kaji selidik, bancian dan pengumpulan serta penyelenggaraan data secara bersepadu pernah dijalankan oleh mana-mana agensi Negeri untuk mengenal pasti dan memberi maklumat yang lengkap serta kemas kini mengenai bilangan serta taburan penduduk atau ketua isi rumah miskin di seluruh Negeri Sarawak. Sehingga akhir tahun 2011, maklumat mengenai penduduk miskin di Negeri Sarawak menurut sumber JKM, UPN, Pejabat Pembangunan Persekutuan dan Baitulmal adalah seperti **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2

Data/Maklumat Penduduk Miskin Di Negeri Sarawak Seperti Pada Akhir Tahun 2011

Bil.	Agensi	Bil. Ketua Isi Rumah Miskin	Catatan
1.	JKM	10,472	Jumlah penerima Skim BA sahaja
2.	UPN	27,100	Jumlah ketua isi rumah miskin
3.	Pejabat Pembangunan Persekutuan (eKasih)	32,447	Ketua isi rumah miskin yang berdaftar dalam sistem eKasih
4.	Baitulmal	397	Jumlah penerima bantuan sahaja

Sumber: Laporan Agensi

9.4.1.3. Adalah didapati JKM telah mengumpul maklumat penerima bantuan ke dalam Sistem *State Welfare Assistance Management* (SWAM) sejak April 2010. Pada Disember 2011, jumlah penerima bantuan Skim BA adalah 10,472 orang di mana 9,509 daripadanya tidak berdaftar di bawah eKasih.

9.4.1.4. Maklum balas daripada JKM bertarikh 13 Julai 2012 menyatakan bahawa JKM telah menjalankan Program Cari pada tahun 2008. Selain itu, JKM juga membuat publisiti melalui radio, media massa, pameran dan mendapatkan kerjasama Ketua Kampung untuk menyebarkan maklumat mengenai bantuan kewangan atau perkhidmatan yang diberikan melalui Skim BA serta menjalankan siasatan ke tapak jika mendapat aduan. Untuk tujuan memperluaskan perkhidmatan bantuan kepada kumpulan sasar, JKM memaklumkan telah mewujudkan Satellite Office iaitu berkonsepkan pejabat bergerak di seluruh negeri dan beroperasi mulai Januari 2012.

Pada pendapat Audit, data yang tidak lengkap dan tidak kemas kini boleh menyebabkan bantuan tidak dapat disalurkan dengan sewajarnya dan oleh itu, matlamat Kerajaan Negeri membantu golongan miskin tidak tercapai sepenuhnya.

9.4.2. Penilaian Terhadap Keberkesanan Skim BA Tidak Dibuat

Antara objektif JKM adalah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui perubahan sikap dan keupayaan untuk berdikari. Bagi mencapai objektif ini, JKM akan mengenal pasti penerima bantuan yang masih produktif iaitu selain daripada kategori warga tua, OKU dan penerima bantuan yang sakit untuk diberi bantuan dan perkhidmatan serta latihan yang bersesuaian. Pemberian bantuan Skim BA merupakan langkah jangka pendek dan bantuan berterusan hanya diberi kepada penerima yang tidak berkeupayaan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

9.4.2.1. Bilangan penerima bantuan Skim BA bagi tahun 2009 dan 2011 di Bahagian Kuching, Miri dan Samarahan didapati menurun manakala 9 Bahagian yang lain menunjukkan peningkatan di antara 2% hingga 330% bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Penerima Bantuan Am Bagi Tahun 2009 Dan 2011

Bil.	Bahagian	2009	2011	Peningkatan/ (Penurunan) (%)
		Bil. Penerima	Bil. Penerima	
1.	Miri	597	514	(13.9)
2.	Samarahan	1,187	812	(31.6)
3.	Kuching	3,237	1,806	(44.2)
4.	Sri Aman	483	483	0.0
5.	Sarikei	969	988	2.0
6.	Mukah	682	698	2.3
7.	Sibu	1,532	1,773	15.7
8.	Kapit	616	766	24.4
9.	Betong	1,157	1,459	26.1
10.	Bintulu	610	786	28.9
11.	Limbang	90	387	330.0
Jumlah		11,160	10,472	

Sumber: Rekod Ibu Pejabat JKM

9.4.2.2. JKM tidak menyediakan perancangan jangka panjang serta tidak membuat penilaian terperinci terhadap keberkesanan Skim BA dan penerima hanya diberi bantuan kewangan bulanan. Analisis Audit mendapati sehingga akhir tahun 2011, terdapat 776 penerima bantuan di PB Kuching dan PB Samarahan diberi bantuan kewangan bulanan melebihi tempoh 10 tahun. Analisis Audit seterusnya mendapati 320 daripada penerima tersebut adalah berusia kurang dari 60 tahun. JKM perlu mengenal pasti antara mereka yang masih produktif untuk diberi bimbingan supaya mampu berdikari. Butiran lanjut terperinci adalah seperti **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4
Penerima Bantuan Melebihi Tempoh 10 Tahun

Bil.	Kategori Penerima	Bilangan Penerima			Jumlah Penerima
		Tiada Maklumat	Umur Lebih 60 Tahun Ke Atas	Umur Kurang 59 Tahun Ke Bawah	
1.	Warga Tua	4	54	3	61
2.	Pesakit	7	6	41	54
3.	OKU	4	4	25	33
4.	Janda/Balu/Ibu atau Bapa Tunggal	4	19	23	46
5.	Miskin	3	9	17	29
6.	Lain-lain	1	8	10	19
7.	Tiada Maklumat Kategori	166	167	201	534
Jumlah		189	267	320	776

Sumber: Data SWAM

9.4.2.3. Kadar bantuan yang dibayar sekarang adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan pada tahun 2001 iaitu antara RM60 hingga RM250 dan tiada semakan semula terhadap kadar dibuat walaupun kos sara hidup telah jauh meningkat. Selain itu, adalah didapati JKM Persekutuan menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan di Negeri Sarawak ialah keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM830 sebulan berbanding RM425 yang ditetapkan oleh JKM Sarawak. **Maklum balas daripada JKM bertarikh 15 Jun 2012 menyatakan, JKM sedang menyediakan kertas kerja bagi menyemak semula kadar bantuan untuk kelulusan Kerajaan Negeri.**

9.4.2.4. Lawatan Audit pada November dan Disember 2011 mendapati ada kes yang perlu dikaji semula. JKM hendaklah menentukan status penerima serta menilai sama ada bantuan perlu diteruskan, diberhentikan atau ditukar ke skim bantuan lain yang lebih memanfaatkan penerima. Contoh kes yang terlibat adalah seperti berikut:

- a. Seorang penerima kanak-kanak ini dikategorikan sebagai OKU dan diberi bantuan bulanan RM70 mulai tahun 2011. Adalah didapati bapa kepada penerima menghidap penyakit kronik dan tidak boleh berjalan. Pada masa kini seorang lagi anaknya masih bersekolah dan mereka hanya bergantung kepada anak lelaki yang baru bekerja dengan pendapatan RM450 sebulan. Keadaan rumah penerima adalah seperti **Gambar 9.1**.



Gambar 9.1
Rumah Penerima

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kpg. Selabat Bako, Kuching
Tarikh: 22 November 2011

- b. Penerima bantuan bulanan sejumlah RM70 sejak 1983 ini telah berusia 57 tahun dan menghidap lemah sebelah tangan serta kurang daya penglihatan. Penerima tidak berkeluarga dan tinggal berseorangan di pondok usang. Keadaan rumah penerima adalah seperti **Gambar 9.2**.



Gambar 9.2
Kediaman Penerima

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kpg Stenggang, Bau, Kuching
Tarikh: 17.11.2011

- c. Penerima OKU berusia 87 tahun ini diberi bantuan sejumlah RM70 sebulan sejak tahun 1989 dan tinggal bersama anak yang sudah berkeluarga serta tiada pendapatan tetap. Keadaan rumah adalah seperti **Gambar 9.3**.



Gambar 9.3
Keadaan Rumah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kpg. Rumih Opar, Bau, Kuching
Tarikh: 17 November 2011

- d. Penerima bantuan ini yang berusia 35 tahun dan belum berkahwin mendapat bantuan bulanan RM60 sejak tahun 2009. Penerima mengalami tekanan jiwa dan tinggal bersama kakaknya. JKM boleh membantu penerima berdikari melalui program latihan.

9.4.2.5. Maklum balas daripada JKM bertarikh 15 Jun 2012 memaklumkan JKM akan menambahbaik perkhidmatan yang diberikan serta penilaian dilaksanakan semasa kaji semula kes penerima yang berkaitan dan sehingga Jun 2012 kesemua 4 kes tersebut telah ditukar ke skim bantuan bersesuaian. Selain itu, JKM pada Mac 2012 telah mewujudkan Seksyen Pembangunan Klien untuk mengenal pasti penerima yang berpotensi untuk diberi bimbingan dalam perniagaan dan sebagainya supaya boleh berdikari.

Pada pendapat Audit, JKM perlu mengkaji semula jenis skim bantuan yang bersesuaian dengan keadaan penerima bantuan. Selain itu, JKM hendaklah lebih giat melaksanakan khidmat bimbingan supaya penerima dalam kategori produktif boleh berdikari dan tidak terus bergantung kepada Skim BA.

9.4.3. Kajian Semula Kes Bantuan Lewat Dijalankan

9.4.3.1. JKM menetapkan bantuan yang diberikan adalah bagi tempoh satu tahun dan kajian semula kes akan dijalankan untuk menentukan sama ada bantuan diteruskan atau kadar pembayaran disemak semula. Kajian semula ini hendaklah dijalankan 3 bulan sebelum tempoh kelulusan yang terdahulu tamat. Semakan dan analisis Audit mendapati daripada 23 kes yang disemak di PB Kuching, 21 atau 91.3% daripadanya lewat dibuat kajian semula antara satu hingga 42 bulan manakala 2 daripadanya tiada maklumat tempoh bantuan diberi. Semakan Audit seterusnya di PB Samarahan mendapati 12 atau 66.7% daripada 18 kes lewat dijalankan kajian semula antara 11 hingga 42 bulan manakala selebihnya tiada maklumat. Adalah didapati kajian semula kes tidak dapat dijalankan mengikut jadual disebabkan beban kerja JKM yang meningkat dan juga masalah logistik.

a. Sehingga Disember 2011, JKM Sarawak mempunyai 229 kakitangan tetap serta 94 Pegawai Kes yang berkhidmat secara kontrak dan terdapat 18 kekosongan jawatan. Semakan Audit mendapati JKM juga mengurus 7 skim bantuan yang lain selain Skim BA. JKM juga perlu menjalankan kaji semula kes pada setiap tahun di samping memproses permohonan yang bilangannya meningkat setiap tahun. Analisis Audit seterusnya mendapati nisbah seorang pegawai berbanding bilangan kes di PB Kuching dan PB Samarahan meningkat daripada 102 kes pada tahun 2009 kepada 173 kes pada tahun 2011. Butiran adalah seperti **Jadual 9.5**.

Jadual 9.5
Nisbah Pegawai Berbanding Bilangan Kes Bagi 8 Jenis Skim Bantuan

Bil.	Pejabat Bahagian	Nisbah								
		2009			2010			2011		
		Bil. Kaki-tangan	Bil. Kes	Nisbah	Bil. Kaki-tangan	Bil. Kes	Nisbah	Bil. Kaki-tangan	Bil. Kes	Nisbah
1.	Kuching	34	4,445	1:131	33	5,511	1:167	33	5,442	1:165
2.	Samarahan	32	2,272	1:71	28	5,718	1:204	33	6,007	1:182
Jumlah		66	6,717	1:102	61	11,229	1:184	66	11,449	1:173

Sumber: Rekod Sumber Manusia

b. JKM Sarawak mempunyai 47 kenderaan untuk menjalankan kes siasatan dan kaji semula bagi semua kes di bawah Skim BA serta 7 skim bantuan lain di samping mengurus tugas pentadbiran. Semakan Audit mendapati PB Kuching dan PB Samarahan masing-masing disediakan dengan 4 buah kenderaan manakala pejabat-pejabat daerah tidak mempunyai kenderaan walaupun bilangan kes yang diuruskan adalah tinggi. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 9.6**.

Jadual 9.6
**Bilangan Kenderaan, Kes Dan Pekerja Kes Di Bahagian Kuching
Dan Samarahan Setakat Akhir Tahun 2011**

Bil.	Pejabat Bahagian/ Daerah	Bil Kenderaan	Bil. Pekerja Kes	Bil. Kes
1.	PB Kuching	4	22	4,487
2.	Pejabat Daerah Bau	0	5	529
3.	Pejabat Daerah Lundu	0	6	393
4.	PB Samarahan	4	11	1,571
5.	Pejabat Daerah Serian	0	4	2,843
6.	Pejabat Daerah Simunjan	0	2	900
Jumlah		8	50	10,756

Sumber: Rekod PB Kuching Dan PB Samarahan

9.4.3.2. Maklum balas daripada JKM bertarikh 21 Mac 2012 memaklumkan, dengan wujudnya *Satellite Office* iaitu pejabat bergerak, proses pemberian bantuan boleh dipercepatkan. Selain itu, cadangan atau tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan Skim BA telah dibincangkan dalam Bengkel Pengendalian Dan Pengurusan Bantuan yang diadakan pada Februari 2012. Antara inisiatif yang diambil oleh JKM ialah keputusan permohonan akan diberitahu melalui *bulk SMS* dan kaji semula kes dijalankan setiap 2 tahun. Selain itu, mengikut maklum balas daripada Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga Sarawak bertarikh 3 Julai 2012, 53 jawatan telah pun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan masih menunggu kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dijadikan jawatan hakiki.

Pada pendapat Audit, proses kaji semula kes hendaklah dibuat dengan teratur. JKM juga perlu menyemak semula prosedur dan Garis Panduan agar tempoh proses kelulusan permohonan dan kaji semula kes dapat disingkatkan serta mengurangkan birokrasi. Kerajaan Negeri perlu mengisi jawatan kosong dan kemudahan pengangkutan dengan secukupnya bagi membolehkan JKM berfungsi dengan lebih cekap.

9.4.4. Penyelenggaraan Data Serta Maklumat Tidak Kemas Kini

9.4.4.1. JKM menyelenggara data bagi penerima bantuan kebijakan negeri menggunakan sistem *State Welfare Assistance Management* (SWAM) dan juga secara manual melalui fail penerima serta laporan berkaitan. Sistem *State Welfare Assistance Management* (SWAM) dibangunkan April 2010 bagi menggantikan *Welfare Information System*. Sistem ini bertujuan untuk menyelenggara maklumat penerima dan mengeluarkan laporan yang berkaitan skim bantuan. Pada akhir tahun 2011, maklumat 1,728 penerima di PB Kuching dan 1,016 penerima di PB Samarahan diselenggara dalam sistem ini. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Sistem ini digunakan mulai April 2010 dan didapati belum stabil serta masih dalam proses penambahbaikan. Setakat Disember 2011, hanya PB Kuching yang menggunakan sistem ini dengan sepenuhnya.

- b. Data tidak kemas kini menyebabkan laporan dikeluarkan tidak menunjukkan kedudukan sebenar. Butiran lanjut mengenai maklumat yang tidak dikemas kini adalah seperti **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7

Data Dalam Sistem SWAM Yang Tidak Dikemas Kini

Bil.	Perkara	Pejabat Bahagian		Jumlah Kes
		Kuching (Bil. Kes)	Samarahan (Bil. Kes)	
1.	Medan Tidak Diisi:			
	KP/Sijil Kelahiran	10	4	14
	Daerah	162	130	292
	Kadar Bayaran	0	9	9
	Kategori Penerima	692	750	1,442
	Pekerja Kes	116	648	764
2.	Penerima berusia kurang daripada 50 tahun dikategorikan sebagai “Orang Tua”	2	0	2
3.	Penerima sudah meninggal dunia masih aktif dalam sistem	8	3	11

Sumber: Sistem SWAM, JKM

- c. Ujian *validity* untuk data input terutamanya untuk medan penting tidak diwujudkan dalam sistem SWAM dan menyebabkan kemasukan data yang tidak mengikut format diterima oleh sistem. Contohnya, didapati 37 kes maklumat nombor KP yang dikunci masuk tidak mengikut format iaitu nombor KP baru hanya mengandungi 11 digit atau nombor KP lama tidak dicatat dengan abjad K. Selain itu, permohonan 1,817 kes sebelum tahun 2007 telah dikunci masuk sebagai permohonan yang dibuat pada 29 Januari 2007 iaitu tarikh pemindahan data ke sistem SWAM. Ini menyebabkan maklumat “tarikh daftar” yang dipaparkan adalah lebih awal daripada “tarikh mohon”.
- d. Sistem ini menyediakan 6 kategori status penerima iaitu “Diluluskan”, “Dilanjutkan”, “Baru”, “Diluluskan Dan Dilanjutkan”, “Ditolak” dan “Ditamatkan”. Semakan Audit mendapati status penerima hanya dikemas kini dengan maklumat “Diluluskan” atau “Dilanjutkan” manakala 4 status yang lain tidak digunakan. Ini menyebabkan penerima yang telah ditamatkan masih tersenarai dalam laporan penerima bantuan.
- e. Medan “Daerah” tidak diisi menyebabkan bilangan penerima dalam laporan yang dijanakan mengikut daerah tidak selaras dengan bilangan penerima dalam fail induk.

9.4.4.2. Fail penerima merupakan dokumen utama yang mengandungi semua maklumat penerima bantuan dan perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Fail penerima tidak diselenggara dengan kemas kini dan tidak dilengkap dengan dokumen/maklumat seperti **Jadual 9.8**.

Jadual 9.8
Maklumat Perihal Pemohon Tidak Lengkap

Bil.	Perkara	Pejabat Bahagian			
		Kuching (Bil. Kes)	Samarahan (Bil. Kes)	Jumlah	
				Bil.	(%)
1.	Maklumat pendapatan, perbelanjaan, kebolehan, kecacatan, masalah dihadapi, status serta jenis kediaman tidak dicatat	4	11	15	32.6
2.	Maklumat di Borang Penyiasatan tidak lengkap	20	13	33	71.7
3.	Tiada salinan kad pengenalan atau sijil lahir atau dokumen tersebut hanya dikemukakan setelah tempoh yang lama	12	10	22	47.8
4.	Tiada surat pemberitahuan awal status permohonan	26	17	43	93.5
5.	Laporan keputusan permohonan tidak jelas terutamanya mengenai tempoh dan kaedah pembayaran	13	13	26	56.5

Sumber: Fail Penerima

- b. Maklumat hasil siasatan yang dicatatkan dalam Borang Penyiasatan didapati tidak lengkap, tidak tepat atau diragui. Contohnya, maklumat perbelanjaan yang dicatat dalam fail penerima Noor Marziana Bt Ada adalah RM450 walaupun tiada pendapatan manakala bagi Setu bin Jafar yang hanya berpendapatan RM400 boleh berbelanja sehingga RM850.
- c. Kadar bantuan bagi penerima yang dikategorikan sebagai OKU termasuk kanak-kanak adalah RM70 sebulan. Hasil temu bual dengan 3 penjaga kanak-kanak OKU mendapati mereka juga ada menerima elauan pendidikan khas RM1,800 seorang setiap tahun daripada pihak sekolah. Selain itu, didapati 2 penerima turut menerima bantuan bulanan daripada Tabung Baitulmal. Bagaimanapun, didapati maklumat ini tidak dikemas kini ke dalam fail penerima.

9.4.4.3. Maklum balas daripada JKM bertarikh 21 Mac 2012 menyatakan bahawa pihaknya telah mengadakan perbincangan bersama pihak vendor mengenai isu serta masalah penggunaan sistem SWAM pada bulan Februari 2012. Selain itu, JKM juga telah menyediakan satu senarai semak untuk memastikan semua dokumen/maklumat yang diperlukan disimpan dalam fail penerima. Selain itu, maklum balas daripada JKM bertarikh 15 Jun 2012 menyatakan bahawa JKM juga telah menubuhkan satu Pasukan Pengurusan Bantuan serta menjalankan Naziran Pengurusan Fail Bantuan pada April dan Mei 2012.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan maklumat yang lengkap dan kemas kini merupakan faktor penting untuk memastikan kesahihan dan ketepatan data dalam sistem SWAM.

9.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Skim Bantuan Am menjurus kepada amalan terbaik dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

9.5.1. Kerajaan Negeri menyelenggara Data Induk bersepadu mengenai penduduk miskin di Negeri Sarawak serta mewujudkan satu sistem berintegrasi dan maklumat boleh diakses oleh pihak berkepentingan.

9.5.2. Kerajaan Negeri mengkaji semula kadar bantuan memandangkan kos sara hidup telah meningkat sejak 10 tahun yang lalu.

9.5.3. Kerajaan Negeri mengambil langkah mengisi kekosongan jawatan dan menyediakan kemudahan pengangkutan yang bersesuaian bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada golongan yang memerlukan.

PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

10. PENGURUSAN KAWASAN PERINDUSTRIAN PERKAPALAN TANJUNG MANIS


10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Kawasan Perindustrian Perkapalan Tanjung Manis (KPPTM) dibangunkan bertujuan menyediakan infrastruktur asas bagi aktiviti pembinaan kapal berkapasiti melebihi 10,000 tan. Tujuannya adalah untuk menampung kemudahan sedia ada di Kawasan Perindustrian Rantau Panjang, Sibu yang terhad kepada kapal berkapasiti di bawah 10,000 tan di samping kedudukan Jambatan Igan di Sibu yang rendah dan tidak membolehkan kapal melebihi 10,000 tan melaluinya untuk keluar dan masuk ke Laut China Selatan.

10.1.2. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) bertanggungjawab membangun kawasan ini dengan menyediakan lot industri dan kemudahan asas yang bersesuaian bagi membolehkan pengusaha menjalankan aktiviti perkapalan berskala besar dengan lebih sistematik.

10.1.3. Projek ini melibatkan kawasan seluas 241.6 hektar di tanah Lot 657 dan Lot 659, Blok 12 *Buan Land District* yang dibangunkan dengan 72 lot industri berkeluasan setiap satu antara 0.8 hektar hingga 19.1 hektar. Ia melibatkan peruntukan berjumlah RM245.98 juta yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Jun 2009. Lokasi KPPTM adalah seperti **Peta 10.1**.

Peta 10.1
Lokasi KPPTM



Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

10.1.4. Kerja pembangunan bagi Lot 659 dan Lot 657 masing-masing bermula pada tahun 2007 dan 2008 serta terdiri daripada infrastruktur asas seperti penyediaan 72 lot industri, jalan raya, jambatan, perparitan, bekalan air dan elektrik serta kemudahan telekomunikasi.

Projek KPPTM ini telah pun siap secara keseluruhannya pada 4 November 2011 dan menelan belanja sejumlah RM216.34 juta.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan KPPTM dirancang serta dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi tempoh dari tahun 2001 hingga 2011. Pemeriksaan Audit dilaksanakan di PUSAKA, Jabatan Tanah Dan Survei, Kementerian Pembangunan Industri dan Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat daripada dokumen dan rekod berkaitan seperti fail perancangan dan pembangunan kawasan, dokumen kontrak, minit mesyuarat, laporan kemajuan projek, laporan alam sekitar, laporan bayaran kemajuan dan rekod jualan bagi menentukan prosedur pengurusan projek dipatuhi. Lawatan Audit ke tapak projek dan temu bual dengan pihak berkaitan juga telah dijalankan bagi menilai prestasi projek.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan KPPTM yang dijalankan antara September hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan KPPTM adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti yang dikelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kerja pembangunan lewat disiapkan.
- Prestasi jualan lot industri yang perlahan.
- Kajian kemungkinan tidak dijalankan.
- Kelemahan dalam kontrak.
- Pemantauan kurang berkesan.

10.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

10.4.1.1. PUSAKA telah melaksanakan 2 kerja kontrak untuk membangunkan tanah di Lot 657 dan Lot 659. Pembangunan tanah tersebut melibatkan kerja infrastruktur asas seperti penyediaan lot industri, jalan raya, jambatan, perparitan, bekalan air dan elektrik serta kemudahan telekomunikasi seperti **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Kerja Kontrak Dilaksanakan Di KPPTM

Bil.	Kerja Kontrak Dilaksanakan	Nilai Kontrak (RM Juta)	
		Lot 657 (61.9 Hektar)	Lot 659 (179.7 Hektar)
1.	Menjalankan Kerja Am Dan Awalan	2.42	8.69
2.	Membersih Tapak Dan Penyediaan Tanah	7.83	74.34
3.	Membina Jalan Dan Perparitan	15.87	39.24
4.	Membekal, Menghantar Dan Memasang Paip Air	1.61	2.82
5.	Membina Jambatan Melintasi Sungai Sekumang Besar	0	5.74
6.	Kerja Cerucuk	0.51	2.09
7.	kerja Infrastruktur Elektrik Dan Lampu Jalan	8.06	38.74
8.	Kerja Infrastruktur Telekomunikasi	0.66	1.88
9.	Kerja Am Dan Awalan Untuk Mekanikal Dan Elektrikal	0	3.40
10.	Yuran Profesional Dan Pemantauan Kerja Mekanikal Dan Elektrikal	0	2.44
Jumlah		36.96	179.38

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

10.4.1.2. Projek ini dijadualkan siap pada 15 Oktober 2009 bagi Lot 659 dan 30 April 2010 bagi Lot 657 di mana tempoh kontrak adalah masing-masing selama 30 dan 18 bulan. Kerja pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas bagi Lot 659 dimulakan pada 16 April 2007 manakala bagi Lot 657 pada 1 November 2008. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kerja pembangunan di kedua-dua lot telah lewat disiapkan berbanding jadual siap asal. Kerja pembangunan di Lot 659 hanya siap pada 21 Disember 2010 setelah diberi 3 lanjutan masa selama 431 hari manakala kerja pembangunan di Lot 657 pula hanya siap pada 4 November 2011 setelah diberi 3 lanjutan masa selama 554 hari. Butiran lanjut mengenai pelaksanaan projek adalah seperti **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Prestasi Pelaksanaan Projek KPPTM Setakat Akhir Disember 2011

Bil.	Nombor Lot	Tempoh Kontrak (Bulan)	Tarikh Mula	Tarikh Dijadualkan Siap	Tarikh Siap Sebenar	Bil. Hari Dijadual Semula	Jumlah Lanjutan Masa
1.	659	30	16.04.2007	15.10.2009	21.12.2010	431	3
2.	657	18	01.11.2008	30.04.2010	04.11.2011	554	3

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

10.4.1.3. Semakan Audit seterusnya mendapati kerja pembangunan Lot 657 dan Lot 659 diluluskan lanjutan masa disebabkan perubahan dan penambahan skop kerja, kelewatan untuk mendapatkan kelulusan pelan pembangunan daripada Majlis Perancang Negeri dan masalah cuaca seperti **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Faktor Penjadualan Semula Pembangunan Projek KPPTM

Bil.	Nombor Lot	Perlanjutan Masa				Sebab Kelewatan
		Bil. EOT	Tarikh Perlanjutan	Bil. Hari	Tarikh Diluluskan	
1.	659	1	16.10.2009 - 04.08.2010	292	06.01.2010	Menyiapkan kerja tambahan mekanikal dan elektrikal, serta kerja infrastruktur telefon bagi Arah Perubahan Kerja (APK) No. 2
		2	05.08.2010 - 12.09.2010	39	21.09.2010	Masalah cuaca
		3	13.09.2010 - 21.12.2010	100	24.11.2010	Menyiapkan kerja tanah, jalan, perparitan, bekalan air dan cerucuk bagi APK No. 3 iaitu perubahan pelan pembangunan kawasan Area 2 bagi memenuhi kehendak Pihak Berkuasa Tempatan
2.	657	1	01.05.2010 - 12.09.2010	135	12.04.2010	Kelewatan kelulusan pelan pembangunan projek oleh Majlis Perancang Negeri. Kelulusan perlu diperoleh sebelum kerja pecah bahagi sempadan jalan raya dapat dibuat oleh kontraktor
			13.09.2010 - 12.06.2011	273	28.12.2010	Tambahan kerja berjumlah RM23.90 juta untuk membangunkan kawasan industri memproses makanan ikan merangkumi pembinaan jalan raya dan kerja penyediaan tanah
			13.06.2011 - 26.08.2011	75	11.10.2011	Tambahan kerja penyediaan tanah untuk 3 lot tanah industri memproses makanan ikan
		2	27.08.2011 - 24.10.2011	59	03.11.2011	Kelulusan pecah bahagi sempadan jalan raya lewat diperoleh daripada Majlis Perancang Negeri menyebabkan kerja membina parit lewat dimulakan
		3	25.10.2011 - 04.11.2011	12	23.12.2011	Masalah cuaca

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

10.4.1.4. Semakan Audit juga mendapati penjadualan semula di Lot 657 berlaku disebabkan pembinaan kawasan industri memproses makanan ikan yang terletak bersebelahan lot industri perkapalan. Ia melibatkan kerja menaik taraf jalan sepanjang 1.61 kilometer daripada jalan kerikil kepada jalan yang diturap bernilai RM2.65 juta, dan membina jalan sepanjang 1.83 kilometer serta menambak 5 lot tanah bernilai RM23.90 juta. Bagi Lot 659 pula, 4 APK telah dikeluarkan disebabkan perubahan skop kerja yang melibatkan peningkatan kos berjumlah RM1.42 juta. Pembangunan kawasan industri memproses makanan ikan ini dijalankan serentak oleh kontraktor yang sama menyebabkan lanjutan masa dalam menyiapkan projek lot industri perkapalan.

Pada pendapat Audit, tambahan skop kerja yang seterusnya menyebabkan tarikh siap projek terpaksa dilanjutkan dapat dielakkan sekiranya perancangan yang teliti dibuat sebelum projek dibangunkan.

10.4.2. Prestasi Jualan Lot Industri

10.4.2.1. PUSAKA perlu menyediakan strategi promosi dan pemasaran serta menetapkan sasaran bagi menarik pelabur seiring dengan dasar Kerajaan Negeri dalam menjadikan kawasan Tanjung Manis sebagai Hab Halal. Semakan Audit mendapati 25 daripada 72 lot industri telah dijual dan 47 lot industri belum dijual setakat akhir Disember 2011. Prestasi jualan KPPTM adalah seperti **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Prestasi Jualan KPPTM Setakat Akhir Disember 2011

Bil.	Status Lot	Lot 659				Lot 657 (Tebingan Sungai)	
		Tebingan Sungai		Lot Dalam			
		Lot (Unit)	Jumlah (RM Juta)	Lot (Unit)	Jumlah (RM Juta)	Lot (Unit)	Jumlah (RM Juta)
1.	Telah Dijual	11	32.94	4	1.90	10	13.40
2.	Belum Dijual	1	11.33	43	42.65	3	5.00
Jumlah		12	44.27	47	44.55	13	18.40

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

10.4.2.2. Analisis Audit mendapati walaupun urus niaga jualan telah bermula pada awal tahun 2007, sebanyak 47 daripada 72 lot industri atau 65.3% masih belum dijual. Semakan Audit seterusnya mendapati strategi promosi dan pemasaran belum disediakan oleh PUSAKA. **Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 28 Februari 2012 menyatakan usaha berterusan telah dijalankan bagi mempromosi KPPTM dengan menyertai 10 pameran perdagangan di Sarawak dan satu di Pontianak pada tahun 2011. PUSAKA juga menjelaskan jualan di lot dalam adalah perlahan kerana industri pembinaan kapal masih belum dimulakan dan pelabur masih menilai peluang perniagaan yang berpotensi di kawasan tersebut.**

Pada pendapat Audit, PUSAKA perlu membuat tindakan susulan dengan Jabatan Tanah Dan Survei untuk mempercepatkan proses Tukar Hak Milik tanah bagi membolehkan kilang pembinaan kapal dibangunkan segera sekali gus menggalakkan penjualan dan pembangunan lot dalam oleh pelabur lain.

10.4.3. Kajian Kemungkinan Tidak Dijalankan

10.4.3.1. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992, Garis Panduan Perancangan Dan Penyeliaan Projek menyatakan bahawa kajian kemungkinan perlu dijalankan sebelum suatu keputusan diambil untuk melaksanakan sesuatu program. Kajian kemungkinan hendaklah disediakan supaya kesesuaian sesuatu projek dikenal pasti serta memenuhi objektif yang ditetapkan.

10.4.3.2. Semakan Audit mendapati PUSAKA telah meminta kontraktor menjalankan kajian kemungkinan. Bagaimanapun, tiada sebarang kajian kemungkinan disediakan oleh Syarikat Hock Seng Lee Bhd. selaku kontraktor projek.

10.4.3.3. Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 28 Februari 2012 menyatakan bahawa Kerajaan memutuskan untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai kawasan industri perkapalan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pergerakan keluar masuk kapal dan kedalaman dasar sungai di kawasan berkenaan.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan projek mampu memenuhi objektif dan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan serta dibangunkan dengan berkesan, kajian kemungkinan secara menyeluruh hendaklah dijalankan sebelum projek dilaksanakan.

10.4.4. Pengurusan Perolehan Tidak Teratur

Pelantikan kontraktor bagi projek ini dibuat secara rundingan terus di mana Lembaga Pengarah PUSAKA telah bersetuju untuk melantik Syarikat Hock Seng Lee Bhd. sebagai kontraktor bagi pembangunan Lot 657 dan Lot 659 dengan kos keseluruhan berjumlah RM216.34 juta. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan seperti berikut:

10.4.4.1. Serahan Tapak Dibuat Sebelum Surat Setuju Terima Dikeluarkan

- a. Adalah didapati Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri telah meluluskan pelantikan kontraktor bagi pembangunan Lot 659 secara rundingan terus berjumlah RM179.38 juta pada 16 April 2007. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati rundingan harga dengan pihak kontraktor hanya diadakan pada 29 Jun 2007 dan 3 Julai 2007 serta telah bersetuju untuk mengurangkan nilai kontrak daripada RM182.98 juta kepada RM179.38 juta seperti mana yang telah diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.
- b. Semakan Audit seterusnya mendapati serahan tapak kepada pihak kontraktor juga telah dibuat sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan, iaitu pada 30 Jun 2007. Kronologi proses pelantikan kontraktor adalah seperti **Jadual 10.5**.

**Jadual 10.5
Kronologi Proses Pelantikan Kontraktor Pembangunan Lot 659**

Tarikh	Keterangan
16 April 2007	Kelulusan pelantikan kontraktor secara rundingan terus berjumlah RM179.38 juta oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Serahan tapak dibuat kepada kontraktor
29 Jun 2007	Rundingan harga pertama bersetuju mengurangkan nilai kontrak kepada RM182.82 juta
30 Jun 2007	Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada kontraktor dengan nilai kontrak sejumlah RM179.38 juta
3 Julai 2007	Rundingan harga kedua bersetuju mengurangkan harga kepada RM179.38 juta

Sumber: Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

- c. Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 28 Mei 2012 menjelaskan, kelulusan daripada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dikebelakangkan tarikh memandangkan serahan tapak kepada pihak kontraktor telah dibuat pada 16 April 2007 bagi mempercepatkan kerja pembangunan projek.

Pada pendapat Audit, PUSAKA perlu mematuhi semua proses perolehan yang berkuat kuasa sebelum membenarkan pihak kontraktor memulakan kerja pembangunan projek.

10.4.5. Pemantauan Kurang Berkesan

Pemantauan merupakan aspek penting untuk memastikan pengurusan projek dijalankan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi prosedur yang ditetapkan. Tanjung Manis Development Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat PUSAKA telah dilantik untuk memantau pelaksanaan projek. Semakan Audit mendapati kelemahan dalam pemantauan projek seperti berikut:

10.4.5.1. Bangunan Telah Dibina Sebelum Tanah Ditukar Milik

- a. Mengikut Sarawak Land Code Chapter 81 (1958), sebarang bangunan tidak boleh didirikan sehingga Surat Hak Milik Tanah dikeluarkan dan proses tukar milik ini hanya boleh dilaksanakan sebaik sahaja kerja pembinaan infrastruktur asas disempurnakan oleh kontraktor. Pembeli hanya boleh memulakan kerja pembinaan kilang kapal selepas lot tanah ditukar milik.
- b. Semakan Audit mendapati PUSAKA telah mengemukakan permohonan Tukar Hak Milik tanah Lot 659 kepada Jabatan Tanah Dan Survei pada April 2011 selepas pelan kejuruteraan diluluskan oleh Majlis Perancang Negeri dan kerja pembangunan siap pada 21 Disember 2010. Bagaimanapun, sehingga kini tiada sebarang Surat Hak Milik Tanah dikeluarkan oleh Jabatan Tanah Dan Survei.
- c. Lawatan Audit ke tapak projek pada 10 November 2011 mendapati 2 struktur bangunan telah didirikan di Plot 11, Lot 657 dan Plot 91, Lot 659. Bangunan 3 tingkat telah dibina di Plot 11 milik Syarikat J.C. Century Comm Sdn. Bhd. sebagai stor penyimpanan barang keperluan pembinaan kapal. Kilang memproses simen pula telah dibina secara sementara di Plot 91 yang dimiliki oleh Syarikat Shin Yang Shipyard Sdn. Bhd. bagi membekalkan simen untuk tujuan pembinaan kilang milik syarikat tersebut di KPPTM dan projek pembinaan beberapa buah jambatan untuk Jalan Raya Sibu-Tanjung Manis. Semakan Audit seterusnya mendapati Majlis Daerah Matu Dan Daro tidak pernah menerima atau meluluskan sebarang permohonan bagi mendirikan bangunan di kedua-dua lot tersebut. Bangunan yang telah didirikan adalah seperti **Gambar 10.1** dan **Gambar 10.2**.

Gambar 10.1
Bangunan 3 Tingkat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 657, Tanjung Manis
Tarikh: 10 November 2011

Gambar 10.2
Kilang Memproses Simen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 659, Tanjung Manis
Tarikh: 10 November 2011

- d. Adalah didapati perkara ini tidak memenuhi syarat kegunaan tanah seperti ditetapkan oleh Sarawak Land Code (1958). **Maklum balas daripada PUSAKA bertarikh 7 Jun 2012 menyatakan beberapa perbincangan dengan Jabatan Tanah Dan Survei telah diadakan bagi mempercepatkan proses pengeluaran Surat Hak Milik Tanah.**

Pada pendapat Audit, PUSAKA perlu membuat pemantauan berkala ke atas sebarang aktiviti yang berlaku di lot industri bagi memastikan segala prosedur dan peraturan yang berkaitan dipatuhi. PUSAKA juga perlu mengambil tindakan susulan dengan Jabatan Tanah Dan Survei untuk memastikan isu kelewatan pengeluaran Surat Hak Milik Tanah diselesaikan segera agar tidak menjaskan pembangunan KPPTM.

10.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Kawasan Perindustrian Perkapalan Tanjung Manis dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya, adalah disyorkan supaya Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

10.5.1. Mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran untuk memastikan semua lot industri yang dibangunkan dapat dijual sepenuhnya dengan segera.

10.5.2. Mengambil tindakan susulan untuk memastikan Surat Hak Milik Tanah dikeluarkan oleh Jabatan Tanah Dan Survei dengan segera.

LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH SARAWAK

11. PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA) ditubuhkan pada Jun 1981 sebagai sebuah Badan Berkanun Negeri di bawah Ordinan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah, 1981. Antara fungsi PELITA adalah untuk melaksanakan pembangunan, bertindak sebagai penghubung dan menyertai pembangunan dengan syarikat, orang perseorangan atau pertubuhan dan menyediakan pinjaman dan pendahuluan bagi maksud pembangunan tanah dalam kawasan Tanah Adat Bumiputera dan kawasan lain.

11.1.2. PELITA menjalankan semua fungsinya melalui PELITA Holdings Sdn. Bhd. (PHSB). Satu Perjanjian Pengurusan yang ditandatangani antara PELITA dengan PELITA Holdings Sdn. Bhd. pada 21 Ogos 2003 di mana PHSB diberi kuasa penuh dan eksklusif dalam mengurus operasi PELITA. Dalam tempoh 2007 hingga 2011, PELITA telah menyiapkan 22 projek bernilai RM261.32 juta manakala 10 projek bernilai RM245.96 juta sedang dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Bilangan Dan Status Projek Bagi Tahun 2007 Hingga 2011

Bil.	Jenis Projek	Projek Siap		Projek Sedang Dilaksanakan	
		Bilangan	Kos Projek (RM Juta)	Bilangan	Kos Projek (RM Juta)
1.	Pusat Pembangunan Desa	11	21.05	2	21.46
2.	Usahasama Dengan Syarikat	9	103.38	6	207.50
3.	Biayaan Sendiri	2	136.89	2	17.00
Jumlah		22	261.32	10	245.96

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada program pembangunan harta tanah oleh PELITA telah diuruskan dengan cekap, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan bagi tahun 2007 hingga 2011. Bagi tujuan ini, semakan dibuat di Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA). Temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan. Selain itu,

lawatan ke tapak projek *I-Com Square* Jalan Pending, Sri Aman *Town Extension*, *Parklane Properties Sarikei*, *D' Cove Pasir Panjang Santubong*, *Integrated Administrative Complex Mukah*, Tabuan Park Kuching, rumah pangsa di Jalan Jee Foh Miri dan My Buntal *Ranch*.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan pembangunan Hartanah PELITA yang dijalankan antara November 2011 hingga Februari 2012 mendapati prestasi keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Kajian Kemungkinan tidak dijalankan.
- Promosi dan pemasaran lewat dijalankan.
- Projek lewat jadual dan tidak dapat disiapkan/terbengkalai.
- Pengurusan sewaan harta PELITA yang tidak memuaskan.

11.4.1. Kajian Kemungkinan Tidak Dijalankan

11.4.1.1. Menurut Ordinan PELITA 1981, kajian awal perlu dijalankan untuk memastikan sama ada projek yang akan dilaksanakan adalah berdaya maju. Kajian kemungkinan hendaklah mengambil kira isu dari sudut perundangan, teknikal, kewangan dan ekonomi, faedah serta keperluan budaya untuk mencapai keputusan sama ada projek berkenaan berdaya maju atau sebaliknya.

11.4.1.2. Semakan Audit mendapati projek yang dijalankan secara usahasama dibincangkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Dan Penilaian untuk menentukan pulangan yang ditawarkan adalah berpatutan dan mengikut formula yang ditetapkan sebelum projek berkenaan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan kajian kemungkinan tidak disediakan. Semakan Audit seterusnya mendapati hanya projek *I-Com Square* di Kuching yang ada dibuat kajian kemungkinan iaitu pada tahun 2007. Bagaimanapun, tiada kajian kemungkinan dijalankan untuk projek usahasama lain iaitu Sri Aman *Town Square* dan *Parklane Properties*.

11.4.1.3. Selepas teguran Audit, **maklum balas daripada pihak PELITA bertarikh 14 Jun 2012 menyatakan bahawa kajian kemungkinan untuk setiap pembangunan projek akan disediakan oleh pemaju dan kemudiannya diluluskan oleh Pengurusan PELITA sebelum mengemukakan pelan pembangunan kepada Majlis Perancang Negeri. Pihak PELITA juga akan mengemas kini kajian kemungkinan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.**

Pada pendapat Audit, PELITA hendaklah menyediakan kajian kemungkinan terhadap semua projek yang dilaksanakan untuk memastikan projek berkenaan adalah berdaya maju serta mampu memberi pulangan.

11.4.2. Promosi Dan Pemasaran Lewat Dijalankan

11.4.2.1. Usaha promosi dan pemasaran terhadap harta yang diperoleh daripada projek usahasama sepatutnya dirancang lebih awal untuk memastikan tujuan pembangunan hartanah dapat mendatangkan hasil kepada PELITA dalam masa terdekat. Sebagai contoh, projek usahasama *Parklane Properties* di Sarikei melibatkan 10 unit rumah kedai 3 tingkat bernilai RM6.64 juta telah siap pada Disember 2011 dan permit menduduki telah dikeluarkan pada Januari 2012 masih belum dijual atau disewa sehingga April 2012.

11.4.2.2. Semakan Audit seterusnya mendapati promosi dan pemasaran bagi menyewa harta milik PELITA dijalankan secara pengedaran surat kepada Agensi Kerajaan dan Jabatan Kerajaan mengenai adanya kekosongan ruang pejabat dan kediaman milik PELITA untuk disewakan. Selain itu, iklan juga di tampil di premis yang akan disewa, promosi musim perayaan, brosur, pemasaran melalui telefon dan iklan atas talian.

11.4.2.3. Selepas teguran Audit, pihak **PELITA memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 14 Jun 2012 bahawa PHSB sedang mengemas kini pelan pemasaran antaranya pelan strategi pemasaran hartanah PELITA. Selain itu, PELITA memaklumkan bahawa kesemua 10 unit rumah kedai di *Parklane Properties* Sarikei telah dikeluarkan surat tawaran kepada bakal penyewa pada Mei 2012.**

Pada pendapat Audit, PELITA hendaklah membuat lebih awal promosi dan pemasaran hartanahnya untuk memastikan pulangan pelaburan diperoleh dalam masa terdekat.

11.4.3. Projek Bermasalah

11.4.3.1. Projek Lewat Jadual

Semakan Audit terhadap status kemajuan projek yang sedang dijalankan sehingga akhir Disember 2011 mendapati 2 projek usahasama iaitu Sri Aman Town Square dan I-Com Square Jalan Pending lewat jadual antara 1.6% hingga 100%. Butiran lanjut berkenaan kemajuan projek tersebut adalah seperti **Jadual 11.2.**

Jadual 11.2

Projek Lewat Jadual Pada 31 Disember 2011

Bil.	Projek	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tempoh Kontrak	Kemajuan Fizikal		
				Jadual (%)	Sebenar (%)	Status
1.	Projek Sri Aman Town Square	37.76	2008-2011			
	a. Sublot 1-40			100	100	Siap
	b. Sublot 41-48			100	TM	Akan dilaksanakan dalam Fasa III
	c. Hotel			19.9	21.5	Sedang dilaksanakan
2.	I-Com Square, Jalan Pending	91.62	2007-2013	50.12	23.7	Sedang dilaksanakan

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

Nota: TM – Tiada Maklumat

11.4.3.2. Projek usahasama Sri Aman *Town Square* dimulakan pada tahun 2008 dan sepatutnya siap akhir tahun 2011. Adalah didapati kemajuan pembinaan bagi Sublot 1 hingga 40 adalah 100% manakala bagi pembinaan hotel yang siap 21.5% dan pembinaan bagi Sublot 41 hingga 48 yang terdiri dari rumah kedai 3 tingkat tiada kemajuan dilaporkan seperti **Gambar 11.1** dan **Gambar 11.2**.

Gambar 11.1

Rumah Kedai 3 Tingkat Sublot 1 Hingga 40 Yang Telah Siap Dan Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sri Aman Town Square, Sri Aman

Tarikh: 30 April 2012

Gambar 11.2

Tapak Rumah Kedai Sublot 41 Hingga 48 Yang Belum Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sri Aman Town Square, Sri Aman

Tarikh: 30 April 2012

11.4.3.3. Pihak PELITA memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 14 Jun 2012 bahawa pembinaan Sublot 41 hingga 48 hanya akan dibina dalam fasa 3 dan pembinaannya dijangka bermula pada hujung tahun 2012. Perkara ini telah dipersetujui oleh Pengurusan PHSB pada Oktober 2008.

11.4.3.4. Projek Belum Siap

Projek belum siap terdiri daripada projek yang dibangunkan pada tahun 2007 dan sebelumnya meliputi pembangunan rumah kediaman dan perdagangan di Tabuan Park Kuching, pembangunan rumah pangsa di Lot 676 dan 725 hingga 729, Lorong Jee Foh 8 dan 9, Jalan Jee Foh Miri dan projek pertanian yang dibangunkan oleh DD Pelita Capital Sdn. Bhd. di Santubong Kuching.

a. Tabuan Park, Kuching

- i. Pembangunan di Tabuan Park meliputi pembinaan 160 unit kedai 4 tingkat (hak milik berasingan bagi setiap tingkat), 108 unit rumah berkembar 2 tingkat, 80 unit rumah teres 2 tingkat, 128 unit rumah pangsa 2 bilik, 128 unit rumah pangsa 3 bilik, 192 unit apartmen, satu stesen minyak dan 5 lot banglo. Perjanjian Pembangunan antara PELITA dengan Merces Builders (S) Sdn. Bhd ditandatangani pada 20 Mac 1996 dengan kos projek ialah sejumlah RM80 juta. Projek ini pada mulanya dijadualkan siap pada Julai 2006. Bagaimanapun tarikh tersebut kemudian dilanjutkan dan dijangka siap pada Ogos 2008 iaitu selepas 2 lanjutan masa diberi. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3

Status Kemajuan Pembinaan Di Tabuan Park Pada 31 Disember 2010

Jenis Rumah	Jumlah Unit	Jumlah Unit Dijual	Bahagian PELITA	Status Kemajuan
Rumah Kedai 4 tingkat (<i>Strata title</i>)	160	-	8	Siap
Rumah Berkembar 2 tingkat	108	97	6	Siap
Rumah Teres 2 tingkat	80	80	3	Siap
Rumah Pangsa 2 bilik	128	128	128	Siap
Rumah Pangsa 3 bilik	128	-	100	Terbengkalai
Apartmen	192	-	-	Terbengkalai
Stesen minyak	1	-	-	Terbengkalai
Lot Banglo	5	-	-	Terbengkalai
Jumlah Siap	476		145	
Jumlah Keseluruhan	803	305	245	

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

- ii. Projek ini tergendala disebabkan pemaju dikenakan tindakan penggulungan syarikat pada tahun 2006. Perkara ini mengakibatkan pemilikan harta tanah bagi 177 unit rumah teres 2 tingkat dan rumah berkembar 2 tingkat yang telah dijual masih belum dipindah hak milik kepada pembeli setakat April 2012. Ini adalah disebabkan keseluruhan tanah berkenaan dicagarkan kepada bank tempatan dan oleh itu hak milik berasingan untuk 177 lot tersebut belum dapat dikeluarkan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010, PELITA telah mengadakan rundingan dengan bank terlibat dan Jabatan Insolvensi untuk mencari penyelesaian terbaik bagi masalah ini namun belum ada keputusan tercapai.
- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati bahawa PELITA telah memberi kuasa membangunkan tanah tersebut kepada Merces Builders (S) Sdn. Bhd. dalam tahun 1996 melalui *Power Of Attorney* untuk tujuan pembangunan harta tanah. Apabila Merces Builders (S) Sdn. Bhd. digulung, cagaran tersebut belum dilepaskan. Semakan Audit juga mendapati Majlis Bandaraya Kuching Selatan telah menuntut tunggakan cukai pintu bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009 berjumlah RM286,372 (tidak termasuk penalti) daripada PELITA. Keadaan rumah dan tapak rumah pangsa milik PELITA yang belum siap dan tergendala adalah seperti **Gambar 11.3** dan **Gambar 11.4**.

Gambar 11.3
Tapak Rumah Pangsa
Tiga Tingkat Yang Tergendala



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tabuan Park, Kuching
Tarikh: 14 April 2012

Gambar 11.4
Rumah Kediaman Yang
Belum Siap Pintu Dan Tingkap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tabuan Park, Kuching
Tarikh: 14 April 2012

- iv. **Maklum balas daripada PELITA bertarikh 14 Jun 2012 menyatakan bahawa Jabatan Tanah Dan Survei akan mengeluarkan geran tanah berasingan selepas *Memorandum of Surrender and Realienation of Land* ditandatangani oleh semua pihak seperti mana yang tertera di dalam *Memorandum of Surrender and Alienation*. Jabatan Insolvensi dan pihak bank tidak mempunyai halangan bagi PELITA meneruskan usaha membangunkan kawasan tersebut dan melepaskan unit yang merupakan milik PELITA.**

b. Rumah Pangsa Di Jalan Jee Foh Miri

Pembangunan harta tanah bagi Lot 676 dan 725 hingga 729, Lorong Jee Foh 8 dan 9, Jalan Jee Foh Miri adalah melibatkan 14 blok rumah pangsa 4 tingkat untuk dijadikan sebagai kuarters pegawai Kerajaan Negeri. Perjanjian Pembangunan di antara PELITA dengan Milagro Sdn. Bhd. ditandatangani pada 4 Ogos 1994. Semakan Audit mendapati hanya 8 blok rumah pangsa siap dibina manakala sejumlah 6 blok lagi tidak diteruskan pembinaannya. Isu kualiti pembinaan dan kecacatan blok rumah pangsa ini telah dibangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Selain itu, kawasan yang telah dikhaskan di lokasi sebagai kawasan hijau telah diduduki oleh pekerja pemaju secara haram. Kawasan pembangunan yang terbengkalai adalah seperti **Gambar 11.5** hingga **Gambar 11.7**.

Gambar 11.5
Kawasan Hijau Yang
Diduduki Secara Haram



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Jee Foh 9, Miri
Tarikh: 03 Februari 2012

Gambar 11.6
Tapak Rumah Pangsa Yang Tidak
Siap Dan Ditumbuhi Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Jee Foh 9, Miri
Tarikh: 03 Februari 2012




Gambar 11.7
Rumah Pangsa Yang Tidak Siap Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Jee Foh 9, Miri
Tarikh: 03 Februari 2012

c. My Buntal Ranch

- i. Projek My Buntal Ranch terletak di Jalan Sultan Tengah meliputi keluasan 593.27 hektar telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai kawasan pertanian bersepadu, iaitu penternakan lembu tenusu, lembu daging, kambing, burung unta, ladang rusa, kebun buah-buahan dan akuakultur. Tanah ini milik PELITA sejak tahun 1997 yang diperoleh melalui pemberian Kerajaan Negeri. Projek ini dibangunkan secara usahasama dengan syarikat bersekutu PELITA iaitu DD Pelita Capital Sdn. Bhd. Perjanjian usahasama ditandatangani pada 8 Oktober 2007 dan projek ini dipersetujui untuk diurus dan dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat DD Pelita Capital Sdn. Bhd. Modal permulaan ialah RM100,000 yang mana 40% disumbangkan oleh PELITA. Pada masa ini, projek ini berstatus terbengkalai dan tidak diteruskan. Kawasan pembangunan projek adalah seperti **Peta 11.1**.

Peta 11.1
Peta Kawasan Projek My Buntal Ranch



Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

- ii. PELITA dibenarkan menyumbang modal dalam bentuk tunai atau *in kind*. Bagi tujuan ini, PELITA telah membayar modal *in kind* iaitu 20 lot tanah seluas 593.47 hektar bernilai RM828,205 pada kadar RM1,500 sehektar manakala 19 lot tanah dengan keluasan 552.01 hektar bernilai RM828,015 telah dipindahkan hak milik pada Mei 2009 kepada syarikat DD Pelita Capital Sdn. Bhd. Semakan Audit mendapati jumlah nilai tanah telah melebihi 40% daripada modal yang sepatutnya disumbangkan oleh PELITA. Selain itu, PELITA tidak merujuk kepada Penilai Profesional untuk menentukan nilai pasaran tanah berkenaan sebaliknya menetapkan kadar tanah yang dipindah milik pada kadar RM1,500 sehektar. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4
Maklumat Tanah Yang Telah Dipindah Kepada Syarikat DD Pelita Capital Sdn. Bhd.

Bil.	Nombor Lot/Blok/ Daerah Tanah	Keluasan (Hektar)	Kos Terlibat		Jumlah Kos (RM)
			Kos Lain Berkaitan (RM)	Harga Tanah (RM)	
1.	476, Blok 10, SLD	29.36	11,206	44,040	55,246
2.	478, Blok 10, SLD	15.87	4,738	23,805	28,543
3.	479, Blok 10, SLD	31.45	12,250	47,175	59,425
4.	480, Blok 10, SLD	68.20	30,610	102,300	132,910
5.	481, Blok 10, SLD	17.18	5,170	25,770	30,940
6.	482, Blok 10, SLD	39.28	16,210	58,920	75,130
7.	483, Blok 10, SLD	19.58	6,274	29,370	35,644
8.	484, Blok 10, SLD	20.44	6,700	30,660	37,360
9.	485, Blok 10, SLD	34.72	13,906	52,080	65,986
10.	486, Blok 10, SLD	28.19	10,612	42,285	52,897
11.	487, Blok 10, SLD	25.18	9,100	37,770	46,870
12.	755, Blok 10, SLD	23.40	8,200	35,100	43,300
13.	757, Blok 10, SLD	38.61	15,868	57,915	73,783
14.	758, Blok 10, SLD	38.61	15,868	57,915	73,783
15.	759, Blok 10, SLD	29.48	11,260	44,220	55,480
16.	760, Blok 10, SLD	33.83	13,456	50,745	64,201
17.	761, Blok 10, SLD	34.61	13,852	51,915	65,767

Bil.	Nombor Lot/Blok/ Daerah Tanah	Keluasan (Hektar)	Kos Terlibat		Jumlah Kos (RM)
			Kos Lain Berkaitan (RM)	Harga Tanah (RM)	
18.	762, Blok 10, SLD	14.08	4,138	21,120	25,258
19.	766, Blok 10, SLD	9.94	2,746	14,910	17,656
Jumlah		552.01	212,164	828,015	1,040,179

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

Nota: SLD – Salak Land District

- iii. **Maklum balas daripada PELITA bertarikh 14 Jun 2012 menyatakan bahawa kadar RM1,500 sehektar bagi tanah berkenaan adalah merupakan kadar yang digunakan bagi projek-projek pertanian yang diberikan hak milik tanah oleh Kerajaan tanpa mengira lokasi dan nilai semasa tanah-tanah tersebut. Tujuannya adalah bagi mengurangkan beban pelabur dan menggalakkan pelabur melabur dalam projek pembangunan PELITA. Jika PELITA menggunakan nilai semasa tanah tersebut, pelabur akan terpaksa menyuntik dana yang besar dan ini akan membebankan serta mengurangkan minat mereka untuk melabur. Berdasarkan kepada nilai RM1,500 tersebut, jumlah nilai pembayaran modal oleh pihak PELITA bagi 20 bidang tanah sepertutnya adalah RM890,205 dan bagi nilai modal ataupun dana 19 bidang tanah yang telah disuntik adalah RM828,015. Akan tetapi walaupun PELITA telah mematuhi peruntukan di atas dan juga memaklumkan perkara ini kepada pihak Syarikat Usahasama dan pelabur untuk menambah nilai modal yang disuntik, pihak Syarikat Usahasama dan pelabur telah melanggar terma perjanjian tersebut kerana telah gagal dan atau enggan untuk melakukan penambahan nilai tersebut. Mesyuarat Lembaga Pengarah PHSB pada 8 Mei 2012 telah bersetuju agar PHSB membeli syer pelabur tertakluk kepada *due diligence*.**
- iv. Selepas perjanjian usahasama ditandatangani, PELITA telah menandatangani Perjanjian Dan Surat Ikatan Amanah dengan penduduk kampung pada 15 Oktober 2008 di mana penduduk terlibat diterima sebagai peserta projek. Ini adalah bertujuan menyelesaikan kes masalah tuntutan hak milik tanah tersebut oleh penduduk kampung. Antara perkara yang dipersetujui dalam Perjanjian Dan Surat Ikatan Amanah ialah peserta projek bersetuju menyertai projek, PELITA mempunyai kuasa penuh dalam pengurusan dan pelaksanaan projek akan dijalankan secara usahasama di antara PELITA dan DD Pelita Capital Sdn. Bhd. sebagai pemaju. Setakat April 2012, tiada sebarang kemajuan mengenai projek ini seperti **Gambar 11.8** dan **Gambar 11.9**.

Gambar 11.8
Keadaan Ladang Yang
Belum Diusahakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: My Buntal Ranch
Tarikh: 18 April 2012

Gambar 11.9
Keadaan Tapak
Ladang Yang Masih Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: My Buntal Ranch
Tarikh: 18 April 2012

- v. **Pihak PELITA memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 14 Jun 2012 bahawa berikut Syarikat Usahasama yang tidak memberangsangkan dan tiada aktiviti pembangunan yang dijalankan sejak awal tahun 2010, pihak PELITA telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Kewangan Tender dan Pelaburan PELITA pada 13 Disember 2010 untuk meneruskan pembangunan dengan menggunakan peruntukan PELITA. Sejumlah RM2 juta telah diluluskan bagi tahun 2011 untuk tujuan tersebut. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu pada tahun 2012 ekoran isu terma dan syarat perjanjian usahasama yang telah ditandatangani sebelum ini perlu diselesaikan terlebih dahulu. Lembaga Pengarah PHSB mencadangkan agar PHSB membeli balik syer daripada pelabur dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PHSB pada 8 Mei 2012. Dalam masa yang sama, PHSB akan berbincang dengan penduduk kampung untuk menyelesaikan isu penanaman yang telah dilakukan oleh penduduk kampung.**
- vi. Semakan Audit juga mendapati PELITA telah membuat pembayaran pada Oktober 2011 bagi membeli 15,000 benih Kelapa Pandan jenis F1 berjumlah RM270,000 kepada pembekal dari Negeri Kelantan bagi tujuan projek tetapi benih kelapa hanya diterima pada 3 April 2012. Perkara ini bercanggah dengan peraturan kewangan yang mana bayaran hendaklah dibuat apabila barang atau perkhidmatan telah diselesaikan. Pihak PELITA memaklumkan bahawa pembayaran awal sebelum penerimaan benih kelapa ini merupakan salah satu terma dan syarat tawaran sebut harga oleh pihak pembekal. Pihak PELITA sedia maklum mengenai risiko sekiranya penghantaran tidak dibuat setelah pembayaran. Oleh itu, surat aku janji telah diguna pakai dan perlu diperakui oleh pihak pembekal untuk menanggung mana-mana kerugian dan membayar semula pembayaran yang telah dibuat sekiranya mereka gagal membuat penghantaran benih kelapa tersebut.

- vii. Benih kelapa telah diterima pada 3 April 2012 dan sedang dijaga di bawah penyeliaan CRAUN Research Sdn. Bhd. di Kuching. Pihak PELITA memaklumkan bahawa Jabatan Pertanian Sarawak telah dilantik sebagai konsultan dalam memastikan benih kelapa yang dihantar merupakan jenis benih kelapa yang tulen dan mengikut spesifikasi. Setakat Mei 2012, Jabatan Pertanian Sarawak belum mengemukakan laporan mengenai ketulenan benih kelapa yang dibekalkan.

Pada pendapat Audit, PELITA perlu memastikan PHSB memantau rapi pelaksanaan projek seperti ditetapkan dalam perjanjian agar segala masalah berkaitan pelaksanaan boleh diselesaikan segera. Selain itu, kepentingan PELITA dan Kerajaan Negeri perlu dijaga dalam setiap urus niaganya supaya tidak berlaku perpindahan aset melebihi jumlah yang telah dipersetujui. Bantuan Jabatan/Agensi Kerajaan teknikal hendaklah diperoleh dalam bidang di mana PELITA tidak mempunyai kepakaran seperti penilaian tanah. PELITA perlu juga mematuhi peraturan kewangan dalam semua urusan perolehan dan pembayaran.

11.4.4. Pengurusan Sewaan Hartanah PELITA Yang Tidak Memuaskan

11.4.4.1. PELITA mempunyai sejumlah 1,955 unit harta tanah bernilai RM108.32 juta yang telah siap dibina yang terdiri daripada kompleks perniagaan, tempat letak kereta, rumah kedai, rumah kediaman dan hotel yang terletak di Kuching, Kota Samarahan, Betong, Sarikei, Sibu, Mukah, Kapit, Limbang dan Lawas.

11.4.4.2. Semakan Audit mendapati daripada 1,846 unit, sejumlah 1,742 unit telah disewa. Rumah kediaman milik PELITA di Betong berjumlah 238 unit disewa pada tahun 2008 dan di Mukah berjumlah 264 unit disewa pada tahun 2006 kepada Kerajaan Negeri untuk digunakan sebagai kuarters. PELITA menguruskan kompleks pejabat di Bahagian Kapit mulai tahun 2006 manakala di Bahagian Betong dan Mukah, PELITA hanya mengurus kompleks pejabat ini mulai tahun 2012 walaupun kompleks tersebut telah diduduki dalam tahun 2003 dan 2007. Semakan Audit juga mendapati setakat April 2012, memorandum persefahaman di antara PELITA dan Kerajaan Negeri untuk mengurus kompleks pejabat di Kapit, Betong dan Mukah masih disemak oleh Peguam Negeri. Hasil yang diperoleh daripada sewa dalam tahun 2011 ialah sejumlah RM3.23 juta manakala tunggakan sewa sehingga 31 Disember 2011 ialah sejumlah RM1.50 juta seperti **Jadual 11.5.**

Jadual 11.5
Hartanah Milik PELITA Mengikut Kegunaan Setakat 31 Disember 2011

Bil.	Jenis Hartanah	Bilangan Unit Harta	Bilangan Unit Disewa	Pendapatan Tahun 2011 (RM)	Tunggakan Sehingga 3.12.2011 (RM)
1.	Kompleks Pejabat *	1	1	-	-
2.	Kompleks Perdagangan	152	110	2,160,558	519,087
3.	Petak Letak Kereta	939	939	488,436	0
4.	Rumah Kedai	191	153	194,200	739,445
5.	Kediaman	560	537	346,050	223,207
6.	Hotel (Milik penuh)	3	2	40,000	70,000
Jumlah		1,846	1,742	3,229,244	1,551,739

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

Nota: * Perjanjian sewa belum ditandatangani

11.4.4.3. Semakan Audit seterusnya mendapati pengurusan dan pemasaran harta milik PELITA dijalankan oleh Pengurusan Harta Pelita Sdn. Bhd. dan tidak ada perjanjian ditandatangani untuk tujuan tersebut. Oleh yang demikian, syarat mengenai fi pengurusan perkhidmatan yang dijalankan, skop kerja dan tatacara pengurusan tidak dapat ditentukan. Selepas teguran Audit, **pihak PELITA memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 14 Jun 2012 bahawa mulai tahun 2012 pengurusan harta milik PELITA diletak di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Harta PHSB dan tertakluk kepada perjanjian antara PELITA dengan PHSB.**

Pada pendapat Audit, memorandum persefahaman bagi pengurusan kompleks pejabat dan kuarters hendaklah ditandatangani segera bagi menjaga kepentingan PELITA.

11.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan harta milik PELITA diurus dengan berkesan, adalah disyorkan:

11.5.1. Kajian Kemungkinan disediakan bagi setiap projek yang hendak dibangunkan.

11.5.2. Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah perlu menyediakan strategi promosi dan pemasaran yang lebih inovatif dan penggunaan ejen harta milik PELITA harus dipertimbangkan.

11.5.3. Pemilihan dan pelantikan rakan usahasama perlu dikaji semula untuk mendapat kontraktor/syarikat usahasama yang berwibawa agar pulangan pelaburan pembangunan harta milik PELITA lebih menguntungkan.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI JABATAN PERTANIAN SARAWAK

12. PENGURUSAN PROJEK TERNAKAN KHINZIR BERPUSAT

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Pembangunan Kawasan Penternakan Khinzir (*Pig Farming Area - PFA*) telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada November 1997 dan projek ini dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (yang kemudiannya ditukar nama sebagai Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti) (Kementerian) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS). Projek ini dilaksanakan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (Lembaga) dan JPS. Pelaksanaan projek ini bersesuaian dengan Dasar Pertanian Negara (1984) yang antara lain menekankan peruntukan kawasan bagi tujuan ternakan khinzir bagi menjaga kebersihan serta mengelakkan timbulnya isu sensitif dari segi sosial dan keagamaan kesan daripada pembangunan industri tersebut.

12.1.2. Objektif pembangunan PFA di Pasir Puteh merangkumi penstrukturkan semula dan memodenkan industri khinzir, mengawal pencemaran daripada pembuangan sisa khinzir melalui sistem rawatan sisa pembuangan berpusat dan menempat semula penternak khinzir yang sedia ada, mempraktikkan amalan kawalan penyakit dan memberi perlindungan terhadap kesihatan awam dan mencapai Imbangan Perdagangan yang lebih menarik dalam sektor penternakan melalui eksport.

12.1.3. Pembangunan projek ternakan khinzir dilaksanakan di atas tanah seluas 804 hektar dengan kos pengambilan balik tanah berjumlah RM3.60 juta. Projek ini dibahagikan kepada 11 pakej di mana 5 pakej dilaksanakan oleh Lembaga dan 6 pakej dilaksanakan oleh JPS. Tapak projek ini diluluskan oleh Majlis Perancang Negeri (MPN) pada bulan Jun 2002 dan diwartakan pada bulan Disember 2006. Projek ini bermula pada bulan November 2005 dan dijadualkan siap pada bulan Julai 2013 dengan nilai kontrak keseluruhan RM183.69 juta. Antara komponen projek PFA adalah jalan masuk sepanjang 2.7 km, jalan utama, jalan ladang, sub-stesen elektrik, sistem rawatan air, loji biogas, sistem pam pengumpulan sisa khinzir, bangunan pusat pentadbiran, pusat bio-sekuriti, bangsal penyahjangkitan, rumah pengawal keselamatan, pusat dan makmal veterinar, pusat penyembelihan, kerja infrastruktur untuk kawasan pengolahan sisa dan penginapan pekerja, rumah penjualan (*sales house*) dan stor makanan. PFA terletak di 48 km dari Pekan Serian, 2.7 km dari lebuh raya Kuching - Sri Aman. Kedudukan lokasi projek ini adalah seperti **Peta 12.1**.

Peta 12.1
Lokasi PFA, Pasir Puteh, Bahagian Samarahan



Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek pembangunan PFA oleh Lembaga dan JPS telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan projek PFA bagi tempoh tahun 2003 hingga 2011. Bagi tujuan ini, semakan telah dibuat di pejabat Lembaga dan JPS dengan mengkaji serta menganalisis data dan maklumat seperti perjanjian kontrak, laporan kewangan, dokumen tender, laporan kemajuan projek, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan tapak, temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan borang soal selidik juga diedarkan kepada penduduk kampung sekitar PFA dan penternak khinzir bagi mendapatkan maklum balas selanjutnya.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek pembangunan kawasan ternakan khinzir adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Sembilan kerja kontrak yang lewat disiapkan telah diluluskan sejumlah 26 lanjutan masa berjumlah 1,514 hari.
- Peningkatan kos keseluruhan sejumlah RM5.16 juta bagi 10 kontrak kerja apabila projek siap.

- Kelewatan perpindahan dan penempatan penternak ke tapak ternakan khinzir berpusat.
- Peningkatan kos kontrak disebabkan kelewatan dalam pengurusan perolehan.
- Rawatan sisa air dan buangan khinzir secara semula jadi disebabkan sistem loji biogas sedang dibina mungkin memberi impak kepada alam sekitar.

12.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

12.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2011, Lembaga dan JPS telah menerima peruntukan berjumlah RM158.25 juta iaitu RM92.57 juta daripada Kerajaan Negeri dan sejumlah RM65.68 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Setakat Disember 2011, perbelanjaan keseluruhan projek PFA adalah RM136.25 juta atau 86.1% daripada peruntukan yang diterima. Butiran lanjut mengenai prestasi kewangan projek PFA adalah seperti **Jadual 12.1**.

Jadual 12.1
Prestasi Kewangan Projek PFA Setakat Bulan Disember 2011

Kerajaan/Agensi		Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Kerajaan Negeri	Lembaga	92.57	71.65	77.4
	JPS	0	0	0
Jumlah		92.57	71.65	77.4
Kerajaan Persekutuan	Lembaga	0.55	0.55	100.0
	JPS	65.13	64.05	98.3
Jumlah		65.68	64.60	98.3
Jumlah Keseluruhan		158.25	136.25	86.1

Sumber: Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Dan Jabatan Pertanian Sarawak

12.4.1.2. Semakan Audit mendapati bahawa Lembaga dan JPS telah melantik Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. bagi menjalankan kajian kemungkinan “*The Proposed Livestock Farming Area (LFA) at Pasir Puteh, Samarahan Division, Sarawak*” pada tahun 2003 dan mengesyorkan projek tersebut dilaksanakan. Selain itu, kajian terhadap Kajian Impak Alam Sekitar dan Kajian Sumber Air telah dijalankan pada tahun 2004 oleh perunding yang sama.

12.4.1.3. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2011, sebanyak 10 pakej telah siap dilaksanakan dengan sepenuhnya iaitu 4 pakej dilaksanakan oleh Lembaga dan 6 pakej oleh JPS manakala pakej untuk projek loji biogas di bawah Lembaga sebagai Agensi pelaksana sedang dijalankan. Prestasi fizikal dan kewangan projek mengikut Agensi pelaksana dan pakej sehingga bulan Disember 2011 adalah seperti **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2**Prestasi Projek PFA Mengikut Agensi Pelaksana Dan Pakej Sehingga Akhir Disember 2011**

Pakej	Skop Kerja Di Bawah Kontrak	Agensi Pelaksana	Kos (RM Juta)	Arahan Perubahan Kerja (RM Juta)	Bayaran Sebenar (RM Juta)	Kemajuan Projek (%)
A	2.7 km tar-sealed access road and associated works	Lembaga	5.90	0.23	6.13	100
B	Infrastructure works for waste treatment area (68 ac) and workers' accommodation area (50 ac)	JPS	7.37	0.65	8.02	100
B1	Minor farm roads, piggery waste collection tanks and associated works	JPS	6.70	0.39	7.09	100
B2	Piggery waste collection system (pumping mains and pumpsets) Waste treatment ponds	JPS	4.47	0.25	4.72	100
B3	Abattoir and associated works	JPS	19.27	0.76	20.03	100
B4	Chilling, freezing and cold room facilities Carcass and meat cutting facilities	JPS	9.89	0.95	10.84	100
B5	Water reservoir, perimeter fencing, remaining spine road etc.	JPS	9.99	0.89	10.88	100
C1	2.8 km gravel spine road buildings: admin. center, Bio-security center, disinfection shed, guard house, Vet center and laboratory, substation	Lembaga	13.84	0.89	14.73	100
C2	Water treatment plant, raw water intake pumping mains, distribution mains, elevated water storage tank	Lembaga	12.50	0.09	12.59	100
C3	11 kv substation at waste treatment area	Lembaga	0.40	0.06	0.46	100
C4	Biogas plant and wastewater treatment plant	Lembaga	93.36	Tiada	17.47	12.2 (mengikut jadual)
Jumlah			183.69	5.16	112.96	

Sumber: Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Dan Jabatan Pertanian Sarawak

12.4.1.4. Semakan Audit mendapati daripada 10 kontrak kerja yang telah disiapkan itu, 9 kontrak kerja telah lewat disiapkan dari tarikh asal antara 36 hingga 334 hari dan satu kontrak kerja telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Semua kontrak kerja yang lewat disiapkan itu telah diluluskan sejumlah 26 lanjutan masa (EOT) berjumlah 1,514 hari dan dengan itu tiada penalti dikenakan. Lanjutan masa diberi kerana masalah cuaca, tuntutan pampasan tanah oleh penduduk kampung dan Arahan Perubahan Kerja (APK).

12.4.1.5. Kos keseluruhan bagi 10 kontrak kerja tersebut pada asalnya adalah berjumlah RM90.33 juta tetapi telah bertambah menjadi RM95.49 juta apabila projek siap. Peningkatan sejumlah RM5.16 juta adalah disebabkan pelarasan harga kontrak, kerja tambahan dan perubahan harga simen, besi dan petrol. Status pelaksanaan projek bagi tempoh tahun 2005 hingga 2011 adalah seperti **Jadual 12.3**.

Jadual 12.3

Status Pelaksanaan Projek Sehingga Disember 2011

Pakej	Skop Kerja Di Bawah Kontrak	Tempoh Kontrak (Bulan)	Tarikh Mula	Tarikh Patut Siap	Tarikh Siap Sebenar	Bilangan EOT	EOT Diluluskan (Hari)
A	2.7 km tar-sealed access road and associated works	12	21.11.05	20.11.06	08.03.07	4	109
B	Infrastructure works for waste treatment area (68 ac) and workers' accommodation area (50 ac)	12	26.10.06	25.10.07	15.06.08	5	235
B1	Minor farm roads, piggery waste collection tanks and associated works	15	06.09.07	05.12.08	29.09.09	2	334
B2	Piggery waste collection system (pumping mains and pumpsets) Waste treatment ponds	15	26.11.07	25.02.09	29.08.09	2	196
B3	Abattoir and associated works	18	21.11.08	20.05.10	25.06.10	1	36
B4	Chilling, freezing and cold room facilities Carcass and meat cutting facilities	8	12.05.10	11.01.11	23.04.11	2	102
B5	Water reservoir, perimeter fencing, remaining spine road etc.	9	12.07.10	11.04.11	10.06.11	1	62
C1	2.8 km gravel spine road Buildings, admin. center, bio-security center, disinfection shed, guard house, vet center and laboratory, substation	18	01.03.07	31.08.08	31.03.09	7	212
C2	Water treatment plant, raw water intake pumping mains, distribution mains, elevated water storage tank	18	15.07.08	14.01.10	30.08.10	2	228
C3	11 kv substation at waste treatment area	8	03.03.08	02.11.08	02.11.08	0	0
C4	Biogas plant and wastewater treatment plant	30	03.01.11	02.07.13	Sedang Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan
Jumlah						26	1,514

Sumber: Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Dan Jabatan Pertanian Sarawak

12.4.1.6. PFA terdiri daripada ladang *anchor* yang diuruskan oleh Green Nature Richness Sdn. Bhd. dan ladang penternakan individu. Setakat bulan Disember 2011, hanya Green Nature Richness Sdn. Bhd. telah beroperasi di tapak PFA sebagai agen untuk mengubah dan memodenkan teknologi dalam industri ternakan khinzir. Pada akhir tahun 2007, didapati 72 penternak yang beroperasi di kawasan Kuching dan Samarahan telah bersetuju untuk berpindah masuk ke PFA dan disasarkan 4 atau 5.5% penternak akan berpindah ke tapak PFA pada akhir tahun 2011. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2011, tiada penternak individu yang berpindah ke tapak PFA. **Menurut maklum balas daripada JPS bertarikh 31 Mei 2012, jadual penempatan penternak khinzir tempatan adalah bergantung kepada jadual pembangunan dan penyiapan infrastruktur PFA.**

12.4.1.7. Menurut maklum balas daripada Lembaga bertarikh 10 Februari 2012, kelewatan untuk memindah dan menempatkan semula penternak khinzir ke PFA adalah disebabkan oleh kelewatan pelaksanaan infrastruktur dan kemudahan tapak PFA berikut daripada sekat tanah yang mempengaruhi proses pelaksanaan

ladang ternakan dan program penternakan ladang anchor. Selain itu, pengagihan lot ladang ternakan kepada penternak tidak dapat dilaksanakan kerana pelan pembahagian lot PFA belum diluluskan oleh Jabatan Tanah Dan Survei.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan keseluruhan PFA telah mengambil masa yang agak lama. Kegagalan mencapai sasaran penempatan semula penternak ke kawasan PFA dalam tempoh ditetapkan mengakibatkan objektif utama projek ini belum tercapai.

12.4.2. Peningkatan Kos Kontrak Disebabkan Kelewatan Dalam Pengurusan Perolehan

12.4.2.1. Peningkatan Kos Bagi Pakej A

- a. Semakan Audit mendapati kos Pakej A, iaitu pembinaan 2.7 km jalan masuk ke tapak projek yang diuruskan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah meningkat sejumlah RM2.03 juta disebabkan projek ditender semula. Adalah didapati mesyuarat Jawatankuasa Tender, Kewangan Dan Pelaburan yang diadakan pada 22 Mac 2005 memutuskan untuk menawarkan kontrak kepada penender yang menawarkan harga terendah dengan nilai tender RM3.87 juta. Bagaimanapun, Lembaga telah menangguhkan pengeluaran Surat Setuju Terima dan melanjutkan tempoh sah tender sebanyak 3 kali iaitu masing-masing pada 29 April 2005, 30 Jun 2005 dan 31 Oktober 2005. Selain itu, Lembaga juga meminta harga tender asal dikekalkan tetapi tidak dipersetujui oleh penender terendah dan projek ini terpaksa ditender semula. Adalah didapati harga terendah selepas ditender semula adalah daripada penender yang sama namun harga telah meningkat RM2.03 juta daripada RM3.87 juta harga tender asal kepada RM5.90 juta.

- b. **Pihak Lembaga memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 16 Januari 2012 bahawa lanjutan masa tempoh sah laku tender adalah disebabkan kelulusan bagi mendapatkan tanah tambahan bagi projek tersebut mengambil masa selama 6 bulan, iaitu selepas tarikh lanjutan masa kedua pada 30 Jun 2005. Kontraktor yang berjaya telah menolak tawaran kontrak disebabkan kos kontrak telah meningkat yang dipengaruhi oleh peningkatan harga bahan api sedunia yang menyebabkan kenaikan harga bahan pembinaan asas seperti bitumen, simen dan besi yang menyebabkan kontraktor tidak bersedia menerima tawaran tersebut kecuali dengan syarat peruntukan mengenai Perubahan Harga selaras dengan Syarat Khas Kontrak dimasukkan dalam kontrak.**

- c. Juru Perunding Ukur Bahan menasihati Lembaga supaya tidak menerima permintaan kontraktor mengenai perkara tersebut memandangkan tender bagi projek jalan masuk ke tapak PFA adalah tender berdasarkan harga pukal tanpa pilihan Peruntukan Khas (*fixed price lump sum tender without the option of Special*

(Provision) bagi perubahan harga bahan pembinaan asas. Tambahan pula, juru perunding telah mengesahkan bahawa dokumen tender yang diguna pakai adalah berdasarkan format tender Kerajaan yang diterima umum. Anggaran Juru Perunding Ukur Bahan hanya menunjukkan peningkatan kos kerja keseluruhan sebanyak 5.6% iaitu daripada RM5.34 juta kepada RM5.64 juta selepas setahun untuk tender pertama berbanding dengan tender kedua. Sehubungan itu, Lembaga telah melanjutkan tempoh sah laku yang ketiga sehingga 31 Oktober 2005 dengan harapan bahawa penender dengan harga kedua terendah akan bersetuju untuk menerima kontrak tersebut dan proses tender semula dapat dielakkan. Bagaimanapun, Jawatankuasa Kewangan Dan Pelaburan yang bermesyuarat pada 2 September 2005 telah memutuskan bahawa projek ini ditender semula.

- d. **Pihak Lembaga dan Pengarah Projek mengakui melalui maklum balas bertarikh 17 Julai 2012 bahawa salah satu sebab projek ditender semula adalah kerana kos tender yang ditawarkan oleh penender pada tender pertama adalah agak rendah berbanding dengan anggaran juru perunding. Ini disahkan oleh pihak JKR melalui maklum balas bertarikh 18 Mei 2012 di mana kos yang ditawarkan oleh penender sejumlah RM1.41 juta sekilometer adalah agak rendah berbanding dengan kos RM1.70 juta hingga RM1.90 juta sekilometer projek jalan raya yang diselia oleh JKR pada tahun 2005. Untuk proses tender kedua, pihak JKR berpendapat kos yang ditawarkan oleh penender agak tinggi di mana kos sekilometer adalah RM2.18 juta manakala julat kos sekilometer jalan raya bagi JKR adalah RM1.70 juta hingga RM1.90 juta sekilometer. Pihak JKR mengesahkan kenaikan harga bahan api pada tahun 2005 tidak ada kesan yang ketara dalam peningkatan kos keseluruhan projek.**

Pada pendapat Audit, Lembaga hendaklah merancang lebih rapi supaya tidak berlaku perubahan keperluan tambahan selepas tender dibuka dan memastikan tender ditawarkan kepada penender yang berjaya dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan Lembaga mendapat kelulusan MPN untuk tanah tambahan telah menyebabkan kontrak terpaksa ditender semula dan kos kontrak meningkat.

12.4.3. Impak Terhadap Alam Sekitar - Rawatan Sisa Buangan Kurang Memuaskan

12.4.3.1. Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. sebagai juru perunding untuk kajian kemungkinan telah mencadang menggunakan konsep sistem *closed-house* dan sistem rawatan sisa buangan bagi mengurangkan kesan pencemaran terhadap alam sekitar. Sisa buangan ternakan dari setiap ladang penternakan akan dikumpul melalui tangki pengumpulan sisa najis dan dipam ke loji rawatan sistem biogas untuk menjalani rawatan sisa buangan cecair dan sisa buangan pepejal. Sisa buangan cecair yang telah dirawat di loji rawatan sistem biogas dialir dan dikumpul dalam kolam sisa buangan dan seterusnya ke lagun untuk dikitar semula bagi kegunaan membasuh ladang penternakan. Loji rawatan biogas berfungsi untuk mengurangkan pencemaran melalui proses penguraian

anaerobik yang akan menghasilkan biogas (*methane*) dan digunakan untuk menghasilkan haba dan elektrik bagi kegunaan PFA. Pengurangan dalam pelepasan biogas akan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau. Kajian kemungkinan oleh Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. mencadangkan sistem rawatan sisa buangan perlu dipasangkan sebelum perpindahan ladang penternak *anchor* dilaksanakan.

12.4.3.2. Walau bagaimanapun, loji rawatan sistem biogas tidak dibangun seperti cadangan oleh juru perunding kajian kemungkinan. Adalah didapati rawatan sisa buangan ternakan dari ladang *anchor* yang berpindah masuk ke PFA sejak tahun 2007 tidak diberi rawatan yang sepatutnya. Sisa buangan tersebut dipam dan disimpan dalam kolam sisa buangan untuk proses anaerobik secara semula jadi seperti **Gambar 12.1**. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Pasukan Pengurusan Projek bertarikh 17 Februari 2009 mendapati juru perunding telah menjelaskan bahawa sistem rawatan sedia ada memerlukan pemasangan penjernih mekanikal (*mechanical clarifier*) dan alat pengudaraan bagi memastikan buangan (*effluent*) dapat mematuhi *Standard B Environmental Quality Act, 1974 – Effluent Discharge*. **Lembaga dan JPS memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 10 Februari 2012, bahawa sistem rawatan sisa buangan menggunakan kolam yang dilaksanakan merupakan langkah alternatif sementara bagi menampung sisa buangan yang dihasilkan dari ladang *anchor* sementara dana untuk membina sistem rawatan biogas dikeluarkan.**



**Gambar 12.1
Kolam Rawatan Sisa Buangan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kolam Sisa Buangan PFA
Tarikh: 24 Oktober 2011

12.4.3.3. Lawatan Audit ke tapak PFA mendapati rawatan sisa buangan melalui sistem biogas belum dapat digunakan kerana kerja pembinaan loji biogas masih dijalankan di mana kemajuan fizikal mencapai 17.2% setakat bulan Februari 2012 dengan status mendahului jadual sebanyak 1.5% dan dijangka akan siap pada bulan Jun 2013 seperti **Gambar 12.2** dan **Gambar 12.3**.

Gambar 12.2
Tapak Loji Biogas
Dalam Proses Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Biogas PFA
Tarikh: 24 Oktober 2011

Gambar 12.3
Tapak Loji Biogas
Dalam Proses Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Biogas PFA
Tarikh: 24 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, loji rawatan biogas sepatutnya dibina sebelum PFA memulakan operasi. Kegagalan membina sistem loji rawatan biogas walaupun PFA telah beroperasi sejak tahun 2007 mungkin menyebabkan kawasan persekitaran, air permukaan tanah dan Sungai Stabu terdedah kepada pencemaran sisa buangan khinzir.

12.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan pelaksanaan projek atau mengelak kelemahan yang sama berulang untuk projek yang akan datang, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Jabatan Pertanian Sarawak adalah disyorkan untuk mengambil langkah seperti berikut:

12.5.1. Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memastikan pembangunan dan pelaksanaan Kawasan Penternakan Khinzir mengikut perancangan dan sasaran yang ditetapkan dengan penempatan semula penternak individu ke Kawasan Penternakan Khinzir.

12.5.2. Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah memberi keutamaan kepada komponen penting dalam pembangunan Kawasan Penternakan Khinzir seperti sistem biogas agar pencemaran kawasan persekitaran dan sungai oleh sisa buangan khinzir dielakkan.

12.5.3. Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah menggiatkan usaha promosi dan kesedaran bagi menggalakkan penternak individu berpindah ke Kawasan Penternakan Khinzir dipertingkatkan agar dasar mengenai Kawasan Penternakan Khinzir tercapai.

MAJLIS PERBANDARAN SIBU

13. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN DAN PERPARITAN

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. *Local Authorities Ordinance*, 1996 memberi kuasa serta tanggungjawab kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mentadbir, membangun dan menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan kawasan di bawah pentadbiran masing-masing sentiasa di dalam keadaan selamat, bersih, selesa dan menarik untuk didiami. Majlis Perbandaran Sibu (Majlis) bertanggungjawab mentadbir kawasan seluas 129.5 km persegi dan memberi perkhidmatan kepada penduduk yang dianggarkan seramai 126,000 orang. Majlis juga berperanan menyediakan kemudahan infrastruktur seperti mengurus pembinaan, menaik taraf serta menyenggara jalan dan perparitan. Ini juga melibatkan pembinaan dan penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput di tepi jalan dan kerja melebar serta membersihkan parit. Butiran jalan dan parit yang disenggara oleh Majlis adalah seperti **Jadual 13.1**.

Jadual 13.1

Jalan Dan Parit Yang Disenggara Majlis Pada Akhir Disember 2011

Jenis Jalan/Parit	Bil. Jalan/Parit	Panjang Jalan/Parit (KM)
Jalan bitumen melebihi 14 kaki lebar	1,601	456.80
Jalan bitumen 8 – 14 kaki lebar	34	14.30
Jalan batu kerikil melebihi 14 kaki lebar	95	37.25
Jalan batu kerikil 8 – 14 kaki lebar	16	22.71
Jalan batu kerikil kurang 8 kaki lebar	7	19.94
Parit - Konkrit - Tanah	-	180.34 499.09

Sumber: Laporan MARRIS 2011

13.1.2. Pengauditan penyenggaraan jalan pernah dijalankan di Majlis Daerah Luar Bandar Sibu pada tahun 2004. Dalam laporan tersebut, Audit telah membangkitkan isu mengenai perancangan kerja penyenggaraan perlu ditingkatkan, daftar penyenggaraan tidak diselenggara, pemilihan kontraktor tidak dibuat dengan memuaskan dan prestasi kerja pencegahan perlu ditingkatkan.

13.1.3. Peruntukan untuk kos pengurusan penyenggaraan jalan dan perparitan disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti (Kementerian). Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, Majlis telah menerima peruntukan sejumlah RM62.17 juta dan sejumlah RM49.03 juta telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 13.2**.

Jadual 13.2**Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan
Jalan Dan Perparitan Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Peruntukan			Perbelanjaan		
	Persekutuan (RM Juta)	Negeri (RM Juta)	Jumlah Peruntukan (RM Juta)	Persekutuan (RM Juta)	Negeri (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)
2009	5.46	21.05	26.51	5.24	11.70	16.94
2010	4.97	14.57	19.54	4.96	14.56	19.52
2011	1.33	14.79	16.12	1.33	11.24	12.57
Jumlah	11.76	50.41	62.17	11.53	37.5	49.03

Sumber: Anggaran Dan Penyata Kewangan Majlis

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan dan perparitan dirancang serta dilaksanakan dengan cekap dan berhemah untuk memberi kemudahan infrastruktur yang teratur dan selamat serta mewujudkan persekitaran yang bersih dan selesa.

13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap penyenggaraan jalan serta perparitan bagi tempoh 2009 hingga 2011 tetapi tidak termasuk pengurusan lampu jalan, lampu isyarat, inventori jalan dan pembinaan terminal bas. Pengauditan dijalankan dengan menyemak manual prosedur serta peraturan kerja, rekod perakaunan, data serta maklumat perihal jalan dan perparitan, program serta jadual kerja, dokumen kontrak, laporan, minit mesyuarat serta dokumen lain yang berkaitan. Lawatan serta tinjauan ke tapak dibuat untuk menilai mutu serta prestasi kerja yang telah dijalankan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada pegawai/kakitangan Majlis terlibat dan temu bual dengan penduduk/orang awam untuk mendapat maklum balas, pandangan serta cadangan penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang disediakan.

13.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September 2011 mendapati penyenggaraan jalan dan perparitan oleh Majlis adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya, kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Prestasi perancangan kerja penyenggaraan kurang memuaskan.
- Kualiti kerja penyenggaraan kurang memuaskan.
- Pengurusan perolehan kerja serta bekalan bahan tidak memuaskan.

13.4.1. Prestasi Perancangan Kerja Penyenggaraan

13.4.1.1. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyedia pelan kerja berkala, rancangan kerja tahunan dan jadual untuk kerja rutin/harian bagi kerja penyenggaraan jalan atau perparitan. Pelan atau rancangan penyenggaraan hendaklah meliputi penetapan dasar, strategi, kriteria dan skop. Rancangan kerja tahunan melibatkan pemilihan lokasi serta kekerapan kerja penyenggaraan mengikut keutamaan setelah mengambil kira peruntukan dan kos. Bagaimanapun, kerja penyenggaraan jalan dan perparitan dijalankan berdasarkan peruntukan yang diluluskan manakala pemilihan projek adalah berdasarkan perbincangan dengan wakil rakyat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta Parlimen dan ahli Majlis. Kerja penyenggaraan juga dijalankan berdasarkan pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Majlis dan apabila menerima aduan daripada orang awam. Bagaimanapun, dokumen mengenai arahan atau permintaan khas daripada pihak berkenaan tidak dikemukakan untuk pengesahan Audit. Selain itu, didapati laporan pemeriksaan terhadap kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh Majlis tidak direkodkan kecuali laporan tindakan yang diambil terhadap aduan awam. **Majlis memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 27 Februari 2012 bahawa sistem pelaporan pemeriksaan serta kerja penyenggaraan jalan dan parit yang telah dijalankan telah dimantapkan mulai tahun 2012 melalui Assets Management System. Majlis juga memaklumkan selepas teguran Audit, pelan pengurusan jangka panjang serta rancangan kerja tahunan telah disediakan dan dilaksana pada tahun 2012.**

13.4.1.2. Terdapat sebanyak 1,753 jalan sepanjang 551.0 kilometer di bawah tanggungjawab Majlis. Daripada jumlah tersebut 224 jalan sepanjang 98.8 kilometer diklasifikasikan oleh Majlis sebagai jalan kritikal di mana jalan tersebut memerlukan kerja pembaikan segera kerana permukaan jalan rosak iaitu berlubang serta tidak rata. Pada tahun 2009, Majlis menganggarkan sejumlah RM30 juta untuk kerja baik pulih terhadap jalan berkenaan. Bagi tempoh 2009 hingga 2011 sebanyak 161 daripada 224 jalan kritikal tidak disenggarakan seperti **Jadual 13.3**.

**Jadual 13.3
Kerja Penyenggaraan Jalan Mengikut Kawasan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011**

Bil.	Kawasan	Bil. Jalan	Panjang (KM)	Kos (RM Juta)	Bil. Jalan Yang Disenggarakan				Bil. Jalan Kritikal Yang Tidak Disenggara
					Jalan Masih Baik	Jalan Sudah Disenggara	Jalan Kritikal	Bil. Jalan	
1.	Zon A	743	213.6	6.93	26	19	27	72	85
2.	Zon B	544	164.1	6.20	21	17	18	56	26
3.	Zon C	245	99.7	1.84	10	6	6	22	31
4.	Zon D	565	60.7	2.63	9	6	12	27	18
5.	Zon E	56	12.9	0.24	3	2	-	5	1
Jumlah		1,753	551.0	17.84	69	50	63	182	161

Sumber: Rekod Status Jalan Majlis

13.4.1.3. Semakan Audit seterusnya mendapati Majlis menjalankan kerja penyenggaraan jalan dan parit sendiri dan juga secara kontrak. Bagi tempoh 2009 hingga 2011 Majlis

telah menjalankan 211 kerja penyenggaraan untuk 182 jalan dengan kos RM17.84 juta dan 6 parit dengan kos RM1.18 juta. Semakan Audit juga mendapati sejumlah RM4.14 juta telah dibelanjakan untuk menjalankan 81 kerja penyenggaraan bagi 69 jalan yang dikategorikan sebagai masih dalam keadaan baik walaupun terdapat 161 daripada 224 jalan yang dikategorikan sebagai kritikal belum disenggarakan dalam tempoh 3 tahun tersebut. Butiran lanjut terhadap kerja penyenggaraan yang telah dijalankan bagi tempoh 2009 hingga 2011 adalah seperti **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4

Kerja Penyenggaraan Jalan Dan Parit Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Jalan Yang Disenggara		Kerja Penyenggaraan Yang Dijalankan						Jumlah	
Kategori Jalan	Bil. Jalan	2009		2010		2011			
		Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)	Bil. Kerja	Kos (RM Juta)
Masih Baik	1464	4	0.35	31	1.67	46	2.12	81	4.14
Sudah Disenggara	65	46	6.85	5	0.33	10	1.31	61	8.49
Keadaan Kritikal	224	1	0.09	39	3.98	29	1.14	69	5.21
Jumlah	1753	51	7.29	75	5.98	85	4.57	211	17.84
Parit									
Kategori		2009		2010		2011		Jumlah	
		Bil.	Kos (RM Juta)	Bil.	Kos (RM Juta)	Bil.	Kos (RM Juta)	Bil.	Kos (RM Juta)
Tanah		1	0.20					1	0.20
Konkrit				2	0.40	1	0.18	3	0.58
<i>Retaining Wall</i>	1	0.20				1	0.20	2	0.40
Jumlah		2	0.40	2	0.40	2	0.38	6	1.18

Sumber: Rekod Status Jalan dan Rancangan Penyenggaraan Jalan/Parit Majlis

13.4.1.4. Bagi tempoh 2009 sehingga 2011, Majlis didapati telah menjalankan kerja penyenggaraan pada setiap tahun atau lebih dari sekali dalam setahun bagi beberapa jalan. Majlis sepatutnya merancang untuk menaik taraf jalan berkenaan daripada membuat kerja penyenggaraan berulang kali. Selain itu, Majlis tidak menyediakan rancangan kerja penyenggaraan secara menyeluruh dan laporan maklumat kerja penyenggaraan yang telah dijalankan tidak dikemas kini. Analisis Audit mendapati kos kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan untuk setiap kilometer jalan agak tinggi berbanding kos pembinaan jalan baru. **Menurut Majlis semasa taklimat Pengurusan Jalan, Dan Perparitan di Majlis Perbandaran Sibu pada 18 Ogos 2011, kos untuk membina satu kilometer jalan bagi kawasan Sibu dianggarkan antara RM1.52 juta hingga RM3.50 juta iaitu tertakluk kepada keadaan tapak dan jenis jalan yang hendak dibina. Majlis memaklumkan telah memohon sejumlah RM16.2 juta di bawah RMKe-11 untuk tujuan menaik taraf jalan di kawasan perumahan dan sejumlah RM11 juta untuk menaik taraf jalan utama.** Contoh jalan yang disenggara berulang kali adalah seperti **Jadual 13.5**.

Jadual 13.5
Jalan Yang Disenggara Berulang Kali Dan
Kos Per Kilometer Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Bil.	Nama Jalan	Panjang (KM)	Tahun			Jumlah Kos (RM)	Kos/ Kilometer (RM Juta)
			2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)		
1.	Jalan Bukit Lima Timur	0.127	189,800	-	20,000	209,800	1.65
2.	Jalan Poh Yew	0.589	-	43,032	179,130 55,556	277,718	0.47
3.	Jalan Selangan	0.322	-	30,303	75,328 89,585	195,217	0.61
4.	Jalan Wong King Huo	2.388	664,001	-	743,000	1,407,001	0.59
5.	Lorong Makmur 1A	0.096	-	27,831	16,523	44,354	0.46
6.	Lorong Wong King Huo 13	0.435	-	12,028 11,287	19,910	43,225	0.10
7.	Lorong Bahagia 9A	0.864	-	99,800	20,000	119,800	0.14
8.	Lorong Ding Lik Kong 2	0.238	191,100	11,663	-	202,763	0.85
9.	Jalan Chong Sang	1.89	199,400	-	29,440	228,840	0.12
10.	Lorong Tong Sang 2	0.243	-	126,515	69,803	196,318	0.81

Sumber: Rekod Status Jalan Dan Rancangan Penyenggaraan Jalan/Parit Majlis

13.4.1.5. Semakan Audit juga mendapati daripada sejumlah RM62.17 juta yang diterima oleh Majlis untuk tujuan penyenggaraan jalan dan perparitan bagi tempoh 2009 hingga 2011, didapati sejumlah RM291,643 daripada peruntukan penyenggaraan jalan dan perparitan iaitu RM35,581 pada tahun 2009 dan sejumlah RM256,062 pada tahun 2010 telah digunakan untuk tujuan pengurusan pelupusan sampah.

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi kerja penyenggaraan tidak dapat ditentukan. Majlis juga perlu menetapkan sasaran kerja penyenggaraan mengikut keutamaan dan mengemas kini rekod kerja penyenggaraan. Selain itu, peruntukan hendaklah diguna untuk maksud ianya diluluskan dan dimanfaatkan sepenuhnya.

13.4.2. Kualiti Kerja Penyenggaraan

13.4.2.1. Kerja penyenggaraan yang dikontrakkan melibatkan kerja menaik taraf, membaik pulih dan menyenggara jalan serta parit, penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput di tepi jalan dan kerja melebar serta membersihkan perparitan. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, Majlis telah mengeluarkan 117 kontrak bernilai RM21.37 juta untuk tujuan ini iaitu melibatkan 73 projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM11.34 juta dan 53 projek berjumlah RM10.03 juta di bawah peruntukan Kerajaan Negeri.

13.4.2.2. Semakan Audit mendapati semua projek yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan laporan ujian coring juga ada disertakan sebagai bukti kerja menaik taraf jalan yang telah dibuat menepati spesifikasi yang ditetapkan. Semakan Audit seterusnya mendapati hanya 3 projek di bawah peruntukan Kerajaan Negeri lewat disiapkan sehingga 26 hari dan sejumlah RM88,013 telah dipotong daripada harga kontrak kerana kontraktor tidak mematuhi skop atau spesifikasi kontrak.

13.4.2.3. Lawatan Audit pada akhir September 2011 telah dibuat ke 24 tapak untuk tujuan pemeriksaan fizikal terhadap kerja penyenggaraan jalan dan perparitan yang telah dijalankan. Temu bual dengan penduduk kawasan berkenaan dijalankan untuk mendapat maklum balas terhadap perkhidmatan penyenggaraan jalan serta perparitan di kawasan mereka. Hasil lawatan tersebut mendapati kerja menaik taraf, pembaikan dan penyenggaraan jalan serta perparitan yang telah dijalankan boleh ditingkatkan. Bagaimanapun, didapati beberapa kerja yang tidak menepati tahap kualiti dan kerja penyenggaraan hanya dijalankan secara berperingkat atau dijalankan di sebahagian daripada jalan berkenaan seperti berikut:

a. Jalan Lada

Kerja penurapan jalan yang melibatkan 637.23 tan metrik premix dengan kos RM133,818 ini telah dijalankan oleh kontraktor yang dilantik pada bulan April 2009. Lawatan Audit ke tapak mendapati kerja yang dijalankan adalah memuaskan. Bagaimanapun, didapati sebahagian lain jalan ini tidak diturap walaupun permukaan jalan tidak rata. Selepas teguran Audit, tindakan telah diambil oleh Majlis untuk menurap bahagian jalan tersebut dengan kos RM3,500. Keadaan jalan sebelum dan selepas kerja pembaikan adalah seperti **Gambar 13.1** dan **Gambar 13.2**.



b. Jalan Teku

Syarikat yang dilantik telah membekal 334.33 tan metrik premix dengan kos RM70,209 pada bulan November 2010 manakala 801.96 tan metrik premix dengan kos RM168,412 telah dibekalkan pada bulan Disember 2010 untuk kerja penurapan jalan ini. Walaupun secara keseluruhannya kerja yang dijalankan adalah memuaskan, didapati bahagian lain pada permukaan jalan ini tidak disenggara dan permukaan jalan tidak rata. Selepas teguran Audit, Majlis telah membuat kerja menaik taraf sepanjang 510 meter jalan tersebut dengan kos RM286,000. Keadaan

jalan yang tidak rata dan selepas kerja menaik taraf adalah seperti **Gambar 13.3** dan **Gambar 13.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Teku
Tarikh: 29 September 2011



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Jalan Teku
Tarikh: 14 November 2011

c. Jalan Pahlawan-Pedada

Kerja menaik taraf jalan ini telah siap dijalankan pada bulan Jun 2010 dengan kos RM116,840. Kerja pemasangan paip dan saluran air selanjutnya telah dijalankan pada bulan Julai 2010 oleh Kontraktor Bumiputra Maju Jaya yang dilantik oleh Majlis. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati kerja penyiapan tidak dibuat dengan sempurna menyebabkan berlaku rekahan dan mendapan pada bahagian permukaan jalan tersebut. **Majlis memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 14 Jun 2012 bahawa rekahan dan mendapan boleh berlaku disebabkan penyusutan termal akibat perubahan cuaca. Selepas teguran Audit, Majlis telah menjalankan kerja pembaikan.** Keadaan jalan yang merekah serta mendap dan selepas kerja pembaikan adalah seperti Gambar 13.5 dan Gambar 13.6.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pahlawan-Pedada
Tarikh: 24 September 2011



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Jalan Pahlawan-Pedada
Tarikh: 22 Disember 2011

d. Lorong Pahlawan 7A

Kerja pembinaan laluan konkrit berukuran 8'x30'x12' dengan kos RM18,000 telah siap dijalankan oleh kontraktor pada akhir tahun 2010. Bagaimanapun, didapati kerja penyiapan tidak dibuat dengan sempurna menyebabkan permukaan jalan tidak rata seperti **Gambar 13.7**.



Gambar 13.7
Kerja Penyiapan Laluan Konkrit
Yang Kurang Sempurna

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Pahlawan 7A
Tarikh: 24 September 2011

e. Lorong Merlin 2 Dan Lorong Chong Sang

Kerja menggantikan laluan dari jalan menuju ke kediaman dijalankan oleh kontraktor yang dilantik di kawasan perumahan Lorong Merlin 2 dengan kos RM97,102 dan di Lorong Chong Sang dengan kos RM73,444. Bagaimanapun, didapati kerja penyiapan laluan tidak dibuat dengan sempurna dan tiada tindakan diambil untuk membaiki laluan yang telah rosak. Keadaan ini boleh menimbul ketidakselesaan kepada penghuni yang menggunakan laluan ini. **Majlis memaklumkan melalui maklum balas bertarikh 14 Jun 2012 bahawa keadaan ini berlaku kerana kawasan tersebut kerap kali mengalami banjir dan keruntuhan berlaku disebabkan hakisan.** Kerja yang tidak sempurna dan selepas kerja pumbaikan adalah seperti Gambar 13.8 hingga Gambar 13.11.

Gambar 13.8
Kerja Penyiapan
Tidak Dibuat Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Merlin 2
Tarikh: 24 September 2011

Gambar 13.9
Kerja Penyiapan
Telah Dibuat Semula



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Lorong Merlin 2
Tarikh: 12 Jun 2012

Gambar 13.10
Laluan Masuk Yang Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Chong Sang
Tarikh: 25 September 2011

Gambar 13.11
Laluan Masuk Yang Telah Dibaiki



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Lorong Chong Sang
Tarikh: 12 Jun 2012

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kerja penyenggaraan yang dilaksanakan hendaklah ditingkatkan untuk memastikan kualiti kerja tidak terjejas.

13.4.3. Kerja Penyenggaraan Tidak Dijalankan

13.4.3.1. Lawatan Audit mendapati kerja penyenggaraan jalan dan perparitan di beberapa kawasan tidak dijalankan. Kerosakan pada permukaan jalan tidak dibaiki, sampah dibiarkan di tepi jalan, dinding parit yang rosak tidak dibaiki dan sampah serta tumbuhan dalam parit tidak dibersihkan. Bagaimanapun, Majlis telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran Audit manakala sebahagian lain akan diambil tindakan tertakluk kepada peruntukan diluluskan pada tahun 2012. Keadaan kerja penyenggaraan yang tidak dijalankan dan tindakan yang telah diambil oleh Majlis adalah seperti **Gambar 13.12 hingga Gambar 13.17**.

Gambar 13.12
Permukaan Jalan Perlu Diratakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lada
Tarikh: 25 September 2011

Gambar 13.13
Permukaan Jalan Telah Diratakan



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Jalan Lada
Tarikh: 13 Jun 2012

Gambar 13.14
Permukaan Jalan Perlu Diturap Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Alan 5B
Tarikh: 25 September 2011

Gambar 13.15
Parit Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Pahlawan 7G
Tarikh: 24 September 2011

Gambar 13.16
Kerja Pembaikan Parit Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Pahlawan 7G
Tarikh: 24 September 2011

Gambar 13.17
Kerja Pembaikan Parit Telah Dilaksanakan



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Lorong Pahlawan 7G
Tarikh: 12 Jun 2012

13.4.3.2. Lawatan Audit mendapati kebanyakan perparitan dipenuhi dengan buangan sampah dan tumbuhan. Temu bual dengan penduduk Lorong Chong Sang pada September 2011 mendapati kerja penyenggaraan parit bagi tahun 2011 belum dijalankan. Selain itu, parit di bahagian belakang kediaman berbau busuk disebabkan air tidak mengalir dan berlaku banjir kilat apabila hujan lebat. Selepas mendapat teguran Audit, Majlis telah menjalankan kerja pembersihan seperti **Gambar 13.18** hingga **Gambar 13.25**.

Gambar 13.18
Parit Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Mahsuri
Tarikh: 25 September 2011

Gambar 13.19
Parit Telah Dibersihkan



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Lorong Mahsuri
Tarikh: 27 Disember 2011

Gambar 13.20
Parit Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Chong Sang
Tarikh: 25 September 2011

Gambar 13.21
Parit Telah Dibersihkan



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Lorong Chong Sang
Tarikh: 27 Disember 2011

Gambar 13.22
Parit Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Pahlawan 7G
Tarikh: 24 September 2011

Gambar 13.23
Parit Telah Dibersihkan



Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Lorong Pahlawan 7G
Tarikh: 12 Jun 2012

Gambar 13.24
Parit Dipenuhi Tumbuhan
Dan Menyekat Saliran Air



Sebelum

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lorong Bahagia
Tarikh: 29 September 2011

Gambar 13.25
Parit Telah Dibersihkan



Selepas

Sumber: Majlis Perbandaran Sibu
Lokasi: Lorong Bahagia
Tarikh: 27 Disember 2011

13.4.3.3. Temu bual dengan penduduk di kawasan Lorong Bahagia mendapati kerja pemotongan rumput jarang dilakukan oleh Majlis menyebabkan penduduk perlu memotong rumput secara bergotong-royong. Mereka juga memaklumkan kerja pembersihan parit hanya dijalankan 2 kali pada tahun 2011 menyebabkan air tidak mengalir dengan baik.

13.4.3.4. **Menurut maklum balas daripada Majlis bertarikh 14 Jun 2012,** kerja penyenggaraan dan pembaikan jalan serta perparitan sukar dijalankan dengan baik memandangkan sebahagian besar kawasan tanah di Sibu adalah jenis tanah gambut dan memerlukan kos yang tinggi untuk membuat kerja baik pulih. Majlis telah menjalankan pelbagai kajian dan juga menjalankan *Sibu Town Wastewater Management System Masterplan Study 2009*. Kajian berkenaan mendapati kawasan paya tanah gambut dengan kedalaman 0-4 meter berlaku di kawasan sepanjang Sungai Rajang sehingga melebihi 10 meter di kawasan pedalaman mengakibatkan pemendapan yang serius. Untuk mengatasi masalah ini, Majlis telah mengeluarkan garis panduan pada tahun 2010 yang menetapkan semua permohonan untuk projek pembangunan komersial, perindustrian dan perumahan di kawasan tanah gambut hendaklah disertakan dengan cadangan pengukuhan struktur tanah.

Pada Pendapat Audit, Majlis perlu merancang serta menjalankan penyenggaraan jalan dan perparitan secara menyeluruh supaya keselesaan dan kesejahteraan penduduk terpelihara.

13.4.4. Pengurusan Perolehan Kerja Dan Bekalan Bahan Kurang Memuaskan

13.4.4.1. Semakan Audit mendapati Majlis menjalankan kerja penyenggaraan sendiri dan juga secara kontrak kerja. Bagi kontrak kerja, Majlis akan membekalkan bahan seperti batu, premix, kayu belian dan termoplastik. Selain itu, Majlis juga menyedia serta menyenggara pelbagai jenis kenderaan dan peralatan, menyenggara simpanan stok dan

mengendalikan serta menanggung kos pengangkutan pekerja dan kos mengalih bahan batuan. Oleh itu, perolehan kerja melibatkan kos tambahan di mana Majlis perlu mengupah pekerja dan mengurus kontrak bekalan bahan batuan, *premix* serta kayu belian. Kerja penyenggaraan secara kontrak sepenuhnya telah dilaksanakan secara berperingkat mulai 2012.

13.4.4.2. Majlis juga membuat perolehan secara kontrak berjadual untuk tempoh satu tahun bagi bekalan bahan yang digunakan dalam kerja penyenggaraan seperti bekalan bahan batuan, *premix*, kayu belian dan bahan *termoplastik*. Bagi tempoh 2009 hingga 2011, perolehan untuk kerja penyenggaraan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri adalah seperti **Jadual 13.6**.

Jadual 13.6

Perolehan Kerja Serta Bekalan Bahan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011

Tahun	Sebut Harga (RM Juta)	Tender (RM Juta)	Kontrak Berjadual				Secara Terus (RM Juta)
			Bahan Batuan (RM Juta)	Premix (RM Juta)	Kayu Belian (RM Juta)	Bahan Termoplastik (RM Juta)	
2009	0.23	3.70	1.85	2.73	0.56	0.37	3.34
2010	0.04	3.53	2.72	5.35	0.39	0.13	6.83
2011	0.19	2.80	1.47	3.98	0.14	0	0.79
Jumlah	0.46	10.03	6.04	12.06	1.09	0.50	10.96

Sumber: Rekod Kewangan Majlis

13.4.4.3. Semakan Audit mendapati rekod perolehan Majlis serta penggunaan bahan tidak direkod dengan lengkap, *reorder level* tidak ditetapkan dengan jelas dan tiada analisis dibuat terhadap keperluan berbanding perolehan bahan batuan, *premix*, kayu belian dan termoplastik untuk tujuan kerja penyenggaraan. Ini boleh mengakibatkan berlakunya perolehan jauh melebihi had yang diperlukan atau kekurangan bekalan apabila diperlukan.

13.4.4.4. Walaupun pihak Majlis memaklumkan stok *reorder level* tidak ditetapkan memandangkan bahan yang dibekal digunakan terus, tiada dokumentasi atau rekod yang menyokong amalan ini. **Maklum balas daripada Majlis bertarikh 23 Disember 2011 menyatakan bahawa maklumat lengkap pada rekod perolehan dan penggunaan bahan mula diselenggara mulai tahun 2012.**

Pada pendapat Audit, Majlis perlu mempertimbangkan kaedah perolehan kerja dan bahan bekalan yang paling berkesan dari segi kos dan pelaksanaan.

13.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan dalam pengurusan penyenggaraan jalan dan perparitan seperti yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang, adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

13.5.1. Majlis Perbandaran Sibu mewujudkan satu sistem pangkalan induk maklumat jalan dan perparitan serta rekod penyenggaraan dan kos yang lengkap dan kemas kini untuk tujuan perancangan.

13.5.2. Rancangan Tahunan dan Program Kerja Rutin disediakan oleh Majlis Perbandaran Sibu berdasarkan pengumpulan maklumat hasil pemeriksaan di tapak, aduan orang awam serta permintaan pihak yang berkepentingan. Keutamaan kerja penyenggaraan boleh dibuat berpandukan faktor tersebut.

13.5.3. Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti menetapkan garis panduan untuk rujukan dalam pengurusan jalan dan perparitan bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan. Kaedah serta mekanisme untuk tujuan penyeliaan, pemantauan dan kawalan terhadap semua aspek pengurusan jalan dan perparitan yang lebih berkesan adalah berdasarkan garis panduan tersebut.

13.5.4. Majlis Perbandaran Sibu mengkaji kaedah perolehan perkhidmatan dan bekalan bahan untuk aktiviti penyenggaraan jalan dan perparitan yang berkesan dari segi kos dan pelaksanaan.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

14. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agenzi Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 Pindaan 2009 telah diwartakan bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit 5 syarikat iaitu Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd., Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd., Syarikat Hillog Sdn. Bhd., PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd. dan Sanjung Etika Sdn. Bhd.

SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN


15. SARAWAK COAL RESOURCES SDN. BHD.

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. (SCR) adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 6 September 2005. Modal berbayar SCR adalah berjumlah RM47 juta dan sejumlah RM32.90 juta atau 70% daripadanya dimiliki oleh Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan manakala sejumlah RM14.10 juta atau 30% dimiliki oleh Syarikat Sarawak Energy Bhd. Objektif SCR ialah mencari gali, melombong secara mesra alam dan membekal sumber arang batu bagi kegunaan tempatan.

15.1.2. Ibu pejabat SCR terletak di Bahagian Kuching manakala pejabat cawangan, lombong arang batu dan tempat penyimpanan stok arang batu di Bahagian Mukah. SCR menjalankan aktiviti melombong arang batu di Ulu Sikat, Mulok dan Ulu Penipah. Tempat penyimpanan stok arang batu SCR ialah *Main Stockyard* (MSY) yang terletak di Matadeng dan *River Stockyard* (RSY) yang terletak di seberang Kampung Tatus Ulu. MSY membekalkan arang batu bagi kegunaan Stesen Janakuasa Elektrik Mukah di Bahagian Mukah dan RSY membekalkan arang batu bagi kegunaan Stesen Janakuasa Elektrik Sejingkat di Bahagian Kuching. Lokasi kawasan arang batu dan tempat penyimpanan stok arang batu SCR di Bahagian Mukah adalah seperti di **Peta 15.1**.

Peta 15.1
Lokasi Kawasan Arang Batu SCR Di Bahagian Mukah, Sarawak



Sumber: Rekod Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.

15.1.3. Operasi SCR diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 6 kakitangan profesional serta 67 kakitangan sokongan di Bahagian Kuching dan Mukah. Struktur organisasi dibahagikan mengikut 2 aktiviti utama iaitu Bahagian Perancangan Dan Operasi serta Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran. Lembaga Pengarah SCR dipengerusikan oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan dianggotai oleh 4 ahli lain iaitu 2 daripada Syarikat Sarawak Energy Bhd. dan seorang wakil daripada Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar serta Jabatan Tanah Dan Survei.

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

15.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 dan pengurusan aktiviti syarikat serta tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Metodologi pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan dilakukan terhadap penyata kewangan yang diaudit iaitu bagi tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, temu bual dijalankan dengan pegawai SCR serta penduduk yang tinggal berhampiran lombong dan tempat penyimpanan arang batu. Pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan dan lawatan juga diadakan ke kawasan lombong arang batu SCR dan Stesen Janakuasa Elektrik Mukah di Bahagian Mukah serta Stesen Janakuasa Elektrik Sejincarat di Bahagian Kuching.

15.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dilaksanakan dari bulan Mei hingga Julai 2011 secara keseluruhannya mendapati prestasi pengurusan SCR adalah kurang memuaskan. Pada tahun 2010, SCR mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM3.53 juta dan kerugian terkumpul berjumlah RM28.73 juta. Pengurusan aktiviti SCR perlu ditambahbaik dari segi pengurusan kontrak, program membaik pulih bekas tapak lombong dan pematuhan terhadap pelan pelaksanaan dan spesifikasi teknikal kawasan lombong arang batu. Tadbir urus korporat SCR perlu dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat, menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam atau mendapatkan khidmat Unit Audit Dalam Jabatan Ketua Menteri, menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan perolehan kerja atau perkhidmatan dan pengurusan aset. Hasil pengauditan terhadap SCR berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

15.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan SCR yang telah diaudit bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

15.4.1.1. Analisis Trend

- a.** Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati SCR telah mencatatkan kerugian selepas cukai bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2010. Kerugian selepas cukai berjumlah RM10.10 juta pada tahun 2008, RM16.25 juta pada tahun 2009 dan RM3.53 juta pada tahun 2010. Kerugian terkumpul SCR pada tahun 2010 adalah berjumlah RM28.73 juta.
- b.** Pendapatan langsung SCR terdiri daripada penjualan arang batu kepada PPLS Power Generation Sdn. Bhd. (PPLS), Mukah Power Generation Sdn. Bhd. (MPG) dan pelanggan lain. Pendapatan langsung SCR meningkat daripada RM25.90 juta pada tahun 2008 kepada RM124.30 juta pada tahun 2009 dan RM164.16 juta pada tahun 2010. Analisis Audit mendapati peningkatan ini adalah disebabkan SCR mula beroperasi secara aktif selepas tahun 2008. Butiran pendapatan langsung SCR bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 15.1**.

Jadual 15.1
Pendapatan Langsung SCR Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
PPLS	22.08	44.05	75.02
MPG	3.76	79.93	87.09
Pelanggan Lain	0.06	0.32	2.05
Jumlah	25.90	124.30	164.16

Sumber: Rekod Kewangan Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.

- c. Perbelanjaan langsung SCR merupakan kos jualan berjumlah RM27.10 juta, RM123.66 juta dan RM152.99 juta pada tahun 2008, 2009 dan 2010 yang antaranya adalah bayaran operasi perlombongan dan royalti. Analisis Audit mendapati perbelanjaan langsung meningkat RM96.56 juta atau 356.3% pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 dan RM29.33 juta atau 23.7% pada tahun 2010 berbanding 2009. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan dalam pengeluaran arang batu daripada 0.29 juta tan pada tahun 2008 kepada 1.40 juta tan pada tahun 2009 dan 1.69 juta tan pada tahun 2010.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul SCR bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 15.2**.

Jadual 15.2
Kerugian Terkumpul SCR Bagi Tempoh Tahun 2008 Sehingga 2010

Butiran	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	25.90	124.30	164.16
Perbelanjaan Langsung	-27.10	-123.66	-152.99
Untung/Rugi Kasar	-1.20	0.64	11.17
Pendapatan Operasi Lain	0.01	0.01	0.05
Perbelanjaan Staf Dan Susut Nilai	-1.59	-4.61	-5.59
Kos Operasi Lain	-7.49	-11.26	-8.14
Kos Kewangan	-0.03	-1.03	-1.12
Kerugian Sebelum Cukai	-10.30	-16.25	-3.63
Cukai	0.20	-	0.10
Kerugian Selepas Cukai	-10.10	-16.25	-3.53
Kerugian Terkumpul	-8.95	-25.20	-28.73

Sumber: Rekod Kewangan Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.

15.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 15.3**.

Jadual 15.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.49 : 1	0.61 : 1	0.51 : 1
Margin Untung Bersih	-39.0%	-13.1%	-2.2%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.14 : 1	-0.17 : 1	-0.04 : 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.26 : 1	-0.75 : 1	-0.19 : 1

Sumber: Rekod Kewangan Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa SCR bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah 0.49:1, 0.61:1 dan 0.51:1. Ini menunjukkan nisbah semasa SCR berada di bawah norma 2:1. Sekiranya keadaan ini berterusan, SCR berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa terutamanya untuk membayar balik pinjaman syarikat.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati SCR telah mencatatkan margin untung bersih -39.0% pada tahun 2008, -13.1% pada tahun 2009 dan -2.2% pada tahun 2010.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset SCR adalah negatif iaitu 14 sen pada tahun 2008, 17 sen pada tahun 2009 dan 4 sen pada tahun 2010.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah negatif bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2010.

- e. Mengikut maklum balas daripada pihak SCR bertarikh 12 Jun 2012, prestasi kewangan syarikat untuk tempoh tersebut tidak memuaskan kerana syarikat baru sahaja memulakan operasi dan melibatkan banyak pembelian aset. Berdasarkan penyata kewangan SCR yang telah diaudit bagi tahun 2011 yang diterima pada bulan Julai 2012, SCR telah memperoleh untung bersih RM1.93 juta pada tahun 2011.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SCR adalah kurang memuaskan kerana mencatatkan kerugian terkumpul RM28.73 juta pada tahun 2010. Nisbah semasa SCR bagi tahun kewangan 2010 merosot berbanding tahun sebelumnya dan nisbah pulangan ke atas aset dan ekuiti masih negatif.

15.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama SCR adalah mencari gali, melombong dan menjual arang batu. SCR memperoleh lesen melombong arang batu di Bahagian Mukah mengikut Ordinan Mineral 2004. Pelan *Environmental Impact Assessment* (EIA) berhubung kerja melombong dan membaik pulih kawasan lombong telah diluluskan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NREB) bagi kawasan lombong Ulu Sikat, Mulok, Ulu Bedengan dan Ulu Penipah di Bahagian Mukah. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, SCR telah mengeluarkan 3.38 juta tan arang batu. Semakan Audit terhadap pengurusan aktiviti SCR mendapati perkara berikut:

15.4.2.1. Perolehan Projek Tidak Dibuat Secara Teratur

- a. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bi. 1 Tahun 2006 menetapkan semua syarikat milik Kerajaan perlu menyediakan peraturan perolehan berdasarkan prinsip perolehan Kerajaan. Perolehan melebihi RM500,000 hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat sebelum dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk diperakukan. Sebarang pengecualian daripada prosedur Surat Pekeliling ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri.
- b. Semakan Audit mendapati perolehan 10 projek berjumlah RM923.03 juta telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah SCR tetapi tidak dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk diperakukan. Semakan Audit seterusnya mendapati 8 daripada 10 perolehan tersebut dibuat secara terus. Nilai kontrak yang ditawarkan adalah antara RM4.42 juta hingga RM262 juta. Selain itu, SCR juga belum menyediakan prosedur berhubung perolehan projek dan tidak memohon pengecualian daripada mematuhi peraturan ini. **Mengikut minit mesyuarat exit pada 23 September 2011 dan maklum balas SCR bertarikh 11 September 2011, pihak SCR memaklumkan tidak mengetahui adanya Surat Pekeliling ini serta akan memastikan polisi dan prosedur berkaitan dipatuhi.** Butiran projek adalah seperti Jadual 15.4.

Jadual 15.4

Perolehan Projek Melebihi RM500,000 Tanpa Kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri

Bil.	Nama Projek	Kontraktor	Tempoh Kontrak	Harga Kontrak (RM Juta)
1.	<i>Proposed Management of Exploration, Mining Works & Transportation of Coal in Mukah. (BC1-B & BC1-C)</i>	Piritemp Sdn. Bhd.	01.04.2008 hingga 31.03.2012	7.32
2.	<i>Extraction, Transportation & Rehabilitation of Coal (4:1) at Area BC1 Ulu Sikat, Mukah.</i>	Verde Mount Corporation Sdn. Bhd.	25.08.2008 hingga 24.05.2013	233.80
3.	<i>Proposed Coal Mining (Extraction & Transportation of Coal) and Rehabilitation of Mined Out in Area SE2 Ulu Bedengan, Mukah</i>	Hock Peng Realty Sdn. Bhd.	01.02.2009 hingga 01.01.2011	12.23*
4.	<i>Coal Mining (Extraction, Transportation & of Coal- 5:1) and Rehabilitation of Mined Out Area at BC3 (Mulok West) Bukit Dinding, Mukah</i>	Verde Mount Corporation Sdn. Bhd.	17.02.2009 hingga 16.04.2014	238.40
5.	<i>Proposed Consultancy And Management of The Mining & Rehabilitation Works And Transportation of Coal in Area BC3 Mulok West, Mukah</i>	Piritemp Sdn. Bhd.	21.03.2009 hingga 20.05.2014	4.42
6.	<i>Coal Mining (Extraction, Transportation & of Coal) and Rehabilitation of Mined Out Areas at Area BC3 Mulok East, Mukah</i>	Hock Peng Realty Sdn. Bhd.	21.03.2009 hingga 20.10.2014	262.00
7.	<i>Proposed Consultancy And Management of The Mining & Rehabilitation Works And Transportation of Coal in Area BC3 Mulok East, Mukah</i>	Piritemp Sdn. Bhd.	21.03.2009 hingga 20.11.2014	2.70
8.	<i>Contract For Transportation Of Coal BY Barges From River Stockyard, Mukah To Sejinkat Coal-Fired Power Station, Kuching</i>	Hock Peng Realty Sdn. Bhd.	01.07.2009 hingga 30.06.2014	88.20*
9.	<i>Proposed Coal Mining (Extraction & Transportation of Coal) and Rehabilitation of Mined Out at Area SE1 Ulu Penipah, Mukah</i>	Alam Suria Equity Sdn. Bhd.	01.12.2009 hingga 30.11.2012	47.47*
10.	<i>Proposed Coal Mining (Extraction & Transportation of Coal) and Rehabilitation of Mined Out at Area SE4 Ulu Penipah, Mukah</i>	Alam Suria Equity Sdn. Bhd.	01.05.2010 hingga 30.04.2013	26.49*
Jumlah				923.03*

Sumber: Rekod Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.

Nota: * Anggaran Harga Kontrak

15.4.2.2. Dokumen Kontrak Belum Dan Lewat Disediakan

Dokumen kontrak perlu disediakan segera bagi menjaga kepentingan SCR sekiranya berlaku sebarang pertikaian. Semakan Audit mendapati SCR telah mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi 6 projek dalam tempoh April 2008 hingga April 2010 tetapi dokumen kontrak belum disediakan. Semakan Audit seterusnya mendapati pihak SCR lewat menyediakan dan menandatangani dokumen kontrak bagi 4 projek antara 12 hingga 33 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Butiran dokumen kontrak yang belum disediakan adalah seperti **Jadual 15.5** manakala yang lewat disediakan seperti **Jadual 15.6.**

Jadual 15.5
Senarai Projek Yang Belum Mempunyai Dokumen Kontrak

Bil.	Nama Projek	Harga Kontrak (RM Juta)	Tempoh Kontrak	Tarikh Surat Setuju Terima
1.	<i>Proposed Management of Exploration, Mining Works & Transportation of Coal in Mukah. (BC1-B & BC1-C)</i>	7.32	01.04.2008 hingga 31.03.2012	18.04.2008
2.	<i>Proposed Coal Mining (Extraction & Transportation of Coal - 3:1) and Rehabilitation of Mined Out in Area SE2 Ulu Bedengan, Mukah</i>	12.23 *	01.02.2009 hingga 01.01.2011	16.07.2009
3.	<i>Proposed Consultancy And Management of The Mining & Rehabilitation Works And Transportation of Coal in Area BC3 Mulok West, Mukah</i>	4.42	21.03.2009 hingga 20.05.2014	02.02.2009
4.	<i>Proposed Consultancy And Management of The Mining & Rehabilitation Works And Transportation of Coal in Area BC3 Mulok East, Mukah</i>	2.70	21.03.2009 hingga 20.11.2014	02.02.2009
5.	<i>Contract For Transportation Of Coal BY Barges From River Stockyard, Mukah To Sejingkat Coal-Fired Power Station, Kuching</i>	88.20*	01.07.2009 hingga 30.06.2014	06.05.2009
6.	<i>Proposed Coal Mining (Extraction & Transportation of Coal) and Rehabilitation of Mined Out at Area SE4 Ulu Penipah, Mukah</i>	26.49*	01.05.2010 hingga 30.04.2013	22.04.2010

Sumber: Rekod Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.

Nota: 1. Tarikh mula kontrak/kerja ialah 14 hari selepas tarikh Surat Setuju Terima.

2. * Anggaran Harga Kontrak

Jadual 15.6
Dokumen Kontrak Yang Lewat Disediakan Dan Ditandatangani

Bil.	Projek/Kontraktor	Harga Kontrak (RM Juta)	Tempoh Kontrak (Bulan)	Tarikh Surat Setuju Terima	Tarikh Kontrak Disediakan (Tarikh Dimatikan Setem)	Tempoh Lewat (Bulan)
1.	<i>Extraction, Transportation & Rehabilitation of Coal (4:1) at Area BC1 Ulu Sikat, Mukah/Verde Mount Corporation Sdn. Bhd.</i>	233.80	25.08.2008 hingga 24.05.2013 (58)	11.08.2008	20.05.2011	33
2.	<i>Coal Mining (Extraction, Transportation & of Coal- 5:1) and Rehabilitation of Mined Out Area at BC3 (Mulok West) Bukit Dinding, Mukah/Verde Mount Corporation Sdn. Bhd.</i>	238.40	17.02.2009 hingga 16.04.2014 (62)	03.02.2009	20.05.2011	27
3.	<i>Coal Mining (Extraction, Transportation & of Coal- 5:1) and Rehabilitation of Mined Out Areas at Area BC3 Mulok East, Mukah/Hock Peng Realty Sdn. Bhd.</i>	262.00	21.03.2009 hingga 20.10.2014 (68)	07.03.2009	20.05.2011	26
4.	<i>Proposed Coal Mining (Extraction & Transportation & of Coal-4:1) and Rehabilitation of Mined Out Area at SE1- Ulu Penipah, Mukah/Alam Suria Equity Sdn. Bhd.</i>	47.47*	01.12.2009 hingga 30.11.2012 (36)	10.11.2009	02.11.2010	12

Sumber: Rekod Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd.

Nota: * Anggaran Harga Kontrak

15.4.2.3. Syarat Kontrak Tidak Menjamin Kepentingan Syarikat

- a. Kontrak yang disediakan hendaklah menjaga kepentingan dan memberi keuntungan kepada pihak SCR. Adalah didapati SCR menandatangani kontrak dengan MPG pada Ogos 2006 untuk membekalkan 1 juta tan arang batu setahun dan dengan PPLS pada Jun 2010 untuk membekalkan 0.6 juta tan arang batu setahun. Mengikut klausu kontrak antara SCR dengan MPG, semakan semula terhadap harga jualan arang batu hanya boleh dibuat selepas 5 tahun bermula dari 1 Oktober 2008 sedangkan kontrak ditandatangani pada 28 Ogos 2006.
- b. Semakan Audit mendapati harga kontrak jualan arang batu di antara SCR dengan MPG bagi tempoh 25 tahun bermula dari bulan Oktober 2008 adalah RM81 se tan berbanding harga pasaran RM163.25 se tan. Harga kontrak jualan arang batu di antara SCR dengan PPLS pula bagi tempoh 5 tahun bermula dari bulan Mei 2009 adalah RM135 se tan berbanding harga pasaran RM199.48 se tan. Arang batu yang dijual kepada PPLS adalah jenis Mukah yang lebih berkualiti berbanding arang batu jenis Balingian yang dijual kepada MPG.
- c. Semakan Audit seterusnya mendapati pada bulan Disember 2010, SCR memohon untuk menyemak semula harga jualan arang batu jenis Balingian daripada RM81 se tan kepada RM98 se tan disebabkan kos operasi SCR melebihi harga jualan. Mengikut pihak SCR, harga pasaran arang batu jenis Balingian ialah RM163.25 se tan berdasarkan harga arang batu Australia/Newcastle/Port Kembala yang digunakan sebagai harga perbandingan arang batu bagi kawasan Asia-Pasifik pada tarikh kontrak ditandatangani. Bagaimanapun, permohonan tersebut telah ditolak oleh pihak MPG atas alasan permohonan semakan semula harga hanya boleh dibuat selepas 5 tahun. Semakan Audit juga mendapati tiada klausu untuk semak semula terhadap harga jualan pada kontrak antara SCR dengan PPLS yang ditandatangani pada 28 Jun 2010.
- d. **Mengikut maklum balas daripada pihak SCR bertarikh 11 September 2011, harga jualan kepada MPG ditetapkan RM81 se tan berpandukan kepada harga jualan oleh pembekal lain kepada Sarawak Energy Bhd. manakala harga jualan RM135 se tan kepada PPLS pula ditetapkan setelah mengambil kira margin keuntungan. Bagi tempoh 2006 hingga 2007, pembekalan arang batu ke MPG belum mencapai kapasiti sepenuhnya kerana SCR mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2008. Semak semula terhadap harga jualan arang batu hanya dibuat selepas 5 tahun pertama bermula dari 1 Oktober 2008 dan 3 tahun berikutnya bertujuan bagi menstabilkan harga arang batu yang dibekalkan kepada loji berkenaan. Peruntukan bagi semakan harga jualan arang batu tidak dinyatakan dalam kontrak kerana ia merupakan perjanjian secara tetap bagi membekalkan 0.6 juta tan arang batu setahun bagi tempoh 5 tahun.**

15.4.2.4. Program Membaiik Pulih Kawasan Lombong

Mengikut Ordinan Mineral 2004, kontrak dan pelan EIA, kawasan lombong arang batu yang telah siap dilombong perlu dibaik pulih segera seperti sedia kala dengan menambak balik tanah yang telah dikorek hingga mencapai ke aras asal tanah. Selain itu, pada lapisan atas hendaklah ditambah dengan tanah *topsoil* setebal 150 milimeter dan ditanam rumput. Semakan Audit mendapati kawasan lombong Ulu Bedengan belum dibaik pulih dan kawasan lombong Ulu Sikat belum dibaik pulih dengan sempurna seperti berikut:

a. Program Membaiik Pulih Di Tapak Bekas Lombong Ulu Bedengan Belum Dilakukan

- i. Syarikat Hock Peng Realty Sdn. Bhd. dilantik sebagai kontraktor bagi melaksanakan aktiviti perlombongan di Ulu Bedengan bagi tempoh 2 tahun bermula pada bulan Februari 2009. Mengikut surat lantikan kepada kontraktor tersebut, antara skop kerja yang perlu dilaksanakan adalah melombong arang batu dan membaik pulih kawasan yang telah selesai dilombong mengikut keadaan dan aras asal tanah. Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran arang batu mendapati kerja perlombongan telah dijalankan mulai bulan Februari 2009. Pihak SCR memaklumkan kerja melombong telah diberhentikan pada awal tahun 2011 kerana tempoh kontrak tamat.
- ii. Semakan Audit seterusnya mendapati pelan EIA yang melibatkan program membaik pulih kawasan Ulu Bedengan yang dilombong telah diluluskan oleh NREB pada bulan Ogos 2007. Bagaimanapun, tiada laporan mengenai program baik pulih dikemukakan kepada NREB. Selain itu, NREB juga memaklumkan telah mengeluarkan arahan kepada SCR untuk membaik pulih kawasan tersebut. Lawatan Audit pada bulan Julai 2011 mendapati kawasan tapak bekas lombong tersebut dipenuhi air dan membentuk kolam sedalam 8 meter seperti **Gambar 15.1**.



**Gambar 15.1
Kolam Yang Terbentuk Di Tapak Bekas Lombong**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lombong Ulu Bedengan,
Bahagian Mukah
Tarikh: 14 Julai 2011

b. Program Membaih Pulih Di Tapak Bekas Lombong Ulu Sikat Belum Dilakukan Dengan Sempurna

- i. Aktiviti perlombongan dijalankan oleh Syarikat Alam Suria Equity Sdn. Bhd. di kawasan tersebut telah dihentikan pada bulan Mac 2008. Semakan Audit mendapati pelan EIA yang melibatkan program membaik pulih kawasan Ulu Sikat yang telah dilombong telah diluluskan oleh NREB pada bulan Ogos 2007. Bagaimanapun, tiada laporan mengenai program baik pulih dikemukakan kepada NREB. NREB memaklumkan pihaknya telah mengeluarkan arahan kepada SCR untuk membaik pulih kawasan tersebut.
- ii. Lawatan Audit pada bulan April 2012 ke tapak bekas lombong arang batu di Ulu Sikat mendapati sebuah kolam seluas 6,160 meter persegi wujud di kawasan tersebut dan tapak bekas lombong tersebut belum dibaik pulih dengan sempurna seperti **Gambar 15.2** dan **Gambar 15.3**.

**Gambar 15.2
Kolam Di Tapak Bekas Lombong**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lombong Ulu Sikat, Bahagian Mukah
Tarikh: 13 April 2012

**Gambar 15.3
Kawasan Tapak Bekas Lombong Belum Ditanam Dengan Rumput Sepenuhnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lombong Ulu Sikat, Bahagian Mukah
Tarikh: 13 April 2012

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti SCR perlu mematuhi peraturan kewangan berkaitan perolehan dan juga dari segi pengurusan kontrak serta program membaik pulih tapak bekas lombong.

15.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, SCR tertakluk kepada Akta Syarikat 1965,

peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

15.4.3.1. Rancangan Korporat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Menurut *Financial Policies And Procedural Manual* (FPAPM) SCR, pihak pengurusan syarikat hendaklah menyediakan pelan pengurusan tahunan selaras dengan matlamat dan objektif syarikat. Semakan Audit mendapati SCR belum menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan panjang berserta petunjuk prestasi utama (*key performance indicators*) serta belum menyediakan pelan pengurusan tahunan. **Mengikut maklum balas daripada pihak SCR bertarikh 11 September 2011, penyediaan rancangan korporat syarikat serta prosedur ISO akan dilaksanakan pada tahun 2012.**

15.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksanakan pgauditian serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Bagaimanapun didapati SCR belum menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam. Selanjutnya didapati bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, tiada mana-mana pihak ada membuat pgauditian terhadap pengurusan SCR.

15.4.3.3. Bayaran Bonus

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus sejumlah RM46,477, RM95,333 dan RM243,187 telah dibuat bagi tahun 2008 sehingga tahun 2010 walaupun SCR mengalami kerugian sebelum cukai bagi tahun berkenaan. Bayaran bonus ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah berdasarkan prestasi pegawai dan juga pertambahan dalam pengeluaran arang batu tetapi tidak dikemukakan untuk kelulusan Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.

15.4.3.4. Polisi Dan Peraturan Syarikat

SCR telah mewujudkan *Staff Handbook* sebagai panduan berhubung polisi dan prosedur pentadbiran dan FPAPM sebagai panduan berhubung polisi dan prosedur pengurusan kewangan. Semakan Audit mendapati FPAPM tersebut masih belum lengkap iaitu dari segi kawalan pendapatan, perbelanjaan dan pengurusan aset. Semakan Audit seterusnya mendapati SCR belum mewujudkan polisi dan prosedur berhubung aktiviti mencari gali, perlombongan dan membaik pulih bekas tapak lombong. **Mengikut maklum balas daripada pihak SCR bertarikh 11 September 2011, FPAPM syarikat akan dikaji semula serentak dengan pelaksanaan prosedur ISO dalam tahun 2012.**

15.4.3.5. Pengurusan Kewangan

- a. Polisi dan peraturan berhubung pengurusan kewangan SCR ada dinyatakan dalam FPAPM dan peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. FPAPM tersebut mengandungi perkara berkaitan Lembaga Pengarah, pihak pengurusan syarikat dan juruaudit, laporan pengurusan dan belanjawan, perolehan dan pembayaran, aset dan perbelanjaan modal, hasil dan penerimaan serta anggaran cukai.
- b. Semakan Audit terhadap sampel dokumen dan rekod kewangan SCR bagi tahun 2011 mendapati SCR tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berhubung kawalan perbelanjaan seperti borang *Purchase Requisition* tidak disediakan untuk perolehan barang dan perkhidmatan, pemilihan pembekal tidak mengikut had kuasa yang ditetapkan dan perolehan tidak melalui sebut harga dan perolehan melebihi RM500,000 tidak dikemukakan untuk diperakukan oleh Setiausaha Kewangan Negeri seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2006. Selain itu, didapati pemeriksaan tahunan terhadap aset tidak dijalankan.
- c. **Mengikut maklum balas daripada pihak SCR bertarikh 11 September 2011, pihak SCR akan memantau dan memperbaiki urusan pembelian syarikat dan memastikan polisi dan peraturan dipatuhi.**

15.4.3.6. Pemantauan

- a. Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalam yang berkesan.
- b. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2008, 2 kali pada tahun 2009 dan sekali pada tahun 2010. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah berkaitan aktiviti syarikat, bajet dan kewangan serta isu pentadbiran dan sumber manusia. Mesyuarat Agung

Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan berhubung pelantikan ahli Lembaga Pengarah, pengesahan penyata kewangan tahunan dan pelantikan juruaudit luar. Semakan Audit juga mendapati SCR ada membuat lawatan tapak bagi memantau operasi melombong dan penghantaran arang batu di Bahagian Mukah dan Kuching. Perunding juga dilantik bagi memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan kontrak dan aktiviti melombong arang batu. Selain itu, mesyuarat tapak ada diadakan antara pihak SCR, perunding dan kontraktor.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat SCR boleh ditambah baik dengan menyediakan rancangan korporat, menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam atau mendapatkan khidmat Unit Audit Dalam Jabatan Ketua Menteri, menyediakan polisi dan peraturan yang lengkap dan mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya dari segi kawalan perolehan dan pengurusan aset.

15.5. SYOR AUDIT

Sebagai usaha menambah baik pengurusan syarikat, adalah disyorkan:

15.5.1. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. perlu menyediakan perancangan strategik jangka panjang dan jangka pendek berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat serta boleh berdaya saing.

15.5.2. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. perlu menyediakan dokumen kontrak bagi semua projek dengan segera bagi mengelakkan sebarang pertikaian. Selain itu, Sarawak Coal Resources hendaklah memastikan syarat kontrak yang menjaga kepentingan syarikat dengan mewujudkan klausa bagi menyemak semula harga arang batu secara berkala dalam tempoh kontrak serta kontrak ditandatangani untuk pembekalan arang batu dalam jangka masa pendek.

15.5.3. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. perlu memastikan kerja membaik pulih tapak bekas lombong dibuat mengikut keperluan *Environmental Impact Assessment* yang diluluskan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar.

15.5.4. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit untuk meningkatkan kawalan pengurusan syarikat. Selain itu, Sarawak Coal Resources hendaklah menubuhkan Unit Audit Dalam atau mendapatkan khidmat daripada Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri untuk melaksanakan pengauditan dan menilai kawalan dalaman syarikat.

15.5.5. Sarawak Coal Resources Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan teratur serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya. Dari segi perolehan atau perkhidmatan perunding, tender terbuka hendaklah diamalkan untuk mendapat harga yang kompetitif.

SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI DIPERBADANKAN

16. SARAWAK MEDICAL CENTRE SDN. BHD.

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd. (SMC) adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 14 Mei 1984 dengan modal berbayar RM36 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan. SMC mendapat lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengendalikan hospital swasta iaitu Normah Medical Specialist Centre (NMSC) di Kuching, Sarawak dan mula beroperasi pada bulan Ogos 1988 bagi tujuan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan.

16.1.2. Visi NMSC ialah untuk menjadi penyedia penjagaan perubatan swasta utama di negeri Sarawak. Misi NMSC ialah untuk mencegah dan mengesan penyakit di peringkat awal bagi mengelakkan komplikasi serta menguruskan pesakit dengan baik pada kos yang berpatutan. NMSC menyediakan perkhidmatan rundingan kesihatan dan rawatan seperti perubatan, pembedahan, obstetrik dan ginekologi, pediatrik, kardiologi, urologi, nefrologi, neurosurgeri, hematologi, psikiatri dan onkologi. NMSC telah memperolehi akreditasi daripada *Malaysian Society For Quality In Health* mulai Mac 2005 yang memberi perakuan berkaitan perkhidmatan dan kemudahan penjagaan kesihatan di Malaysia. Selain itu, NMSC juga memperolehi akreditasi dari *Joint Commission International* mulai Januari 2011 kerana telah mencapai kualiti penjagaan kesihatan antarabangsa. Pejabat SMC terletak di bangunan NMSC seperti **Gambar 16.1**.



**Gambar 16.1
Pejabat SMC**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Normah Medical Specialist Centre
Tarikh: 1 November 2011

16.1.3. Pengurusan operasi harian SMC diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 36 kakitangan profesional dan 436 kakitangan sokongan. Struktur organisasi dibahagikan mengikut 2 aktiviti utama iaitu Bahagian Perubatan dan Bahagian Pentadbiran. Lembaga Pengarah SMC dipengerusikan oleh wakil daripada Lembaga Amanah Kebajikan Yayasan Perubatan Normah dan dianggotai oleh Ketua Pegawai

Eksekutif SMC, wakil daripada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, wakil daripada Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan 3 ahli lain.

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

16.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 dan pengurusan aktiviti syarikat serta tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Metodologi pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan dilakukan terhadap penyata kewangan yang diaudit iaitu bagi tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, temu bual dengan pegawai SMC dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan.

16.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan dari bulan Ogos hingga November 2011, secara keseluruhannya mendapati prestasi pengurusan SMC adalah memuaskan. SMC mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.56 juta bagi tahun kewangan 2010 dan mempunyai kerugian terkumpul berjumlah RM18.83 juta. Pengurusan aktiviti SMC adalah kurang memuaskan berhubung pelantikan dan pembayaran kepada wakil pusat perubatan yang memperkenalkan pesakit serta meningkatkan kawalan terhadap penghutang. Pengurusan kutipan hutang juga didapati kurang berkesan. Tadbir urus korporat SMC boleh dipertingkatkan dengan menuhukan Jawatankuasa Audit, menambah fungsi Unit Audit Dalam, menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya. Hasil pengauditan terhadap SMC berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

16.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan SMC yang telah diaudit bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

16.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati SMC telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.56 juta pada tahun 2010 berbanding keuntungan selepas cukai sejumlah RM4.05 juta pada tahun 2009 dan RM6.53 juta pada tahun 2008. Penurunan keuntungan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 sejumlah RM2.48 juta atau 38% disebabkan peningkatan perbelanjaan lain seperti bayaran rundingan doktor pakar, perkhidmatan radiologi, pembaikan dan penyenggaraan serta utiliti. Bagaimanapun, SMC masih mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM18.83 juta pada tahun 2010.
- b. Analisis Audit mendapati pendapatan langsung SMC meningkat untuk tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu RM63.30 juta pada tahun 2008 kepada RM63.66 juta pada tahun 2009 dan RM66.05 juta pada tahun 2010. Sumber pendapatan langsung utama SMC terdiri daripada caj pusat perubatan bukan inventori seperti caj katil, wad pembedahan dan makmal serta caj pusat perubatan inventori seperti farmasi dan peralatan pembedahan. Selain itu, pendapatan langsung juga termasuk caj doktor dan jururawat serta sewa klinik. SMC juga memberikan diskau kepada pesakit antara RM1.08 juta hingga RM1.92 juta bagi tempoh yang sama. Butiran pendapatan langsung SMC bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 16.1**.

Jadual 16.1
Pendapatan Langsung SMC Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Caj Pusat Perubatan Bukan Inventori	31.13	32.30	34.86
Caj Pusat Perubatan Inventori	26.44	25.58	26.09
Caj Doktor Dan Jururawat	3.56	4.07	3.81
Sewa Klinik	3.25	3.06	3.22
Diskaun	-1.08	-1.35	-1.92
Jumlah	63.30	63.66	66.05

Sumber: Rekod Kewangan Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.

- c. Perbelanjaan langsung SMC merupakan kos jualan berjumlah RM24.24 juta, RM23.62 juta dan RM24.66 juta pada tahun 2008, 2009 dan 2010 yang antaranya adalah pembelian ubat untuk unit farmasi, barang luak, bahan pencuci, gas perubatan dan stok makanan serta minuman. Perbelanjaan tidak langsung merupakan perbelanjaan lain operasi, perbelanjaan pentadbiran dan kos kewangan berjumlah RM34.16 juta, RM37.46 juta dan RM38.99 juta pada tahun 2008, 2009 dan 2010. Peningkatan perbelanjaan tidak langsung dalam tempoh tersebut disebabkan pertambahan kos pembaikan dan penyenggaraan, elauan kakitangan dan bayaran utiliti.

- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul SMC bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 16.2**.

Jadual 16.2
Kerugian Terkumpul Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	63.30	63.66	66.05
Perbelanjaan Langsung	-24.24	-23.62	-24.66
Untung Kasar	39.06	40.04	41.39
Pendapatan Lain	1.78	1.60	2.27
Perbelanjaan Lain	-29.83	-32.69	-33.82
Perbelanjaan Pentadbiran	-3.91	-4.35	-4.73
Kos Kewangan	-0.42	-0.42	-0.44
Keuntungan Sebelum Cukai	6.68	4.18	4.67
Cukai	-0.15	-0.13	-0.11
Keuntungan Selepas Cukai	6.53	4.05	4.56
Kerugian Terkumpul	-27.44	-23.39	-18.83

Sumber: Rekod Kewangan Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.

16.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 16.3**.

Jadual 16.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.91 : 1	0.95 : 1	1.02 : 1
Margin Untung Bersih	10.5%	6.6%	7.1%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.05 : 1	0.03 : 1	0.03 : 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.76 : 1	0.32 : 1	0.27 : 1

Sumber: Rekod Kewangan Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa SMC bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah 0.91:1, 0.95:1 dan 1.02:1. Ini menunjukkan nisbah semasa SMC masih berada di bawah norma 2:1. Sekiranya keadaan ini berterusan, SMC berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya terutamanya untuk membayar balik pinjaman syarikat.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati SMC mencatatkan margin untung bersih sebanyak 10.5% pada tahun 2008, 6.6% pada tahun 2009 dan 7.1% pada tahun 2010.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset SMC adalah sejumlah 5 sen pada tahun 2008 dan berkurangan kepada 3 sen bagi tahun 2009 dan 2010.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah sejumlah 76 sen, 32 sen dan 27 sen bagi tahun kewangan 2008, 2009 dan 2010.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SMC bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah memuaskan kerana telah mencatatkan keuntungan. Kerugian terkumpul SMC juga berkurangan dari RM27.44 juta menjadi RM18.83 juta bagi tempoh yang sama. Bagaimanapun, kedudukan kewangan SMC perlu ditambah baik iaitu nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti.

16.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama SMC adalah menguruskan hospital swasta iaitu NMSC yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan.


16.4.2.1. Kemudahan Yang Disediakan

- a. SMC mempunyai 26 doktor pakar residen, 5 doktor perubatan dan 41 doktor pelawat bagi pelbagai bidang perubatan. Selain itu, SMC juga mempunyai perkhidmatan

sokongan seperti kejururawatan, pengurusan sumber manusia, kewangan, pembangunan perniagaan dan kejuruteraan hospital. NMSC mempunyai 130 katil untuk pesakit dalam yang dimasukkan ke wad. Antara kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh NMSC adalah Unit Kecemasan Dan Kemalangan serta perkhidmatan rawatan pesakit dalam seperti **Gambar 16.2** dan **Gambar 16.3**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.
Tarikh: 1 November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.
Tarikh: 27 Oktober 2011

- b. Polisi, prosedur dan peraturan berhubung pengurusan aktiviti SMC adalah berpandukan Akta Perubatan 1971, Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Adalah didapati SMC juga menyediakan *Institutional Policy Manual* (IPM) yang telah diperakukan oleh *Malaysian Society For Quality In Health* dan *Joint Commission International* sebagai *standard operating policies and procedures*.

16.4.2.2. Bilangan Pesakit Dalam Menurun

Analisis Audit mendapati jumlah pesakit yang memilih untuk mendapatkan rawatan di NMSC adalah 120,444 pada tahun 2009, menurun kepada 110,558 pada tahun 2010 tetapi meningkat menjadi 111,623 pada tahun 2011. Analisis Audit juga mendapati bilangan pesakit dalam menunjukkan trend menurun iaitu 6,157 pada tahun 2009 menjadi 5,585 pada tahun 2010 dan 5,526 pada tahun 2011. Penurunan bilangan pesakit dalam disebabkan oleh persaingan daripada hospital swasta lain. Adalah didapati 5 kes tertinggi rawatan bagi pesakit dalam dikendalikan pada tempoh 2009 hingga 2011 adalah pediatrik, obstetrik dan ginekologi, kardiologi, ortopedik dan pembedahan. Semakan Audit seterusnya mendapati kadar penggunaan katil adalah antara 36% hingga 40%. Adalah didapati secara purata bilangan hari pesakit menginap di wad adalah 3 hari. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 16.4**.

Jadual 16.4
Bilangan Pesakit Yang Mendapatkan Rawatan Di NMSC Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009	2010	2011
Pesakit Dalam	6,157	5,585	5,526
Pesakit Luar	114,287	104,973	106,097
Jumlah	120,444	110,558	111,623
Kadar Penggunaan Katil	38%	40%	36%
Bilangan Hari Pesakit Menginap Di Wad	19,142	19,316	17,223
Purata Hari Pesakit Menginap Di Wad	3.11	3.46	3.12

Sumber: Rekod Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.

16.4.2.3. Peraturan Berhubung Pelantikan Dan Pembayaran Wakil Pusat Perubatan Belum Disediakan

SMC ada membuat pembayaran insentif kepada wakil pusat perubatan tempatan dan luar negara yang memperkenalkan pesakit dari luar negara dan pesakit yang menggunakan kemudahan insurans untuk menjalani rawatan di NMSC. Kadar bayaran bagi setiap wakil pusat perubatan adalah antara 3% hingga 10% dari jumlah bayaran yang dikenakan kepada pesakit. Adalah didapati insentif sejumlah RM3.87 juta telah dibayar kepada 23 wakil pusat perubatan bagi tempoh tahun 2009 sehingga 2011. Semakan Audit mendapati tiada peraturan disediakan berhubung pelantikan dan pembayaran kepada wakil pusat perubatan yang memperkenalkan pesakit. Selain itu, semakan Audit juga mendapati tiada surat pelantikan atau kontrak dibuat antara SMC dan wakil pusat perubatan. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada inbois dikemukakan oleh wakil pusat perubatan bagi menuntut bayaran dan pembayaran dibuat tanpa disokong oleh dokumen sokongan yang sah. Tuntutan untuk bayaran bagi setiap wakil pusat perubatan disediakan oleh Pengurus Bahagian Pembangunan Perniagaan SMC dan diluluskan oleh *Medical Centre Administrator* SMC.

16.4.2.4. Pengurusan Kutipan Hutang Kurang Berkesan

- a. Mengikut *Institutional Policy Manual* NMSC, kemudahan kredit boleh diberikan selama 30 hari kepada penghutang individu atau pelanggan korporat. Semakan Audit mendapati baki tunggakan penghutang SMC adalah RM15.27 juta pada tahun 2009, RM15.40 juta pada tahun 2010 dan RM14.62 juta pada tahun 2011. Analisis Audit mendapati RM12.40 juta atau 84.8% merupakan baki tunggakan yang melebihi 30 hari. Analisis Audit seterusnya terhadap senarai penghutang mendapati RM4.56 juta atau 36.8% individu tempatan, RM3.81 juta atau 30.7% hutang kakitangan syarikat, RM2.90 juta atau 23.4% adalah hutang kakitangan Kerajaan dan RM1.13 juta atau 9.1% adalah individu warga asing. Adalah didapati sekiranya SMC tidak meningkatkan kawalan terhadap penghutang ianya akan menjelaskan aliran tunai pada masa hadapan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 16.5**.

Jadual 16.5
Senarai Penghutang Melebihi 30 Hari Pada 31 Disember 2011

Nama Penghutang	31-60 Hari (RM)	61-90 Hari (RM)	91-180 Hari (RM)	181-365 Hari (RM)	Lebih 365 Hari (RM)	Jumlah (RM)
Individu (Tempatan)	145,550	54,394	279,668	542,612	3,539,668	4,561,892
Kakitangan Syarikat	881,777	880,785	882,272	199,981	965,725	3,810,540
Kakitangan Kerajaan	231,917	66,744	235,420	160,052	2,206,949	2,901,082
Individu (Warga Asing)	11,364	19,663	2,244	229,399	861,319	1,123,989
Jumlah	1,270,608	1,021,586	1,399,604	1,132,044	7,573,661	12,397,503

Sumber: Rekod Kewangan Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.

- b. Adalah didapati SMC telah menghubungi penghutang melalui telefon dan menghantar surat peringatan. Pesakit yang masih gagal menjelaskan hutang setelah surat peringatan dikeluarkan akan dirujuk kepada pengutip hutang yang dilantik oleh SMC bagi mengutip hutang. Bagi kakitangan Kerajaan dan syarikat, penyata akaun dihantar setiap bulan kepada pejabat Kerajaan dan syarikat berkenaan. **Mengikut maklum balas daripada SMC bertarikh 15 Disember 2011, SMC telah berusaha mengutip bayaran sebelum pesakit dibenarkan pulang dan seterusnya berbincang dengan penjamin dan pesakit bagi pungutan tunggakan hutang. Di samping itu, SMC juga melantik wakil untuk mengutip bayaran dari pesakit warga asing. SMC juga memaklumkan akan mengenakan deposit permulaan dan deposit tambahan yang mencukupi dikutip dari pesakit dari semasa ke semasa dalam tempoh pesakit menerima rawatan.**

16.4.2.5. Aduan Pelanggan

Unit Perhubungan Pesakit diketuai oleh seorang pengurus yang bertanggungjawab mengendalikan maklum balas pelanggan yang berurusan di NMSC. Borang maklum balas pelanggan diletakkan di kaunter penerangan, klinik dan wad pesakit. Bagi tahun 2011, sebanyak 176 borang maklum balas telah diterima. Antara aduan yang dikemukakan adalah berkaitan layanan kakitangan dan kemudahan yang kurang memuaskan serta tempoh menunggu yang lama. Adalah didapati SMC mengambil tindakan segera antara 1 hingga 5 hari bagi menangani aduan tersebut.

Pada pendapat Audit, peraturan berhubung pelantikan wakil pusat perubatan perlu disediakan dengan mengambil kira keperluan perundangan dan etika profesional perubatan dan kelulusan Lembaga Pengarah diperoleh.

16.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat

penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. SMC tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965, Akta Perubatan 1971, Akta Perkhidmatan dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

16.4.3.1. Rancangan Korporat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati SMC telah menyediakan rancangan korporat jangka panjang dan jangka pendek serta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktivitinya.

16.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksanakan pgauditian serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Bagaimanapun didapati SMC belum menubuhkan Jawatankuasa Audit. SMC telah menubuhkan Unit Audit Dalam yang dianggotai oleh seorang Penolong Juruaudit Dalam mulai bulan Januari 2011. Bagaimanapun, rancangan Audit tahunan tidak disediakan dan pgauditian yang dijalankan hanya meliputi caj bayaran hospital yang dikenakan kepada pesakit.

16.4.3.3. Bayaran Bonus

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, syarikat Kerajaan yang memperolehi keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus sejumlah RM0.99 juta, RM0.98 juta dan RM0.99 juta telah dibuat bagi tahun 2008 sehingga tahun 2010. Bayaran bonus ini melibatkan bayaran sebulan gaji atau minimum RM1,200. Semakan Audit mendapati kelulusan bayaran bonus tahun 2010 belum diperoleh daripada pihak Lembaga Pengarah manakala pembayaran bonus tidak pernah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. **Mengikut maklum balas daripada SMC bertarikh 15 Disember 2011,**

pembayaran bonus bagi tahun 2010 diluluskan oleh Pengerusi secara lisan dan polisi SMC tidak tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk pembayaran bonus.

16.4.3.4. Pengurusan Kewangan

- a.** Polisi, prosedur dan peraturan berhubung pengurusan kewangan SMC adalah berpandukan *Institutional Policy Manual* NMSC, Akta Perubatan 1971, Akta Syarikat 1965, Akta Perkhidmatan dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Semakan Audit meliputi kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan, pelaburan, pinjaman, pengurusan sumber manusia dan aset.
- b.** Semakan Audit terhadap 30 sampel dokumen dan rekod kewangan SMC bagi tahun 2011 mendapati SMC tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berhubung kawalan pendapatan seperti deposit kemasukan ke wad tidak dikutip bagi 8 kes. Selain itu, didapati peraturan berhubung kawalan perbelanjaan juga tidak dipatuhi sepenuhnya iaitu borang *Purchase Requisition* dan borang *Purchase Order* tidak disediakan untuk perolehan barang dan perkhidmatan, perbelanjaan melalui panjar wang runcit melebihi amaun ditetapkan, perolehan tidak dibuat secara sebut harga dan tender, perolehan melebihi RM500,000 tidak mendapat kelulusan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2006. Adalah didapati juga prosedur dan polisi terhadap penggunaan kad kredit korporat tidak disediakan dan dokumen sokongan tidak disertakan. Dari segi kawalan pinjaman, adalah didapati SMC belum membuat bayaran balik pinjaman RM107.40 juta kepada Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri. Di samping itu, dokumen perjanjian dan syarat pembayaran balik bagi bayaran pendahuluan oleh SMC kepada Sarawak International Medical Centre berjumlah RM48.75 juta tidak disediakan. Selain itu, didapati kawalan pengurusan aset tidak teratur iaitu daftar aset tidak lengkap dan tidak kemas kini, pemeriksaan tahunan terhadap aset tidak dijalankan dan pelupusan aset dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pemeriksa.
- c.** Adalah didapati SMC telah memohon pengecualian bayaran balik pinjaman berjumlah RM107.40 juta daripada Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Negeri pada bulan Oktober 2011. SMC telah melantik Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. pada bulan Mei 2012 untuk melaksanakan sistem komputer yang baru bagi memantapkan lagi sistem perakaunan berkomputer dan aktiviti utama SMC.

16.4.3.5. Pemantauan

- a. Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan.
- b. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2009, 2 kali pada tahun 2010 dan sekali pada tahun 2011. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan pelaksanaan polisi dan peraturan syarikat, laporan prestasi syarikat dari segi kewangan dan bilangan pesakit, pengesahan penyata kewangan syarikat, isu berkaitan kewangan seperti bajet dan perbelanjaan, serta isu berkaitan operasi, pentadbiran dan sumber manusia. Mesyuarat Agung Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan berhubung pengesahan penyata kewangan tahunan, pelantikan ahli Lembaga Pengarah, penetapan yuran ahli Lembaga Pengarah dan pelantikan juruaudit luar.
- c. SMC juga mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Perubatan, Jawatankuasa Eksekutif Perubatan dan mesyuarat Pengurus bagi memantau dan memastikan operasi syarikat dilaksanakan dengan lancar, cekap dan teratur. Laporan setiap suku tahun juga ada disediakan oleh Unit Perhubungan Awam di bawah Bahagian Pembangunan Perniagaan hasil dari maklum balas pesakit dan orang awam berhubung kualiti layanan, perkhidmatan, kemudahan dan makanan.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat SMC perlu ditambah baik dengan menubuhkan Jawatankuasa Audit dan menyediakan peraturan kewangan yang lengkap serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, langkah segera perlu diambil bagi mengatasi kelemahan ketara dalam pengurusan kewangan dari segi kawalan pendapatan, perbelanjaan dan pengurusan aset.

16.5. SYOR AUDIT

Sebagai usaha menambahbaik pengurusan syarikat supaya lebih berdaya saing, Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd. disyorkan:

- 16.5.1. Menyediakan peraturan yang jelas berhubung dengan pelantikan dan bayaran kepada wakil pusat perubatan yang memperkenalkan pesakit kepada Normah Medical Specialist Centre.**

16.5.2. Menubuhkan Jawatankuasa Audit untuk mengukuhkan kawalan pengurusan syarikat. Selain itu, menambah fungsi Unit Audit Dalam atau mendapatkan khidmat Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri untuk melaksanakan pgaudit dan menilai kawalan dalam syarikat.

16.5.3. Memastikan pengutang menjelaskan hutang dengan segera bagi meningkatkan tahap kecairan syarikat.

16.5.4. Menambah baik aspek pengurusan kewangan dengan menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

16.5.5. Membuat bayaran balik bagi pinjaman dari Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri.

16.5.6. Memastikan sistem perakaunan berkomputer yang mantap digunakan bagi mempertingkatkan pengurusan kewangan seperti pungutan deposit, tunggakan dan lain-lain.

PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

17. HILLOG SDN. BHD.

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Hillog Sdn. Bhd. (Hillog) adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 14 April 1982 dengan modal berbayar RM0.1 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA). Objektif Hillog ialah untuk mengeluarkan produk berasaskan kayu yang bermutu tinggi dan mewujudkan pekerja tempatan mahir dengan pengurusan yang berkesan. Aktiviti utama Hillog ialah mengeluarkan *finger joint strip* dan produk berkaitan *finger joint strip* serta membuat dan menjual perabot.

17.1.2. Pengurusan operasi harian Hillog diketuai oleh seorang Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh 5 kakitangan sokongan. Struktur organisasi Hillog dibahagikan kepada 4 unit iaitu Unit Perniagaan, Unit Operasi Pengeluaran *Finger Joint*, Unit Pentadbiran dan Akaun dan Unit Operasi Pengeluaran Perabot. Lembaga Pengarah Hillog dipengerusikan oleh Pengurus Besar PUSAKA dan dianggotai oleh 4 ahli lain iaitu Pengarah Eksekutif Hillog dan 3 kakitangan PUSAKA.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

17.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 dan pengurusan aktiviti syarikat serta tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Metodologi pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan dilakukan terhadap penyata kewangan yang diaudit iaitu bagi tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, temu bual dengan pegawai Hillog dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan. Lawatan juga diadakan ke kilang Hillog di Kompleks PUSAKA, Bahagian Samarahan.

17.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan dari bulan Januari hingga Mac 2012. Secara keseluruhannya pihak Audit mendapati prestasi pengurusan Hillog adalah memuaskan. Hillog mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM5,267 bagi tahun kewangan 2010 dan mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM0.32 juta setakat akhir Disember 2010. Pengurusan aktiviti Hillog boleh ditambah baik dengan meningkatkan prestasi pengeluaran *finger joint strip* dan pengurusan jualan perabot. Tadbir urus korporat Hillog wajar dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat, menujuhkan Jawatankuasa Audit dan mendapatkan khidmat Unit Audit Dalam PUSAKA untuk melaksanakan pengauditan dengan lebih kerap, menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya. Hasil pengauditan terhadap Hillog berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

17.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan Hillog yang telah diaudit bagi tahun 2008 hingga 2010. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

17.4.1.1 Analisis Trend

- a.** Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati Hillog telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.55 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, prestasi Hillog telah merosot pada tahun 2009 dengan mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM0.33 juta. Penurunan keuntungan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 disebabkan penurunan pendapatan langsung dan pendapatan lain serta peningkatan perbelanjaan pentadbiran syarikat pada tahun 2009. Pada tahun 2010, Hillog mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM5,267 terutamanya disebabkan peningkatan pendapatan lain iaitu terimaan komisen untuk projek membekalkan perabot kepada Dewan Undangan Negeri. Keuntungan terkumpul Hillog pada tahun 2010 adalah berjumlah RM0.32 juta.
- b.** Analisis Audit mendapati pendapatan langsung Hillog menunjukkan trend menurun iaitu RM1.02 juta, RM0.27 juta dan RM0.13 juta pada tahun 2008, 2009 dan 2010 iaitu penurunan RM0.75 juta atau 73.5% pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 dan RM0.14 juta atau 51.9% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Analisis Audit seterusnya mendapati sumber utama pendapatan langsung Hillog bagi tempoh 3 tahun tersebut adalah daripada jualan perabot, jualan kayu, projek PUSAKA, jualan perabot yang dibeli dari Jepara, projek khas JKR dan projek *finger joint*. Pada tahun 2008, Hillog juga membekalkan perabot kepada Universiti Swinburne dan *Furniture Industry Technology Centre* (FITEC). Selain itu, Hillog juga memperoleh pendapatan

lain berjumlah RM0.66 juta, RM6,404 dan RM0.23 juta bagi tahun 2008, 2009 dan 2010. Penurunan pendapatan lain pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 disebabkan pengurangan pendapatan dividen dan untung atas pelupusan aset. Butiran pendapatan langsung Hillog adalah seperti **Jadual 17.1**.

Jadual 17.1

Pendapatan Langsung Hillog Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Jualan Perabot	13,459	16,060	-
Jualan Kayu	-	15,783	9,663
Projek PUSAKA	109,545	118,032	11,564
Jualan Perabot Yang Dibeli Dari Jepara	63,193	111,257	38,696
Projek Khas JKR	-7,161	4,920	3,780
Projek <i>Finger Joint</i>	-	-	40,717
Projek Lain	843,373	3,016	27,259
Jumlah	1,022,409	269,068	131,679

Sumber: Rekod Kewangan Hillog Sdn. Bhd.

- c. Perbelanjaan langsung Hillog merupakan kos jualan syarikat berjumlah RM0.99 juta, RM0.38 juta dan RM0.14 juta bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 yang antaranya terdiri daripada perbelanjaan untuk projek khas, kos pekerja serta pembaikan dan penyenggaraan. Analisis Audit mendapati trend penurunan perbelanjaan langsung Hillog selaras trend pendapatan langsung syarikat. Adalah didapati penurunan perbelanjaan langsung disebabkan pengurangan pembelian komponen untuk projek perabot dan pengurangan kos langsung kilang. Perbelanjaan tidak langsung Hillog merupakan perbelanjaan pentadbiran syarikat. Pada tahun 2009, perbelanjaan tidak langsung meningkat sejumlah RM0.08 juta atau 52.1% menjadi RM0.22 juta daripada RM0.15 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, perbelanjaan tidak langsung RM0.19 juta pada tahun 2010 menurun RM0.03 juta atau 14.4% berbanding tahun 2009.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan terkumpul Hillog bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 17.2**.

Jadual 17.2

Keuntungan Terkumpul Hillog Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan Langsung	1,022,409	269,068	131,679
Perbelanjaan Langsung	-986,982	-381,067	-144,430
Untung/Rugi Kasar	35,427	-111,999	-12,751
Pendapatan Lain	656,752	6,404	234,340
Perbelanjaan Pentadbiran	-146,332	-222,627	-190,620
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	545,847	-328,222	30,969
Cukai	-168	-	-25,702
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	545,679	-328,222	5,267
Keuntungan Terkumpul	638,300	310,078	315,345

Sumber: Rekod Kewangan Hillog Sdn. Bhd.

17.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset, nisbah pulangan ke atas ekuiti dan nisbah hutang telah dibuat terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 17.3**.

Jadual 17.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	2.32:1	1.30:1	1.62:1
Margin Untung Bersih	53.4%	-122%	23.5%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.46:1	-0.39:1	0.01:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.73:1	-0.79:1	0.01:1

Sumber: Rekod Kewangan Hillog Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa Hillog bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah 2.32:1, 1.30:1 dan 1.62:1. Nisbah semasa Hillog telah menurun pada tahun 2009 tetapi meningkat semula pada tahun 2010. Bagaimanapun, nisbah semasa Hillog masih berada di bawah norma 2:1 walaupun menunjukkan peningkatan pada tahun 2010. Analisis Audit seterusnya mendapati nisbah cepat Hillog semakin menurun iaitu berada pada paras 2.14:1, 0.81:1 dan 0.76:1 bagi tahun 2008, 2009 dan 2010. Ini menunjukkan kecairan syarikat terlalu bergantung kepada inventori. Sekiranya keadaan ini berterusan, Hillog berkemungkinan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa syarikat.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati Hillog telah mencatatkan margin untung bersih 53.4% pada tahun 2008, -122% pada tahun 2009 dan 23.5% pada tahun 2010.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan.

Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Nisbah pulangan ke atas aset Hillog adalah 0.46:1 pada tahun 2008, -0.39:1 pada tahun 2009 dan 0.01:1 pada tahun 2010.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Semakan Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti semakin berkurang bagi tahun kewangan 2009 dan 2010 berbanding tahun 2008.

e. Mengikut maklum balas daripada Hillog bertarikh 13 April 2012, pihak Hillog sedang berusaha menambahkan pendapatan syarikat dengan mendapatkan kontrak dari luar dan menyemak semula harga jualan produk agar selaras dengan harga pasaran semasa. Pihak Hillog juga akan mengawal perbelanjaan secara berhemah terutamanya berhubung kos perolehan bahan mentah dan operasi kilang.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Hillog bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah memuaskan. Bagaimanapun, keuntungan terkumpul Hillog berkurangan dari RM0.64 juta menjadi RM0.32 juta pada tahun 2010. Kedudukan kewangan Hillog perlu ditambah baik iaitu nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti.

17.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti Hillog ialah mengeluarkan *finger joint strip* dan produk berkaitan dengannya seperti *finger joint board*, jenang pintu dan jenang tingkap. Di samping itu, Hillog juga membuat dan menjual perabot.

17.4.2.1. Prestasi Pengeluaran *Finger Joint Strip* Kurang Memuaskan

- a. Pengeluaran produk *finger joint strip* Hillog bermula pada bulan Jun 2010 di Kompleks Industri Perabot PUSAKA, Bahagian Samarahan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2011, Hillog hanya berjaya menghasilkan *finger joint strip* sebanyak 58.23 tan atau 7.4% berbanding sasaran 792 tan. Faktor yang menyebabkan pengeluaran *finger joint strip* rendah adalah mesin yang kurang efisien, kekurangan pekerja, kekangan bekalan elektrik serta bekalan bahan mentah yang tidak mencukupi dan kurang berkualiti.

- b. Mengikut maklum balas daripada Hillog bertarikh 13 April 2012, pihak Hillog tidak membeli mesin yang lebih baik disebabkan oleh kekangan peruntukan yang diluluskan oleh PUSAKA dan syarikat ingin mempelopori perusahaan *finger joint* secara kecil-kecilan terlebih dahulu. Pihak Hillog juga bercadang untuk membeli mesin dan peralatan yang lebih baik serta memohon kepada PUSAKA untuk menggantikan sistem pembuangan habuk yang sedia ada iaitu *Dust Bag System* kepada *Cyclone Dust Extraction System* supaya operasi kilang dapat dilakukan dengan lebih efisien. Di samping itu, pihak Hillog bercadang untuk mendapatkan tenaga pekerja dari luar negara bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja. Masalah kekangan bekalan elektrik masih berlaku memandangkan kerja penyambungan elektrik belum dilakukan oleh Syarikat SESCO Sdn. Bhd. Bagi mengatasi masalah bahan mentah yang tidak mencukupi dan kurang berkualiti, pihak Hillog berusaha mendapatkan lebih banyak pembekal dan mendapatkan bantuan dari PUSAKA. Mesin yang digunakan untuk menghasilkan *finger joint strip* adalah seperti **Gambar 17.1** dan **Gambar 17.2** manakala produk *finger joint* yang dihasilkan adalah seperti **Gambar 17.3** dan **Gambar 17.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Hillog, Samarahan
Tarikh: 9 Februari 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Hillog, Samarahan
Tarikh: 28 Februari 2012

Gambar 17.3
Finger Joint Strip



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Hillog, Samarahan
Tarikh: 9 Februari 2012

Gambar 17.4
Finger Joint Board



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Hillog, Samarahan
Tarikh: 9 Februari 2012

17.4.2.2. Pengurusan Jualan Perabot Kurang Memuaskan

- Hillog membeli 475 perabot pelbagai jenis dari Jepara, Indonesia berjumlah RM0.29 juta pada tahun 2008 dan 2009 melalui peruntukan RM0.35 juta yang diterima daripada PUSAKA. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2011, Hillog telah menjual 250 atau 52.6% perabot pelbagai jenis yang dibeli pada kos RM0.14 juta dengan hasil jualan RM0.27 juta. Setakat akhir tahun 2011, Hillog masih mempunyai stok 225 perabot yang dibeli dari Jepara dengan nilai RM0.15 juta. Antara stok perabot yang belum terjual adalah seperti set sofa dan set meja makan seperti **Gambar 17.5** dan **Gambar 17.6**.

Gambar 17.5
Set Sofa Jenis OM Ero



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan PBB Sarawak, Bahagian Kuching
Tarikh: 27 Februari 2012

Gambar 17.6
Set Meja Makan Jenis Silvana



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan PBB Sarawak, Bahagian Kuching
Tarikh: 27 Februari 2012

- Adalah didapati Hillog tidak menyediakan ruang pameran khusus untuk menempatkan perabot yang hendak dijual. Lawatan Audit mendapati Hillog berkongsi ruang pameran dengan 2 syarikat lain. Selain itu, adalah didapati tiada kakitangan Hillog yang ditugaskan untuk mempromosi dan menjual perabot. **Mengikut maklum**

balas daripada Hillog bertarikh 13 April 2012, pihak Hillog akan mempergiatkan promosi jualan dan membawa perabot ke luar Bahagian Kuching. Cadangan untuk menubuhkan syarikat bagi mengendalikan aktiviti perolehan dan pemasaran produk Hillog belum dilaksanakan dan ditangguhkan oleh Lembaga Pengarah Hillog. Tempat penyimpanan perabot Hillog adalah seperti **Gambar 17.7** dan **Gambar 17.8**.

**Gambar 17.7
Perabot Hillog Ditempatkan
Bersama Perabot Syarikat Lain**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan PBB Sarawak, Bahagian Kuching
Tarikh: 27 Februari 2012

**Gambar 17.8
Tempat Penyimpanan Perabot Hillog**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan PBB Sarawak, Bahagian Kuching
Tarikh: 27 Februari 2012

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Hillog boleh ditambah baik dengan meningkatkan prestasi pengeluaran *finger joint strip* dan pengurusan jualan perabot.

17.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Hillog tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan.

17.4.3.1. Rancangan Korporat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati Hillog belum menyediakan rancangan korporat jangka panjang dan jangka pendek serta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktivitinya. **Mengikut maklum balas daripada Hillog bertarikh 13**

April 2012, pihak Hillog akan menyediakan rancangan korporat untuk dibincang dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

17.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksanakan pgauditian serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Bagaimanapun didapati Hillog belum menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam. Kali terakhir Seksyen Audit Dalam PUSAKA yang diketuai oleh Pengurus Audit Dalaman melaksanakan pgauditian terhadap Hillog ialah pada tahun 2005. Perkara yang diaudit adalah pengurusan wang tunai, penghutang, pemutang, pelaburan dan aset tetap. **Mengikut maklum balas Hillog bertarikh 13 April 2012, pihak Hillog akan mencadangkan penubuhan Jawatankuasa ini dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan akan mencadangkan kepada Unit Audit Dalam PUSAKA untuk melaksanakan pgauditian terhadap Hillog dengan lebih kerap.**

17.4.3.3. Bayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menghendaki syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati Hillog tidak membayar dividen kepada pemegang saham iaitu PUSAKA. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada sebarang bukti menunjukkan bahawa kelulusan pengecualian bayaran dividen telah diperolehi daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Mengikut maklum balas, pihak Hillog akan memaklumkan pematuhan terhadap perkara ini dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

17.4.3.4. Bayaran Bonus

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993, syarikat Kerajaan yang memperolehi keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus setengah bulan atau sebulan gaji ada dibuat bagi tahun 2009. Semakan Audit mendapati bayaran bonus tahun 2009 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Hillog tetapi tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. **Mengikut maklum balas Hillog bertarikh 13**

April 2012, pihak Hillog akan mengemukakan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

17.4.3.5. Pengurusan Kewangan

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan meliputi kawalan bajet, pendapatan, perbelanjaan, pelaburan, pinjaman, pengurusan sumber manusia dan aset. Adalah didapati Hillog belum menyediakan peraturan berhubung pengurusan kewangan. Semakan Audit terhadap sampel dokumen dan rekod kewangan Hillog bagi tahun 2011 mendapati Hillog tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berhubung kawalan perbelanjaan seperti borang pesanan pembelian dikeluarkan selepas penerimaan inbois dan tidak dilengkapkan dengan tarikh. Selain itu, adalah didapati pemeriksaan tahunan terhadap aset tidak dijalankan. **Mengikut maklum balas Hillog bertarikh 13 April 2012, pihak Hillog akan mengemukakan cadangan penyediaan peraturan kewangan untuk persetujuan dan kelulusan Lembaga Pengarah.**

17.4.3.6. Pemantauan

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak sekali pada tahun 2009, 2 kali pada tahun 2010 dan sekali pada tahun 2011. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan projek syarikat, laporan operasi dan pengurusan kilang, pengesahan penyata kewangan syarikat, isu berkaitan kewangan seperti bajet dan prestasi kewangan syarikat serta isu berkaitan pentadbiran dan sumber manusia. Mesyuarat Agung Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan berhubung pengesahan penyata kewangan tahunan, pelantikan ahli Lembaga Pengarah, dividen, pelantikan juruaudit luar dan penetapan yuran ahli Lembaga Pengarah. Bagi memastikan keselamatan pekerja, polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah diwujudkan sebagai panduan kepada kakitangan di kilang Hillog.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat Hillog wajar ditambah baik dengan menyediakan rancangan korporat, menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam atau mendapatkan khidmat Unit Audit Dalam PUSAKA, menyediakan polisi dan peraturan yang lengkap dan mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

17.5. SYOR AUDIT

Sebagai usaha menambah baik pengurusan syarikat supaya lebih berdaya saing, adalah disyorkan:

17.5.1. Hillog Sdn. Bhd. perlu menyediakan rancangan korporat berserta petunjuk prestasi utama sebagai panduan ke arah pencapaian objektif dan penetapan hala tuju syarikat.

17.5.2. Hillog Sdn. Bhd. hendaklah menukuhkan Jawatankuasa Audit untuk menguahkan kawalan dalam terhadap pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat dan mencadangkan Unit Audit Dalam Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak untuk melaksanakan pengauditan dengan lebih kerap.

17.5.3. Hillog Sdn. Bhd. perlu meningkatkan pengeluaran *finger joint strip* dengan menggunakan mesin yang lebih efisien, menambah bilangan pekerja di kilang, meningkatkan keupayaan bekalan arus elektrik di kilang serta memastikan bekalan bahan mentah yang mencukupi dan berkualiti.

17.5.4. Hillog Sdn. Bhd. perlu mempromosikan produk syarikat dengan lebih aktif bagi meningkatkan jualan.

17.5.5. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak perlu mengkaji semula model perniagaan Hillog Sdn. Bhd. supaya boleh beroperasi sebagai entiti komersial yang boleh berdaya saing dengan pengusaha lain.

17.5.6. Hillog Sdn. Bhd. hendaklah menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini serta mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

18. PPES AQUA (SANTUBONG) SDN. BHD.

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd. (PPES Aqua) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 26 Mac 1986. PPES Aqua merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) dan mula beroperasi pada tahun 1993 dengan modal dibenarkan RM10 juta dan modal berbayar berjumlah RM3.80 juta. Aktiviti utama PPES Aqua adalah pembiakan ikan laut dan udang. Visi PPES Aqua adalah menjadi peneraju utama dalam pembangunan akuakultur di Negeri Sarawak. Misi PPES Aqua adalah menjadi pengeluar utama produk akuakultur di Negeri Sarawak melalui kerjasama strategik dengan pengeluar produk industri serta menjadi pemangkin perkembangan industri penternakan udang melalui pemindahan teknologi kepada pengusaha. PPES Aqua telah membangunkan 46.7 hektar daripada 173 hektar tanah milik PPES di Kuala Santubong untuk pembinaan kolam udang dan ladang penetasan.

18.1.2. Lembaga Pengarah PPES Aqua dipengerusikan oleh Timbalan Pengurus Besar PPES dan mempunyai 3 ahli lain terdiri daripada Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Pengarah Bahagian Pemasaran Korporat dan Timbalan Pengarah Bahagian Agro-Makanan PPES. PPES Aqua hanya mempunyai seorang pegawai iaitu Eksekutif Akaun dan dibantu oleh 7 kakitangan PPES. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh PPES, PPES Aqua perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

18.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tempoh 2008 hingga 2010 dan pengurusan aktiviti syarikat serta tadbir urus korporat PPES Aqua bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Metodologi pengauditan ialah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta perbincangan dan temu bual dengan pegawai syarikat. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan turut dijalankan. Pemeriksaan fizikal aset dan lawatan ke tapak juga dijalankan di Kuala Santubong, Kuching.

18.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan September hingga November 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan PPES Aqua adalah kurang memuaskan. PPES Aqua mencatatkan keuntungan bersih RM0.79 juta pada 2010. Bagaimanapun, PPES Aqua masih mencatatkan kerugian terkumpul RM4.05 juta. Pengurusan PPES Aqua belum mencapai objektif penubuhannya di mana tidak berlaku pemindahan teknologi pembiakan ikan laut dan udang kepada pengusaha. Tadbir urus korporat PPES Aqua boleh dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat jangka panjang. Hasil pengauditan terhadap PPES Aqua berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

18.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan Penyata Kewangan PPES Aqua bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 yang telah diaudit. Analisis trend dan nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

18.4.1.1. Analisis Trend

- a.** Analisis Audit terhadap penyata kewangan yang telah diaudit mendapati prestasi kewangan PPES Aqua telah mencatatkan peningkatan dalam keuntungan bersih selepas cukai bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Keuntungan bersih selepas cukai meningkat daripada RM0.39 juta pada tahun 2008 kepada RM0.56 juta pada tahun 2009 dan RM0.80 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, PPES Aqua mengalami kerugian terkumpul RM4.05 juta pada tahun 2010. Ia menyebabkan PPES Aqua mengalami defisit dalam dana pemegang saham sebanyak RM0.25 juta dan liabiliti semasa melebihi aset semasa sebanyak RM6.30 juta.

- b.** Pendapatan langsung diperoleh daripada sewaan kolam, komisen jualan udang, *licencee fee* dan pendapatan dividen. Analisis Audit mendapati pendapatan langsung PPES Aqua pada tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan trend menaik iaitu daripada RM0.63 juta pada tahun 2008 kepada RM0.67 juta pada tahun 2009 dan seterusnya kepada RM0.68 juta pada tahun 2010. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan adalah daripada sewaan kolam dan komisen jualan udang. Butiran pendapatan langsung PPES Aqua bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 18.1**.

Jadual 18.1**Pendapatan Langsung PPES Aqua Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Licence Fee	55,164	9,612	19,106
Sewa Kolam	327,312	393,100	417,600
Komisen Jualan	251,763	268,639	424,103
Jumlah	634,239	671,351	860,809

Sumber: Penyata Kewangan PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd.

- c. Perbelanjaan PPES Aqua terdiri daripada perbelanjaan langsung dan perbelanjaan pentadbiran. Analisis Audit mendapati perbelanjaan menunjukkan peningkatan daripada RM0.30 juta pada tahun 2008 kepada RM0.33 juta pada tahun 2009 dan menurun kepada RM0.31 juta pada tahun 2010.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul PPES Aqua bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 18.2**.

Jadual 18.2**Kerugian Terkumpul Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan Langsung	634,239	671,351	860,809
Pendapatan Lain	57,154	215,111	246,492
Jumlah Pendapatan	691,393	886,462	1,107,301
Perbelanjaan Langsung	-150,390	-148,585	-148,549
Perbelanjaan Pentadbiran	-150,174	-179,290	-163,902
Keuntungan Sebelum Cukai	390,829	558,587	794,850
Cukai	-542	-2,588	-873
Keuntungan Selepas Cukai	390,287	555,999	793,977
Kerugian Terkumpul	-5,396,945	-4,840,946	-4,046,969

Sumber: Penyata Kewangan PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd.

18.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PPES Aqua, nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan PPES Aqua bagi tahun 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 18.3**.

Jadual 18.3**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.05:1	0.09:1	0.06:1
Margin Untung Bersih	56.5%	63%	71.8%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.06:1	0.08:1	0.10:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.24:1	-0.53:1	-3.21:1

Sumber: Penyata Kewangan PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa PPES Aqua bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah 0.05:1, 0.09:1 dan 0.06:1. Ini menunjukkan nisbah semasa PPES Aqua berada di bawah norma 2:1. Sekiranya keadaan ini berterusan, PPES Aqua berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah, lebih baik. Semakin tinggi margin bermakna syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis audit mendapati margin untung bersih PPES Aqua pada tahun 2010 adalah 71.8% iaitu meningkat berbanding 63% pada tahun 2009 dan 56.5% pada tahun 2008. Berdasarkan margin ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi PPES Aqua adalah stabil kerana menunjukkan peningkatan yang ketara dari tahun 2008 hingga 2010 disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis audit mendapati kadar pulangan ke atas aset meningkat setiap tahun daripada tahun 2008 hingga 2010, iaitu 0.06:1 atau 6 sen pada 2008, 0.08:1 atau 8 sen pada tahun 2009 dan 0.10:1 atau 10 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan pada tahun 2010.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah negatif bagi tahun 2008 hingga 2010 iaitu RM0.24 pada 2008, RM0.53 pada tahun 2009 dan RM3.21 pada tahun 2010.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PPES Aqua adalah memuaskan di mana keuntungan syarikat meningkat 3 tahun berturut-turut dari tahun

2008 hingga 2010. Bagaimanapun, PPES Aqua masih mengalami kerugian terkumpul RM4.05 juta pada tahun 2010. Sehubungan itu, PPES Aqua hendaklah mengambil tindakan untuk meningkatkan prestasi syarikat.

18.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama PPES Aqua adalah pembiakan ikan dan udang serta menguruskan ladang penetasan dan penyewaan kolam. Pada 29 Disember 1999, satu perjanjian pengurusan penyewaan dengan sebuah syarikat swasta yang mengusahakan kilang memproses makanan laut telah ditandatangani bagi menggunakan dan mengurus 51 kolam ternakan udang dimiliki PPES Aqua. Selain itu, PPES Aqua juga menyewakan sebuah ladang penetasan udang kepada pengusaha bumiputera di Kuala Santubong.

18.4.2.1. Syarikat Tidak Lagi Menjalankan Aktiviti Pembiakan Ikan Laut dan Udang

- a. Mengikut *Memorandum And Articles Of Association* (M&A) PPES Aqua, aktiviti perniagaan utama PPES Aqua adalah pembiakan ikan laut dan udang dan menjadi pemangkin perkembangan industri penternakan udang melalui pemindahan teknologi kepada pengusaha. Bagaimanapun pada masa ini PPES Aqua tidak menjalankan aktiviti berkaitan pembiakan ikan laut dan udang secara langsung sebaliknya menyewakan kolam serta ladang. Pada masa ini, PPES Aqua hanya berperanan sebagai penyewa kolam kepada syarikat penternakan udang swasta yang merupakan penyewa utama dan usahawan lain.
- b. Ladang Akuakultur Santubong diurus oleh syarikat swasta sejak Disember 1999. Mulai tahun tersebut, perjanjian pengurusan ladang yang ditandatangani ada diperuntukkan dengan opsyen kepada PPES Aqua untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat tersebut. Bagaimanapun, sehingga laporan ini disediakan belum ada usaha sama di antara PPES Aqua dan syarikat swasta tersebut disebabkan kekurangan kepakaran dan sumber manusia dari pihak PPES Aqua.
- c. Semakan Audit seterusnya mendapati PPES Aqua hanya mempunyai seorang Eksekutif Akaun yang bertanggungjawab terhadap pengurusan perakaunan manakala pengurusan sewaan dan pembangunan dilaksanakan oleh kakitangan Bahagian Agro-Makanan PPES. Selain itu, perancangan strategik jangka panjang tidak disediakan untuk menentukan hala tuju syarikat.
- d. **Maklum balas daripada PPES Aqua bertarikh 14 Jun 2012 dan 27 Februari 2012, opsyen untuk mengadakan usaha sama dengan syarikat swasta tersebut tidak dijalankan kerana PPES Aqua telah mengalami kerugian semasa menjalankan usaha sama dengan sebuah syarikat asing dan ramai penggiat industri ternakan udang utama di Sarawak tidak lagi menjalankan aktiviti ternakan udang disebabkan kerugian. Keputusan ini adalah keputusan strategik setelah pihak syarikat dan PPES membuat penilaian ke atas berapa opsyen perniagaan.**

18.4.2.2. Pengurusan Kontrak

Sebanyak 5 kontrak Pengurusan Ladang PPES Aqua telah ditandatangani mulai tahun 1999 di antara PPES, PPES Aqua dan syarikat swasta. Antara perkara yang disetujui adalah sewaan dan komisen, pembangunan kolam bagi Fasa II dan berikutnya dan opsyen usaha sama.

a. Kadar Sewaan Kolam Tidak Dikaji Semula Sejak Ogos 2005

- i. Hasil sewaan yang terdiri daripada kolam, bangunan dan kemudahan merupakan salah satu punca pendapatan utama PPES Aqua. Kadar sewaan bagi Fasa I, iaitu kolam yang dibangunkan oleh PPES Aqua adalah RM24,000 sebulan sejak tahun 1999 bagi *water area* seluas 29 hektar. Semakan Audit mendapati kadar tersebut dikurangkan kepada RM12,000 sebulan bagi tempoh Januari 2004 sehingga Julai 2005 berikutan rayuan daripada syarikat swasta tersebut dengan alasan hasil pengeluaran udang kurang memuaskan. Semakan Audit seterusnya mendapati tidak ada kajian semula dilakukan walaupun hasil pengeluaran ladang telah bertambah pada tahun-tahun berikutnya berdasarkan kepada peningkatan dalam bayaran komisen hasil jualan. Selain itu, tidak ada bukti kajian pasaran dilakukan untuk memastikan PPES Aqua memperoleh kadar sewa yang lebih kompetitif dan setimpal dengan kadar inflasi yang terkini.
- ii. **Mengikut maklum balas daripada PPES bertarikh 6 Julai 2012 dan 22 Februari 2012, kadar sewa dikurangkan pada tempoh 2004 hingga 2005 kerana penyewa memberhentikan penggunaan setengah dari jumlah 50 kolam sebagai tindakan untuk membaikpulih kolam tersebut bagi mencegah berlakunya wabak penyakit yang serius. Oleh kerana kolam tersebut tidak mengeluarkan udang dalam tempoh tersebut maka pihak PPES Aqua bersetuju untuk sewa dikurangkan. Kadar sewa dinaikkan semula kepada RM24,000 sebulan mulai Ogos 2005. PPES Aqua akan mengkaji semula kadar sewa ini pada setiap 3 tahun.**

b. Pembangunan Kolam Bagi Fasa II Dan Berikutnya Tidak Mematuhi Syarat Kontrak

- i. Perjanjian yang ditandatangani pada Oktober 2003 menetapkan Syarikat penternakan udang swasta perlu membina 23 kolam di kawasan seluas 22 hektar bagi Fasa II Peringkat I secara *turnkey*. Kolam tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh 18 bulan iaitu pada Jun 2004. Perjanjian lanjutan bertarikh Januari 2009 pula menetapkan bahawa pelaksanaan Fasa II Peringkat II dan berikutnya yang terdiri dari pembangunan 51 kolam dengan kawasan seluas 42.8 hektar hendaklah disiapkan dalam tempoh 5 tahun mulai Disember 2008. Tempoh pembinaan untuk Fasa II Peringkat II telah dilanjutkan sehingga akhir Disember 2014 melalui perjanjian tambahan pada Jun 2011 tanpa

penjelasan. Adalah didapati jadual pelaksanaan muktamad tidak dikemukakan dan PPES Aqua tidak memantau pelaksanaan projek bagi memastikan perjanjian dipatuhi. Walaupun PPES telah meluluskan pinjaman berjumlah RM5.6 juta pada Jun 2011 kepada syarikat swasta tersebut bagi tujuan pembangunan ladang, jadual pelaksanaan projek hanya dikemukakan pada April 2012. Selain itu, perjanjian juga tidak memperuntukkan syarat berkaitan denda sekiranya syarikat swasta tersebut tidak melaksanakan kerja seperti yang ditetapkan.

- ii. Semakan Audit mendapati Syarikat swasta telah gagal membina 23 kolam bagi Fasa II Peringkat I pada tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Sebaliknya, syarikat swasta hanya siap membina 4 kolam pada September 2004, 5 kolam pada Julai 2006 dan 3 kolam pada April 2007 yang sepatutnya disiapkan pada Jun 2004. Kelewatan ini menyebabkan PPES Aqua kehilangan hasil sewa dan komisen.
- iii. **Menurut maklum balas daripada PPES bertarikh 14 Jun 2012, pembangunan kolam di Fasa II bergantung kepada situasi semasa seperti kedudukan kewangan, keadaan pasaran global dan faktor teknikal dan alam sekitar.**

c. Kadar Komisen Tidak Disemak

- i. Perjanjian di antara PPES Aqua dengan syarikat swasta pada tahun 1999 menetapkan syarikat hendaklah membayar komisen sebanyak 3% atas hasil jualan udang kepada PPES Aqua. Semakan Audit mendapati kadar komisen bagi kolam di bawah Fasa II Peringkat I dinaikkan kepada 5% melalui perjanjian pada Oktober 2003 tetapi komisen sebenar dikutip kekal pada kadar 3%. Semakan Audit seterusnya mendapati PPES Aqua telah menurunkan kadar komisen tersebut daripada 5% kepada 3% melalui perjanjian lanjutan yang berkuat kuasa pada Disember 2006. Sejak tahun 2006, kadar komisen 3% tidak pernah dikaji semula walaupun pengeluaran dari ladang juga meningkat hampir sekali ganda dari 988 tan pada tahun 2008 kepada 1,709 tan pada tahun 2010. PPES Aqua juga telah menyumbang sejumlah RM394,500 bagi pembangunan bekalan elektrik yang mana kesemua pembangunan ladang sepatutnya ditanggung oleh syarikat swasta berkenaan.
- ii. Mengikut maklum balas, perjanjian yang ditandatangani pada tahun 2003 dan perjanjian selanjutnya pada tahun 2005, kadar komisen bagi kolam Fasa I adalah pada kadar 3% manakala bagi kolam Fasa II adalah pada kadar 5%. Perbezaan ini adalah disebabkan kolam di Fasa I kurang produktif berbanding dengan kolam di Fasa II. Kadar komisen 5% tidak dapat dilaksanakan ke atas Fasa II sebab tuaian pertama dijalankan pada tahun 2005 dan mengikut perjanjian tuaian pertama adalah percuma. Pada tahun 2006, syarikat swasta berkenaan telah menukar spesis ternakan udang harimau kepada udang putih. Kadar komisen

5% dikurangkan kepada 3% oleh kerana margin keuntungan udang putih adalah rendah dibandingkan dengan udang harimau malah kadar 3% komisen adalah berdasarkan jualan kasar di mana kos pengeluaran udang daripada ladang Santubong ditanggung oleh syarikat swasta tersebut. Oleh itu, pengurusan syarikat termasuk pengurusan PPES bersetuju dengan permintaan syarikat swasta untuk mengekalkan komisen pada kadar 3%. Pihak syarikat sedang dalam proses mengkaji semula kadar komisen.

d. Caj Faedah Tidak Dikenakan

Perjanjian juga menetapkan komisen perlu dibayar pada atau sebelum hari bekerja terakhir bulan berkenaan. Sekiranya gagal berbuat demikian, syarikat swasta boleh dikenakan faedah 15% setahun mengikut bilangan hari lewat dibayar. Semakan Audit mendapati faedah tidak dikenakan terhadap tunggakan komisen dan sewaan berjumlah RM188,614 pada Disember 2005, RM267,117 pada Mei 2006 dan RM261,885 sehingga April 2010.

18.4.2.3. Ladang Penetasan Di Santubong Tidak Disenggara

PPES Aqua juga mengurus sebuah ladang penetasan dan 2 kolam pembesaran akuakultur di Santubong. Struktur utama ladang penetasan adalah rumah penetasan, kuarters, tangki simen, sistem paip air, perparitan, jalan masuk dan pagar di mana kos pembinaan adalah RM2.80 juta. Ladang tersebut disewa kepada pengusaha bumiputera pada kadar RM888 sebulan. Mengikut perjanjian, penyewa hendaklah menanggung kos operasi, mengurus dan menyenggara ladang penetasan. Lawatan Audit ke ladang penetasan pada 21 Oktober 2011 mendapati:-

- Kemudahan di ladang penetasan tidak disenggara iaitu tangki simen tidak dibaiki, atap yang rosak tidak dibaik pulih menyebabkan kolam terdedah kepada cuaca panas dan hujan, persekitaran tidak dibersihkan, pejabat tidak disenggara dan parit tidak dibersihkan seperti **Gambar 18.1** hingga **Gambar 18.4**.

Gambar 18.1
Tangki Simen Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Penetasan Santubong
Tarikh: 21 Oktober 2011

Gambar 18.2
Atap Tidak Dibaik Pulih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Penetasan Santubong
Tarikh: 21 Oktober 2011

Gambar 18.3
Persekutaran Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Penetasan Santubong
Tarikh: 21 Oktober 2011

Gambar 18.4
Pejabat Tidak Disenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Penetasan Santubong
Tarikh: 21 Oktober 2011

- b. Sebahagian kemudahan digunakan sebagai tapak semaihan pokok getah dan struktur tangki air diubah suai untuk dijadikan rumah burung walit walaupun tidak ada bukti bahawa kelulusan diperoleh terhadap perubahan tersebut.
- c. **Mengikut maklum balas daripada PPES bertarikh 14 Jun 2012, PPES Aqua pernah mempelawa syarikat swasta berkenaan untuk menyewa ladang penetasan ini tetapi mereka menolak kerana kualiti air sungai di Kuala Santubong tidak sesuai untuk pengeluaran benih. Syarikat akan memastikan akan memastikan penyewa menyelenggara kawasan ladang penetasan dengan baik. Struktur tangki air yang diubah suai untuk dijadikan rumah burung walit telah diarahkan untuk diroboh.**

Pada pendapat Audit, aktiviti PPES Aqua tidak sejajar dengan tujuan asal penubuhannya. Pengurusan perjanjian adalah kurang memuaskan kerana syarat perjanjian tidak dipatuhi serta dikuatkuasakan dan dengan demikian tidak menjaga kepentingan PPES Aqua khususnya dan PPES amnya. Ladang penetasan tidak diurus dengan memuaskan dan pembinaan ladang penetasan ini adalah satu pembaziran kerana objektif pembinaannya tidak tercapai.

18.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat adalah penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh PPES, PPES Aqua tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh PPES dan Kerajaan Negeri, Pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

18.4.3.1. Rancangan Korporat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati PPES Aqua hanya menyediakan rancangan korporat jangka pendek iaitu Pelan Perniagaan Tahunan.

18.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalam pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksanakan pgauditian serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalam yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Bagaimanapun didapati PPES Aqua tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit. Isu Audit yang dibangkitkan ada dibincang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Adalah didapati PPES Aqua menggunakan khidmat Unit Audit Dalam PPES bagi merancang, melaksanakan pgauditian dan menyediakan laporan.

18.4.3.3. Pembayaran Bonus

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, bayaran bonus bagi syarikat induk dan syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati PPES Aqua membayar bonus sejumlah RM6,300 bagi tahun 2010. Bayaran bonus ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah tetapi tidak dikemukakan untuk kelulusan Menteri atau Pihak berkuasa Kerajaan Negeri.

18.4.3.4. Kawalan Pendapatan

Peraturan berhubung kawalan pendapatan PPES Aqua ada digariskan dalam manual operasinya. Semakan Audit mendapati semua pendapatan telah diakaunkan dengan betul. PPES Aqua juga ada mengeluarkan resit rasmi kepada penyewa kolam ternakan udang dan menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dengan betul dan kemas kini. Bagaimanapun, PPES Aqua tidak memungut denda terhadap kelewatan dalam pembayaran komisen dan sewaan seperti ditetapkan dalam perjanjian kontrak.

18.4.3.5. Pengurusan Aset

Peraturan berhubung pengurusan aset digariskan dalam Manual Polisi PPES Aqua. Semakan Audit mendapati pemeriksaan fizikal terhadap aset PPES Aqua tidak dijalankan setiap tahun sebaliknya hanya dijalankan pada tahun 1999 dan 2011. PPES Aqua memaklumkan bahawa pegawai daripada PPES telah ditugaskan untuk menyediakan jadual pemeriksaan fizikal terhadap aset PPES Aqua di Santubong dan akan menjalankan pemeriksaan setiap tahun.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat PPES Aqua boleh ditambah baik dengan menyediakan Rancangan Korporat Jangka Panjang. Pengurusan kewangan PPES Aqua boleh dipertingkatkan lagi dengan mengambil tindakan memungut denda terhadap kelewatan dalam pembayaran komisen dan sewa serta menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset PPES Aqua setiap tahun.

18.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, pengurusan PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd. adalah disyorkan:

18.5.1. Menyediakan perancangan strategik dan mengkaji semula objektif penubuhan serta hala tuju syarikat dan sekiranya objektif tidak tercapai adalah dicadangkan syarikat dibubar dan tanggungjawab penyewaan dan kutipan komisen diambil alih oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.

18.5.2. Meningkatkan prestasi syarikat dan memastikan PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd. memainkan peranan aktif dalam perkongsian pintar atau kepakaran teknikal dengan agensi Kerajaan atau syarikat swasta dalam perusahaan ini supaya objektifnya boleh tercapai.

18.5.3. Memastikan perjanjian yang disediakan menjaga kepentingan PPES Aqua (Santubong) Sdn. Bhd. khususnya dan Kerajaan amnya serta mematuhi sepenuhnya perjanjian yang disediakan.

18.5.4. Menambah baik tadbir urus korporat dengan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan.

YAYASAN SARAWAK

19. SANJUNG ETIKA SDN. BHD.

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Sanjung Etika Sdn. Bhd. (SESB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada Mac 1997. SESB merupakan syarikat milik penuh Yayasan Sarawak (YS) dan mula beroperasi pada tahun 1997 dengan modal dibenarkan RM10 juta dan modal berbayar berjumlah RM5.80 juta. Aktiviti utama SESB adalah pembalakan, pengurusan hutan tanah dan kemudahan milik YS. Perkhidmatan pengurusan hutan tanah mula dijalankan pada tahun 2008 manakala perkhidmatan pengurusan kemudahan pada tahun 2009. Objektif utama SESB adalah meneroka peluang perniagaan yang baru bagi menambah sumber pendapatan YS. Visi SESB adalah untuk diiktiraf dan dihormati sebagai sebuah entiti yang terbaik di dalam perkhidmatan pengurusan operasi pembalakan dan hutan tanah milik YS dan perkhidmatan lain kendaliannya. Misi SESB pula adalah untuk membantu YS mengurus operasi pembalakan, hutan tanah dan perkhidmatan lain.

19.1.2. SESB mempunyai 6 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengurus, 2 wakil daripada YS di mana seorang dilantik sebagai Pengarah Urusan, seorang wakil daripada Pejabat Peguam Besar Negeri dan 2 ahli daripada luar. Pengurusan harian syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 83 kakitangan. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh YS, SESB perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

19.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus SESB bagi tempoh 2008 hingga 2010. Metodologi pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod berkaitan. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan dilakukan terhadap penyata kewangan yang diaudit iaitu bagi tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, temu bual dengan pegawai SESB dan pemeriksaan fizikal aset dijalankan dan lawatan ke tapak juga dijalankan di Demak Laut Commercial Centre, Uni Square Kota Samarahan, rumah kedai Tabuan Jaya dan Bangunan YS Sri Aman.

19.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Januari hingga Mac 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan SESB adalah memuaskan. SESB memperolehi keuntungan bersih masing-masingnya berjumlah RM1.29 juta bagi tahun 2008, RM1.13 juta bagi tahun 2009 dan RM1.35 juta bagi 2010 dan begitu juga dengan keuntungan terkumpul meningkat 3 tahun berturut-turut daripada sejumlah RM6.50 juta pada tahun 2008, RM7.19 juta pada tahun 2009 dan RM8.33 juta pada tahun 2010. Prestasi aktiviti utama SESB perlu ditambahbaikkan kerana kegagalan mematuhi syarat perjanjian telah menyebabkan SESB kehilangan hasil. Selain itu SESB juga perlu mempertingkatkan usaha untuk mencari penyewa bagi semua premis yang kosong. Tadbir urus korporat SESB boleh dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat dan menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini. Hasil pengauditan terhadap SESB berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

19.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan Penyata Kewangan SESB bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 yang telah diaudit. Analisis trend dan nisbah telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

19.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun 2008 hingga 2010, SESB mencatatkan keuntungan selepas cukai masing-masing berjumlah RM1.29 juta, RM1.13 juta dan RM1.35 juta. Namun keuntungan selepas cukai SESB menurun pada tahun 2009 berbanding 2008 sejumlah RM0.16 juta atau 12.4%. Penurunan keuntungan selepas cukai pada tahun 2009 disebabkan peningkatan perbelanjaan sejumlah RM0.81 juta atau 9.3% berbanding dengan tahun 2008. Bagaimanapun pada tahun 2010, keuntungan selepas cukai meningkat RM0.22 juta atau 19.5% berbanding tahun 2009. Keuntungan terkumpul SESB bagi tempoh 3 tahun berturut-turut meningkat daripada RM6.50 juta pada tahun 2008 kepada RM7.19 juta tahun 2009 dan RM8.33 juta pada tahun 2010. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 kedudukan keseluruhan aliran tunai SESB meningkat daripada RM1.82 juta tahun 2008, RM2.02 juta tahun 2009 dan RM2.64 juta pada tahun 2010.
- b. Pendapatan langsung SESB terdiri daripada aktiviti pembalakan, fi perkhidmatan pengurusan harta tanah, perkhidmatan (pembersihan, landskap, keselamatan dan penyenggaraan bangunan milik YS). Analisis Audit mendapati pendapatan langsung SESB pada tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan trend menaik iaitu daripada RM10.27 juta pada tahun 2008 kepada RM10.97 juta pada tahun 2009 dan seterusnya kepada RM19.16 juta pada tahun 2010. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan adalah daripada aktiviti pembalakan iaitu sejumlah

RM10.04 juta pada tahun 2008, RM10.6 juta 2009 dan RM17.4 juta pada tahun 2010. Butiran pendapatan langsung SESB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 19.1**.

Jadual 19.1

Pendapatan Langsung SESB Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pembalakan	10,044,737	10,598,329	17,393,741
Pengurusan Hartanah	228,824	203,613	189,775
Perkhidmatan	-	163,737	1,573,527
Jumlah	10,273,561	10,965,679	19,157,043

Sumber: Penyata Kewangan SESB

- c. Perbelanjaan SESB terdiri daripada perbelanjaan langsung dan perbelanjaan pentadbiran. Analisis Audit mendapati perbelanjaan SESB menunjukkan peningkatan setiap tahun daripada RM8.76 juta pada tahun 2008 kepada RM9.57 juta pada tahun 2009 dan RM17.70 juta pada tahun 2010. Keadaan ini berlaku kerana peningkatan perbelanjaan langsung berjumlah RM7.52 juta pada 2008 kepada RM8.18 juta 2009 dan RM15.81 juta pada 2010 di mana pembayaran fi kontraktor balak menyumbang kepada peningkatan ini.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan terkumpul SESB bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 19.2**.

Jadual 19.2

Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	10.27	10.97	19.16
Perbelanjaan Langsung	-7.52	-8.18	-15.81
Untung Kasar	2.75	2.79	3.35
Pendapatan Lain	0.26	0.09	0.32
Perbelanjaan Pentadbiran	-1.24	-1.39	-1.89
Keuntungan Sebelum Cukai	1.77	1.51	1.78
Cukai	-0.48	-0.38	-0.43
Keuntungan Selepas Cukai	1.29	1.13	1.35
Keuntungan Terkumpul	6.50	7.19	8.33

Sumber: Penyata Kewangan SESB

19.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan SESB, nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan SESB bagi tahun 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti **Jadual 19.3**.

Jadual 19.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	7.08:1	6.12:1	9.29:1
Margin Untung Bersih	17.2%	13.7%	9.3%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.10:1	0.08:1	0.09:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.10:1	0.09:1	0.10:1

Sumber: Penyata Kewangan SESB

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa SESB bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah 7.08:1, 6.12:1 dan 9.29:1. Ini menunjukkan SESB mempunyai kecairan yang baik untuk menampung liabiliti semasa.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah, lebih baik. Semakin tinggi margin bermakna syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati margin untung bersih SESB menurun dengan ketara bagi tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu daripada 17 sen pada tahun 2008 kepada 14 sen pada tahun 2009 dan seterusnya 9 sen pada tahun 2010. Berdasarkan margin ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi SESB adalah kurang memuaskan disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset menurun daripada 10 sen pada tahun 2008 kepada 8 sen pada tahun 2009 dan meningkat semula kepada 9 sen pada tahun 2010.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti SESB adalah 10 sen pada tahun 2008 menurun

kepada 9 sen pada tahun 2009 dan meningkat semula kepada 10 sen pada tahun 2010.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan SESB adalah memuaskan. Bagaimanapun, SESB hendaklah mengukuhkan prestasi kewangan supaya dapat memberikan pulangan dividen yang lebih tinggi.

19.4.2. Pengurusan Aktiviti

19.4.2.1. Syarat Perjanjian Kontrak Tidak Dipatuhi Sepenuhnya

a. Denda Untuk Pembalakan Kurang Daripada Had Minimum Yang Ditetapkan

Mengikut syarat 5.3 perjanjian kontrak pembalakan bertarikh 11 Mac 2002, kontraktor hendaklah membayar denda sejumlah RM90 setiap *hoppus* tan sekiranya gagal mencapai kuantiti keluaran minimum yang ditetapkan setiap bulan. Walau bagaimanapun syarat tersebut digugurkan melalui *Deed of Variations* bertarikh 8 September 2006. Dengan itu, syarikat tidak lagi mempunyai hak untuk memungut denda dalam tempoh Ogos tahun 2006 hingga Julai tahun 2011 berjumlah RM1.34 juta. **Menurut maklum balas daripada SESB bertarikh 16 Julai 2012, syarat kutipan denda telah dimasukkan semula dalam perjanjian kontrak berkuatkuasa Ogos tahun 2012.**

b. Premium Tambahan Tidak Dipungut


- i. Mengikut perjanjian jualan antara SESB dengan pembeli, sekiranya harga jualan sesuatu spesies kayu balak melebihi harga asas, kontraktor hendaklah membayar premium tambahan sebanyak 50% berdasarkan perbezaan harga premium berbanding harga asas yang ditetapkan. Harga asas bagi kayu balak yang digunakan adalah harga pada tarikh perjanjian ditandatangani pada tahun 2006. Sekiranya harga kayu balak pada sesuatu masa tidak diperoleh daripada Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA), senarai harga yang terkini dikeluarkan oleh PUSAKA boleh diguna pakai untuk perbandingan. Selain itu, tiada pelarasian akan dibuat sekiranya harga kayu balak kurang daripada harga asas.
- ii. Semakan Audit mendapati SESB tidak membuat perbandingan harga antara harga asas dengan harga semasa kayu balak sejak tahun 2002. Analisis Audit bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 seterusnya terhadap harga semasa 4 spesis kayu balak yang diperoleh daripada PUSAKA mendapati berlaku kes harga kayu balak melebihi harga asas seperti **Jadual 19.4** dan **Carta 19.1** hingga **Carta 19.4** tetapi tiada kutipan tambahan terhadap perbezaan harga tersebut. Kegagalan mematuhi perjanjian telah mengakibatkan hasil jualan kayu balak kurang dikutip dalam tempoh tahun 2008 hingga 2011.

Jadual 19.4
Harga Kayu Balak Melebihi Harga Asas

Spesis Kayu	Harga Asas (USD)	Harga PUSAKA (USD)									
		2008	2009	Jan 2010	Jun 2010	Dis 2010	Mac 2011	Mei 2011	Jun 2011	Dis 2011	
Meranti (MRTX)	185	145	125	132	164	206	190	228	220	178	
Mixed Light Hardwood (MLH)	130	123	109	113	120	148	153	176	174	153	
Nyatoh	145	132	121	105	110	153	140	196	150	164	
Jelutong (JELU)	170	237	215	129	109	157	173	216	232	163	


Sumber: PUSAKA

Carta 19.1
Harga Kayu Balak (Meranti)




Sumber: PUSAKA

Carta 19.2
Harga Kayu Balak (*Mixed Light Hardwood*)




Sumber: PUSAKA

Carta 19.3
Harga Kayu Balak (Nyatoh)



Sumber: PUSAKA

Carta 19.4
Harga Kayu Balak (Jelutong)



Sumber: PUSAKA

- iii. Pihak SESB bersetuju dengan teguran Audit melalui maklum balas bertarikh 12 Jun 2012 di mana caj 50% perbezaan premium adalah wajar dikenakan seperti perjanjian yang telah ditandatangani pada Mac 2002 oleh kedua-dua belah pihak dan bukannya mengikut amalan daripada tahun 2001. Perkara ini akan dibawa dan dibincang dengan lebih lanjut di peringkat pengurusan dan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang akan datang.

19.4.2.2. Premis Milik YS Yang Masih Belum Disewa

- SESB telah menandatangani perjanjian dengan YS berkaitan dengan perkhidmatan pengurusan harta tanah pada Januari 2008 di mana SESB bersetuju untuk memberi perkhidmatan pengurusan sewaan dan mencari penyewa bagi semua premis milik YS di seluruh Sarawak dengan bayaran satu bulan sewa sebagai komisen bagi setiap premis yang berjaya disewakan oleh SESB. Selain itu, SESB juga dibayar fi pengurusan sebanyak 5% daripada jumlah pendapatan sewa yang diterima.
- Semakan Audit mendapati setakat akhir Februari 2012, sebanyak 184 unit atau 76% premis telah disewakan dan baki 58 unit masih kosong dalam tempoh 2003 hingga 2009 adalah seperti **Jadual 19.5**.

Jadual 19.5
Kedudukan Sewaan Unit Premis YS

Lokasi	Jumlah Unit	Unit Disewa	Unit Tidak Disewa	Peratus Disewa (%)	Catatan
Batu Lintang	12	12	0	100%	
Pinang Jawa	3	3	0	100%	
Wisma Satok	6	6	0	100%	
Padungan	2	2	0	100%	
Gateway	1	1	0	100%	
Kapit	4	4	0	100%	
Miri	18	18	0	100%	
Limbang	3	3	0	100%	
Sri Aman	12	10	2	83%	Kosong mulai Jun 2009 dan sedang disenggara
Bangunan Yayasan	10	8	2	80%	Kosong mulai 2003
Demak Laut	126	101	25	80%	
Bintulu	3	2	1	67%	
Tabuan Jaya	15	5	10	33%	Kosong mulai Jun 2009 dan sedang disenggara
Uni-Square	27	9	18	33%	
Jumlah	242	184	58	76%	

Sumber: Fail Pengurusan Hartanah SESB

- Semakan Audit seterusnya mendapati SESB ada mengiklankan 58 unit yang masih kosong untuk disewa. Antara sebab 58 unit ini tidak dapat disewa adalah lokasi yang tidak strategik atau bangunan sedang disenggara.

- d. Menurut SESB melalui maklum balas bertarikh 12 Jun 2012, premis di Tabuan Jaya hanya diserahkan untuk disewa pada tahun 2012 selepas kerja baik pulih disempurnakan oleh kontraktor yang dilantik oleh YS. Premis di Sri Aman masih belum diserahkan kepada SESB untuk disewa disebabkan kerja membaik pulih masih dijalankan manakala bagi premis di Tingkat 2 dan 4, Bangunan YS Jalan Masjid, kerja membaik pulih di tangguh disebabkan kos baik pulih yang tinggi dan telah kosong sejak tahun 2003. Gambar 19.1 hingga Gambar 19.4 menunjukkan premis yang belum disewa di Tabuan Jaya, Sri Aman, Yayasan Sarawak dan Demak Laut.

**Gambar 19.1
Premis Yang Belum
Disewa Sejak Jun 2009**




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tabuan Jaya
Tarikh: 28 Februari 2012

**Gambar 19.2
Premis Yang Belum
Disewa Sejak Awal Tahun 2009**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sri Aman
Tarikh: 8 Mac 2012

**Gambar 19.3
Bangunan Yayasan Sarawak**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Yayasan Sarawak, Kuching
Tarikh: 18 Mei 2012

**Gambar 19.4
Premis Belum Disewa Sejak Tahun 2003**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Demak Laut
Tarikh: 28 Februari 2012

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti pembalakan boleh ditambah baik dengan memastikan syarat perjanjian menjaga kepentingan SESB dan dipatuhi sepenuhnya.

19.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat adalah penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh YS, SESB tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh YS dan Kerajaan Negeri, Pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat. Penemuan Audit terhadap tadbir urus SESB adalah seperti berikut:

19.4.3.1. Rancangan Korporat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 dan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, Syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat beserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati SESB tidak menyediakan rancangan korporat walaupun Lembaga Pengarah pernah membincangkan *Strategic Business Plan and Direction SESB Beyond 2006* pada mesyuarat 7 Mei 2007 berkenaan pengurusan hartanah dan perkhidmatan penyenggaraan bangunan. **Menurut SESB melalui maklum balas bertarikh 12 Jun 2012, satu sesi brainstorming pada 13 April 2012 di antara Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan telah diadakan untuk mengenal pasti dan menetapkan halatuju SESB dalam tempoh 5 tahun.**

19.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 dan Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menuBUHKAN Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati SESB telah menuBUHKAN Jawatankuasa Audit dan di pengerusi oleh seorang ahli Lembaga Pengarah SESB bukan eksekutif dan 3 ahli daripada luar. Mesyuarat terakhir Jawatankuasa diadakan adalah pada 5 Ogos 2011. Perkara berkaitan dengan prestasi syarikat, laporan audit luar dan audit dalam dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit ini. Adalah didapati SESB menggunakan khidmat Unit Audit Dalam YS bagi merancang, melaksanakan pengauditan dan menyediakan laporan.

19.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menghendaki syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun mengemukakan cadangan pembayaran dividen untuk kelulusan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Adalah didapati SESB telah membayar

dividen kepada YS bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM0.43 juta, RM0.44 juta dan RM0.22 juta iaitu pada kadar 10% bagi tahun 2008 dan 2009 manakala 5% bagi tahun 2010. Kadar dividen yang dibayar telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. **Menurut SESB melalui maklum balas bertarikh 12 Jun 2012, kelulusan cadangan pembayaran dividen telah dikemukakan dalam bajet tahunan yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah SESB, Ahli Lembaga Amanah YS dan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri, walau bagaimanapun tiada kertas kerja kelulusan berasingan selain dalam bajet tahunan.**

19.4.3.4. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus bagi syarikat Kerajaan yang memperolehi keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah. Pekeliling ini juga menetapkan cadangan bayaran bonus kumpulan syarikat subsidiari kerajaan perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri di dalam tempoh sebulan selepas akaun ditutup. Semakan Audit mendapati SESB telah membayar bonus sejumlah RM43,410, RM61,241 dan RM144,877 bagi tahun 2008 hingga tahun 2010. Bagaimanapun, pembayaran bonus hanya diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah SESB tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.

19.4.3.5. Pengurusan Kewangan

Selain mematuhi Akta Syarikat 1965, SESB juga perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan peraturan kewangan yang ditetapkan kepada syarikat kerajaan. Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan meliputi kawalan bajet, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pelaburan dan pengurusan pinjaman. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan SESB adalah baik tetapi boleh dipertingkatkan lagi dengan menyediakan peraturan kewangan untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat SESB boleh dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat supaya hala tuju dan prestasi syarikat dapat diukur. SESB hendaklah menyediakan peraturan kewangan yang lengkap dan kemas kini sebagai panduan dalam menguruskan aspek berkaitan kewangan syarikat.

19.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan penubuhan Sanjung Etika Sdn. Bhd. mencapai objektifnya dan Lembaga Amanah Yayasan Sarawak sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu dikemaskan dengan memberi pertimbangan kepada syor berikut:

- 19.5.1.** Sanjung Etika Sdn. Bhd. perlu menyediakan perancangan strategik jangka panjang dan jangka pendek bagi mencapai objektif dan penepatan hala tuju syarikat.
- 19.5.2.** Sanjung Etika Sdn. Bhd. perlu berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan baki 58 unit premis di seluruh Sarawak disewakan bagi menjana pendapatan.
- 19.5.3.** Sanjung Etika Sdn. Bhd. hendaklah memastikan perjanjian kontrak pembalakan dipatuhi sepenuhnya untuk mempertingkatkan lagi prestasi syarikat.
- 19.5.4.** Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Buku Hijau sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Sanjung Etika Sdn. Bhd. dan Yayasan Sarawak.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III

PERKARA AM

20. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/ Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi/ Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

- 20.1.** Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2010.
- 20.2.** Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2010.
- 20.3.** Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

21. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010 MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Bagi membantu Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2010, sejumlah 53 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat adalah diminta untuk mengambil tindakan berterusan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor Audit. Berdasarkan maklum balas yang diterima setakat April 2012, semua syor telah diambil tindakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, 18 syor lagi memerlukan tindakan susulan serta belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

21.1. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SARAWAK
- Pengurusan Program Bantuan Rumah

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Pembinaan Rumah Belum Dilaksanakan</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyelaras dan Agensi pelaksana hendaklah memastikan PBR dilaksanakan dengan segera selepas rumah penerima dirobohkan bagi mengelak kesulitan kepada penerima bantuan. Semakan Audit mendapati setakat pertengahan Mei 2010, sebanyak 79 unit rumah asal penerima bantuan bagi tahun 2009 yang diselaras oleh PPNS telah dirobohkan iaitu sebanyak 31 unit rumah di Daerah Kuching dan 48 unit rumah di Daerah Lundu. Setakat ini pembinaan rumah baru masih belum dilaksanakan. 	Senarai nama bagi 79 penerima PBR telah dikemukakan oleh PPNS kepada KKLW untuk tindakan selanjutnya.
2.	<p>Pembinaan Rumah Belum Disiapkan Sepenuhnya</p> <p>Pembinaan rumah PBR hendaklah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Lawatan Audit antara bulan Oktober hingga Disember 2010 mendapati sebanyak 41 unit rumah daripada 92 sampel rumah bina baru bagi penerima PBR tahun 2010 di 10 daerah belum disambung dengan bekalan elektrik.</p>	<p>8 daripada 10 unit rumah di Daerah Kuching telah disambungkan bekalan elektrik manakala baki 2 unit masih belum disambung dengan bekalan elektrik.</p> <p>2 daripada 6 unit rumah di Daerah Bau telah disambungkan bekalan elektrik manakala baki 4 unit masih belum disambung dengan bekalan elektrik.</p> <p>6 daripada 9 unit rumah di Daerah Sibu telah disambungkan bekalan elektrik manakala baki 3 unit belum disambung dengan bekalan elektrik.</p> <p>Satu daripada 5 unit rumah di Daerah Serian telah disambungkan bekalan elektrik manakala 3 unit telah dibekalkan Set Generator dan satu unit belum disambung dengan bekalan elektrik.</p>
3.	<p>Tapak Rumah Penerima Program Bantuan Rumah Tidak Sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyelaras dan Agensi pelaksana hendaklah menyediakan tempat kediaman yang lebih selesa, bermutu, selamat dan sempurna seajar dengan objektif PBR untuk menaik taraf kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin. Didapati satu unit rumah yang diselaras oleh KPLB di Daerah Lubok Antu telah dibina di kawasan lereng bukit dan curam. Rumah tersebut telah mengalami keretakan pada dinding bilik tidur utama dan dinding luar rumah akibat daripada rekahan tanah. 	<p>Bagi tahun 2011 permohonan peruntukan untuk membina tembok penahan belum diluluskan lagi kerana permohonan dibuat pada pertengahan tahun.</p> <p>Permohonan peruntukan untuk membina tembok penahan tersebut dikemukakan semula pada tahun 2012 kepada KKLW tetapi setakat ini belum ada maklum balas.</p>

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
4.	<p>Kerja Baik Pulih Rumah Panjang Rajang Security Command (RASCOM)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sejumlah RM18.60 juta telah diperuntukkan untuk kerja baik pulih atap dan pendawaian semula elektrik bagi 4 kawasan RASCOM di Bahagian Sibu dengan kos sejumlah RM12,000 untuk setiap pintu yang memberi manfaat kepada 1,549 keluarga di 88 buah rumah panjang. • Kerja baik pulih rumah panjang RASCOM dijalankan secara gotong-royong oleh Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) rumah panjang masing-masing. FELCRA telah dilantik sebagai pembekal dan bertanggungjawab mengurus penghantaran bahan binaan ke setiap rumah panjang manakala KKLW pula bertanggungjawab untuk mengurus pendawaian semula elektrik di setiap rumah panjang yang dibuat secara tender. • Semakan Audit terhadap prestasi kewangan dan fizikal setakat akhir Disember 2010 bagi kerja baik pulih rumah panjang RASCOM mendapat sejumlah RM4.58 juta atau 24.7% telah dibelanjakan dan sebanyak 664 pintu rumah panjang telah siap dibaikpulih. • Setakat akhir Jun 2011, prestasi fizikal pelaksanaan kerja baik pulih rumah panjang untuk 3 kawasan RASCOM di Daerah Kanowit telah siap sepenuhnya manakala kerja baik pulih rumah panjang RASCOM Nanga Sekauu pula adalah 96.5% yang mana sebanyak 20 pintu rumah panjang belum dibaik pulih. Secara keseluruhannya kerja baik pulih atap rumah panjang RASCOM telah mencapai 98.7%. • Prestasi kewangan yang diperoleh daripada FELCRA mendapat sejumlah RM9.88 juta atau 53.2% tela dibelanjakan untuk membekal bahan binaan setakat awal Jun 2011. • Kerja pendawaian elektrik bagi kesemua 4 kawasan RASCOM masih belum bermula. 	<p>Kerja pendawaian elektrik di rumah panjang RASCOM setakat 20 Februari 2012 adalah 69% seperti berikut:</p> <p>RASCOM Ng Jagau (259 pintu) – siap sepenuhnya.</p> <p>RASCOM Ng Ngungun (416 pintu) – siap sepenuhnya.</p> <p>RASCOM Ng Tada (309 pintu), Ng Sekauu (139 pintu) – belum bermula.</p> <p>Kerja pendawaian elektrik di RASCOM Ng Tada masih belum bermula kerana menunggu kelulusan daripada KKLW untuk penambahan skop kerja dan permohonan perlanjutan tempoh masa.</p>

21.2. KEMENTERIAN KEMUDAHAN AWAM SARAWAK DAN JABATAN KERJA RAYA - Projek Pembinaan Empangan Bengoh

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Implikasi Kewangan Kepada Kerajaan Negeri</p> <p>Semakan Audit mendapat kelewatan penyiapan Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh dan proses penempatan semula penduduk telah menyebabkan kerja penakungan air tertangguh dan pembinaan empangan tidak dapat disiapkan sepenuhnya. Empangan dijangka hanya dapat beroperasi pada hujung tahun 2013. Pihak kontraktor telah mencadangkan 3 opsyen termasuk kos bagi menyelesaikan masalah kontrak.</p>	<p>Menurut maklum balas JKR, perbincangan masih dijalankan untuk memilih opsyen mana yang sesuai.</p>

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	<p>Pengujian dan Penerimaan Peralatan Mekanikal dan Elektrikal (M&E) Tertangguh</p> <p>Semakan Audit mendapati kerja penakungan air telah dijadualkan bermula pada bulan Jun 2010. Kerja ini tidak dapat dimulakan kerana proses penempatan semula penduduk masih belum diselesaikan. Akibat daripada ini, peralatan mekanikal dan elektrikal di <i>Draw-Off Tower</i> empangan seperti paip dan <i>sluice valve</i> tidak dapat dipasang, diuji dan diserah kepada JKR.</p>	Sehingga akhir bulan April 2012, kerja penakungan air masih belum dilaksanakan

21.3. JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN SARAWAK - Projek Perkhidmatan Pembentungan Di Sarawak

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Lima Manholes Tidak Dilaksanakan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengikut dokumen kontrak, kontraktor akan menyediakan jaringan sewer iaitu <i>trunk sewer</i>, <i>sewer sekunder</i>, <i>sewer tertiar</i> dan stesen pam untuk 270,000 PE. Jaringan sewer tersebut akan dibina dengan 56 <i>manholes</i> yang bernilai RM300,000 setiap satu untuk disambung ke 2,833 premis. Bagaimanapun, berdasarkan Minit Mesyuarat Projek ke 27 bertarikh 8 Disember 2010, adalah didapati kontraktor telah mengesahkan untuk menggugur pembinaan 5 daripada 56 <i>manholes</i> tersebut. Justifikasi untuk menggugurkan <i>manholes</i> dan juga impaknya masih belum dikemukakan kepada JPPS untuk kelulusan. 	Pihak kontraktor masih mengkaji perkara ini secara terperinci memandangkan projek masih dalam pelaksanaan.

21.4. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN - Projek Tebatan Banjir

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu Tidak Disediakan</p> <p>Semakan Audit mendapati tiada agensi pusat bertanggungjawab untuk menyelaras dan meneliti kajian di atas untuk dijadikan pelan induk bersepadu bagi tebatan banjir, sistem saliran, penerobosan air masin, pembangunan dan kawalan alam sekitar untuk Bandaraya Kuching, Bandaraya Miri dan Bandar Sibu. Kajian dijalankan secara berasingan oleh agensi kerajaan mengikut skop kajian yang ditetapkan kepada perunding. Kelemahan ini memberi impak dari segi keutamaan dalam melaksanakan projek, tiada koordinasi, faktor kos kerana dilaksanakan secara berasingan dan faedah projek belum dapat dimanfaatkan.</p>	Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu masih belum disediakan dan hanya akan dibuat bagi projek RTB pada masa hadapan.

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	<p>Komponen Saluran Pintasan Banjir Tidak Dibina Mengikut Keperluan</p> <ul style="list-style-type: none"> Komponen utama projek iaitu saluran pintasan banjir sepanjang 8 km berfungsi membawa air sungai dari hulu Sungai Sarawak terus ke laut melalui Batang Salak yang dijangka dapat menyelesaikan masalah banjir besar bagi Bandaraya Kuching. JPS telah menawarkan kontrak reka dan bina kepada Kontraktor Naim Cendera Sdn. Bhd. dengan usaha sama Ambang Project Management Sdn. Bhd. pada kos RM148.81 juta untuk tempoh 18 bulan. Semakan Audit terhadap skop kerja mendapati pembinaan ini hanya melibatkan 2 km sahaja berbanding 8 km panjang keseluruhan. JPS telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM350 juta di bawah RMKe-9 untuk melaksanakan RTB Bandaraya Kuching tetapi permohonan tersebut tidak termasuk kos bagi 2 buah jambatan dan <i>tidal control gate</i>. Namun demikian, kelulusan peruntukan di bawah RMKe-9 adalah RM154.51 juta. JPS telah meneruskan juga pembinaan komponen saluran pintasan banjir secara berfasa iaitu sepanjang 2 km dengan kos kontrak bernilai RM148.81 juta. Keputusan JPS meneruskan pembinaan saluran pintasan banjir sepanjang 2 km tidak memberi sebarang impak bagi menangani masalah banjir tetapi sebaliknya JPS akan menanggung kos penyenggaraan seperti kerja pengorekan akibat mendapan semasa menunggu pembinaan fasa seterusnya sebelum tempoh waranti di bawah kontraktor telah tamat. Pihak JPS juga memaklumkan bahawa hanya RM80 juta diluluskan di bawah RMKe-10 manakala RM48.38 juta daripada peruntukan tersebut adalah untuk kos pengambilan balik tanah dan selebihnya adalah untuk jalan serta ban. Ini bermakna pembinaan saluran pintasan banjir sepanjang 8 km masih belum dapat diteruskan. 	<p>Projek Tebatan Banjir Bandaraya Kuching merupakan projek mega dengan anggaran kos keseluruhan bernilai RM2 bilion. Komponen projek terdiri daripada pembinaan saluran pintasan banjir sepanjang 8km dan lebar 250m, pintu air kawalan air pasang dan surut, jambatan di Jalan FAC dan jambatan di Jalan Matang, baraj dan laluan kapal di Sungai Sarawak, <i>causeway</i> di Sungai Sarawak, jalan raya dan ban. Setiap komponen berkenaan saling memerlukan antara satu sama lain untuk berfungsi. Dalam RMK 10, JPS Malaysia telah mengadakan makmal <i>value management</i> bersama perunding, JPS Sarawak dan wakil Unit Perancangan Ekonomi (EPU) selama satu minggu.</p>
3.	<p>Tiada Tindakan Susulan Diambil Terhadap EMR</p> <p>Semakan Audit seterusnya ke atas EMR bagi minggu kedua bulan Disember 2010 bertarikh 21 Disember 2010 mendapati bacaan sampel air di hulu Sg. Lemidin Besar (W1), persimpangan Sg. Lemidin Besar dan muara Sg. Stratus (W2), persimpangan Btg. Samariang dan muara Sg. Lemidin Besar (W3) serta Btg. Samariang – berhampiran ladang akuakultur (W4) iaitu lokasi yang berdekatan dengan saluran pintasan banjir menunjukkan bacaan parameter bagi <i>Dissolved Oxygen</i> (DO), <i>Ammoniacal Nitrogen</i> (as N), <i>Chemical Oxygen Demand</i> (COD) dan <i>Sulphate</i> telah jatuh atau naik melebihi had nilai pematuhan berpandukan <i>National Water Quality Standard Malaysia Class IIB</i> (NWQSM).</p>	<p>Pihak Lembaga telah mengarahkan perunding EIA yang dilantik JPS memantau kualiti air di kawasan projek.</p> <p>.</p>

21.5. JABATAN KETUA MENTERI, JABATAN KERJA RAYA DAN JABATAN TANAH

DAN SURVEI

- Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Tapak Kuarters Di Tanjung Lobang, Miri</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembangunan yang disyaratkan atas lot tanah yang telah diluluskan juga belum dilaksanakan. Maklum balas daripada JTS pada pertengahan April 2011 menjelaskan pihak pemaju masih belum mengemukakan sebarang pelan pembangunan di atas tanah ini walaupun syarat pemberimilikan tanah menetapkan tanah hendaklah dibangunkan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pemberian milik. Lawatan Audit mendapati masih terdapat penghuni yang mendiami kuarters di sekitar Tanjung Lobang walaupun kawasan tersebut telah dipindah milik kepada syarikat dan terdapat kuarters yang usang tetapi tidak dirobohkan. 	<p>Tapak tersebut masih belum dibangunkan dan pihak pemaju juga belum mengemukakan pelan pembangunan. Pemaju telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembangunan dan permohonan tersebut sedang diproses oleh JTS.</p> <p>Penghuni kuarters di tapak tersebut telah dipindahkan dan bekalan air serta elektrik telah diputuskan. Lembaga Perumahan Bahagian telah pun meminta pihak Jabatan untuk memaklumkan kepada baki penghuni yang belum berpindah untuk mengosongkan kuarters. Proses pelupusan kuarters juga sedang diambil.</p>
2.	<p>Tapak Kuarters Di Batu Lintang, Kuching</p> <p>Semakan Audit terhadap <i>Print-Out Of Title</i> mendapati syarat Hak Milik Tanah Sementara telah dikeluarkan pada awal Ogos 2007 dan syarikat disyaratkan untuk melaksanakan pembangunan dalam tempoh 5 tahun. Maklum balas daripada JTS pada awal Mei 2011 menjelaskan pelan pembangunan telah dikemukakan pada awal Mac 2011. Bagaimanapun, setakat tarikh laporan ini pembangunan belum dilaksanakan.</p>	<p>Tapak tersebut masih belum dibangunkan. Bagaimanapun, pemaju telah memohon kebenaran membina pejabat tapak sementara pada 12 Mac 2012.</p>
3.	<p>Tapak Kuarters Di Jalan Temenggong Datuk Oyong Lawai Jau, Jalan Brighton dan Jalan Tanjung Lobang, Miri</p> <ul style="list-style-type: none"> Tanah tersebut pada asalnya mempunyai 50 unit kuarters Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati Lembaga Pemeriksa telah mengesyorkan supaya kuarters ini dilupuskan pada tahun 2006 dan 2008. Lawatan Audit ke tapak mendapati tanah ini belum dibangunkan dan masih terdapat penghuni yang mendiami kuarters di sekitar Jalan Brighton, Miri selain terdapat kuarters yang usang. 	<p>Penghuni masih mendiami kuarters tersebut disebabkan kekurangan kuarters untuk pegawai sokongan I dan II. Selain itu, JKR Bahagian Miri tidak dapat melupuskan kuarters ini disebabkan tiada bukti tanah telah dipindah hak milik.</p>

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
4.	<p>Rumah Pangsa Di Jalan Jee Foh, Krokop Miri Tidak Selamat Diduduki</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semakan Audit mendapati berlaku kecacatan pada 2 blok rumah pangsa iaitu blok 494 dan 495 (Jenis B) yang mana lapisan konkrit merekah dan melekang di beberapa tempat. Menurut JKR, pembaikan bagi blok 494 ditangguhkan kerana keadaan rumah pangsa tersebut masih selamat didiami serta tiada tempat untuk menempatkan 16 penghuni rumah pangsa blok 494 jika kedua-dua rumah pangsa ini dibaik pulih secara serentak. Bagaimanapun, Ibu Pejabat JKR telah memaklumkan Pejabat JKR Bahagian Miri pada bulan Januari 2010 bahawa keputusan ujian terhadap struktur mendapati konkrit binaan bagi kedua-dua rumah pangsa ini tidak mengikut spesifikasi untuk binaan bangunan bertingkat. • Maklum balas daripada JKR pada akhir bulan Mac 2011 memaklumkan bahawa kerja pembaikan bagi blok 495 sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada 30 April 2011. Bagi blok 494 pula, kos kerja pembaikan sedang dianggarkan dan pembaikan akan dimulakan setelah peruntukan diterima. 	Kerja pembaikan blok 495 telah siap pada 31 Mei 2011 manakala blok 494, peruntukan untuk kerja pembaikan hanya diperolehi pada tahun 2012. Pihak JKR Miri dalam proses untuk memanggil tender bagi kerja-kerja pembaikan blok ini.
5.	<p>Perjanjian Penyewaan Kompleks Perumahan Di Bahagian Betong Belum Disediakan</p> <p>Daripada jumlah tersebut, 238 unit merupakan milik Pelita Holdings Sdn. Bhd. manakala baki 133 unit dimiliki oleh Sarawak Incorporated Sdn. Bhd. Semakan Audit seterusnya mendapati penghuni mula berpindah masuk pada awal Februari 2008. Bagaimanapun, sehingga laporan ini disediakan perjanjian penyewaan antara Kerajaan Negeri dengan pihak Syarikat masih belum disediakan.</p>	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan supaya Perjanjian Penyewaan bagi premis atau kompleks perumahan di Bahagian Betong ditukar kepada Memorandum Persefahaman. Kerajaan Negeri dan PELITA akan menandatangani Memorandum Persefahaman tersebut apabila Perjanjian Perbatalan bagi Perjanjian Penyewaan bertarikh 15 Januari 2009 untuk Bahagian Mukah dimeterai oleh kedua-dua pihak.
6.	<p>Baik Pulih Bekas Kuarters Di Taman Kenanga Indah, Betong Belum Selesai</p> <p>Semakan Audit mendapati kesemua rumah ini telah dikosongkan sepenuhnya pada bulan Mac 2008 dan penyerahan kunci kepada JKR telah pun dilaksanakan. Bagaimanapun, rumah tersebut belum diserahkan semula kepada PPPS kerana rosak dan perlu dibaiki.</p>	Sehingga kini, bekas kuarters tersebut masih belum diserah balik kepada Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak. JKR akan memanggil mesyuarat dengan Unit Pentadbiran, JKM dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri untuk membincang kaedah membaiki kuarters tersebut dan masalah-masalah lain yang berkaitan.

21.6. LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK
- Pengurusan Bendungan Sungai Sarawak

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Kekangan Bendungan Sungai Sarawak Menangani Kejadian Banjir. Belum ada cadangan untuk menyemak semula simulasi banjir berasaskan perubahan terkini keadaan cuaca, bentuk topografi dan <i>surface run-off</i> .	
2.	Kualiti Air Sungai Tidak Mencapai Piawai Ditetapkan Pemindahan penduduk sepanjang Sungai Sarawak dan semua industri serta aktiviti perkaplalan belum ditempatkan semula ke hilir sungai untuk memastikan kualiti air kelas <i>IIB National Water Quality Standard</i> Malaysia tercapai.	Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSSS) akan mengadakan perjumpaan dengan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengaliran & Saliran dan Lembaga Sumber Asli & Persekutaran untuk menetapkan bidang kuasa serta tindakan.
3.	Pemendapan Di Sungai Santubong Kajian impak belum dilaksanakan untuk menilai kesan pemendapan terhadap kehidupan komuniti setempat dan fauna serta flora.	
4.	Operasi Pintu Air Bendungan Dan <i>Shiplock</i> Operasi pintu air dan <i>shiplock</i> berlebihan telah menyebabkan tahap <i>wear & tear</i> yang tinggi dan kos perolehan alat ganti meningkat.	Ahli Jemaah LSSS dalam Mesyuarat Lembaga pada 20 Disember 2011 telah melulus pelan pengurusan untuk melaksanakan kerja menaiktaraf fasiliti waf kargo Lembaga Sungai-sungai Sarawak di Terminal Sejingkat secara kerjasama dengan Lembaga Pelabuhan Kuching. Pelan ini melibatkan pemindahan operasi kapal persisiran keluar dari Bendungan Sungai Sarawak dan dijangka dilaksanakan pada pertengahan 2012.
5.	Penyenggaraan Bendungan Dan <i>Shiplock</i> Kerja penyenggaraan terhadap bendungan dan <i>shiplock</i> tidak mengikut jadual yang ditetapkan.	Kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri untuk melantik konsultan dalam menyediakan jadual terperinci tentang penyenggaraan komponen bendungan sungai.
6.	Pemantauan Kurang Memuaskan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak kurang membuat pemantauan terhadap kerja penyenggaraan sivil, mekanikal, elektrikal, dan elektronik serta hidrologikal yang dilakukan oleh operator bendungan secara dikontrakkan.	Menunggu kelulusan daripada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan tentang pelan perubahan struktur LSSS untuk meningkatkan keupayaan LSSS.

21.7. JABATAN KERJA RAYA, LEMBAGA AIR KUCHING, LEMBAGA AIR SIBU DAN LAKU MANAGEMENT SDN. BHD.

- Pengurusan Pengebilan Air

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Pencapaian Pelaksanaan Sistem Pembilan</p> <ul style="list-style-type: none"> Semakan Audit terhadap sistem JKRWBS mendapati kemasukan data pembacaan meter dan data bayaran bil air dibuat secara manual. Selain itu, tidak ada pembahagian tugas antara pegawai yang membaca meter dan pegawai yang memasukkan data bacaan meter ke komputer dan seterusnya mencetak bil penggunaan air. Perkara ini menyebabkan data yang tidak munasabah dimasukkan ke sistem yang mengakibatkan pengguna tidak dapat bil penggunaan sebenar. Perubahan data dalam sistem hanya boleh dijalankan dengan bantuan Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS). Pihak JKR tidak mengutip bayaran bagi bil air yang dikeluarkannya. Pembayaran bil air dibuat di Pejabat Pos dan semua kutipan dimasukkan ke akaun Perbendaharaan Negeri. JKR hanya memasukkan data pembayaran ke sistem berdasarkan salinan resit yang dikemukakan oleh Pejabat Pos dan kerja memasukkan data pembayaran dibuat oleh Pembantu Tadbir atau Pembaca Meter secara manual. Proses memasukkan semula data pembayaran secara manual mengambil masa kerana pihak JKR Kuching tidak mempunyai peralatan komputer yang mencukupi. Selain itu, proses muat turun data bagi tujuan analisis hanya boleh dilakukan oleh SAINS kerana JKR Kuching dan Sarikei tidak dibenarkan untuk berbuat demikian. Perkara ini menyebabkan keselamatan data diragui. JKR Kuching dan Sarikei kekurangan kakitangan dan tidak ada pegawai pemprosesan data, maka Pembaca Meter juga diperlukan untuk memasukkan data bacaan ke sistem. Dalam sistem pengebilan, pihak bekalan air dibenarkan untuk membuat bacaan bil secara anggaran selang sebulan disebabkan peruntukan untuk perjalanan tidak mencukupi, kawasan liputan bertambah luas dan kekurangan Pembaca Meter. 	<p>SAINS dalam proses terakhir untuk melaksanakan sistem <i>hand held</i> untuk bacaan dan percetakan terus bil di tapak untuk JKR Sarawak.</p> <p>Dalam proses menggunakan <i>bar code reader</i> untuk kemasukan data pembayaran bil.</p>
2.	<p>Pengurusan Pembacaan Meter Dan Pengeluaran Bil</p> <p>Pembacaan meter dijalankan secara manual iaitu setiap bacaan dicatat ke dalam Buku Catatan Pembacaan Meter Air di JKR Kuching dan Sarikei. Data berkenaan dimasukkan ke komputer dan seterusnya bil dicetak dan dikemukakan kepada pengguna. Seluruh proses pengeluaran bil pengguna di JKR Kuching dan Sarikei melibatkan kerja 2 kali iaitu pembacaan meter air dan menyerah bil penggunaan air.</p>	<p>SAINS dalam proses terakhir untuk melaksanakan sistem <i>hand held</i> untuk bacaan dan percetakan terus bil di tapak untuk JKR Sarawak.</p>

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
3.	<p>Pengurusan Tunggakan Hasil</p> <p>Semakan Audit terhadap pelanggan Cawangan Bekalan Air JKR Kuching mendapati ada pengguna yang mempunyai tunggakan bil air dari 6 bulan hingga 50 bulan yang melibat amaun daripada RM309 hingga RM83,933. Semakan Audit terhadap 34 akaun pelanggan yang mempunyai tunggakan melebihi RM300 dan tertunggak melebihi 6 bulan mendapati pelanggan berkenaan masih dibekalkan dengan air malah mendapati seorang pelanggan mempunyai tunggakan bil air sejumlah RM83,933 sehingga bulan Oktober 2010 dan akaun berkenaan masih berstatus aktif.</p>	JKR Kuching sedang dalam proses untuk meneliti semua akaun bil air tertangguh. Notis pemotongan telah diberi kepada pengguna air yang mempunyai bil air tertangguh. Pengguna juga bersetuju untuk menjelaskan tunggakan bil air secara beransur-ansur.

21.8. HORNBILL SKYWAYS SDN. BHD.

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Polisi/Prosedur Kerja Dan Peraturan Syarikat</p> <p>Hornbill telah mewujudkan <i>General Terms and Conditions of Service</i> sebagai panduan berhubung polisi dan prosedur pentadbiran dan <i>Financial Instructions And Procedures Manual</i> (FIPM) sebagai panduan berhubung polisi dan prosedur pengurusan kewangan. Bagi pengurusan aktiviti pula, Hornbill mempunyai <i>Operating Manual</i> dan <i>Maintenance Program</i> yang diluluskan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia. Semakan Audit mendapati FIPM tersebut masih belum lengkap dan teratur iaitu dari segi peraturan berhubung kawalan pendapatan, perbelanjaan dan pengurusan aset.</p>	Pihak Hornbill masih dalam proses mengkaji FIPM syarikat.
2.	<p>Rancangan Korporat</p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 dan untuk tadbir urus korporat yang baik, syarikat Kerajaan dikehendaki menyediakan rancangan korporat dan strategi bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut hendaklah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati Hornbill belum menyediakan rancangan korporat dan strategi jangka pendek dan panjang beserta indeks petunjuk prestasi (<i>key performance indicators</i> – KPI) bagi melaksanakan aktivitinya.</p>	Pihak Hornbill telah menyedia rangka kerja bagi penyediaan rancangan korporat dan sedang mengenal pasti perunding untuk projek ini.

22. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak

Tahun 2010 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2010 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 14 November 2011.

23. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

23.1. Sepanjang tahun 2011, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak telah bermesyuarat pada Januari 2011 untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2009 seperti **Jadual 23.1**. Pada tahun 2012, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak telah bermesyuarat pada 24 hingga 25 Julai 2012 untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2010. Semasa membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan/Agensi/ Anak Syarikat Kerajaan yang berkenaan telah diminta hadir untuk menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa seperti **Jadual 23.2**.

Jadual 23.1

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sarawak Untuk Laporan Tahun 2009

Bil.	Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat	
1.	18 Januari 2011	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Samarahan	2.5.1(c)(ii)	Tempoh Tunggakan
			2.5.3	Hapus Kira Hutang Lapuk
			3.5.1(a)	Pewartaan Kawasan Tadahan Air
			3.5.1(b)	Perlindungan Kawasan Tadahan Air
			3.5.2(b)	Kaedah Makmal Yang Diamalkan
			3.5.4(b)	Penyenggaraan Stesen Persampelan
			3.5.5(d)	Pemasangan Saluran Paip Di Kawasan Pembetungan
		Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak	5.5.1(a)	Pencemaran Sungai (i) Turbidity Air Sungai Di Sarawak (ii) Total Suspended Solid Di Sungai Utama Sarawak (iii) Kandungan Oksigen Laut Di Sungai Utama Sarawak
			5.5.1(c)	Tanah Runtuh Dan Hakisan Tebingan Sungai
			5.5.1(d)	Flora Dan Fauna
			5.5.1(e)	Laporan Kesan Alam Sekitar (Environmental Impacts Assesment-EIA)
			5.5.1(f)	Pelanggaran Syarat Lesen

Bil.	Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat	
			5.5.2(a)	Kawasan Hutan Simpan Kekal Yang Dimansuhkan
			5.5.2(b)	Hutan Lindungan Sepenuhnya Yang Belum Diwartakan
			5.5.3	Kawalan Dan Penguatkuasaan Yang Kurang Berkesan
			5.5.3(a)	Pembalakan Haram
			5.5.3(b)	Pencerobohan Dan Pembalakan Haram Di HLS
			5.5.4	Kawasan Pembalakan Tahunan Melebihi Catuan Tebangan Tahunan
		Yayasan Sarawak	9.5.16	Penyenggaraan Sistem
		Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.	11.5.4	Pengurusan Kewangan
			11.5.5(a)(i)	Projek Pembinaan Hotel Seri Malaysia Di Daerah Lawas
			11.5.7(b)(i)	Analisis Trend Kerugian Syarikat
			11.5.10	Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham
2.	19 Januari 2011	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak	4.6.3(a)(ii)	Akaun Amanah Khas-Akaun Dana Boya Dan Api (<i>Buoys And Light Fund</i>)
		Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar Sarawak	4.6.3(a)(iii)	Akaun Amanah Khas-The Forest Concession Area (<i>Rehabilitation And Development Fund</i>)
		Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak	8.3.3	Pengesahan Penyata Kewangan
		Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	8.4.2	Pembentangan Penyata Kewangan
		Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Sarawak, Majlis Daerah Subis dan Majlis Daerah Lawas	3.4.1	Pencapaian Fizikal Projek Pembangunan (a) Projek Belum Bermula
			3.4.4	Prestasi Kewangan
		Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Kerja Raya	5.4.5	Perolehan Kereta Terpakai Dari Luar Negara (b) Dokumen Pengagihan Dan Penerimaan Kenderaan Tidak Dikemukakan
			5.4.6(a)(i)	Jabatan Ketua Menteri
			5.4.6(a)(ii)	Jabatan Ketua Menteri
			5.4.6(b)	Jabatan Kerja Raya
			8.4.1(a)(ii)	Projek Yang Ditender Semula
		Jabatan Kerja Raya	8.4.3(a)	Pasukan Pemantau
			8.4.3(e)	Lanjutan Masa
			8.4.4	Strategi Jangka Panjang Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) Tidak Disediakan
		Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	9.4.3	Projek Dan Program Yang Dibatalkan Dan Ditangguhkan
			9.4.4	Matlamat Projek Belum Tercapai Sepenuhnya
			9.4.6	Pemantauan Kurang Berkesan

Bil.	Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat
3.	20 Januari 2011	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak	<p>7.4.1(a) Impak Kepada Kualiti Air</p> <p>7.4.1(b)(i) Runtuhan Di Kawasan Tebing Sungai</p> <p>7.4.1(b)(ii) Kestabilan Tebing Sungai Terjejas</p> <p>7.4.1(c)(i) Lot Tanah Di Kampung Paroh Telah Menjadi Lagun</p> <p>7.4.1(c)(ii) Impak Kepada Kestabilan Tanah Dan Tebing Sungai</p> <p>7.4.1(c)(iii) Pembentukan Kolam Buatan Di Tanjung Sari, Lawas Dan Sungai Telekat Kuala Balingian,Mukah</p> <p>7.4.2 Laporan EIA Tidak Disediakan</p> <p>7.4.3 Pengecualian Laporan EIA Kepada MFSB Bercanggah Dengan Peruntukan Perundangan</p> <p>7.4.4(a) Syarat Khas Lesen Tidak Menetapkan Secara Khusus Salinan Laporan EIA Dikemukakan Kepada JTS</p> <p>7.4.4(b) Penentuan Had Tempoh Tidak Dijelaskan Secara Khusus Dalam KTS 1958</p> <p>7.4.4(c) MFSB Tidak Mempunyai Kuasa Untuk Mengeluarkan Permit</p> <p>7.4.5(a)(i) Sungai Nolan, Bau Lesen 1D/01/2009</p> <p>7.4.6(a) Pendahuluan Royalti Tidak Dibayar Oleh MFSB</p> <p>7.4.6(b)(i) PUSAKA Mengenakan Caj RM2.50 Satu Meter Padu Tanpa Kelulusan Menteri</p> <p>7.4.6(b)(ii) Pasir Dari Tanjung Manis Dibawa Keluar Tanpa Kelulusan Menteri</p> <p>7.4.7(b) Denda Kompaun Tidak Dikenakan</p> <p>7.4.7(b)(i) Pengambilan Pasir Tanpa Lesen Di Batang Igan Dan Jalan Lanang Sibu</p> <p>7.4.7(b)(ii) Pengambilan Pasir Tanpa Lesen Di Tanjung Jol Matu,Mukah</p>
		Lembaga Pelancongan Sarawak	<p>11.4.1(a) Pemasaran</p> <p>11.4.2 Maklumat Pelancong</p> <p>11.4.4 Penjenamaan Produk</p> <p>11.4.5 Kurang Kerjasama Dalam Industri Pelancongan</p>
		Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak	<p>10.4.1 Kajian Kemungkinan</p> <p>10.4.2 Pelaksanaan Kontrak Secara Turnkey</p> <p>10.4.3(a) Rumah Tidak Selamat Untuk Dihuni</p> <p>10.4.3(b) Kerja Naik Taraf Tanpa Perancangan Yang Teliti</p>

Bil.	Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat	
			10.4.3(c)	Harga Jualan Tanpa Kelulusan
			10.4.3(d)	Rumah Dijual Kepada Kontraktor
			10.4.3(e)	Projek Terbengkalai (RMM Pusa)
			10.4.4	Baki Rumah Tidak Dapat Dijual
			10.4.5	Tunggakan Oleh Pembeli
		SACOFA Sdn. Bhd.	13.4.1(d)(vii)	Analisis Penghutang
			13.4.2(a)(ii)	Pembinaan Menara Di Kawasan Bukit
			13.4.2(a)(v)	Menara Telekomunikasi Telah Siap Dibina Tetapi Belum Digunakan
			13.4.3(d)	Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Sumber: Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak

Jadual 23.2

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Sarawak Untuk Laporan Tahun 2010

Bil.	Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat	
		Lembaga Kemajuan Bintulu	9.4.5	<i>Bintulu Waterfront Promenade</i> digunakan sebagai Pelabuhan dan Jeti Pendaratan Ikan.
		Kementerian Kemudahan Awam, Kementerian Perumahan dan Jabatan Kerja Raya Sarawak	3.4.2	Penyediaan Infrastruktur Skim Penempatan Semula Penduduk Bengoh masih dalam Pelaksanaan.
			3.4.4	Pengujian dan Penerimaan Peralatan Mekanikal dan Elektrikal (M&E) tertangguh.
			3.4.5	Implikasi Kewangan kepada Kerajaan Negeri.
		Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti (Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam)	4.4.1	<i>Building Tracking System</i> Tidak Digunakan.
			4.4.2	Kebergantungan Terhadap Vendor Untuk Perkhidmatan Mengekstrak Data.
		DBKU, MBKS dan MBM	5.4.1.4	Kenderaan Tidak Digunakan Secara Optimum.
			5.4.1.5	Pengurusan Desludging Tanker
		Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak, DBKU dan MBKS	6.4.1.4	Lima Manholes Tidak Dilaksanakan.
			6.4.2.1	Pelaksanaan Projek Loji Rawatan Enapcemar Miri Lewat Jadual
		Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak	7.4.1	Prestasi Pelaksanaan Projek
			7.4.2	Pelan Induk Tebatan Banjir Bersepadu Tidak Disediakan
			7.4.3	Projek RTB Bandaraya Kuching
			7.4.3.1	Kompenan Saluran Pintasan Banjir Tidak Dibina Mengikut Keperluan

Bil.	Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Terlibat	Perenggan Yang Dibincangkan Semasa Mesyuarat	
		Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Tanah Dan Survei dan Jabatan Kerja Raya	8.4.1.1	Tapak Kuarters Di Tanjung Lobang, Miri
			8.4.1.2	Tapak Kuarters Di Batu Lintang, Kuching
			8.4.1.3	Tapak Kuarters Di Jalan Temenggong Datuk Oyong Lawai Jau, Jalan Brighton Dan Jalan Tanjung Lobang, Miri
			8.4.2	Rumah Pangsa Di Jalan Jee Foh, Krokop Miri Tidak Selamat Diduduki
			8.4.4	Perjanjian Penyewaan Kompleks Perumahan Di Bahagian Betong Belum Disediakan
			8.4.5	Baik Pulih Bekas Kuarters Di Taman Kenanga Indak Betong Belum Selesai
2.	25 Januari 2012	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan dan Jabatan Kerja Raya	10.4.1	Kekangan Bendungan Sungai Sarawak Menangani Banjir
			10.4.2.1	Kualiti Air Sungai Tidak Mencapai Piawai Ditetapkan
			10.4.3.2	Pemendapan Sungai Santubong
			10.4.5.1	Operasi Pintu Air Bendungan Melebihi Had Ditetapkan
			10.4.5.2	Operasi Shiplock Melebihi Had Kekerapan Disyorkan
			10.4.6	Penyenggaraan Bendung Dan Shiplock
			10.4.6.2	Pengurusan Kontrak Kurang Memuaskan
			10.4.6.3	Pemantauan Kurang Memuaskan
		Kementerian Kemudahan Awam, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan LAKU Management Sdn. Bhd.	11.4.1	Pencapaian Pelaksanaan Sistem Pembilan
			11.4.2	Pengurusan Pembacaan Meter Dan Pengeluaran Bil
			11.4.3	Pemasangan Meter Pengguna
			11.4.4	Pengurusan Kutipan
			11.4.6	Pelupusan Meter Air
		Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	13.4.3.2	Polisi/Prosedur Kerja Dan Peraturan Syarikat
			13.4.3.3	Rancangan Korporat
		Kementerian Pembangunan Luar Bandar	2.4.3	Pembinaan Rumah Belum Dilaksanakan
			2.4.4	Pembinaan Rumah Belum Disiapkan Sepenuhnya
			2.4.5	Tapak Rumah Penerima Program Bantuan Rumah Tidak Sesuai
			2.4.6	Kerja Baik Pulih Rumah Belum Disiapkan Sepenuhnya
			2.4.6.3	Kerja Baik Pulih Rumah Panjang Rajang Security Comman(RASCOM)

Sumber: Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak

23.2. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama yang belum selesai, membincangkan isu semasa yang mempunyai kepentingan umum serta memastikan syor Jawatankuasa Akaun Awam Negeri diambil tindakan oleh Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri.

23.3. Bagi melengkapkan kitaran akauntabiliti, Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri terhadap Laporan Ketua Audit Negara perlu disediakan dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. Laporan yang terkini dibentangkan adalah Laporan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Ke-44 mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008, yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 14 Mei 2012.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
22 Jun 2012

